



2019

Laporan Tahunan
Perbadanan Aset Keretapi
Railway Assets Corporation

Annual Report 2019





PERBADANAN
ASET
KERETAPI

LAPORAN
TAHUNAN
2019
ANNUAL REPORT

CETAKAN PERTAMA 2020

Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, gambar dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan apa juga cara sama ada elektronik, salinan, mekanikal, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada PERBADANAN ASET KERETAPI.

Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City,
63502 Putrajaya Sepang, Selangor Darul Ehsan

☎ +603 8039 0200 📠 +603 8939 0222

📱 RailwayAssetsMy

📘 Railway Assets Corporation

🌐 www.rac.gov.my



VISI **VISION**

Transformasi ke arah Pengurusan dan Pembangunan Aset Kereta Api Yang Terbilang menjelang 2020
Transformation Towards Excellence in Railway Asset Management and Development by 2020

MISI **MISSION**

Mengurus dan Membangunkan Aset Kereta Api untuk Memajukan Semula Infrastruktur Kereta Api Melalui Perancangan dan Pelaksanaan Pengurusan Aset Secara Sistematik dan Bernilai Tinggi
To Manage and Develop Railway Assets for Rail Infrastructure Development and Redevelopment through Planning and Implementation of High Value and Systematic Asset Management

MOTO **MOTTO**

Mengungguli Pengurusan Aset Kereta Api Negara
Excellence in National Railway Asset Management



PERKHIDMATAN KAMI OUR SERVICES



PENYEWAAN/ PAJAKAN RENTAL/LEASE

Penyewaan dan pajakan tanah-tanah kereta api yang berpotensi bagi tujuan komersial

Rental and lease of railway land with commercial potential.



PENTADBIRAN TANAH LAND ADMINISTRATION

Tadbir urus tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah rizab termasuk percukaian.

Administration of titled railway land and gazetting of reserve land as well as for taxation.



PENINGKATAN INFRASTRUKTUR KERETA API IMPROVING RAILWAY INFRASTRUCTURE

Peningkatan infrastruktur di stesen-stesen kereta api menjadi fokus utama demi keselesaan penumpang.

Improving infrastructure at railway stations key focus for passengers' comfort.



PENYELENGGARAAN DAN PELUPUSAN ASET MAINTENANCE AND DISPOSAL OF ASSETS

Penyelenggaraan dan pelupusan aset kereta api yang tidak ekonomi bagi mengurangkan kos penyelenggaraan yang tinggi dan meminimumkan aduan.

Maintenance and disposal of uneconomic railway assets to reduce high maintenance costs and to minimise complaints.



PENGIKLANAN ADVERTISING

Cabang perniagaan baharu yang diteroka untuk mengoptimumkan penggunaan tanah kereta api di sepanjang jajaran.

New business venture to optimise the use of railway land along railway alignment.



PENGUATKUASAAN ENFORCEMENT

Pemantauan dan tindakan pengosongan tapak hasil libat urus secara aktif bersama Pentadbir Tanah Daerah.

Monitoring and action against unlawful occupancy through active engagement with the Land District Administrator.



TUMPANG LALU WAYLEAVE

Kebenaran yang diberikan kepada mana-mana pihak untuk menggunakan tanah kereta api bukan bagi tujuan komersial.

Approval to any parties for use of railway land not for commercial purposes.



PEMBANGUNAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND DEVELOPMENT

Pembangunan tanah kereta api berorientasikan transit menjadi teras strategi dalam usaha RAC meningkatkan pendapatan dan memastikan hasil untuk jangka masa panjang.

Railway land development based on the transit oriented concept is earmarked as RAC's strategic thrust to boost income and to ensure long term revenue growth.

WARNA-WARNI RAC 2019 RAC COLOURS 2019



WARNA-WARNI RAC 2019

RAC COLOURS 2019



ISI KANDUNGAN

TABLE OF CONTENTS

Sekilas Pandang 2019 <i>2019 Snapshot</i>	8
Lensa 2019 <i>2019 Lens</i>	9
Perutusan Pengerusi Lembaga Pengarah RAC <i>RAC Chairman's Message</i>	14
Kata-kata Aluan Pengurus Besar RAC <i>RAC General Manager's Opening Remarks</i>	20
SEKSYEN 1 : PROFIL KORPORAT	
SECTION 1 : CORPORATE PROFILE	
Denotasi Logo RAC <i>RAC's Logo Denotation</i>	30
Penubuhan RAC <i>RAC's Establishment</i>	31
Punca Kuasa RAC <i>RAC's Jurisdictions</i>	34
Bidang Kuasa RAC Mengikut Akta Keretapi 1991 (Akta 463) <i>RAC's Functions According to Railways Act 1991 (Act 463)</i>	34
Saluran Khidmat Pelanggan <i>Customer Service Channels</i>	37
Piagam Pelanggan <i>Client's Charter</i>	38
Jenis -Jenis Aset Kereta Api <i>Types of Railway Assets</i>	39
Kategori Tanah Kereta Api <i>Categories of Railway Land</i>	40
SEKSYEN 2 : PERNYATAAN TADBIR URUS KORPORAT	
SECTION 2 : CORPORATE GOVERNANCE STATEMENT	
Lembaga Pengarah RAC <i>RAC Board of Directors</i>	42
<ul style="list-style-type: none"> • Keanggotaan Lembaga Pengarah RAC <i>Members of RAC Board of Directors</i> • Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC <i>Meetings of RAC Board of Directors</i> • Jawatankuasa Yang Dianggotai Oleh Lembaga Pengarah RAC <i>Committees Comprising Members of RAC Board of Directors</i> 	44 51 52
Carta Organisasi RAC 2019 <i>RAC Organisational Chart 2019</i>	56
Barisan Pihak Pengurusan RAC 2019 <i>RAC Management Line-up 2019</i>	57

ISI KANDUNGAN TABLE OF CONTENTS

SEKSYEN 3 : MENINGKATKAN TADBIR URUS DAN INTEGRITI KORPORAT SECTION 3 : SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE AND INTEGRITY

Penubuhan Unit Perancangan Strategik <i>Establishment of Strategic Planning Unit</i>	64
Pelan Perniagaan RAC <i>RAC Business Plan</i>	65
Railway Network Access Agreement (RNAA) <i>Railway Network Access Agreement (RNAA)</i>	67
Penubuhan Unit Integriti dan Pematuhan <i>Establishment of Integrity and Compliance Unit</i>	70
Aktiviti Audit Dalam <i>Internal Audit Activities</i>	71
Pengurusan Aduan Awam <i>Public Complaints Management</i>	75

SEKSYEN 4 : PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK SECTION 4 : : HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT

Aktiviti Komersial Utama RAC <i>RAC's Key Commercial Activities</i>	83
Pengurusan Tanah Kereta Api <i>Management of Railway Land</i>	105
Pemantauan dan Koordinasi Penguatkuasaan <i>Monitoring and Enforcement Coordination</i>	119
Pengurusan Aset Kereta Api <i>Management of Railway Assets</i>	129

SEKSYEN 5 : MELONJAKKAN PEMBANGUNAN HARTANAH KERETA API DAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR SEKTOR REL SECTION 5 : BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE

Projek Pembangunan Tanah Kereta Api <i>Railway Development Projects</i>	139
Projek Peningkatan Infrastruktur Kereta Api <i>Railway Infrastructure Improvement Projects</i>	147

SECTION 6 : MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN SECTION 6 : EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

Tindakan Perundangan <i>Legal Action</i>	158
Perjanjian-perjanjian Lain <i>Other Agreements</i>	161

SECTION 7 : MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU SECTION 7 : HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

Pengurusan Sumber Manusia dan Latihan <i>Human Resource Management and Training</i>	166
Pengurusan Organisasi <i>Organisational Management</i>	169

Pembudayaan ICT <i>Inculcating ICT Culture</i>	172
Kunjungan Hormat dan Program Dalaman <i>Courtesy Visits and In-House Programmes</i>	175
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang <i>Excellent Service Award</i>	178
Town Hall @ RAC <i>Town Hall @ RAC</i>	179

SEKSYEN 8 : PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC
SECTION 8 : RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

Majlis Rasmi <i>Official Events</i>	182
RAC @ Media <i>RAC @ Media</i>	188
Memfaatkan Media Sosial <i>Optimising Social Media</i>	190
Pameran Korporat <i>Corporate Exhibitions</i>	192
Program Tanggungjawab Sosial <i>Social Responsibility Programmes</i>	196



SEKSYEN 9: PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN
SECTION 9: EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

Pengurusan Kewangan dan Akaun <i>Financial and Accounts Management</i>	200
Penubuhan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi <i>Establishment of Railway Assets Corporation Fund</i>	201
Analisis Prestasi Kewangan <i>Financial Performance Analysis</i>	202
Analisis Kedudukan Kewangan <i>Financial Position Analysis</i>	210
Pembayaran Balik Hutang <i>Repayment of Debts</i>	211

**SEKSYEN 10 : LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN PERBADANAN ASET KERETAPI BAGI TAHUN
BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**


**SECTION 10 : AUDITOR-GENERAL'S REPORT ON RAC'S FINANCIAL STATEMENT
FOR THE YEAR ENDED 31 DECEMBER 2019**

2019 SEKILAS PANDANG 2019 SNAPSHOT



LOKASI BARU PEJABAT RAC RAC'S NEW OFFICE LOCATION

Tingkat 16, IOI City Tower 2,
Lebuhraya IRC, IOI Resort City,
62502 Putrajaya Sepang,
Selangor
16th Floor, IOI City Tower 2,
Lebuhraya IRC, IOI Resort City,
62502 Putrajaya Sepang,
Selangor



LENSA RAC 2019 2019 RAC LENS



8 Januari 2019 | 8 January 2019

Bangunan Perdana Putra, Putrajaya | *Perdana Putra Building, Putrajaya*

Kunjungan hormat Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ke atas Ketua Setiausaha Negara

Courtesy call by Railway Assets Corporation (RAC) General Manager on the Chief Secretary to the Government



24 Januari 2019 | 24 January 2019

Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur | *JUPEM Headquarters, Kuala Lumpur*

Kunjungan Hormat Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Courtesy Visit by Railway Assets Corporation General Manager to Department of Survey and Mapping Malaysia

19 Februari 2019 | 19 February 2019

PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur
PT26, Section 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur

Majlis Pecah Tanah Menara Sentral RAC

Ground Breaking ceremony for Menara Sentral RAC



26 Februari 2019 | 26 February 2019

Pejabat RAC, Kajang Sentral Business Park, Kajang
RAC Office, Kajang Sentral Business Park, Kajang

Lawatan Kerja Rasmi YB Timbalan Menteri Pengangkutan ke Perbadanan Aset Keretapi

Official Working Visit by YB Deputy Minister of Transport to Railway Assets Corporation

15 Mac 2019 | 15 March 2019

Tapak Kuarters Teluk Pulai, Bandar Klang
Teluk Pulai Quarters' Site, Bandar Klang

Majlis Penyerahan Kuarters milik Perbadanan Aset Keretapi kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad

Handover Ceremony for Railway Assets Corporation-owned Quarters to Keretapi Tanah Melayu Berhad



LENSA RAC 2019
2019 RAC LENS



31 Mac 2019 | 31 March 2019

Stesen Keretapi KL Sentral | KL Sentral Railway Station

Majlis Pelancaran Xtra20
Official Launch of Xtra20

11 April 2019 | 11 April 2019

Hotel Dorsett, Subang | Dorsett Hotel, Subang

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Perbadanan Aset Keretapi dan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan)
Memorandum of Understanding Signing Ceremony between Railway Assets Corporation and Menteri Besar Selangor (Incorporated)



8 Mei 2019 | 8 May 2019

**Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan, Putrajaya
Multipurpose Hall, Level 2, Ministry of Transport, Putrajaya**

Program Ihya Ramadan Perbadanan Aset Keretapi 2019
Railway Assets Corporation hosts Ihya Ramadan Programme 2019



1 Julai 2019 | 1 July 2019

**Tingkat 16, IOI City Tower 2, Putrajaya
16th Floor, IOI City Tower 2, Putrajaya**

Majlis Sambutan Aidilfitri Perbadanan Aset Keretapi 2019
Railway Assets Corporation's Aidilfitri Celebration 2019



5 Julai 2019 | 5 July 2019

**Dewan Serbaguna, Aras 2, Kementerian Pengangkutan, Putrajaya
Multipurpose Hall, Level 2, Ministry of Transport, Putrajaya**

Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman di antara Perbadanan Aset Keretapi dan Perbadanan Menteri Besar Perak
Memorandum of Understanding Signing Ceremony between Railway Assets Corporation and Menteri Besar Perak Incorporated



1 Ogos 2019 | 1 August 2019

**Pejabat RAC, Kajang Sentral Business Park, Kajang
RAC Office, Kajang Sentral Business Park, Kajang**

Majlis Meraikan Ulang Tahun Ke- 27 Perbadanan Aset Keretapi
Railway Assets Corporation 27th Anniversary Celebration



12 September 2019 | 12 September 2019

**Pejabat RAC, Kajang Sentral Business Park, Selangor
RAC Office, Kajang Sentral Business Park, Selangor**



Lawatan Kerja dan Kunjungan Hormat Majlis Perbandaran Gua Musang ke Perbadanan Aset Keretapi
Working and Courtesy Visit by Gua Musang Municipal Council to Railway Assets Corporation

10 Oktober 2019 | 10 October 2019

**Stesen Keretapi Ipoh, Perak
Ipoh Railway Station, Perak**

Majlis Pelancaran ETS2 dan Pembangunan Bersepadu Stesen Keretapi Ipoh
Official Launch of ETS2 and Ipoh Train Station Integrated Development Project



12 Oktober 2019 | 12 October 2019

**Stesen Keretapi Nilai, Negeri Sembilan
Nilai Railway Station, Negeri Sembilan**



Majlis Perasmian Stesen Keretapi Nilai, Negeri Sembilan
Official Launch of Nilai Railway Station, Negeri Sembilan

17 Oktober 2019 | 17 October 2019

**Stesen Keretapi Kuala Lumpur Sentral
Kuala Lumpur Sentral Railway Station**

Majlis Pelancaran Dasar Pengangkutan Negara 2019 - 2030
Official Launch of National Transport Policy 2019-2030



LENSA RAC 2019 2019 RAC LENS



19 - 20 Oktober 2019 | 19 - 20 October 2019
Palm Mall Seremban, Negeri Sembilan
Palm Mall Seremban, Negeri Sembilan

Karnival Kerjaya dan Pendidikan Sektor Pengangkutan 2019
Career and Education Carnival for Transport Sector 2019

8 November 2019 | 8 November 2019
Hotel St. Regis, Kuala Lumpur | St. Regis Hotel, Kuala Lumpur

Majlis Menandatangani Perjanjian Bagi Pembangunan Tanah Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur di antara Perbadanan Aset Keretapi dan LTS Skyline Sdn Bhd
Agreement Signing Ceremony for Land Development on Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur between Railway Assets Corporation and LTS Skyline Sdn Bhd



18 November 2019 | 18 November 2019
Park 'n' Ride Klang, Selangor
Park 'n' Ride Klang, Selangor



Majlis Penyerahan Projek *Park & Ride* Klang dan Menaik Taraf Bangunan Stesen Keretapi Klang Sedia Ada
Handover Ceremony for Park & Ride Klang and Upgrading of Existing Klang Railway Station

10 Disember 2019 | 10 December 2019
Pejabat RAC, Tingkat 16, IOI City Tower 2, Putrajaya
RAC Office, 16th Floor, IOI City Tower 2, Putrajaya

Majlis Pelantikan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia selaku Penilai Aset untuk Perbadanan Aset Keretapi
Appointment Ceremony for Department of Valuation and Property Services Malaysia as Valuer for Railway Assets Corporation assets







PERUTUSAN PENGERUSI LEMBAGA PENGARAH

CHAIRMAN'S MESSAGE



Sejak ditubuhkan 27 tahun yang lalu **PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC)** terus mengorak langkah maju ke hadapan dalam memperkasakan peranannya. Sepanjang tempoh itu, Perbadanan ini yang ditubuhkan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 (Akta 463) sedaya upaya melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pengurus aset kereta api bagi memastikan penjana hasil daripada aset-aset tersebut di samping berusaha memajukan semula industri perkeretapian di negara ini agar perkhidmatan rel terus menjadi tulang belakang kepada sektor pengangkutan seperti mana ketika ia mula-mula diperkenalkan di negara ini.

Sebagai Badan Berkanun Persekutuan, RAC memikul tanggungjawab yang cukup penting dalam menyokong dasar-dasar Kerajaan khususnya untuk memperkukuhkan industri pengangkutan rel di negara ini. Selaras dengan Seksyen 89 (8) Akta Keretapi 1991, RAC mempunyai peranan yang amat besar bukan sahaja sebagai pemilik aset malah tanggungjawab Perbadanan yang ditubuhkan pada 1 Ogos 1992 turut mencakupi tugas sebagai pengurus, pentadbir dan penyelenggara aset dan tanah kereta api. Melalui sokongan Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan pemegang-pemegang taruh, saya yakin RAC kini berada di landasan yang betul untuk meneruskan agendanya bagi membantu industri kereta api di Malaysia berkembang pesat dan berdaya saing serta setanding dengan industri kereta api di negara-negara maju.

*Since its inception 27 years ago, **RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC)** has taken great leaps forward on its journey towards empowering its role in Malaysia's railway industry. During this period, RAC which was incorporated through the formulation of the Railways Act 1991 (Act 463) remained committed to fulfilling its responsibilities as railway asset manager to ensure these assets generated income for the Corporation. RAC is steadfast in its commitment to reinvigorate the nation's railway industry so that the rail network remains the backbone of the transportation sector as in the early years when it was first introduced in the country.*

As a Federal Statutory Body, RAC is entrusted with the vital responsibility of supporting Government policies especially in rejuvenating the railway sector in the country. RAC's major role as asset owner is clearly defined under Section 89 (8) of Railways Act 1991. In fact, the Corporation's duties are extensive. Established on 1 August 1992, RAC is also responsible for managing, administering and maintaining railway assets and land. With the support of the Government, the Ministry of Transport and stakeholders, I am confident RAC is now on the right track to pursue its agenda towards uplifting the country's railway industry to be at par with those in fully developed nations.

PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN'S MESSAGE

Menyoroti perjalanan yang dilalui RAC sepanjang 2019, Perbadanan ini berjaya membuktikan bahawa ia mampu untuk terus meningkatkan hasil pendapatannya selepas mengambil alih semua urusan perniagaan yang melibatkan aktiviti komersial dan pembangunan hartanah pada 2012 daripada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Sehubungan dengan itu, bagi pihak Lembaga Pengarah RAC, saya dengan rasa sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan RAC yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2019.

PRESTASI KEWANGAN 2019

Secara keseluruhannya kedudukan kewangan RAC pada 2019 adalah baik dan stabil meskipun tunai di RAC menunjukkan sedikit penyusutan. Penyusutan sebanyak 18.7 peratus adalah disebabkan peningkatan perbelanjaan RAC antaranya pemulangan semula faedah yang diterima Perbadanan ini berjumlah RM27.166 juta daripada simpanan tetap peruntukan Projek Skypark yang disalurkan bagi menampung pembayaran projek berkaitan pengangkutan.

Selain itu, pada tahun semasa, RAC turut menanggung bayaran diskaun 20 peratus bagi pembelian tiket KTM Komuter sebagai menyokong inisiatif yang diperkenalkan Kerajaan dalam mengurangkan beban kos sara hidup rakyat bermula 1 April 2020. Bagi tujuan ini sebanyak RM8.088 juta dibelanjakan sebagai menyokong program ini yang dilihat sebagai satu bentuk Tanggungjawab Sosial Korporat yang dilaksanakan RAC. Inisiatif ini juga diharap dapat meningkatkan bilangan penumpang perkhidmatan Komuter sehingga 20 peratus iaitu antara 120,000 hingga 130,000 penumpang sehari. Selain itu, RAC juga melaksanakan aktiviti penyelenggaraan dan pembersihan tanah-tanah miliknya dengan perbelanjaan berjumlah RM1.28 juta dan pembayaran cukai tahunan berjumlah RM5.50 juta.

Pada 2019, pendapatan di bawah kategori sewa daripada hartanah yang merupakan teras perniagaan utama Perbadanan ini menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan. Keadaan ini ditunjukkan dengan kenaikan hasil langsung sebanyak 97 peratus iaitu RM43.80 juta berbanding pada 2018, sebanyak RM22.28 juta diterima. Peningkatan hasil langsung RAC ini disumbangkan oleh kesemua kategori hasil termasuk sewaan tanah hak milik dan tanah rizab, aktiviti tumpang lalu serta cabang komersial yang baharu diterokai

Reflecting on RAC's journey in 2019, the Corporation proved that it was able to enhance its income and revenue after taking over all business operations related to commercial and property development activities from Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) in 2012. On behalf of the RAC Board of Directors, I am pleased to present the RAC's audited Annual Report and Financial Statement for the financial year ended 31 December 2019.

FINANCIAL PERFORMANCE 2019

Overall, RAC's financial position remained stable in 2019 albeit an 18.7 percent reduction in cash flow due to high expenses. The move to return all dividends earned from fixed deposits totalling RM27.166 million for the Skypark Project to cover transportation costs, also impacted RAC's cash flow.

During the year, RAC also had to bear the cost from the 20 percent fare discount for KTM Komuter service introduced by the Government to ease the people's cost of living starting 1 April 2020. To this end, a total of RM8.088 million was spent in support of the initiative which was considered RAC's Corporate Social Responsibility. The discount initiative was expected to increase the number of KTM Komuter users by 20 percent to between 120,000 and 130,000 passengers daily. In addition, RAC has also conducted maintenance and cleaning activities on land owned by the Corporation with expenses totalling RM1.28 million and annual tax payments of RM5.50 million.

In 2019, rental income from property development which was a key business thrust of the Corporation, grew markedly. As a result, direct revenue surged 97 percent to RM43.80 million from RM22.28 million in 2018. The significant growth in RAC's direct revenue was attributable to all revenue categories including rental from titled land and reserve land, wayleave activities as well as its foray into a new commercial venture, that is advertising space or billboard displays on RAC-owned railway land. As in the previous year, wayleave activities

iaitu ruang iklan atau pembinaan papan iklan di atas tanah-tanah kereta api milik RAC. Seperti 2018, aktiviti tumpang lalu terus menjadi penyumbang utama dan paling besar kepada peningkatan hasil langsung dengan kutipan berjumlah RM22.40 juta berbanding RM5.29 juta pada 2018.

Di sebalik peningkatan hasil langsung ini, RAC mencatatkan kerugian operasi berjumlah RM135.24 juta dengan mengambil kira tanggungan peruntukan susut nilai bagi loji dan peralatan berjumlah RM358.82 juta, yang mana 70 peratus loji dan peralatan ini digunakan oleh KTMB tanpa sebarang pulangan hasil direkodkan. Keadaan ini memberi gambaran terhadap peratusan pulangan atas aset daripada hasil langsung hanya pada kadar 0.33 peratus. Namun begitu, Perbadanan ini optimis dengan keupayaan aliran kewangan yang positif dan kini, dengan kepelbagaian cabang perniagaan baharu yang diterokai RAC, aset-aset kereta api akan memberikan pulangan jangka masa sederhana yang optimum.

Selain itu, pendapatan yang diterima bukan daripada hasil langsung yang merangkumi komponen jualan barang lusuh, keuntungan daripada projek pembangunan berorientasikan transit (*Transit Oriented Development - TOD*), faedah simpanan tetap dan pelbagai pendapatan mencatatkan jumlah hasil sebanyak RM12.835 juta pada 2019. Situasi ini disebabkan tiada keuntungan atas pelepasan tanah atau TOD yang dicatatkan pada 2019. Namun begitu, sehingga penghujung 2019, beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian telah dimuktamadkan, antaranya pembangunan Lot 151 Pudu dengan anggaran pulangan RM182.6 juta serta pajakan dan pembangunan Hotel Grand Majestic yang terletak bersebelahan Stesen Keretapi Ipoh dengan pulangan sebanyak RM45 juta untuk tempoh 30 tahun. Dengan pemeteraian perjanjian-perjanjian ini, dijangkakan kedudukan kewangan RAC akan terus kekal stabil untuk tempoh jangka panjang.

Nisbah semasa RAC adalah pada kadar 1.17 dengan mengambilkira tanggungan RAC adalah termasuk pinjaman kerajaan persekutuan yang direkodkan dalam liabiliti semasa berjumlah RM407.028 juta.

PEMBANGUNAN TANAH KERETA API DAN PENINGKATAN INFRASTRUKTUR

RAC memiliki aset berjumlah RM17.020 bilion yang merangkumi komponen tanah kereta api seluas 12,446 hektar bernilai kira-kira RM8.374 bilion selain bangunan, kuarters, stesen, depot, infrastruktur kereta api serta *rolling stock*.

continued to contribute largely to the significant increase in direct revenue with receipts totalling RM22.40 million in 2019 compared to RM5.29 million in 2018.

Despite the increase in direct revenue, RAC incurred an operating loss of RM135.24 million after providing for diminution in value for plants and equipment totalling RM358.82 million, of which 70 percent of the plants and equipment were utilised by Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) without yielding any returns. As a result, the return on assets from direct revenue was only at 0.33 percent. However, the Corporation is optimistic that its financial sustainability would be positive, with a boost from its new business venture, which is expected to generate optimum returns for railway assets in the medium term.

In addition, RAC's other income which was not generated from direct revenue, namely sale of scrap materials, profit from Transit Oriented Development (TOD) projects, dividend earned from fixed deposits and various income sources, contributed to revenue of RM12.835 million in 2019. RAC did not receive any profits from the disposal of land for TOD in 2019. However, as at end of 2019, several memoranda of understanding and agreements had been finalised, namely Lot 151 Pudu development with expected returns of RM182.6 million as well as leasing and development of Grand Majestic Hotel located adjacent to Ipoh Railway Station with returns of RM45 million for a 30-year period. With the signing of these agreements, RAC's financial position was expected to remain stable for the long term.

RAC's current ratio of assets and liabilities is 1.17 to 1 after taking into account the Corporation's liabilities which included federal government loans with current liabilities totalling RM407.028 million.

RAILWAY LAND DEVELOPMENT AND INFRASTRUCTURE IMPROVEMENT

RAC owns assets worth RM17.020 billion. They include 12,446 hectares of land estimated at RM8.374 billion in addition to buildings, quarters, stations, depots, railway infrastructure and rolling stock.

PERUTUSAN PENERUSI LEMBAGA PENGARAH CHAIRMAN'S MESSAGE

Selaras dengan misi dan visi RAC untuk menjadi pengurus aset yang unggul, pelaksanaan projek TOD dilihat sebagai kaedah yang efisien dalam memastikan kedudukan kewangan RAC kekal utuh. Pada 2019, pelaksanaan projek pembangunan dengan kaedah ini semakin rancak apabila beberapa memorandum persefahaman dan perjanjian pembangunan berjaya dimuktamadkan. Tahniah kepada semua warga kerja RAC yang berjaya merealisasikan hasrat untuk memastikan tanah-tanah kereta api yang berpotensi berjaya di *monitize*. Konsep pembangunan secara TOD merupakan hala tuju pembangunan yang menjadikan rujukan RAC dalam membangunkan tanah-tanah kereta api yang berpontensi dan terletak di lokasi yang strategik. Konsep TOD ini membawa banyak manfaat bukan sahaja kepada RAC malah selari dengan hasrat Kerajaan yang mahukan projek pembangunan mempunyai jaringan pengangkutan yang baik dan saling berhubung. Keadaan ini secara langsung akan mewujudkan limpahan ekonomi termasuk peningkatan nilai tanah, pertumbuhan ekonomi yang mapan serta memudahkan mobiliti penduduk.

Pada 2019, satu (1) projek pembangunan dan dua (2) Perjanjian Persefahaman (MOU) telah ditandatangani oleh RAC iaitu projek pembangunan tanah di Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur oleh LTS Skyline Sdn. Bhd yang bakal memberi pulangan tunai berjumlah RM182.60 juta. Manakala dua perjanjian persefahaman telah ditandatangani melibatkan usaha sama pembangunan tanah rizab kereta api di Selangor dan Perak.

RAC juga berusaha meningkat dan menaik taraf infrastruktur di stesen-stesen kereta api sedia ada dengan melaksanakan inisiatif *Park & Ride* dan *Park Way Drop Zone*. Sehingga penghujung 2019, sebanyak RM55.1 juta digunakan bagi tujuan ini dengan RM12.9 juta disalurkan melalui peruntukan Wang Hasil manakala RM42.2 juta melalui Geran Persekutuan. Tahun 2019 juga menyaksikan beberapa aset kereta api mengalami kejadian bencana luar jangka melibatkan kebakaran kuarters KTMB di Lengkuik Abdullah, Bangsar, insiden ribut dan angin kencang yang merosakkan bahagian bumbung dan sebahagian struktur Stesen Keretapi Arau di Perlis dan Stesen Keretapi Gurun, Kedah dan kejadian banjir kilat di Stesen Keretapi Sungai Gadut di Negeri Sembilan. Meskipun aset-aset tersebut terjejas, tetapi kerjasama erat dengan KTMB dan Pihak Berkuasa Tempatan negeri, isu-isu yang timbul ekoran insiden ini dapat ditangani dengan baik.

In line with RAC's mission and vision of becoming an asset-management leader, the implementation of TOD projects is poised to contribute to RAC's financial sustainability. In 2019, projects based on this concept, which was regarded as an efficient approach towards this objective, were gaining momentum as witnessed by the signing of several memoranda of understanding and development agreements. Congratulations to the entire warga RAC for their hard work and commitment toward successfully realising the Corporation's aspiration to monetise potential railway land. RAC's development initiatives are based on the TOD concept which has been earmarked as the Corporation's key strategic thrust for developing potential railway land at strategic locations. In addition to bringing enormous benefits to RAC, the TOD is also in line with the Government's aspiration that development projects provide linkages to the public transit system. Such developments will bring economic spill-overs to surrounding areas including enhancing land value, stimulating economic growth as well as facilitating people mobility.

In 2019, RAC inked one (1) development project and two (2) Memoranda of Understanding (MoU) with the land development project on Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur signed with LTS Skyline Sdn Bhd expected to generate cash returns of RM182.60 million. The two memorandum of agreements involved joint venture development on railway reserve land in Selangor and Perak.

RAC also embarked on initiatives to rejuvenate the infrastructure at existing railway stations by implementing the Park & Ride and Park Way Drop Zone. As at end of 2019, a total of RM55.1 million was utilised for this purpose, of which RM12.9 million were sourced from RAC's internally generated funds while another RM42.2 million from the Federal Grant. During the year under review, several railway assets were impacted by unexpected disasters, which included a fire incident at KTMB quarters at Lengkuik Abdullah, Bangsar. Others included a storm and strong winds which partially damaged the structure at Arau Railway Station in Perlis and Gurun Railway Station in Kedah as well as flash floods at Sungai Gadut Railway Station in Negeri Sembilan. Nevertheless, RAC together with close cooperation with KTMB and the state local authority were able to resolve issues arising from these incidents.

Melihat kepada usaha-usaha ini, saya yakin RAC kini berada di landasan yang tepat untuk menjadi peneraju dalam pengurusan aset dan infrastruktur kereta api negara. Saya optimis dengan sokongan dan keyakinan berterusan yang diberikan oleh Kementerian Pengangkutan Malaysia, jabatan dan agensi-agensi berkaitan, pihak-pihak berkepentingan serta pemain-pemain industri, RAC mampu melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya dengan baik serta memberi impak yang signifikan kepada pertumbuhan ekonomi serta kesejahteraan rakyat.

PENGHARGAAN & TERIMA KASIH

Pada kesempatan ini, izinkan saya untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan Terima Kasih dan penghargaan kepada Puan Emelia Tay Ling Imm dan Tan Sri Khalid Ramli yang telah menamatkan perkhidmatan sebagai Anggota Lembaga Pengarah pada 16 November 2019 dan En Mohd Hassan Ahmad yang menamatkan tugasnya pada 11 Disember 2019. Saya yakin kehadiran mereka dalam barisan Lembaga Pengarah RAC menyuntik banyak idea dan buah fikiran yang menjadi *guidance* kepada RAC dalam terus melakar kejayaan pada tahun ini. Di atas segala jasa dan bakti yang dicurahkan, sekali lagi saya ingin merakamkan ucapan terima kasih. Saya percaya seluruh warga RAC juga sangat menghargai dan berterima kasih atas jasa bakti mereka selama memegang peranan sebagai Ahli Lembaga Pengarah.

Akhir kata, kepada **warga kerja RAC** teruskan berusaha dengan gigih, komited dan penuh integriti dalam menjalankan tugas dan amanah yang telah dipertanggungjawabkan. **Terima Kasih** di atas perkhidmatan dan dedikasi tuan-tuan dan puan-puan dalam memastikan visi dan misi Perbadanan ini dapat direalisasikan dengan sempurna.

Sekian, terima kasih.

Moving forward, I am confident RAC is now on the right track to take the lead role in managing the nation's railway assets and infrastructure. I am optimistic with the continued support and confidence from the Ministry of Transport Malaysia, relevant departments and agencies as well industry players, RAC will be able to discharge its duties and responsibilities effectively as well as to significantly contribute to the nation's economic growth and wellbeing of the rakyat.

ACKNOWLEDGEMENTS

I would like to take this opportunity to express my gratitude and heartfelt Terima Kasih to Puan Emelia Tay Ling Imm and Tan Sri Khalid Ramli whose term as Members of the Board of Directors ended on 16 November 2019 and En Mohd Hassan Ahmad whose term in office ended on 11 December 2019. I am confident their boardroom presence by offering insightful views and ideas on strategic and governance issues, have contributed immensely towards steering RAC to another year of success. For all their contributions, I would like to once again record my appreciation and extend my heartfelt Terima Kasih to them. I believe the entire warga RAC are extremely grateful and appreciate their significant contributions during their tenure as members of the Board.

*Finally, it is my sincere hope that **all warga RAC** will continue to exemplify tenacity, commitment and integrity in discharging the duties and responsibilities entrusted to them. **Terima Kasih** for the services and dedication you have extended towards realising the Corporation's vision and mission.*

Thank you.



TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABD RAHMAN



KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC

GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS



Terlebih dahulu, izinkan saya merakamkan kesyukuran ke hadrat Illahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Laporan Tahunan Perbadanan Aset Keretapi (RAC) berjaya diterbitkan bagi membentangkan prestasi serta pelaksanaan aktiviti dan program oleh Perbadanan ini sepanjang 2019.

Selaras dengan fungsi dan tanggungjawabnya sebagaimana termaktub di bawah Akta Keretapi 1991, pelbagai usaha dilaksanakan RAC bagi memacu perkembangan industri pengangkutan rel di Malaysia. Berdepan dengan cabaran sebagai agensi tunggal milik Kerajaan yang berperanan sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api, RAC terus gigih berusaha meningkatkan nilai tambah dan mempelbagaikan sumber hasil daripada aset-aset yang dimiliki, sekali gus membantu menyumbang kepada kemampuan sektor pengangkutan negara.

PENGUKUHAN KEDUDUKAN KEWANGAN MELALUI PELAN PERNIAGAAN AGRESIF

Bagi memastikan RAC dapat membantu memacu perkembangan industri pengangkutan rel di negara ini, Perbadanan ini perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh. Justeru, pada 2019, saya telah mewujudkan Pelan Perniagaan RAC yang menggariskan usaha-usaha strategik berserta pendekatan yang berinovasi dalam perancangan pembangunan hartanah.

Hasil daripada pelaksanaan strategi ini, RAC berjaya meningkatkan hasil langsung sebanyak 97 peratus kepada RM43.80 juta berbanding RM22.29 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Ini merupakan kutipan hasil tertinggi yang pernah

First and foremost, I am thankful to Allah SWT for it is with His grace and blessings, the Railway Assets Corporation (RAC) Annual Report 2019 has been successfully published. It showcases RAC's performance as well as the activities and programmes undertaken during the year.

In line with the functions and responsibilities stipulated in the Railways Act 1991, various initiatives were implemented by RAC to steer growth for the rail transport industry in Malaysia. Albeit the challenges faced by the sole Government-owned agency entrusted with the role as owner and manager of railway assets, RAC remains steadfast in its drive to add value as well as to diversify the revenue streams from the Corporation's owned assets, hence contributing towards rejuvenating the national transportation sector.

CONSOLIDATING FINANCIAL POSITION THROUGH AGGRESSIVE BUSINESS PLAN

To ensure that RAC will be able to propel growth for the rail transport industry in the country, it is imperative for the Corporation to consolidate its financial position. To this end, in 2019, I developed a RAC Business Plan that outlined strategic initiatives as well as innovative approaches for the Corporation's property development planning.

As a result of the plan, RAC achieved a 97 percent growth in its direct revenue to RM43.80 million compared to RM22.29 million registered in the previous year. The receipts were the highest recorded by RAC since its inception. RAC also managed to reduce its bad debts by 21 percent.

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

dicapai oleh RAC sepanjang penubuhannya. RAC juga berjaya mengurangkan hutang lapuk sebanyak 21 peratus.

Kedudukan kewangan RAC dapat diperkasakan melalui penyelesaian beberapa isu tanah yang tertunggak, yang menyaksikan inisiatif berkenaan menyerlahkan potensi tanah yang sebelum ini ditinggalkan atau belum diteroka oleh RAC. Antara isu yang dapat diselesaikan ialah:

- i. Isu kegunaan tanah di Kempas, Johor yang meningkatkan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) di kawasan tersebut daripada RM5 billion menjadi RM35 bilion untuk tempoh 30 tahun akan datang,
- ii. Mengembalikan pemilikan tanah rizab seluas 180 ekar di Ipoh yang membawa anggaran GDV bagi projek pembangunan berorientasikan transit (TOD) berjumlah RM4.3 bilion; dan
- iii. Mewujudkan kerjasama pembangunan bersama Kerajaan Negeri Selangor yang akan membuka nilai komersial tanah seluas 70 ekar melalui projek TOD dengan potensi GDV sebanyak RM947 juta untuk Kerajaan.

Berdasarkan rancangan perniagaan ini, saya mengunjurkan pendapatan terkumpul RAC boleh mencecah RM2.2 bilion dengan EBITDA terkumpul sebanyak RM1.5 bilion menjelang 2024. Dasar yang diterapkan dalam Pelan Perniagaan ini juga membolehkan RAC membawa hala tuju perancangan pembangunan hartanah untuk tempoh 30 tahun akan datang.

MENEROKA POTENSI DAN ASPEK KOMERSIAL JENAMA RAC

Sepanjang 2019, dua (2) perniagaan utama yang menjadi sumber penajaan hasil RAC iaitu pengurusan dan pembangunan aset kereta api terus diperkukuhkan dan diberi nafas baharu. Seperti mana pada 2018, projek TOD masih menjadi tumpuan utama Perbadanan ini dalam usahanya menjana pendapatan bagi jangka masa panjang. Melalui konsep pembangunan ini, penggunaan tanah kereta api dapat dimaksimumkan selain meningkatkan nilai hartanah di kawasan sekitar dan merancakkan pertumbuhan sosial ekonomi. Selaku pemilik dan pengurus aset, RAC memiliki seluas 12,446 hektar tanah kereta api di seluruh Semenanjung Malaysia dan ia adalah antara aset terbesar yang dimiliki oleh Perbadanan ini. Dengan kedudukan tanah-tanah ini terletak di sepanjang jajaran kereta api dan beberapa kawasan strategik dalam kawasan bandar, aset tersebut dilihat

RAC's financial position was further strengthened following the settlement of several outstanding land issues. The initiatives unleashed the potential of land which were previously abandoned or untapped by RAC. Among the issues resolved are:

- i. The land use issue in Kempas, Johor which is expected to boost the Gross Development Value (GDV) in the area from RM5 billion to RM35 billion over the next 30 years;*
- ii. Returning 180 acres of reserve land ownership in Ipoh which is expected to bring about an estimated GDV of RM4.3 billion for the transit oriented development (TOD) project; and*
- iii. Forging development cooperation with Selangor State Government which is expected to generate commercial value for the 70 acre-land through the TOD project with GDV potential of RM947 million for the Government.*

Based on the business plan, I have forecast RAC's cumulative income to be estimated at RM2.2 billion with cumulative Earnings Before Interest, Taxes, Depreciation and Amortisation (EBITDA) expected to reach RM1.5 billion by 2024. The policies outlined in the Business Plan are poised to provide the RAC with a strategic roadmap for the property development sector over the next 30 years.

TAPPING POTENTIAL AND COMMERCIALISING RAC'S BRAND

During the year, two (2) key businesses which were the revenue generating sources for RAC, namely management and development of rail assets, were strengthened and given a new lease of life. As in 2018, TOD projects were the main thrust of the Corporation in generating income for the long term. Under the concept, railway land use can be maximised, a real estate value at transit centres enhanced with significant boost in the socio-economic growth in the surrounding areas. As asset owner and manager, RAC owns 12,446 hectares of railway land throughout Peninsular Malaysia and the assets are the largest owned by the Corporation. These assets, which are located along the railways and several strategical areas within the city, could be translated into highly valuable property through the TOD.

Following this, in 2019, RAC planned several development projects which were expected to provide financial stability for the long term. They included the development project on Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur with LTS Skyline Sdn Bhd as well as two (2) memoranda of understanding on

sebagai amat bernilai untuk diterjemahkan dengan baik melalui TOD.

Berikutan itu, pada 2019, RAC merancang beberapa projek pembangunan yang akan menjamin kestabilan kedudukan kewangan untuk jangka masa panjang yang antaranya melibatkan projek pembangunan di Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur bersama LTS Skyline Sdn. Bhd serta dua (2) perjanjian persefahaman mengenai usaha sama pembangunan tanah rizab kereta api di Selangor dan Perak. Dengan pemeteraian perjanjian dan kerjasama strategik seperti ini, saya yakin kedudukan kewangan RAC akan kekal stabil bagi memastikan kelangsungan fungsinya.

Selain itu, usaha menaik taraf infrastruktur dan penyelenggaraan aset-aset kereta api turut dilaksanakan dengan giat sama ada melalui peruntukan Kerajaan mahupun wang hasil. Komitmen RAC dibuktikan menerusi penyediaan peruntukan berjumlah RM69.8 juta bagi melaksanakan tujuan ini. Peningkatan infrastruktur dan penyelenggaraan aset dibuat untuk memastikan keselamatan dan keselesaan pengguna tren, sekali gus menyokong dasar Kerajaan yang mahu menggalakkan orang ramai menggunakan pengangkutan awam.

Bagi tujuan pengurusan aset-aset kereta api, RAC berjaya meningkatkan sejumlah 33 peratus jumlah penyewa dalam usahanya memperkasakan dan mempelbagaikan aspek komersial bagi *non-rail business* pada 2019. Sejak mengambil alih *core business* utama iaitu penyewaan dan pajakan aset-aset RAC daripada KTMB pada 2012, RAC telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mengurusniagakan aset-aset serta mengkomersialkan stesen-stesen kereta api agar menjadi kawasan yang *lively* serta memberi keselesaan kepada pengguna. Cadangan untuk mewujudkan *solar farm*, hak penamaan stesen dan membawa masuk jenama-jenama popular seperti Family Mart, Tealive dan Starbucks ke dalam stesen-stesen kereta api turut menjadi fokus utama RAC dalam melaksanakan tujuan ini.

Sasaran RAC pada masa akan datang, adalah untuk meningkatkan nilai komersial stesen-stesen kereta api terutamanya yang terletak di dalam kawasan bandar raya utama seperti Stesen Keretapi Kuala Lumpur dan Stesen Keretapi Ipoh. Stesen-stesen ikonik dan popular ini akan diberi nafas baharu dengan penawaran lebih banyak tapak dan kiosk bagi aktiviti peruncitan selain penawaran ruang untuk pengiklanan digital yang

the joint venture development of reserve railway land in Selangor and Perak. With the signing of the agreement and the strategic cooperation, I am confident RAC's financial position will remain stable and sustainable.

At the same time, efforts at upgrading infrastructure and maintenance of railway assets were intensified through Government allocation as well as through internally generated funds. RAC's commitment was proven through a total allocation of RM24.22 million to realise this objective. These initiatives were undertaken to provide safety and comfort for train commuters, hence supporting the Government's policy of encouraging members of the public to use the public transport.

For management of railway assets, RAC saw a 33 percent increase in tenancy as part of efforts to empower and diversify the commercial aspects for non-rail business in 2019. Since taking over the core business namely rental and leasing of RAC assets from KTMB in 2012, RAC has implemented various initiatives to manage the assets as well as to commercialise the railway stations which were expected to create a lively atmosphere in these areas as well as providing comfort for commuters. The proposed development of a solar farm, the rights to naming of stations and introducing popular brands such as Family Mart, Tealive and Starbucks at railway stations were also RAC's main focus towards this objective.

As for the future, RAC is targeting to boost the commercial value of railway stations especially those located in the heart of the city such as Kuala Lumpur Railway Station and Ipoh Railway Station. These iconic and popular stations will be given a facelift offering more retail sites and kiosks in addition to providing digital advertising space which are expected to transform these stations into welcoming and vibrant transit centres.

With this approach, I am optimistic trains will be the primary mode of transportation with passengers enjoying the comfortable railway services.

MEANINGFUL PARTICIPATION FROM STAKEHOLDERS

In its drive to unlock the potential of its assets, RAC does not neglect its social responsibility to the community. Among the significant Corporate Social Responsibility (CSR) Programmes for RAC are the implementation of a 20 percent fare discount for KTM Komuter service from 1 April 2019. The

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

dilihat boleh mengubah imej stesen berkenaan menjadi 'lebih hidup'.

Dengan cara ini, saya optimis penggunaan kereta api sebagai mode pengangkutan akan menjadi pilihan utama dengan penumpang dapat menikmati perkhidmatan kereta api dengan lebih selesa.

PENGLIBATAN BERMAKNA PEMEGANG KEPENTINGAN

Di sebalik keterujaan RAC meneroka potensi aset-aset yang dimilikinya, Perbadanan ini tidak mengabaikan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat. Antara Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) yang signifikan bagi RAC ialah menanggung 20 peratus tambang perkhidmatan KTM Komuter mulai 1 April 2019. Langkah ini adalah antara inisiatif Kerajaan untuk meringankan kos sara hidup pengguna komuter memandangkan kos pengangkutan merupakan penyumbang ketiga tertinggi kepada kos sara hidup.

RAC juga menyumbang bantuan kewangan kepada mangsa banjir kilat di Stesen Sungai Gadut dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan dan pihak operator KTMB. Dalam insiden pada 17 Oktober 2019 itu, sebanyak 118 kenderaan telah ditenggelami air. Selain itu, keprihatinan RAC turut dizahirkan melalui sumbangan kewangan dan barangan kepada mangsa kebakaran di kuarters KTMB Jalan Lengkuik Abdullah, Bangsar di Kuala Lumpur. Insiden pada 28 Januari 2019 itu menyaksikan 10 buah kuarters yang didiami kakitangan KTMB musnah dalam kebakaran. RAC turut menjalinkan kerjasama erat dengan pemimpin-pemimpin masyarakat termasuk menerusi penglibatan aktiviti gotong-royong di kawasan Rasah, Negeri Sembilan.

Selain itu, komitmen RAC untuk menyelesaikan 100 peratus aduan yang diterima oleh Perbadanan ini, yang majoritinya melibatkan isu pembersihan kawasan dan penyelenggaraan, berjaya membuktikan RAC sememangnya gigih melaksanakan tanggungjawabnya sebagai pemilik aset meskipun berdepan dengan pelbagai cabaran dan halangan.

Dalam usaha mempromosikan jenama dan meletakkan RAC sebaris dengan Badan Berkanun Persekutuan yang lain, Perbadanan ini giat menganjurkan majlis-majlis rasmi untuk memaklumkan orang ramai mengenai

move is among the Government's initiatives aimed at easing the commuters' burden given that the transportation cost is the third highest factor contributing to the cost of living.

RAC also extended financial assistance to flash flood victims at Sungai Gadut Station with the cooperation of Negeri Sembilan State Government and KTMB as the train operator. In the incident which took place on 17 October 2019, a total of 118 vehicles were inundated with floodwaters. RAC also provided financial contributions as well as goods to fire victims of KTMB railway quarters at Jalan Lengkuik Abdullah, Bangsar in Kuala Lumpur. The fire which took place on 28 January 2019 destroyed the quarters occupied by KTMB staff. RAC also forged closer cooperation with community leaders including through gotong-royong activities in Rasah area, Negeri Sembilan.

Besides that, RAC's commitment to resolve 100 percent of complaints received by the Corporation, the majority of which was related to cleaning and maintenance issues, was evident of RAC's sheer determination in discharging its responsibility as asset owner despite being faced with various challenges and obstacles.

In its drive to promote the RAC brand and to be on par with other Federal Statutory Bodies, the Corporation is actively organising official events aimed at highlighting the importance of development projects it had implemented. Among others are the Official Ground Breaking of Privatisation Project on Lot PT 26 at Menara Sentral RAC, Official launch of ETS2 and Ipoh Railway Station Development Plan, Official Signing of Memorandum of Understanding (MoU) with Menteri Besar Selangor (Incorporated) (MBI Selangor) and MOU with Menteri Besar Perak Incorporated (MBInc.) as well as Official Signing of Development Agreement of Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur.

Besides that, the Ihya Ramadan Programme with the Less Privileged Group and RAC's Aidilfitri Celebration were also among the spiritual activities organised by the Corporation in addition to strengthening ties with its stakeholders and the community.

FOSTERING GOOD RELATIONS TOWARD ORGANISATIONAL STRENGTH AND RAC'S DIGITALISATION

In 2019, RAC organised several courtesy calls

kepentingan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan. Antara majlis berkenaan ialah Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan Penswastaan di atas Lot PT 26 iaitu Menara Sentral RAC, Majlis Pelancaran ETS2 dan Pelan Pembangunan Stesen Keretapi Ipoh, Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman (MOU) dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) dan MOU dengan Perbadanan Menteri Besar Perak (MBInc.) serta Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur.

Selain itu, Program Ihya Ramadan Bersama Golongan Kurang Bernasib Baik dan Sambutan Aidilfitri RAC turut menjadi pengisian program kerohanian selain merapatkan hubungan di antara RAC dengan pemegang taruh dan masyarakat.

MEMBINA HUBUNGAN BAIK KE ARAH PENGUKUHAN ORGANISASI DAN DIGITALISASI RAC

Pada 2019, RAC mengadakan beberapa sesi kunjungan hormat dan lawatan ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM), Majlis Perbandaran Gua Musang, Majlis Perbandaran Subang Jaya, Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Pusat Pemulihan Bencana Kerajaan Malaysia, Unit Pemodenan dan Tabiran Awam Negara (MAMPU). Sesi seperti ini memberi peluang kepada kami untuk mengenali lebih dekat mengenai fungsi jabatan dan agensi berkenaan di samping mencari ruang bagi menjalinkan kerjasama strategik. Melalui sesi ini, kami juga berpeluang membincangkan pelbagai isu berkaitan serta saling memahami perjalanan operasi jabatan dan agensi masing-masing.

Perbadanan ini juga mengambil bahagian dalam program turun padang sebagai usaha memperkenalkan peranan kami dalam pembangunan industri pengangkutan negara termasuk menyertai pameran Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 serta Karnival Kerjaya dan Pendidikan Bagi Sektor Pengangkutan 2019.

RAC menyedari bahawa organisasi yang ditadbir urus dengan baik dan bebas daripada amalan rasuah adalah sangat penting bagi meningkatkan keyakinan pelanggan, komuniti dan pemegang taruh terhadapnya. Sehubungan itu, penubuhan Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) adalah antara usaha kawalan dalaman RAC bagi membudayakan kerja berintegriti dan membanteras gejala rasuah dan salah laku dalam organisasi. Penubuhan unit ini kami jadikan sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti.

and visits to Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM), Gua Musang Municipal Council, Subang Jaya Municipal Council, Malaysian Qualifications Agency (MQA), Malaysian Government's Disaster Relief Centre and Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). Besides forging strategic collaboration, these sessions allowed us to gain insights into the functions of the departments and agencies. Through these events, we were also able to discuss various related issues as well as having a better understanding of the operations of the respective departments and agencies.

FOSTERING GOOD RELATIONS TOWARD ORGANISATIONAL STRENGTH AND RAC'S DIGITALISATION

In 2019, RAC organised several courtesy calls and visits to Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM), Gua Musang Municipal Council, Subang Jaya Municipal Council, Malaysian Qualifications Agency (MQA), Malaysian Government's Disaster Relief Centre and Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU). Besides forging strategic collaboration, these sessions allowed us to gain insights into the functions of the departments and agencies. Through these events, we were also able to discuss various related issues as well as having a better understanding of the operations of the respective departments and agencies.

The Corporation also took part in a turun padang programme as part of efforts to introduce our role towards the development of the nation's transportation industry including participating in the National Transport Policy exhibition 2019-2030 as well as the Career and Education Carnival for Transport Sector 2019

RAC is also mindful that a well-governed and corrupt-free organisation is crucial for gaining confidence from clients, community and stakeholders. To this end, an Integrity and Compliance Unit (UIP) had been incepted as RAC's internal control measure to inculcate a culture of integrity at the workplace as an integrated effort to combat corruption and misconduct in the organisation. The UIP will be our focal point in managing integrity-related issues.

The 11th Malaysia Plan (11MP) has targeted for Malaysia to be ranked 15th in the Online Service Index (OSI) by 2020. Towards this end, RAC has since 2019 embraced digitalisation transformation

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

Rancangan Malaysia Ke-11 (RM11) menetapkan sasaran pencapaian kedudukan Malaysia bagi *Online Service Index* (OSI) berada di tangga ke-15 pada 2020. Bagi menyahut seruan itu, mulai 2019, RAC mula memperkasakan perkhidmatan dalaman secara digital dengan menggunakan kepakaran dalaman sedia ada. Antara inisiatif yang diambil adalah memperkenalkan e-TEMPAHAN yang dibangunkan untuk memudahkan kakitangan membuat tempahan bilik mesyuarat, peralatan ICT dan kenderaan jabatan secara dalam talian. Selain itu, RAC mewujudkan Portal Info Centre RAC yang berfungsi sebagai wadah untuk menghebahkan maklumat dan informasi aktiviti semasa kepada kakitangan RAC dan Project Dashboard untuk memudahkan pemilik projek mengemas kini status dan kemajuan projek masing-masing secara dalam talian.

Saya juga memperkenalkan sesi *Townhall* bagi membolehkan komunikasi dua hala di antara pihak pengurusan dan pekerja di samping merapatkan hubungan melalui perkongsian idea dan percambahan buah fikiran. Melalui pendekatan ini, pihak pengurusan dan pekerja boleh berkongsi pendapat dan pandangan demi memajukan lagi Perbadanan ini.

RE-IMAGING RAC

RAC telah melalui satu evolusi yang luar biasa bagi meneruskan visinya menjadi pemangkin kepada kemajuan industri kereta api di negara ini. Justeru, RAC mengambil langkah berubah (*reimaging*) menjadi organisasi yang mampan dengan pemahaman yang lebih meluas dan mendalam berhubung fungsi dan peranan Perbadanan ini. Antara perubahan ketara dilaksanakan RAC adalah dengan menubuhkan bahagian baharu yang memberikan tumpuan kepada pembangunan hartanah, pengukuhan sumber hasil melalui aktiviti komersial dan pengurusan rel untuk memastikan Perbadanan ini dapat meningkatkan kecekapannya, sekali gus mewujudkan keberkesanan kerja yang lebih baik.

Oleh itu, pembangunan kemahiran kakitangan menjadi fokus utama saya dalam menyediakan warga RAC ke arah memikul tanggungjawab menjayakan fungsi tersebut. Warga RAC kini mengamalkan pembelajaran berterusan dalam perkara baharu seperti *design thinking*, pengurusan kewangan korporat bagi kakitangan bukan kewangan serta penggiliran kerja di antara bahagian. Ini bertujuan memberi peluang

by leveraging its own expertise internally. Among the initiatives undertaken included introducing the e-TEMPAHAN system which was developed to allow RAC staff to book a meeting room, ICT equipment or department transport facility via online. Additionally, the RAC has also developed an Info Centre Portal which serves as a platform for disseminating information on current activities to the staff as well as the Dashboard Project to enable project owners to update the status and progress of their respective projects online.

I have also introduced the Town Hall session to allow two-way communication between the management and staff in addition to forging ties through sharing of ideas and thoughts. Through this approach, both sides were able to share their insights for RAC's organisational effectiveness.

RE-IMAGING RAC

RAC has undergone an extraordinary evolution in pursuing its vision of becoming the catalyst to the development of the nation's railway industry. To this end, RAC has taken the initiative of reimagining itself into a robust organisation with extensive and in-depth knowledge vis-a-vis the Corporation's functions and roles. Among the significant changes undertaken by RAC are the setting up of a new division focusing on property development, consolidating its revenue sources through commercial and rail management activities to boost its efficiency, hence creating a more effective work environment.

As such, employee skills development was my main focus in preparing RAC staff to discharge their responsibilities effectively. RAC staff today have embraced continuous learning in new fields such as design thinking, corporate financial management for non-finance staff as well as job rotation between divisions. This would enable existing staff to recognise and develop their self-potential for career advancement.

To inculcate this new culture into the organisation, RAC focuses on collaborative work environment design and this is proven with the relocation of the Corporation's headquarters to Menara 2, IOI City Resort in Putrajaya. The new office plan includes creation of a recreational area, a public space and an open pantry to promote social interaction and communication without barriers between staff of divisions and units. The open-office layout allows for a more interactive supervision while



kepada kakitangan sedia ada untuk menyedari dan mengembangkan potensi sendiri ke arah peningkatan kerjaya masing-masing.

Bagi membolehkan penerapan budaya baharu ini, RAC menekankan kepada reka bentuk persekitaran kerja yang kolaboratif dan ini dibuktikan dengan perpindahan lokasi ibu pejabat Perbadanan ini ke Menara 2, IOI City Resort, Putrajaya. Pejabat baharu ini dilengkapi dengan ruang riadah, ruang umum dan pantri terbuka bagi mempromosikan interaksi sosial dan komunikasi tanpa halangan antara kakitangan bahagian dan unit. Susun atur pejabat, yang mengaplikasikan konsep terbuka, membolehkan penyeliaan lebih interaktif manakala perkongsian maklumat secara terbuka dapat memberikan impak positif kepada kesejahteraan warga RAC secara keseluruhannya.

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Walaupun masih muda pada usia yang mencecah 27 tahun, saya melihat RAC matang dengan pantas sebagai pemilik dan pengurus aset kereta api yang aktif dalam industri. Ini berwujud daripada kepimpinan RAC yang sentiasa berpandangan jauh. Justeru, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tulus ikhlas kepada setiap individu di RAC atas sumbangan mereka dalam membentuk dan membawa Perbadanan ini berada di tahap sekarang.

the sharing of information via the open concept provides a positive impact on the wellbeing of RAC staff as a whole.

ACKNOWLEDGEMENTS

Despite being relatively young at 27, RAC, from my perspective, has matured and evolved rapidly as the owner and manager of railway assets with active engagement in the industry. Our achievements have been made possible with the far-sighted vision of RAC's leadership. To each and every employee at RAC, my sincere appreciation and special thanks for your contribution to the Corporation which is evident in all we have achieved to date.

I would like to take this opportunity to extend my heartfelt gratitude and deepest appreciation to RAC Board Chairman YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abdul Rahman for providing astute stewardship to the organisation. As Secretary-General of the Ministry of Transport, he has served with full dedication until 1 October 2019 following his appointment as Director General of the Public Service Department effective on the same date. My sincere appreciation and special thanks to Puan Emelia Tay Ling Imm and Encik Mohd Hassan Bin Ahmad whose terms as Members of RAC Board of Directors have ended on 15 November 2019 and 11 December 2019 respectively. By all

KATA-KATA ALUAN PENGURUS BESAR RAC GENERAL MANAGER'S OPENING REMARKS

Saya ingin menzahirkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih yang paling bermakna kepada Pengerusi Lembaga Pengarah RAC YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib Bin Abdul Rahman yang telah memimpin RAC dengan penuh berwibawa. Selaku Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, beliau berkhidmat dengan penuh dedikasi sehingga 1 Oktober 2019 susulan pelantikannya sebagai Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam yang berkuat kuasa pada tarikh sama. Seterusnya, ucapan penghargaan dan terima kasih saya tujukan kepada Puan Emelia Tay Ling Imm dan Encik Mohd Hassan Bin Ahmad yang telah tamat perkhidmatan masing-masing sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC pada 15 November 2019 dan 11 Disember 2019. Bagi semua khidmat bakti dan sumbangan idea yang dicurahkan dalam memacu RAC, yang saya lihat mula menunjukkan kepentingannya kepada perkembangan industri pengangkutan negara, hanya Allah jua yang dapat membalasnya.

Akhir kata, bagi pihak pengurusan tertinggi RAC, saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan penghargaan kepada tujuh (7) penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019 dan saya berharap pengiktirafan ini akan dijadikan semangat untuk terus berkhidmat dengan lebih komited, bersungguh-sungguh dan penuh tanggungjawab.

Saya amat yakin warga kerja RAC akan membantu Perbadanan ini mencapai visinya menjadi peneraju seterusnya dalam menyokong pembangunan industri pengangkutan negara. Kepada seluruh warga kerja dan keluarga RAC, sekali lagi saya ucapkan terima kasih dan kepada pihak berkepentingan, khususnya pengguna pengangkutan awam dalam sektor rel, yakinlah bahawa RAC akan terus melakukan yang terbaik buat anda sekalian.


Sekian, terima kasih.

measures, your immense contributions have been instrumental in driving RAC forward. Today, RAC is gaining prominence as a force to be reckoned with, InsyaAllah, contributing to the growth of the nation's transport industry. For all these, only Allah can reward you.

Finally, on behalf of RAC's top management, I would like to extend my warmest congratulations and appreciation to seven (7) Excellent Service Award 2019 recipients and I hope the recognition will motivate them to continue serving the Corporation with more commitment, determination and full responsibility.

I am confident that with RAC staff support, we are on the right trajectory to achieve our vision of achieving excellence in our transformation journey as an industry leader contributing to the growth of the national transport industry. To all RAC staff and family members, once again my special thanks to you and to our stakeholders, especially public transport commuters in the rail sector, rest assured that RAC will continue to do its best for all of you.

Thank you.



AZHAR BIN AHMAD

SEKSYEN 1 :
PROFIL KORPORAT
SECTION 1 :
CORPORATE PROFILE



DENOTASI LOGO RAC RAC'S LOGO DENOTATION



BIRU BLUE

Melambangkan sikap dinamik, profesional, kestabilan dan kepercayaan warga kerja RAC

Symbolising the dynamism, professionalism, stability and trustworthiness of RAC staff

OREN ORANGE

Melambangkan sikap warga kerja RAC yang tegas, proaktif dan gigih semasa menjalankan tugas.

Symbolising the firm, proactive and hardworking attitude of RAC staff in discharging their duties

AKRONIM RAC RAC ACRONYM

Melambangkan prinsip RAC yang sentiasa ingin maju, efisien dan proaktif dalam melaksanakan fungsinya sebagai *caretaker* kepada aset dan infrastruktur kereta api di negara ini


Symbolising RAC's principles of always being progressive, efficient and proactive in performing its functions as the caretaker of the railway assets and infrastructure in the country

FON FONT

Reka bentuk fon Italic yang mengikut hala tuju kereta api direka secara ringkas dengan dua jalur melambangkan dua perniagaan teras RAC iaitu pengurusan dan pembangunan aset serta infrastruktur kereta api

The italic font following the direction of the train was designed simply using two lines that symbolise RAC's two core businesses, namely management and development of railway assets and infrastructure

PENUBUHAN RAC RAC'S ESTABLISHMENT



Rajah 1: Kronologi penubuhan RAC | *Diagram 1: Chronology of RAC's Establishment*

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) mula beroperasi secara rasminya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992 serentak dengan pengkorporatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) menjadi Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan dengan ia ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) melalui Warta Kerajaan P.U (B) 401/1992 bertarikh 1 Ogos 1992. Matlamat penubuhan RAC adalah bertujuan membantu industri kereta

Railway Assets Corporation (RAC) became officially operational as an organisation on 1 August 1992, the same time the Malayan Railway Administration (KTM) was corporatised and known as Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). The Corporation is a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport and was incorporated Under the Railways Act 1991 (Act 463) through the Government Gazette P.U. (B) 401/1992 dated 1 August 1992. RAC was established with the objective of uplifting the country's railway industry

PENUBUHAN RAC RAC'S ESTABLISHMENT

api di Malaysia berkembang maju dan berdaya saing serta setanding dengan industri kereta api di negara-negara maju. Hasrat ini dilaksanakan melalui penggubalan Akta Keretapi 1991 dan pemansuhan Ordinan Keretapi 1948.

Dengan penggubalan akta berkenaan, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu KTMB.


Selain bertindak sebagai pengurus dan pentadbir bagi aset-aset kereta api, RAC mengambil alih semua liabiliti yang ditanggung oleh pentadbir KTM bagi membolehkan syarikat pengganti beroperasi tanpa sebarang bebanan hutang. Ini bermakna, RAC berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan. Keputusan Kerajaan mengkorporatkan KTM menjadi KTMB adalah bagi mengurangkan kebergantungan sepenuhnya industri kereta api negara terhadap Kerajaan.

to be at par with those in fully developed nations. This aspiration was realised with the formulation of the Railways Act 1991 and the revocation of the Railways Ordinance 1948.

Through the enforcement of the Act, KTM was dissolved and all its property and assets as well as railway land under the Federal Land Commissioner (PTP) were vested in RAC, while the railway service operations were taken over by the successor company, KTMB.

Besides being the manager and administrator of railway assets, RAC also took over all KTM's assets and liabilities to enable KTMB to operate without having to carry the burden of past debts. This means that RAC now functions as the caretaker and business planner to govern and interpret railway assets into valuable property capable of generating continuous income for the Government. The decision to corporatise KTM as KTMB was made with the aim of reducing the national railway industry's dependency on the Government.

AKTA KERETAPI 1991 | RAILWAYS ACT 1991



Rajah 2: Penubuhan RAC menurut Akta Keretapi 1991

Diagram 2: RAC's Duties and Responsibilities According to Railways Act 1991

Bagi menonjolkan ketrampilan RAC, imej dan wajah baharu Perbadanan ini diperkenalkan semasa Program Bulan Transformasi PAK pada 2015. Pelaksanaan jenama baharu itu bertujuan menampilkan imej korporat dan sifat global RAC supaya bersesuaian dengan fungsi dan

To bolster RAC's image, the Corporation's new brand identity was unveiled during the PAK (Perbadanan Aset Keretapi) Transformation Programme in 2015. The rebranding reflected RAC's corporate image and global nature in line with the Corporation's functions and ever-

peranan Perbadanan ini yang semakin mencabar terutamanya dalam aspek memperkasakan sektor rel di Malaysia.


Selaras dengan itu, RAC melakukan penjenamaan semula dengan mewujudkan logo, nama panggilan dan warna korporat baharu bagi menyesuaikan Perbadanan ini dengan peranannya. Kesemua identiti korporat ini digunakan secara rasminya mulai 19 November 2015.

Tugas dan tanggungjawab RAC adalah seperti berikut:

challenging role particularly in empowering the rail sector in Malaysia.

Under the campaign, a new logo, acronym and corporate colours were created to reflect RAC's evolution. The new corporate identity was officially put into use on 19 November 2015.

RAC's Duties and Responsibilities are as follows:



Rajah 3: Tugas dan Tanggungjawab RAC
Diagram 3: RAC's Duties and Responsibilities

PUNCA KUASA RAC RAC'S JURISDICTIONS

Punca kuasa RAC seperti yang termaktub dalam Akta Keretapi 1991 (Akta 463) adalah seperti berikut :

- i. Memegang dan menikmati harta alih dan harta tak alih [Seksyen 89 (1)];
- ii. Penubuhan, Keanggotaan, Fungsi [Seksyen 89(2) dan 89(8)];
- iii. Pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif [Seksyen 90(1)];
- iv. Peletakhakkan harta daripada Pentadbiran KTM kepada Perbadanan ini [Seksyen 92(2)];
- v. Peletakhakkan harta daripada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan kepada Perbadanan ini [Seksyen 93];
- vi. Segala liabiliti yang dikuatkuasakan terhadap Perbadanan ini atau Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) [Seksyen 95];
- vii. Pelantikan kakitangan [Seksyen 96(1)];
- viii. Penubuhan Kumpulan Wang RAC [Seksyen 98(1) – 98 (4)]; dan
- ix. Mengurusniagakan harta tak alih [Seksyen 103]

BIDANG TUGAS RAC MENGIKUT AKTA KERETAPI 1991 (AKTA 463)

PENUBUHAN, KEANGGOTAAN DAN FUNGSI PERBADANAN ASET KERETAPI:

SEKSYEN 89 (8)

- a) Untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara:
 - i. Segala harta dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 92 adalah terletak pada Perbadanan;
 - ii. Segala harta yang terletak pada, atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh yang menurut kuasa Seksyen 93 adalah terletak pada Perbadanan dan untuk mengurus dan mentadbir segala liabiliti berkenaan dengannya;
- b) Untuk mengusahakan projek-projek bagi kemajuan atau kemajuan semula mana-mana infrastruktur atau kemudahan kereta api; dan
- c) Untuk menjalankan dan melaksanakan apa-apa fungsi lain sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri di bawah Akta ini.

RAC's jurisdictions stipulated under the Railways Act 1991 (Act 463) are as follows:

- i. Acquire and enjoy movable and immovable property [(Section 89) (1)];*
- ii. Establishment, Membership and Functions [(Section 89(2) and 89(8));*
- iii. Appointment of Chief Executive Officer [(Section 90(1));*
- iv. Vesting of KTM property in the RAC [(Section 92(2));*
- v. Vesting of property acquired by the Federal Land Commissioner in the RAC [Section 93];*
- vi. Liabilities enforceable against the RAC or the Federal Land Commissioner (Section 95);*
- vii. Appointment of staff [Section 96(1)];*
- viii. Establishment of RAC Fund [Section 98(1) – 98 (4)]; and*
- ix. Deal with any immovable property (Section 103)*

FUNCTIONS OF RAC ACCORDING TO RAILWAYS ACT 1991 (ACT 463)

ESTABLISHMENT, MEMBERSHIP AND FUNCTIONS OF RAILWAY ASSETS CORPORATION:

SECTION 89 (8)

- a) To manage, administer and maintain:*
 - i. All property and rights of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance which by virtue of Section 92 are vested in the Corporation;*
 - ii. All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance which by virtue of Section 93 are vested in the Corporation, and to manage and administer all liabilities in respect thereof;*
- b) To promote and undertake projects for the development or redevelopment of any railway infrastructure or facilities; and*
- c) To carry out and perform such other functions as may be prescribed by the Minister under this Act.*

PEMBUBARAN PENTADBIRAN KERETA API TANAH MELAYU DAN PELETAKHAKKAN HARTA PADA PERBADANAN:

SEKSYEN 92

- a) Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang wujud di bawah Ordinan termansuh adalah dibubarkan;
- b) Segala harta, hak dan liabiliti Pentadbiran Kereta api Tanah Melayu di bawah Ordinan termansuh hendaklah apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, terletak hak pada Perbadanan tanpa apa-apa jua pun pemindahhakkan, penyerahhakkan atau pemindahan dan segala sebutan mengenai "Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu", "Keretapi Tanah Melayu" atau "Pengurus Besar, Keretapi Tanah Melayu" berhubung dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak milik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

PELETAKHAKKAN HARTA PADA PERBADANAN:

SEKSYEN 93

Segala harta yang terletak hak pada, dipegang atau diperoleh oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan di bawah Ordinan termansuh hendaklah terletak hak pada Perbadanan di bawah Akta ini tanpa apa-apa jua pun pemindahhakkan, penyerahhakkan atau pemindahan bagi hak milik, estet, atau kepentingan yang serupa dan selama pemegangan serupa sebagaimana ia telah terletak hak atau dipegang sebelum sahaja mula berkuatkuasanya Akta ini dan segala sebutan mengenai "Pesuruhjaya Tanah Persekutuan" berhubung dengan mana-mana harta dalam apa-apa suratcara, suratikatan, hak rnilik, dokumen atau undang-undang bertulis hendaklah ditafsirkan seolah-olah segala sebutan sedemikian adalah sebutan mengenai "Perbadanan Aset Keretapi".

DISSOLUTION OF MALAYAN RAILWAY ADMINISTRATION AND VESTING OF ITS PROPERTY IN THE CORPORATION:

SECTION 92

- a) *The Malayan Railway Administration in existence under the repealed Ordinance is dissolved;*
- b) *All property, rights and liabilities of the Malayan Railway Administration under the repealed Ordinance shall, upon commencement of this Act, vest in the Corporation without any conveyance, assignment or transfer whatsoever and all references to "Malayan Railway Administration", "Malayan Railway" or "General Manager, Malayan Railway" in relation to such property and any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".*

VESTING OF PROPERTY IN THE CORPORATION:

SECTION 93

All property vested in, held or acquired by the Federal Land Commissioner under the repealed Ordinance shall vest in the Corporation under the Act without any conveyance, assignment or transfer whatsoever for the like title, estate, or interest and on the like tenure as the same was vested or held immediately before the commencement of this Act and all references to the "Federal Land Commissioner" in relation to such property in any instrument, deed, title, document or written law shall be construed as if all such references were references to the "Railway Assets Corporation".

PUNCA KUASA RAC RAC'S JURISDICTIONS

PERBADANAN BOLEH MELUPUS HARTA TAK ALIH TERLETAKHAK PADANYA:

SEKSYEN 103

Perbadanan boleh menjual, memindahhakkan, memindahkan, memajakkan, menyerahhakkan, menyerah balik dan memulangkan, menggadai janji, menggadaikan, memindahhakkan semula, menyerahhakkan semula atau seliaannya mengurusniagakan mana-mana harta tak alih yang disebut dalam Seksyen 93 atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

THE CORPORATION MAY DISPOSE OF IMMOVABLE PROPERTY VESTED IN IT:

SECTION 103

The Corporation may sell, convey, transfer, lease, assign, surrender and yield up, mortgage, charge, reconvey, reassign, or otherwise deal with any immovable property referred to in Section 93 upon such terms and conditions as the Minister deems fit.

SALURAN KHIDMAT PELANGGAN CUSTOMER SERVICE CHANNELS




Rajah 4: Saluran khidmat pelanggan
Diagram 4: Customer service channels

PIAGAM PELANGGAN CLIENT'S CHARTER


Dalam memenuhi keperluan sektor kereta api di Malaysia, RAC sentiasa peka dengan semua perkembangan berkaitan dan berusaha membantu Kerajaan membangunkan infrastruktur kereta api negara. Selaras dengan tujuan ini, RAC memastikan:

In meeting the needs of the rail sector in Malaysia, RAC is always cognisant of the developments taking place and will strive to help the Government's efforts toward rejuvenating the nation's railway infrastructure. In line with this objective, RAC will ensure:




Rajah 5: Piagam Pelanggan
Diagram 5: Client's Charter

JENIS-JENIS ASET KERETA API TYPES OF RAILWAY ASSETS



Rajah 6: Jenis-jenis aset kereta api
Diagram 6: Types of railway assets

KATEGORI TANAH KERETA API CATEGORIES OF RAILWAY LAND



**TANAH OPERASI
OPERATIONAL LAND**

Tanah kereta api yang terlibat sepenuhnya dengan operasi kereta api seperti landasan.

**Jumlah keluasan:
26, 532.41 ekar**

Land totally involved in railway operations such as tracks

Total size: 26, 532.41 acres

**TANAH SURPLUS
SURPLUS LAND**

Tanah yang bercantum dengan kawasan operasi kereta api seperti di kawasan stesen dan sekitar.

**Jumlah keluasan:
2,791.16 ekar**

Land attached to railway operational areas such as stations and surrounding areas

Total size: 2,791.16 acres

**TANAH HAK MILIK
TITLED LAND**

Tanah kereta api yang terpisah daripada operasi kereta api. Pernah digunakan sebagai tapak kuarters atau kawasan kuari / yad.

**Jumlah keluasan:
1,431.84 ekar**

Railway land separated from rail operations. Previously used as quarters' sites or quarry/yard areas

Total size: 1,431.84 acres

Carta 1: Peratusan keluasan tanah kereta api mengikut kategori
Chart 1: Percentage of railway land by category

SEKSYEN 2 :
PERNYATAAN TADBIR URUS
KORPORAT
SECTION 2 :
CORPORATE GOVERNANCE
STATEMENT



LEMBAGA PENGARAH RAC RAC BOARD OF DIRECTORS

Kejayaan jangka panjang sesebuah organisasi dan penyampaian perkhidmatan kepada pemegang taruh dan pihak berkepentingan secara kolektifnya bergantung kepada Lembaga Pengarah. Dalam melaksanakan fungsi kepimpinannya, Lembaga Pengarah yang bertanggungjawab perlu mentadbir dan menetapkan hala tuju strategik untuk organisasi dan pada masa sama, menjalankan pengawasan terhadap pengurusan organisasi.

Pada masa kini, landskap tadbir urus korporat (*corporate governance*) nasional dan global telah melalui satu proses perubahan yang pesat. Tadbir urus korporat kini tidak hanya tertumpu kepada isu-isu pematuhan undang-undang korporat yang konvensional, peraturan dan dasar yang ada atau difahami pada masa itu sahaja. Takrifan amalan tadbir urus korporat sudah berkembang luas dengan merangkumi aspek pengurusan risiko, sistem kawalan dalaman, pelaporan kewangan yang telus, hala tuju strategik perniagaan yang jelas, tanggungjawab sosial korporat dan amalan perniagaan yang berhemat serta berintegriti.

Dalam erti kata lain, *corporate governance* telah diberi dimensi baru. Ahli-ahli Lembaga Pengarah mempunyai tanggungjawab untuk menetapkan hala tuju strategik sesebuah organisasi, dan pada waktu yang sama berfungsi sebagai badan pengawasan dalam memastikan organisasi mempunyai sistem pengurusan risiko dan sistem kawalan dalaman yang berkesan untuk mendorong amalan tadbir urus korporat yang berkualiti.

RAC terus komited dalam memastikan tadbir urus korporat terbaik dapat diamalkan dalam melaksanakan peranan dan fungsi Perbadanan ini. Justeru, Ahli Lembaga Pengarah dan semua Jawatankuasa Lembaga Pengarah yang dilantik didapati telah melaksanakan peranan dan tanggungjawab signifikan menerusi komitmen masing-masing yang diterjemahkan dalam kehadiran mereka pada mesyuarat-mesyuarat Lembaga dan Jawatankuasa Lembaga yang diadakan sepanjang 2019.

KOMPOSISI LEMBAGA PENGARAH RAC

Akta Keretapi 1991 di bawah tajuk Penubuhan, Keanggotaan dan Fungsi Perbadanan Aset Keretapi antara lain menetapkan:

Key to the long term success of an organisation will be the leadership provided by the Board of Directors who is responsible for ensuring seamless service delivery to its shareholders and stakeholders collectively. In performing its role, the Board of Directors has overall responsibility for governing and charting the strategic roadmap for the organisation as well as for overseeing organisational management.

At present, the national and global corporate governance landscape has evolved significantly. Corporate governance is no longer focused on conventional corporate compliance issues, existing regulations and policies or those that are only understood at a particular time. The scope of corporate governance has broadened extensively to include risk management, internal control system, transparent financial reporting, clear strategic business direction, corporate social responsibility and prudent business practices based on the principles of integrity.

In other words, corporate governance has taken on new dimensions. Members of the Board of Directors are responsible for setting the strategic direction for the organisation. At the same time, the Board serves as a supervisory body in maintaining sound risk management and internal control systems, which are key elements of good corporate governance.


RAC has reaffirmed its commitment to ensuring corporate governance best practices are implemented within the organisation. To this end, members of the Board of Directors and all appointed Board Committees have discharged their role and responsibilities significantly through their commitment as evidenced by their presence at the Board of Directors and Board Committee meetings held in 2019.

RAC BOARD OF DIRECTORS' COMPOSITION

The Railways Act 1991 under the subtopic of Establishment, Membership and Functions of the Railway Assets Corporation, among others provide for:

a) Pelantikan ahli-ahli Lembaga Pengarah RAC adalah selaras dengan Seksyen 89(2) Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dengan ia perlu dibuat oleh Menteri Pengangkutan mengikut kapasiti seperti berikut:

a) The appointment of members of RAC's Board of Directors shall be done by the Minister of Transport in accordance with Section 89 (2) of the Railways Act 1991 (Act 463) and shall consist of:



Rajah 7: Keanggotaan Ahli Lembaga Pengarah RAC
Graph 7: Membership of RAC's Board of Directors

b) Menteri hendaklah melantik seorang daripada kalangan anggota Perbadanan untuk menjadi Pengerusi;

b) Minister must appoint one of the members to become the Chairman of the Board.

c) Pengerusi dan empat anggota lain hendaklah membentuk korum dalam sesuatu mesyuarat Perbadanan.

c) Chairman and four other members shall form the quorum at any Board meeting.

KEANGGOTAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



PENGERUSI | CHAIRMAN

YBHG. TAN SRI MOHD KHAIRUL ADIB BIN ABDUL RAHMAN

Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan
Secretary General of the Ministry of Transport

15 Februari 2019 – 14 Februari 2021
15 February 2019 – 14 February 2021

(Penamatan tugas pada 1 Oktober 2019 kerana pelantikan beliau sebagai Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam)

(His term in office ended on 1 October 2019 upon his appointment as Director General of Public Service, Public Service Department)

Anak kelahiran Negeri Sembilan ini merupakan lulusan Ijazah Sarjana Muda Sains dari Universiti Kebangsaan Malaysia pada 1985. Beliau kemudian menyambung pengajian di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) pada 1988 dan melanjutkan pengajian peringkat ijazah Sarjana Dasar Awam di Saitama University, Jepun pada 1997. Beliau memulakan perkhidmatan dalam Kerajaan pada 1988 di Kementerian Perusahaan Awam sebelum meneruskan khidmat dan jasa bakti di beberapa kementerian dan jabatan termasuk Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Pendidikan. Beliau kemudian dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar) di Kementerian Pengangkutan pada 1 Julai 2017 sebelum dilantik sebagai Ketua Setiausaha di kementerian sama mulai 7 Januari 2019. Berikutan jasa dan bakti yang dicurahkan dalam perkhidmatan, beliau dikurniakan Darjah Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) yang membawa gelaran 'Datuk' sempena Ulang Tahun Keputeraan Yang di-Pertuan Agong pada 2019.

Nota: Beliau dianugerahkan Darjah kebesaran Pingat Panglima Setia Mahkota yang membawa gelaran Tan Sri pada 17 Ogos 2020.

Born in Negeri Sembilan, he holds a Bachelor's degree in Science from Universiti Kebangsaan Malaysia in 1985. He later pursued his education at the National Institute of Public Administration (INTAN) in 1988 and advanced his studies at Saitama University, Japan, earning his Master's degree in Public Policy in 1997. He began his career in the civil service in 1988 at the Ministry of Public Enterprises before serving several ministries and departments including the Ministry of Science, Technology and Environment, the Public Service Department and the Ministry of Education. He was later appointed Deputy Secretary-General (Policy) at the Ministry of Transport on 1 July 2017 before his appointment as Secretary General of the same ministry on 7 January 2019. In appreciation of his dedicated service, he was conferred Darjah Panglima Mahkota Wilayah (P.M.W) which carries the title of 'Datuk' in conjunction with the Yang di-Pertuan Agong's birthday in 2019.

Note: He was bestowed the Darjah Kebesaran Pingat Panglima Setia Mahkota which carries the title of 'Tan Sri' on 17 August 2020.

AHLI | MEMBER
YBHG. DATO' HAJI AHMAD
ZAHARIN BIN MOHD SAAD

Ketua Pengarah
Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian
Persekutuan
Director General
Department of Federal Lands and Mines

7 Januari 2019 – 6 Januari 2020
7 January 2019 – 6 January 2020



Lulusan ijazah Sarjana Muda Sains Kemasyarakatan (Pengurusan) dari Universiti Sains Malaysia ini menyertai perkhidmatan awam pada 1992 di Jabatan Perkhidmatan Awam. Anak kelahiran Perak ini kemudian meneruskan khidmatnya di Pejabat Daerah Hulu Langat sebagai Ketua Penolong Pegawai Tadbir Daerah (Tanah) dan seterusnya sebagai Pegawai Daerah di Pejabat Daerah Hulu Selangor. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai Pengarah di Jabatan Agama Islam Selangor dan dilantik sebagai Datuk Bandar Majlis Bandaraya Shah Alam mulai 2 Januari 2015.

Berbekalkan pengalaman luas dalam bidang pentadbiran tanah, beliau dilantik sebagai Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan mulai 2019. Atas sumbangan bakti dalam perkhidmatan, beliau dikurniakan beberapa pingat dan darjah kebesaran dengan yang tertinggi adalah Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) pada 2014. Selain dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC, beliau turut diberi kepercayaan menganggotai Lembaga Pengarah Perbadanan Kampung Baru dan Lembaga Penasihat Perancangan Wilayah Persekutuan. Beliau juga aktif dalam Yayasan Seni Selangor sebagai Ahli Lembaga Amanah, dilantik sebagai Mejar Kehormat Jawatankuasa Pendukung Askar Wataniah Negeri Selangor dan ahli Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor.

A holder of a Bachelor of Social Sciences (Management) degree from Universiti Sains Malaysia, he joined the Public Service Department in 1992. Born in Perak, he later served the Hulu Langat District Office Perak as Chief Administrative Assistant (Land) and later as District Officer at Hulu Langat District Office. He has also served as Director at the Selangor Islamic Religious Department and was appointed Mayor of Shah Alam City Council starting 2 January 2015. Given his extensive experience in land administration, he was appointed Director General of Federal Lands and Mines in 2019.

In recognition of his contribution and service, he was conferred several medals and awards, the highest being Darjah Kebesaran Dato' Paduka Mahkota Selangor (D.P.M.S) in 2014. In addition to his position as member of RAC Board of Directors, he also sits on the Board of Trustees of Yayasan Seni Selangor. He is also Honorary Major in Selangor's Territorial Army Support Committee and a member of Perbadanan Adat Melayu and Warisan Negeri Selangor.

KEANGGOTAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



AHLI | MEMBER

PUAN EMELIA TAY LING IMM

Timbalan Pengarah (Sektoral)
Seksyen Industri Perkhidmatan
Unit Perancang Ekonomi
Kementerian Hal Ehwal Ekonomi
*Deputy Director (Sectoral)
Services Industry Section
Economic Planning Unit
Ministry of Economic Affairs*

16 November 2018 – 15 November 2019
17 November 2018 – 16 November 2019

Anak kelahiran Melaka ini merupakan lulusan ijazah Sarjana Perdagangan (Pemasaran Pelancongan) dari University of New South Wales, Sydney, Australia. Beliau menerima pendidikan di Sekolah Menengah Munshi Abdullah dan Sekolah Menengah Tun Tijah. Selepas menamatkan pengajian universiti, beliau menyertai perkhidmatan awam di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 2001. Kemudian, beliau dilantik menyandang beberapa jawatan termasuk Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan, Kementerian, Kebudayaan dan Kesenian pada 2009, diikuti pula sebagai Ketua Penolong Pengarah, Seksyen Industri Perkhidmatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada 2013 dan terkini beliau merupakan Timbalan Pengarah (Bahagian), Seksyen Industri Perkhidmatan, Unit Perancang Ekonomi, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi. Bagi menghargai khidmat baktinya dalam melaksanakan tugas dan perkhidmatan, beliau dikurniakan Darjah Seri Mahkota oleh Yang Dipertua Negeri Melaka TYT Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob pada 2019. Beliau juga pernah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada 2004 dan 2014.

She holds a Bachelor's degree in Commerce (Tourism Marketing) from University of South Wales, Sydney, Australia. Born in Melaka, she received her education at Sekolah Menengah Munshi Abdullah and Sekolah Menengah Tun Tijah. After completing her varsity studies, she joined the civil service at the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department in 2001. She later held several positions including Principal Assistant Director, Development Division of the Ministry of Culture and Arts in 2009, followed by her appointment as Principal Assistant Director, Services Industry Section for Tourism, Culture and Arts at the Economic Planning Unit of the Prime Minister's Department in 2013 and currently Deputy Director Services Industry Section of Economic Affairs Ministry. In recognition of her dedicated service, she was conferred Darjah Seri Mahkota by Yang Dipertua Negeri Melaka Tuan Yang Terutama Tun Datuk Seri Utama Dr Mohd Khalil bin Yaakob in 2019. She has also received the Excellent Service Award in 2004 and 2014.

AHLI | MEMBER
ENCIK MOHD HASSAN BIN AHMAD

Timbalan Setiausaha Bahagian,
Bahagian Fiskal dan Ekonomi,
Kementerian Kewangan
*Deputy Under Secretary
Fiscal and Economic Division,
Ministry of Finance*

12 Disember 2018 – 11 Disember 2019
12 December 2018 – 11 December 2019



Berkelulusan ijazah Sarjana Ekonomi (Ekonomi Kewangan) dari University of Sydney, Australia, beliau merupakan pemegang sijil Akauntan Bertauliah (CA) dan Ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Menyertai perkhidmatan awam pada 2000 sebagai Penolong Setiausaha, Sektor Fiskal dan Kewangan, Bahagian Analisis Ekonomi dan Antarabangsa, Kementerian Kewangan, beliau kini merupakan Timbalan Setiausaha Bahagian (Ketua Pejabat Dasar Fiskal), Bahagian Fiskal dan Ekonomi, Kementerian Kewangan. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah di beberapa agensi berkaitan kerajaan termasuk Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), KTMB Distribution, Malaysia Competition Commission (MyCC), Malaysian Sovereign Sukuk Berhad (MSSB), Jawatankuasa Wilayah Perak Selatan (WPS) dan FGV Holdings Berhad. Beliau pernah dijemput untuk membentangkan kertas kerja dan memberikan taklimat berkenaan:

- **The Network On Fiscal Relation: Countries Experience**, anjuran OECD, 23-24 Nov, 2017, Paris.
- **Borrow Without Sorrow Debt Management Conference: Innovative Approaches in Sovereign Sukuk Issuance**, anjuran Kementerian Kewangan Persekutuan Austria dan Bank Dunia, 22-23 Mei, 2017, Vienna, Austria
- Temu bual ucap tama: **Advancing National Ambitions and Shaping the Tomorrow of Islamic Finance**, IFN Asia Forum, 10 April 2017, Kuala Lumpur.

A Master's degree holder in Economics from University of Sydney, Australia, he is also a Chartered Accountant and a member of the Malaysian Institute of Accountants (MIA). Served the civil service in 2000 as Assistant Secretary, Fiscal and Monetary Sector, Economic Analysis and International Division, Ministry of Finance, and is now Under Secretary of the Fiscal and Economics Division, Ministry of Finance. He is also a member of the Board of Directors of several government linked agencies including Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), KTMB Distribution, Malaysia Competition Commission (MyCC), Malaysian Sovereign Sukuk Berhad (MSSB), Wilayah Perak Selatan (WPS), South Perak Region Committee and FGV Holdings Berhad. He has also been invited to present a working paper and deliver a briefing on:

- **The Network On Fiscal Relation: Countries Experience**, organised by OECD, 23-24 Nov, 2017, Paris.
- **Borrow Without Sorrow Debt Management Conference: Innovative Approaches in Sovereign Sukuk Issuance**, organised by the Ministry of Finance, Austrian Federal Government and World Bank, 22-23 May, 2017, Vienna, Austria.
- Interview on a keynote address: **Advancing National Ambitions and Shaping the Tomorrow of Islamic Finance**, IFN Asia Forum, 10 April 2017, Kuala Lumpur.

KEANGGOTAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



AHLI | MEMBER

YBHG. TAN SRI KHALID BIN RAMLI

Anggota Lantikan Menteri
Appointed by Minister

17 November 2018 – 16 November 2019
17 November 2018 – 16 November 2019

Berkelulusan ijazah Sarjana Muda dari Universiti Malaya dan ijazah Sarjana dari University of Southern California dan Oxford University, anak kelahiran Kelantan ini menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1972. Sepanjang perkhidmatannya, beliau pernah dilantik sebagai Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Pengarah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan Pengerusi/Ketua Pegawai Eksekutif Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Beliau juga pernah dilantik sebagai Pengerusi Bersama Lembaga Pengarah Petroleum Malaysia/Thailand dan Ahli Lembaga Pengarah di beberapa agensi dan badan berkaitan Kerajaan termasuk Petronas, Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang dan Universiti Sains Malaysia. Jawatan terakhir beliau adalah sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang disandangnya mulai 2011. Kewibawaan beliau semasa menerajui LADA terserlah apabila dikenali sebagai penggerak dalam pelaksanaan Pelan Tindakan Pelancongan Langkawi, yang bermatlamat menjadikan pulau legenda itu sebagai antara 10 destinasi pulau pelancongan terbaik di dunia.

Born in Kelantan, he holds a bachelor's degree from University of Malaya and master's degrees from University of Southern California and Oxford University. Since joining the civil service as an Administrative and Diplomatic Officer in 1972, he has served as State Secretary to Penang State Government, Director General of the Implementation Coordination Unit, Prime Minister's Department and Chairman/Chief Executive Officer of the Malaysian Communications and Multimedia Commission. Previously, he was Joint Chairman of Malaysia/Thailand Petroleum Authority and has served on the boards of several agencies and government linked corporations including Petronas, Penang Port Commission and Universiti Sains Malaysia. His last post was as Chief Executive Officer of the Langkawi Development Authority (LADA), a post he held since 2011. He displayed his leadership prowess since helming LADA and was known for spearheading the implementation of the Langkawi Tourism Blueprint which was developed with the objective of transforming the legendary island into one of the world's top 10 tourist destinations.

AHLI | MEMBER
YBHG. DATO' SUNDARAJOO
A/L SOMU

Anggota Lantikan Menteri
Appointed by Minister

11 Februari 2019 – 10 Februari 2020
11 February 2019 – 10 February 2020



Lulusan ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Nottingham Trent University, United Kingdom ini merupakan Timbalan Presiden & Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif di EcoWorld Development Group Berhad. Pelantikan beliau sebagai Ahli Lembaga Pengarah RAC dibuat berdasarkan pengalaman luas dalam bidang pembangunan hartanah. Sebelum ini, beliau merupakan Ketua Pegawai Operasi di EcoWorld Development Sdn Bhd (2012-2015) dan menyandang jawatan yang sama di EcoWorld Development Group Berhad mulai 2015- 2018. Pada 2014, beliau dikurniakan darjah kebesaran Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) yang membawa gelaran Dato'.

A Bachelor of Business Administration holder from Nottingham Trent University, United Kingdom, he is Deputy President and Deputy Chief Executive Officer of EcoWorld Development Group Berhad. His appointment as RAC Board member was made on his extensive experience in property development. Prior to this, he held the position of Chief Operating Officer at EcoWorld Development Sdn Bhd (2012-2015) and held the same position at EcoWorld Development Group Berhad from 2015-2018. In 2014, he was conferred Darjah Yang Mulia Pangkuan Negeri (DMPN) which carries the title of Dato'.

KEANGGOTAAN AHLI LEMBAGA PENGARAH RAC MEMBERS OF RAC BOARD OF DIRECTORS



EX-OFFICIO | *EX-OFFICIO* ENCIK AZHAR BIN AHMAD

Pengurus Besar RAC
RAC General Manager

8 Ogos 2018 – 7 Ogos 2020
8 August 2018 – 7 August 2020


Beliau dilantik sebagai Pengurus Besar RAC bagi menggantikan YBrs. Dr Kang Tong Hum yang menamatkan perkhidmatannya di RAC pada 31 Julai 2018. Lulusan ijazah LL.B (Hons) dari London ini memulakan kerjayanya di Malaysia Industrial Development Finance Group dan Kumpulan Guthrie Berhad dalam bidang perundangan. Anak jati Georgetown, Pulau Pinang ini kemudian mengembangkan kerjaya di beberapa syarikat terkemuka termasuk MMC Corporation Berhad dan Bank Muamalat Malaysia Berhad sebelum dilantik menjadi Ketua Pegawai Eksekutif di Rapid Penang Sdn Bhd pada 2007 dan Ketua Pegawai Operasi di Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat mulai 2011. Berikutan pengalaman luas dalam pelbagai bidang termasuk pengangkutan, logistik, perbankan dan hartanah, beliau dilantik menerajui Kumpulan Pos Malaysia Berhad sebagai Ketua Pegawai Operasi Kumpulan mulai Januari 2014 sehingga Januari 2017.

He was appointed as RAC General Manager to succeed YBrs. Dr Kang Tong Hum whose term with RAC ended on 31 July 2018. The LL.B (Hons) holder from London started his career at Malaysia Industrial Development Finance Group and Kumpulan Guthrie Berhad in the legal field. Born in Georgetown, Penang, he then advanced his career in several well-known companies including MMC Corporation Berhad and Bank Muamalat Malaysia Berhad prior to his appointment as Chief Executive Officer of Rapid Penang Sdn Bhd in 2007 and Chief Operating Officer of the Land Public Transport Commission in 2011. Given his extensive experience in various fields including transportation, logistics, banking and property, he was appointed to helm Pos Malaysia Berhad as Group Chief Operating Officer from January 2014 till January 2017.

MESYUARAT LEMBAGA PENGARAH RAC RAC BOARD OF DIRECTORS' MEETINGS

Sepanjang 2019, Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC bersidang sebanyak lima (5) kali iaitu pada:

Throughout the year 2019, the RAC Board of Directors had convened five (5) meetings with details as follows:



Rajah 8: Bilangan Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC
Diagram 8: Number of RAC Board of Directors' Meetings

SENARAI DAN FUNGSI JAWATANKUASA DIPENGERUSIKAN DAN DIANGGOTAI OLEH LEMBAGA PENGARAH RAC

FUNCTIONS OF COMMITTEES COMPRISING RAC BOARD OF DIRECTORS

BIL NO	MESYUARAT/ JAWATANKUASA MEETING/ COMMITTEE	LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS
1	LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS	<p>Pengerusi : YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman Ahli : Semua Ahli Lembaga Pengarah RAC <i>Chairperson : YBhg. Tan Sri Mohd Khairul Adib bin Abd Rahman</i> <i>Members : All Members of RAC Board of Directors</i></p>
2	JAWATANKUASA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA HUMAN RESOURCE DEVELOPMENT COMMITTEE	<p>Pengerusi : Puan Emelia Tay Ling Imm Ahli : Encik Azhar bin Ahmad Wakil Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) Wakil Kementerian Pengangkutan</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempertimbangkan dan memperakukan penyusunan semula struktur organisasi RAC. • Memperakukan pengambilan pegawai. • Memperakukan pengesahan jawatan. • Memperakukan urusan pemangkuan. • Memperakukan kenaikan pangkat. • Memperakukan penamatan perkhidmatan pegawai. <p><i>Chairperson : Puan Emelia Tay Ling Imm</i> <i>Members : Encik Azhar bin Ahmad</i> <i>Representative of Public Service Department</i> <i>Representative of Ministry of Transport</i></p> <p>FUNCTIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>To consider and endorse organisational restructuring of RAC.</i> • <i>To endorse appointment of officers.</i> • <i>To endorse job confirmation.</i> • <i>To endorse appointment to acting positions.</i> • <i>To endorse termination of service.</i> • <i>To approve promotion.</i> • <i>To approve service termination.</i>
3	JAWATANKUASA KERJA PEMBANGUNAN DEVELOPMENT WORK COMMITTEE	<p>Pengerusi : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli Ahli : YBhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad YBhg. Dato' Sundarajoo a/l Somu</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mengkaji cadangan pembangunan tanah RAC yang berpotensi dibangunkan. • Memberi syor ke atas kajian cadangan pembangunan yang dilaksanakan untuk dibawa kepada Lembaga Pengarah RAC untuk pertimbangan selanjutnya. • Mempertimbangkan dan mengesyorkan Terma dan Syarat Pembangunan dan Needs Statement projek untuk kelulusan peringkat Lembaga Pengarah RAC.

BIL NO	MESYUARAT/ JAWATANKUASA MEETING/ COMMITTEE	LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS
		<p><i>Chairperson : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli</i> <i>Members : YBhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad</i> <i>YBhg. Dato' Sundarajoo a/l Somu</i></p> <p>FUNCTIONS</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>To study proposal on potential RAC land development.</i> <i>To make recommendations on the proposed development to RAC Board of Directors for further consideration.</i> <i>To consider and propose the Terms and Conditions as well as the Needs Statement on the proposed project for RAC Board of Directors' approval.</i> <i>To prepare and update the Standard Operating Procedure (SOP) for property development activities for consideration and approval by RAC Board of Directors.</i>
4	<p>JAWATANKUASA PELABURAN INVESTMENT COMMITTEE</p>	<p>Pengerusi : Encik Hassan bin Ahmad Ahli : YBhg Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad Puan Emelia Tay Ling Imm</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Mempertimbangkan untuk memilih atau menolak mana-mana cadangan pelaburan yang dicadangkan oleh pihak pengurusan. Menilai dan menilai semula pelaburan yang telah diceburi oleh RAC. Mencadangkan mana-mana pelaburan lain yang menguntungkan Kerajaan. <p><i>Chairperson : Encik Hassan bin Ahmad</i> <i>Members : YBhg Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad</i> <i>Puan Emelia Tay Ling Imm</i></p> <p>FUNCTIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>To consider whether to accept or reject any investment proposal submitted by the management.</i> <i>To evaluate and reevaluate investments made by RAC.</i> <i>To propose other investment which is profitable to the Government.</i>
5	<p>JAWATANKUASA AUDIT AUDIT COMMITTEE</p>	<p>Pengerusi : Encik Hassan bin Ahmad Ahli : Puan Emelia Tay Ling Imm</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Memantau dan mengambil tindakan ke atas teguran audit yang dibuat oleh Unit Audit Dalam Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Audit Negara (JAN). Pembentangan Draf Penyata Kira-Kira (belum diaudit). Pembentangan Penyata Kira-Kira (sudah diaudit) berserta Sijil Ketua Audit Negara. Memastikan tindakan <i>preventive</i> dan <i>corrective</i> diambil pihak pengurusan supaya kelemahan-kelemahan dapat diperbetulkan dan tidak berulang.

SENARAI DAN FUNGSI JAWATANKUASA DIPENGERUSIKAN DAN DIANGGOTAI OLEH LEMBAGA PENGARAH RAC


FUNCTIONS OF COMMITTEES COMPRISING RAC BOARD OF DIRECTORS

BIL NO	MESYUARAT/ JAWATANKUASA MEETING/ COMMITTEE	LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS
		<p><i>Chairperson : Encik Hassan bin Ahmad</i> <i>Member : Puan Emelia Tay Ling Imm</i></p> <p>FUNCTIONS</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>To monitor and take action on audit-related issues raised by Ministry of Transport's Internal Audit Unit or the National Audit Department.</i> <i>To table the draft of the Statement of Accounts (Unaudited).</i> <i>To table the Statement of Accounts (Audited) and Auditor-General's Certificate.</i> <i>To ensure all preventive and corrective measures are taken by the management to avoid and address recurring problems.</i>
6	<p>JAWATANKUASA PENYELARASAN DAN PENYELESAIAN TANAH-TANAH KERETA API <i>RAILWAY LAND COORDINATION AND SOLUTION COMMITTEE</i></p>	<p>Pengerusi : YBhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad Ahli : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli Encik Azhar bin Ahmad</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> Memperakukan peletakhakkan tanah rizab dan tanah hak milik RAC. Memperakukan perizaban tanah-tanah yang terlibat dengan pengambilan semula. Mempertimbangkan dan memperakukan kajian kegunaan tanah-tanah jajaran kereta api yang tidak digunakan untuk tujuan operasi kereta api. Memperakukan permohonan pemberimilikan untuk tanah-tanah rizab kereta api. Lain-lain hal yang berkaitan dengan tanah-tanah kereta api yang mempunyai urusan dengan Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP). <p><i>Chairperson : YBhg. Dato' Ahmad Zaharin bin Mohd Saad</i> <i>Members : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli</i> <i>Encik Azhar bin Ahmad</i></p> <p>FUNCTIONS:</p> <ul style="list-style-type: none"> <i>To endorse the vesting of land reserve and titled land in RAC.</i> <i>To endorse reservation of land involved in reacquisition.</i> <i>To consider and endorse feasibility study on unutilised railway land to be used for railway operation.</i> <i>To endorse application for title acquisition on railway land reserve.</i> <i>Other railway land matters related to the Federal Land Commissioner (PTP).</i>

BIL NO	MESYUARAT/ JAWATANKUASA MEETING/ COMMITTEE	LEMBAGA PENGARAH BOARD OF DIRECTORS
7	JAWATANKUASA PERANCANGAN STRATEGIK STRATEGIC PLANNING COMMITTEE	<p>Pengerusi : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli Ahli : YBhg Dato' Sundarajoo a/l Somu Encik Azhar bin Ahmad</p> <p>FUNGSI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mempertimbangkan pelan-pelan strategik bagi RAC. • Memperakukan kepada Lembaga Pengarah RAC cadangan strategik yang telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Jawatankuasa Strategik. <p><i>Chairperson : YBhg. Tan Sri Khalid bin Ramli Members : YBhg Dato' Sundarajoo a/l Somu Encik Azhar bin Ahmad</i></p> <p>FUNCTIONS</p> <ul style="list-style-type: none"> • <i>To consider strategic plans for RAC.</i> • <i>To endorse RAC Board of Directors' strategic proposals submitted and approved by the Strategic Committee.</i>

CARTA ORGANISASI RAC 2019

RAC ORGANISATIONAL CHART 2019



Rajah 9: Carta Organisasi RAC 2019 secara pentadbiran
Diagram 9: RAC Administrative Organisational Chart 2019

BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2019 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2019

BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN MANAGEMENT SERVICES DIVISION



- 1 Puan Muzieana Binti Mohid@Mohamad**
Pengurus Pentadbiran Dan Kewangan Gred 48
Administration & Finance Manager 48(T)
- 2 Puan Shela Binti Saari**
Pegawai Tadbir Gred N44
Administrative Officer N44
- 3 En Akhmal Hisham Bin Mishani**
Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41/44
Information Technology Officer F41/44
- 4 En Mohd Shahir Bin Elias**
Pegawai Tadbir Gred N41
Administrative Office N41
- 5 Puan Nabilah Binti Zainuddin Nazri**
Pegawai Tadbir Gred N41
Administrative Officer N41

BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2019 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2019

BAHAGIAN KOMERSIAL COMMERCIAL DIVISION



- 1 Puan Siti Mariam Binti Md Isa**
Pengurus Hartanah Gred 44 (T)
Property Manager 44 (T)
- 2 Puan Nur Syamsinar Binti Sharifuddin**
Pegawai Tadbir Gred 41
Administrative Officer N41
- 3 En Mohamad Roashaaree Bin Ab Rahim**
Pegawai Tadbir Gred 41
Administrative Officer N41

BAHAGIAN PENGURUSAN HARTANAH
PROPERTY MANAGEMENT DIVISION



1 En Mohd Ghazali Bin Aman
Pegawai Tadbir Gred N44
Administrative Officer N44

2 Puan Tan Lai Kum
Arkitek Landskap Gred J44
Landscape Architect J41/44

3 En Mohd Fakhurulrazi Bin Shamsudin
Pegawai Tadbir Gred N41
Administrative Officer N41

4 En Mohd Khairi Bin Mohd Taib
Jurutera (Mekanikal) Gred J41
Engineer (Mechanical) J41

5 En Abdul Wafiy Hadana Bin Abd Hadi
Jurutera (Awam) Gred J41
Engineer (Civil) J41

6 En Mohamad Firdaus Bin Kamaruzzaman
Juru Ukur Tanah Gred J41
Land Surveyor J41

7 En Mohamad Azizi Ahmad Adzhar
Arkitek Gred J41
Architect J41

8 En Mohd Faizal Bin Ahmad Helme
Juru Geospacial Gred J41
Geospacialist J41

BARISAN PIHAK PENGURUSAN RAC 2019 RAC MANAGEMENT LINE-UP 2019

BAHAGIAN PEMBANGUNAN DEVELOPMENT DIVISION



- 1 En Mohd Shafiq Bin Zolkify**
Jurutera Kanan Gred J44
Senior Engineer J44
- 2 Puan Nurain Binti A. Razak**
Jurutera (Awam) Gred J41
Engineer (Civil) J41
- 3 Encik Hafizuddin Bin Othman**
Jurutera (Elektrikal) J41
Engineer (Electrical) J41
- 4 Puan Azlina Binti Basri**
Juru Ukur Bahan Gred J41
Quantity Surveyor J41

UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN, UNIT HAL EHWAL KORPORAT,
UNIT UNDANG-UNDANG & UNIT PERANCANGAN STRATEGIK
*INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT, CORPORATE AFFAIRS UNIT, LEGAL UNIT &
STRATEGIC PLANNING UNIT*



UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN
INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

- 1 Puan Arena Binti Ariffin**
Pegawai Tadbir Gred N48
Administrative Officer N48

UNIT HAL EHWAL KORPORAT
CORPORATE AFFAIRS UNIT

- 2 Puan Ane Salfarizan Binti Mispani**
Pegawai Penerangan Gred S44
Information Officer S44

UNIT UNDANG-UNDANG
LEGAL UNIT

- 3 En Mohd Faiz Bin Mat Zin**
Pegawai Undang-Undang Gred L44/41
Legal Officer L41/44

UNIT PERANCANGAN STRATEGIK
STRATEGIC PLANNING UNIT

- 4 En Muhammad Muzammil Bin Mohd Nawawi**
Pegawai Tadbir N41
Administrative Officer N41



SEKSYEN 3 :
MENINGKATKAN TADBIR
URUS & INTEGRITI KORPORAT
SECTION 3 :
SOLIDIFYING CORPORATE
GOVERNANCE & INTEGRITY



MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT

SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

Tadbir urus adalah amalan yang perlu dilaksanakan bagi menjamin ketelusan operasi dan menghindari sesebuah organisasi daripada terpalit dengan persepsi negatif yang boleh menjejaskan imej dan kredibiliti. Penguatan rangka kerja dan amalan tadbir urus korporat yang mantap menjadi semakin penting dalam persekitaran masa kini, yang kian tidak menentu serta sentiasa berdepan risiko.

Tadbir urus korporat pada dasarnya adalah mengenai bagaimana sesebuah organisasi diurus dan dikawal, selain cara untuk memastikan akauntabiliti yang bersesuaian untuk mereka yang bertanggungjawab. Oleh itu, peranan utama dalam rangka kerja tadbir urus korporat adalah untuk memastikan pelaksanaan integriti, kawalan dalaman yang kukuh serta amalan pengurusan risiko yang mantap.

Justeru, mulai pertengahan 2018, Perbadanan ini meningkatkan tadbir urus dan integriti korporatnya dengan menubuhkan dua (2) unit baharu iaitu Unit Perancangan Strategik serta Unit Integriti dan Pematuhan yang dilihat dapat menyediakan dan memperkukuhkan RAC sebagai agensi Kerajaan yang diyakini dalam menyokong pembangunan sektor rel di negara ini. Selain itu, bagi memastikan penyampaian perkhidmatan berada pada tahap maksimum, pengurusan aduan awam RAC diwajibkan mencapai KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan.

PENUBUHAN UNIT PERANCANGAN STRATEGIK

Unit Perancangan Strategik merupakan penjenamaan semula Unit Perancangan Perniagaan setelah mengambil kira peranan unit berkenaan bukan sahaja terhadap kepada perancangan strategik berkaitan perniagaan utama RAC. Unit Perancangan Strategik mempunyai fungsi yang lebih besar dan penting iaitu sebagai perancang kepada hala tuju strategik yang telah dikenal pasti dalam memastikan Perbadanan ini mampu melaksanakan fungsi dan peranan sebagaimana yang digariskan di bawah Akta Keretapi 1991.

Governance is a vital mechanism for ensuring high standards of transparency are attained and serves to protect an organisation's image and credibility from negative perceptions. In this regard, an effective corporate governance framework has become increasingly important to all sectors in today's uncertain and changing risk landscape.

Corporate governance in principle refers to the way a corporation is governed and controlled, in addition to promoting greater accountability among key personnel. As such, a corporate governance framework should strive towards achieving a sound integrity as well as effective internal control and risk control systems at the workplace.

Hence, starting mid-2018, the Corporation undertook measures to solidify corporate governance in its operation by setting up two (2) new units, namely Strategic Planning Unit as well as Integrity and Compliance Unit. The units augured well for RAC as a Government agency which plays a pivotal role in propelling the growth of the nation's rail sector. Besides that, to ensure efficient and effective service delivery, it is mandatory for RAC's public complaints management to achieve the key performance indicators (KPI) target set by the Transport Ministry.

ESTABLISHMENT OF STRATEGIC PLANNING UNIT

The Strategic Planning Unit is a rebranding of the Business Planning Unit after taking into account its role which is not merely focused on strategic planning for RAC's core business. The unit has been given wider and vital role as planner for RAC's strategic roadmap to ensure the Corporation is able to discharge its duties and responsibilities as defined under the Railways Act 1991.

Berdasarkan penggubalan Carta Organisasi (secara pentadbiran) melalui Mesyuarat Pengurusan RAC Bilangan 1 Tahun 2018, Unit Perancangan Perniagaan yang diletakkan di bawah Bahagian Pengurusan Hartanah ditukarkan nama kepada Unit Perancangan Strategik berkuat kuasa 1 Februari 2018 dan di tempatkan di bawah penyeliaan Pejabat Pengurus Besar.

Based on the Organisation Chart (administrative) through the RAC Management Meeting No. 1 Year 2018, the Business Planning Unit of the Property Management Division has been renamed Strategic Planning Unit effective 1 February 2018 and placed under the supervision of the General Manager's Office.



Rajah 10: Fungsi Unit Perancangan Strategik
Diagram 10: Functions of Strategic Planning Unit

PELAN PERNIAGAAN RAC 2019 – 2021

RAC membangunkan Pelan Perniagaan bagi tempoh 2019 – 2021 untuk menyediakan platform bagi memastikan kemampanan kedudukan Kewangan secara berterusan sehingga 30 tahun ke hadapan. Pelan Perniagaan ini menetapkan empat (4) teras strategi iaitu:

- i. Menjana pendapatan berterusan melalui Pembangunan Hartanah;
- ii. Meneroka peluang perniagaan bukan berasaskan rel;
- iii. Memacu pemodenan koridor kereta api nasional; dan
- iv. Memastikan industri kereta api kekal mampan dan sejahtera

Berikut adalah teras utama yang dirangka bagi menyokong Pelan Perniagaan RAC:

TERAS 1: PEMBANGUNAN HARTANAH ASET KERETA API

RAC telah melaksanakan projek-projek berorientasikan transit pembangunan – TOD)

RAC BUSINESS PLAN 2019 – 2021

RAC has developed a Business Plan for the period 2019 - 2021 as a platform geared towards ensuring the Corporation's financial sustainability over the next 30 years. Under the Business Plan, four (4) strategic thrusts have been outlined, namely:

- i. To generate sustainable income through Property Development;*
- ii. To explore non-rail based business opportunities;*
- iii. To propel modernisation of the national railway corridor; and*
- iv. To ensure the railway industry remains sustainable and continues to thrive*

Below are the key strategic thrusts that will shape and drive the implementation and planning of the RAC Business Plan:

THRUST 1: DEVELOPMENT OF RAILWAY PROPERTY ASSETS

RAC has implemented several Transit Oriented Development (TOD) projects swiftly to generate

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

secara lebih pesat bagi mendapatkan pulangan yang optimum. Antara strategi utama teras ini adalah:

- Perjanjian strategik bagi pelaksanaan pembangunan bersepadu;
- Pembangunan TOD di tanah hak milik; dan
- Pemuliharaan dan pemulihan semula stesen-stesen warisan

Teras ini bertujuan untuk mewujudkan cara bagi RAC menjana hasil pendapatan yang mampan melalui pembangunan hartanah, mengenal pasti potensi serta mengguna pakai sepenuhnya aset milik RAC dan memperkenalkan pembangunan TOD yang unik kepada RAC. Di samping itu, RAC juga ingin memulihara dan mengembalikan nilai estetik di stesen-stesen warisan miliknya.

TERAS 2: PERNIAGAAN BUKAN BERASASKAN REL

Pada 2019, RAC meneroka peluang-peluang perniagaan bukan berasaskan rel seperti menyewakan ruang peruncitan / ruang niaga di stesen-stesen kereta api milik RAC: Antara strategi utama teras ini adalah:

- Hab pengangkutan yang juga destinasi beli-belah (*station retail*);
- Pengiklanan digital dan bersepadu; dan
- Pajak jangka masa panjang bagi tanah / aset milik RAC

Tujuan teras ini adalah untuk menggalakkan sektor peruncitan di hab pengangkutan terutamanya di stesen kereta api milik RAC, meneroka peluang pengiklanan bersepadu di aset milik RAC dan memanfaatkan penyewaan aset terutamanya pajak tanah untuk jangka masa yang panjang.

TERAS 3: PEMODENAN KORIDOR KERETA API NASIONAL

Sebagai pemacu kemajuan perkembangan industri kereta api nasional, RAC sentiasa mengorak langkah dan berkerjasama rapat dengan kementerian dan agensi lain yang berkaitan. Ini termasuk usaha berterusan bagi mencapai persetujuan *Railway Network Access Agreement 2.0*. Antara strategi utama bagi teras ini adalah:

- Pemisahan/Pengagihan sempurna dalam hal berkaitan pengurusan aset rel; dan
- Meneraju transformasi industri *Freight by Rail*

Tujuan teras ini adalah untuk memastikan proses *vertical separation* dapat dilaksanakan agar aspirasi *Multiple Rail Operator* (MRO) boleh dilaksanakan dan RAC dapat meneroka

optimum returns. Among the key strategies of this thrust are:

- *Strategic agreement for implementation of integrated development;*
- *TOD Development on titled land; dan*
- *Preservation and rehabilitation of heritage stations*

The thrust is aimed at providing a platform for RAC to generate sustainable income through property development, identifying the potential as well as fully leveraging RAC-owned assets and introducing the TOD concept which is unique for the Corporation. At the same time, RAC is also keen to preserve and rejuvenate the aesthetic value of its own heritage stations.

THRUST 2: NON-RAIL BASED BUSINESS

In 2019, RAC explored opportunities in non-rail based business activities such as rental of retail space/shop lots at RAC-owned railway stations. Among the key strategies of this thrust are:

- *Transportation hub which is also the shopping destination (retail station);*
- *Digital and integrated advertising; and*
- *Long term lease for RAC-owned land and assets*

The thrust aims to promote the retail sector at the transportation hub especially at RAC-owned railway stations, to tap opportunities in integrated advertising at RAC-owned assets and to leverage rental of assets especially land leasing for the long term.

THRUST 3: MODERNISATION OF NATIONAL RAILWAY CORRIDOR

As a key driver for shaping the growth of the national railway industry, RAC is always taking proactive steps and working closely with other ministries and relevant agencies. This includes making continuous efforts at reaching consensus in respect of the Railway Network Access Agreement 2.0. Among the key strategies for this thrust are:

- *Seamless Separation of matters related to rail asset management; and*
- *Steer transformation of the industry (Freight by Rail)*

The thrust is aimed at ensuring the vertical separation process is implemented so that the Multiple Rail Operator aspiration can be realised and RAC can explore opportunities to generate

peluang untuk menjana pendapatan daripada penghantaran barang melalui rel iaitu *Freight by Rail*.

TERAS 4: INDUSTRI PERKERETAPIAN KEKAL MAMPAN DAN SEJAHTERA

RAC mempunyai aspirasi untuk memastikan industri rel nasional kekal mampan dan sejahtera. Oleh itu, RAC dalam persediaan untuk menubuhkan sebuah anak syarikat yang akan diberikan tanggungjawab khusus bagi mengendalikan pengurusan aset kereta api terutamanya aset *rolling stock* (*Rolling Stock Company - RosCo*)

RAILWAY NETWORK ACCESS AGREEMENT (RNAA)

Dengan penubuhan RAC, perkhidmatan kereta api yang sebelum ini dijalankan secara *vertically integrated* telah diubah kepada *vertically separated*. Dalam hal ini, RAC diberi mandat melalui Akta Keretapi 1991 untuk mengambil alih tanggungjawab pengurusan dan penyelenggaraan aset-aset kereta api, bebanan hutang dan fungsi-fungsi lain di luar skop perkhidmatan kereta api. Akta tersebut juga menyebut bahawa KTMB akan memberi tumpuan sepenuhnya sebagai pengendali perkhidmatan kereta api atau dalam kata lain sebagai operator supaya perkhidmatan rel yang dikendalikannya dapat berkembang maju dan berdaya saing.

Aspirasi Kerajaan dalam melaksanakan *vertical separation* di antara organisasi pengurusan aset dan pengendalian perkhidmatan kereta api melalui penggabungan Akta Keretapi 1991 adalah bagi menjaga kepentingan harta Kerajaan dan memastikan kelestarian industri perkhidmatan kereta api. Berdasarkan kajian-kajian yang dilaksanakan, tahap kecekapan dan produktiviti organisasi kereta api akan bertambah apabila dasar *vertical separation* dilaksanakan dan pengendali perkhidmatan kereta api tambahan diperkenalkan.

Pada masa ini, pembahagian peranan dan tanggungjawab untuk RAC dan KTMB masih tidak jelas, dengan KTMB sehingga kini masih menjalankan pengurusan dan penyelenggaraan selain pengoperasian kereta api. Situasi ini boleh dilihat melalui gambar rajah di bawah :

income from Freight by Rail.

THRUST 4: SUSTAINABLE AND THRIVING RAILWAY INDUSTRY

RAC's aspiration is to ensure the national railway industry remains sustainable and continues thrive. As such, RAC is making preparations for set up a subsidiary which will be responsible for management of railway assets especially rolling stock assets (Rolling Stock Company - RosCo).









RAILWAY NETWORK ACCESS AGREEMENT (RNAA)

With RAC's establishment, railway services which were previously vertically integrated, are now vertically separated, with RAC given the mandate under the Railways Act 1991 to take over the management and supervision of railway assets, liabilities and other functions beyond the scope of railway services. The Act provides for KTMB as the train operator to fully focus on improving the railway industry's growth and competitiveness.

The Government's aspiration in carrying out vertical separation between the asset management organisation and the railway service operator through the formulation of the Railways Act 1991 is to safeguard the Government's property as well as to ensure sustainability of railway service operations. Based on studies carried out, efficiency and productivity of the railway operation will improve when the vertical separation policy is implemented, paving way for more operators to enter the local sector.

At the same time, the separation of roles and responsibilities between RAC and KTMB are still unclear, with KTMB still undertaking management and maintenance as well as railway service operations. The situation is shown in the chart below:

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

Aset <i>Asset</i>	Tanah <i>Land</i>	Landasan <i>Track</i>	Infra Berat <i>Heavy Infra</i> (bridges, tunnels)	Stesen & Terminal <i>Stations & Terminals</i>	Depot & Yad <i>Depots & Yards</i>	Sistem Isyarat & Kawalan <i>Signalling & Control Systems</i>	Rolling Stock <i>Rolling Stock</i>	Pengiklanan & Infra <i>Advert. & Infra</i>
Peranan <i>Roles</i>								
Beli <i>Buy</i>								
Reka Bentuk <i>Design</i>								
Bina <i>Build</i>								
Biaya <i>Finance</i>								
Operasi <i>Operate</i>								
Senggara <i>Maintain</i>								
Naik Taraf <i>Upgrade</i>								
Lupus <i>Dispose</i>								

Lama kelamaan, pemisahan peranan di antara RAC dan KTMB ada kalanya kabur
Over time, separation of roles between KTMB and RAC have occasionally been blurred.

Legend | *Legend* :

RAC	KTMB	Peranan kabur RAC & KTMB <i>Mixture of roles (RAC / Government)</i>	Kerajaan Persekutuan <i>Federal Government</i>
-----	------	--	---

Rajah 11: Pembahagian peranan dan tanggungjawab di antara RAC dan KTMB (sebelum pelaksanaan RNAA)
Diagram 11: Separation of current roles and responsibilities between RAC and KTMB (before RNAA's implementation).

Dalam melaksanakan sistem kereta api secara *vertical separation*, satu perjanjian di antara organisasi pengurusan aset dan pengendalian perkhidmatan kereta api perlu dimuktamadkan. Perjanjian ini yang dikenali sebagai *Railway Network Access Agreement (RNAA)* di dalam konteks RAC dan KTMB, secara dasarnya memuktamadkan tanggungjawab yang perlu dipikul oleh kedua-dua pihak dalam memastikan perkhidmatan kereta api adalah selamat, boleh diharap dan selesa untuk penggunaan pengguna. Perjanjian ini juga perlu dimuktamadkan dalam memenuhi keperluan kawal selia dan undang-undang.

Sejak dimulakan pada 2015, RNAA menjadi antara komitmen yang perlu dilaksanakan RAC bagi memastikan dasar *vertical separation* dan seterusnya MRO yang diperkenalkan Kementerian Pengangkutan dapat direalisasikan.

In implementing the vertical separation policy for the railway system, an agreement between the asset management organisation and the operator of railway service operations had to be finalised. The Agreement known as the Railway Network Access Agreement (RNAA) in respect of RAC and KTMB, in principle, defined the responsibilities of both parties in providing safe, reliable and comfortable railway services for commuters. Finalisation of the agreement was necessary to meet regulatory and legal requirements.

Since its inception in 2015, the RNAA has become one of the commitments that needs to be fulfilled by RAC to ensure that the Multiple Railway Operator (MRO) policy introduced by the Ministry of Transport can be realised.

The RNAA was implemented as there was no official agreement between RAC and KTMB for the latter to utilise RAC's assets explicitly after the

Pelaksanaan RNAA dibuat berikutan tiada perjanjian rasmi di antara RAC dan KTMB mengenai penggunaan aset milik RAC secara jelas oleh KTMB selepas Akta Keretapi 1991 dikuatkuasakan. Selain itu, teguran yang dibuat oleh Ketua Audit Negara dalam laporannya pada 2009 turut memberi kesan langsung terhadap cadangan pelaksanaan RNAA. Cadangan pelaksanaan perjanjian tersebut juga adalah sebagai cadangan balas kepada pewujudan *Master Lease Agreement* yang dicadangkan KTMB melalui Pelan Transformasi KTMB.

Railways Act 1991 came into force. Besides, the Auditor-General's remarks in his report in 2009 had a direct impact on the proposed implementation of the RNAA. The proposal to execute the agreement was also made in response to the formulation of the Master Lease Agreement recommended by KTMB through the KTMB Transformation Plan.

In a nutshell, the RNAA's implementation would provide a clear direction on the roles and responsibilities of RAC and KTMB, as shown in the diagram below:

Secara ringkasnya, pelaksanaan RNAA kelak akan menggariskan dengan jelas peranan dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh RAC dan KTMB, seperti gambar rajah di bawah:

		Jenis Aset Asset Type							
		Tanah Land	Landasan Track	Infra Berat Civil Infra (Bridges, Tunnels)	Stesen & Terminal Stations & Terminals	Depot & Yad Depots & Yards	Sistem Isyarat & Kawalan Signalling & Control Systems	Rolling Stock Rolling Stock	Aset Komersial Commercial Assets
RAC dijangka mempunyai peranan lebih meluas di bawah rangka kerja <i>vertical separation</i> <i>RAC is expected to have an expanded role under the vertical separation framework</i>									
Pemisahan peranan diantara RAC & KTMB adalah seperti diharapkan di bawah <i>vertical separation</i> dan RNAA <i>Separation of roles between KTMB & RAC as envisioned under vertical separation & RNAA</i>		Peranan Roles							
Tanggungjawab untuk memulakan & membiayai perluasan atau pembangunan aset-aset kereta api bergantung kepada dasar kerajaan <i>Responsibility for initiating & financing expansion or development of railway assets will depend on government policy</i>		Bina / Beli Build / Buy							
RAC menyenggara 'Railway Network Ancillary Assets and Leased Rolling Stock' (perenggan 2.4 RNAA) <i>RAC to maintain the Railway Network, Ancillary Assets and Leased Rolling (para 2.4 RNAA)</i>		Penyenggaraan Maintenance							
RAC bertanggungjawab mengendalikan pelupusan aset-aset keretapi dengan sempurna <i>RAC is responsible for proper disposal of assets</i>		Pelupusan Disposal							
RAC melaksanakan operasi kereta api <i>KTMB to operate train services</i>		Operasi Operations							
RAC bertanggungjawab mengendalikan pelupusan aset-aset keretapi dengan sempurna <i>RAC is responsible for proper disposal of assets</i>		Pelupusan Disposal							

Legend | Legend :

RAC	KTMB	Peranan kabur RAC &KTMB Mixture of roles (RAC / Government)
-----	------	--

Rajah 12: Pembahagian peranan dan tanggungjawab di antara RAC dan KTMB (selepas pelaksanaan RNAA)
Diagram 12: Separation of current roles and responsibilities between RAC and KTMB (after RNAA's implementation).

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

Hasrat ini juga selari dengan Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 2019-2030 yang mahukan pihak-pihak swasta untuk melabur dan menyewa landasan kereta api yang dimiliki RAC/Kerajaan bagi tujuan logistik terutama untuk pengangkutan barangan memandangkan tahap penggunaannya kini terhad kepada KTMB sahaja. Oleh itu, bagi memastikan pengguna perkhidmatan kereta api mendapat perkhidmatan terbaik dan kompetitif, pengendali-pengendali baharu kereta api perlu diwujudkan dan rangka MRO perlu diguna pakai.

Ini dapat dilakukan melalui dasar *vertical separation* yang telah pun diperkenalkan melalui Akta Keretapi 1991 dan RNAA sebagai asas dalam melaksanakan dasar ini. Pemisahan fungsi antara pengurusan aset dan pengendalian perkhidmatan kereta api bersama-sama dengan dasar pengawalseliaan yang kukuh dapat meyakinkan syarikat-syarikat swasta untuk melabur bagi menawarkan perkhidmatan kereta api alternatif.

PENUBUHAN UNIT INTEGRITI DAN PEMATUHAN

Unit Integriti dan Pematuhan (UIP) ditubuhkan selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2013 bagi mencapai hasrat Kerajaan menjadikan Unit Integriti sebagai *focal point* kepada pengurusan isu-isu berkaitan integriti di semua agensi awam. Penubuhan UIP diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC yang ke-88 pada 19 Disember 2018.

Penubuhan UIP merupakan usaha kawalan dalaman oleh RAC bagi melaksanakan inisiatif integriti, memantapkan tadbir urus terbaik dan membudayakan kerja berintegriti dalam usaha membanteras gejala rasuah dan salah laku di dalam organisasi.

Organisasi yang ditadbir urus dengan baik dan bebas daripada amalan rasuah adalah sangat penting bagi meningkatkan keyakinan pelanggan, komuniti dan pemegang taruh terhadapnya. UIP bertanggungjawab melaksanakan fungsi teras yang digariskan pekeling serta fungsi audit dalam seperti berikut:

This aspiration is in line with the initiatives of the National Transport Policy (NTP) 2019-2030, with the Government inviting the private sector to invest in and rent railway infrastructure owned by RAC/ Government for logistics purposes, given the low utilisation of tracks which are now solely used by KTMB's trains. As such, to ensure railway service commuters receive the best and competitive service, new railway operators need to be created based on the MRO framework.

This can be realised through the vertical separation policy which had been introduced under the Railways Act 1991 and the RNAA as the foundation for the policy's implementation. The separation of functions between asset management and railway service operation along with an effective regulatory policy would boost investor confidence, offering alternative rail services to the public.

ESTABLISHMENT OF INTEGRITY AND COMPLIANCE UNIT

The Integrity and Compliance Unit (UIP) Unit was set up in accordance with the Service Circular No.6 of 2013 to realise the Government's aspiration of making the Integrity Unit as the focal point for managing issues related to integrity in all public agencies. Approval for its establishment was received at RAC Board of Directors' 88th Meeting on 19 December 2018.

The UIP was incepted as RAC's internal control measure to develop an integrity initiative, to ensure the implementation of corporate governance best practices and to inculcate a culture of integrity at the workplace as an integrated effort to combat corruption and misconduct in the organisation.

A well-governed and corruption-free organisation is crucial for gaining confidence from customers, community and stakeholders. UIP is responsible for the implementation of core functions as outlined in the circular as well as audit functions shown below:



Rajah 13: Fungsi Unit Integriti dan Pematuhan
Diagram 13: Functions of Integrity and Compliance Unit

AKTIVITI AUDIT DALAMAN 2019

Pada 2019, UIP melaksanakan lima (5) pengauditan seperti dirancang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Audit Anggota Perbadanan RAC Bil. 1 Tahun 2019.

INTERNAL AUDIT ACTIVITIES 2019

In 2019, UIP conducted five (5) audit sessions which were planned and approved by the Audit Committee of RAC Board of Directors No.1 Year 2019.

BIL. NO.	TAJUK AUDIT AUDIT TOPIC	OBJEKTIF OBJECTIVE	TARIKH PENGAUDITAN AUDITING DATE
1.	Audit Dalam Terhadap Barangan Inventori dan <i>Capital Spares</i> <i>Internal Audit on Inventory and Capital Spares</i>	Membuat pelarasan baki nilai untuk buku akaun semasa. <i>To adjust the book balance so as to match the physical count</i>	11 April 2019 <i>11 April 2019</i>
2.	Audit Pematuhan ke atas Pelaksanaan Dokumen myPortfolio <i>Compliance Audit on Implementation of myPortfolio Document</i>	Memastikan arahan kerja lengkap, penggunaan yang berkesan dan menyokong fungsi agensi. <i>To ensure orderly and effective implementation of workplace guideline and to support the agency's function</i>	27 Jun 2019 <i>27 June 2019</i>

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

BIL. NO.	TAJUK AUDIT AUDIT TOPIC	OBJEKTIF OBJECTIVE	TARIKH PENGAUDITAN AUDITING DATE
3.	Audit Pematuhan ke atas Pelaksanaan Kutipan Hasil Sewaan <i>Compliance Audit on Revenue Collection</i>	Memastikan tadbir urus yang berkesan dan selaras dengan tatacara kewangan <i>To ensure effective governance and in accordance with the finance guideline</i>	10 September 2019 <i>10 September 2019</i>
4.	Audit Pematuhan ke atas Pelaksanaan Pelupusan Barang Lusuah Secara Jualan Sisa <i>Compliance Audit on Disposal of Scrap Materials As Wastes</i>	Memastikan tadbir urus yang berkesan dan selaras dengan tatacara kewangan. <i>To ensure effective governance and in accordance with the finance guideline</i>	10 Julai 2019 <i>210 July 2019</i>
5.	Audit Dalam Terhadap Jualan Tiket Komuter Dan Diskaun 20 Peratus Untuk Tuntutan April, Mei dan Jun 2019 <i>Internal Audit on Sales of Commuter Tickets and 20 Percent Discount Claims for April, May and June 2019</i>	Melaporkan sebarang percanggahan maklumat jualan bagi tujuan pelarasan pembayaran tuntutan diskaun 20 peratus. <i>To report any duplication of sales information for payment adjustment related to 20 percent discount claims</i>	22 Oktober 2019 <i>22 October 2019</i>

Jadual 1: Aktiviti pengauditan sepanjang 2019
Table 1: Auditing activities throughout 2019

LAWATAN KERJA UIP 2019

Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berperanan menyelaras pelaksanaan fungsi Unit Integriti di semua Kementerian, Jabatan dan agensi-agensi berkaitan. Bahagian itu turut bertanggungjawab untuk menyediakan dasar dan mekanisme pengurusan integriti di agensi berkenaan.

Bagi memastikan pengurusan UIP berada di landasan yang betul, satu sesi lawatan diadakan ke BPIA bagi membincangkan hala tuju UIP selepas penubuhannya di RAC.

UIP WORKING VISITS 2019

The Agency Integrity Management Division (BPIA) of the Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC) is tasked with coordinating the Integrity Units of all Ministries, Departments and related agencies. The Division is also responsible for outlining integrity management policies and mechanisms at these agencies.

To ensure UIP management is on the right track, a visit to BPIA was held to discuss the UIP's directions after its establishment at RAC.



Gambar 1 : Sesi Perbincangan Unit Integriti dan Pematuhan RAC Bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi (BPIA), SPRM

Tarikh: 21 Jun 2019

Tempat : Bilik Mesyuarat BPIA, Aras 8, Blok B, Ibu Pejabat SPRM, Putrajaya

Picture 1 : Discussion Session between RAC Integrity and Compliance Unit with Agency Integrity Management Division (BPIA), MACC

Date: 21 June 2019

Venue: Meeting Room BPIA, Level 8, Block B, MACC Head Office, Putrajaya

Selain itu, UIP juga mengadakan lawatan ke Unit Integriti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) bagi sesi perkongsian ilmu.

In addition, UIP has also organised a visit to the Malaysian Qualification Agency (MQA) Integrity Unit for a knowledge sharing session.



Gambar 2 : Sesi Perbincangan Unit Integriti RAC Bersama Unit Integriti Agensi Kelayakan Malaysia (MQA)

Tarikh: 16 Mei 2019

Tempat: Bilik Mesyuarat Aras 7, Mercu MQA, Cyberjaya

Picture 2 : Discussion Session between RAC Integrity Unit and Malaysian Qualifications (MQA) Integrity Unit

Date: 16 May 2019

Venue: Meeting Room, Level 7, MQA Tower, Cyberjaya

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY



Pelaksanaan diskaun 20 peratus tambang perkhidmatan KTM Komuter pada 1 April 2019 merupakan antara inisiatif Kerajaan untuk meringankan kos sara hidup pengguna komuter. Keputusan itu hasil cadangan Kementerian Pengangkutan berdasarkan Mesyuarat Tindakan Kos Sara Hidup Negara. Dalam hal ini, RAC dan KTMB diberi tanggungjawab untuk memastikan inisiatif ini dapat dijalankan dengan lancar dan manfaatnya dapat dinikmati rakyat.

Langkah ini telah memberi manfaat kepada penumpang yang menggunakan perkhidmatan Komuter secara harian memandangkan faktor kos pengangkutan adalah yang ketiga tertinggi menyumbang kepada kos sara hidup. Inisiatif ini dijangka memanfaatkan kira-kira 94,000 penumpang setiap hari di lima jajaran iaitu Padang Rengas–Butterworth, Butterworth–Padang Besar, Pelabuhan Klang–Tanjung Malim, Seremban–Batu Caves dan Sungai Gadut–Tampin.

Selain diskaun 20 peratus, pengguna sistem tanpa tunai seperti MyKad dan Touch N Go turut menikmati diskaun tambahan 20 peratus. Pada 2019, sejumlah RM8,088,414.00 dibelanjakan RAC bagi tujuan tersebut. Inisiatif ini akan tamat pada 31 Mac 2020.

The implementation of a 20 percent fare discount for KTM Komuter service on 1 April 2019 is among the initiatives of the Government aimed at easing the commuter users' cost of living. The decision was following a proposal presented by the Ministry of Transport at the National Cost of Living Action Meeting. In this regard, RAC and KTMB were entrusted with the responsibility of ensuring a seamless implementation of the initiative with benefits to be enjoyed by the people.

The initiative has benefitted passengers using the Commuter service on a daily basis given that the cost of transportation is the third highest factor contributing to the cost of living.

About 94,000 passengers are expected to benefit from the initiative daily at five stretches namely Padang Rengas-Butterworth, Butterworth-Padang Besar, Port Klang-Tanjung Malim, Seremban-Batu Caves and Sungai Gadut-Tampin.

In addition to the 20 percent discount, passengers who use the cashless transaction system such as MyKad and Touch N Go who are already enjoying a 20 percent discount, will get another 20 percent discount. In 2019, a total of RM8,088,414.00 had been spent by RAC for this purpose. The initiative ends on 31 March 2020.

PENGURUSAN ADUAN AWAM

Sebagai sebuah agensi Kerajaan, RAC komited dalam menguruskan aduan yang diterima. Selaku agensi yang terlibat secara langsung dengan keperluan rakyat, RAC perlu mengikis sindrom menolak realiti dan sebaliknya bersikap terbuka dalam menerima kritikan masyarakat. Pengurusan aduan RAC diurus berdasarkan Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil. 1 Tahun 2009: Penambahbaikan Proses Pengurusan Aduan Awam.

Sepanjang 2019, sebanyak 147 aduan dan cadangan diterima serta diselaraskan, dengan kesemua 147 kes itu berjaya diselesaikan 100 peratus. Dengan pencapaian tersebut, RAC berjaya melepasi KPI yang ditetapkan oleh Kementerian Pengangkutan bagi menyelesaikan aduan iaitu 96 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 3. Turut dipaparkan adalah jumlah dan status aduan yang diterima mengikut bulan sepanjang 2019 seperti berikut :

MANAGEMENT OF PUBLIC COMPLAINTS

As a Government agency, RAC is committed to managing complaints it received. As an agency directly providing services to the people, RAC has to eliminate the denial syndrome and be more open-minded in accepting public criticisms. Complaints management at RAC is implemented based on Public Administration Circular No.1 Year 2009: Improvement of Public Complaints Management Process.

In 2019, a total of 147 complaints and recommendations were received and addressed, with 100 per cent solved. With this achievement, RAC succeeded in exceeding the Key Performance Indicators (KPI) target of the Ministry of Transport in solving 96 per cent of the complaints as shown in Table 3.

Below is the total number of complaints received on a monthly basis in 2019 by category and status:

PERKARA DETAILS	JUMLAH ADUAN TOTAL COMPLAINTS					
	Terima Received	Aduan RAC RAC'S Complaints	Aduan Agensi Lain Other Agencies' Complaints	Tidak Selesai Unsolved	Selesai Solved	Selesai (%) Solved (%)
Jumlah Aduan Total Complaints	147	133	14	0	147	100

** KPI Penyelesaian Aduan Kementerian Pengangkutan : 96 peratus

** Transport Ministry's KPI In Solving Complaints : 96 per cent

Jadual 2 : Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan pada 2019


Table 2 : Number of complaints received and solved in 2019

TAHUN YEAR	STATUS ADUAN COMPLAINTS STATUS			
	Jumlah Aduan Diterima Complaints Received	Jumlah Aduan Selesai Complaints Solved	Jumlah Aduan Tidak Selesai Complaints Unsolved	Aduan Tidak Berkaitan Irrelevant Complaints
2017	129	122	6	1
2018	159	147	12	10
2019	147	133	0	14

Jadual 3: Perbandingan jumlah dan status aduan pada 2017, 2018 dan 2019

Table 3: Number and status of complaints by comparison in 2017, 2018 and 2019

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY



Graf 1: Perbandingan jumlah dan status aduan pada 2017, 2018 dan 2019
Graph 1 : Number and status of complaints by comparison in 2017, 2018 and 2019

Jika dibandingkan secara teliti terhadap aduan yang diterima bagi tempoh tiga tahun berturut-turut, jumlah aduan yang diterima pada 2019 menurun sebanyak 12 kes berbanding 159 kes yang diterima pada 2018. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 133 kes merupakan aduan berkaitan RAC dengan kesemua aduan berjaya diselesaikan manakala 14 aduan lagi merupakan aduan yang tidak berkaitan dengan fungsi dan peranan RAC. Meskipun aduan terbabit bukan di bawah bidang kuasa Perbadanan ini, namun ia disalurkan kepada agensi berkenaan untuk tindakan penyelesaian. Daripada maklum balas yang diperoleh daripada agensi berkenaan, aduan tersebut telah diselesaikan.

Sepanjang 2019 juga, tiada aduan tertunggak direkodkan dengan kesemua aduan dapat diselesaikan sehingga penghujung tahun berkenaan. Pengurangan jumlah aduan yang diterima RAC adalah disebabkan oleh tindakan proaktif Unit Pengurusan Infrastruktur melantik kontraktor pembersihan mengikut zon. Langkah ini membolehkan aduan yang melibatkan pembersihan atau penyelenggaraan kawasan dapat dilakukan dengan cepat dan efisien. Selain itu, pelantikan kontraktor tersebut juga membolehkan tanah-tanah kereta api, yang dikategorikan sebagai *hot spot* iaitu kawasan yang terletak di dalam atau berdekatan kawasan perumahan dan orang awam, dapat dibersihkan secara berkala. Inisiatif ini membantu mengurangkan jumlah aduan dengan aduan berkaitan pembersihan dan penyelenggaraan kawasan adalah yang paling banyak diterima oleh Perbadanan ini.

Jadual-jadual berikut menunjukkan jumlah penerimaan aduan mengikut bulan dan peratusan serta bahagian/unit yang menerima paling banyak aduan.

Based on the figures over three consecutive years, the number of complaints received by RAC in 2019 has dropped by 12 cases compared to 159 cases received in 2018. Of the total, 133 were cases related to RAC with all cases solved while 14 complaints were not related to RAC's role and functions. Although these complaints were not under the Corporation's purview, they were however channelled to the relevant agencies for further action. From the feedback received from these agencies, the complaints had been solved.

In 2019, no complaints were brought forward as they were all solved. The decline in the number of complaints received by RAC was due to the proactive approach undertaken by the Infrastructure Management Unit by engaging a cleaning service contractor for each zone. As such, complaints related to cleaning and maintenance of these areas were addressed quickly and efficiently. With the appointment of the cleaning service contractor, railway land categorised as hotspots, namely those located near residential areas and public places, could be cleaned up periodically. As a result, there was a drop in the number of complaints related to cleaning and maintenance of these areas, received by the Corporation.

The tables show the total complaints received based on a monthly basis and percentage. Also shown is the division/unit which received the highest number of complaints.

**JUMLAH DAN STATUS ADUAN YANG DITERIMA
MENGIKUT BULAN PADA 2019****NUMBER AND STATUS OF COMPLAINTS
RECEIVED MONTHLY IN 2019**

BULAN MONTH	JUMLAH ADUAN TOTAL COMPLAINTS	ADUAN RAC RAC'S COMPLAINTS	ADUAN AGENSI LAIN OTHER AGENCIES' COMPLAINTS	DALAM TINDAKAN UNDER INVESTIGATION	SELESAI SOLVED
Januari <i>January</i>	12	12	-	0	12
Februari <i>February</i>	7	7	-	0	7
Mac <i>March</i>	16	16	-	0	16
April <i>April</i>	25	23	2	0	25
Mei <i>May</i>	12	11	1	0	12
Jun <i>June</i>	9	7	2	0	9
Julai <i>July</i>	7	6	1	0	7
Ogos <i>August</i>	21	19	2	0	21
September <i>September</i>	11	11	-	0	11
Oktober <i>October</i>	11	9	2	0	11
November <i>November</i>	8	7	1	0	8
Disember <i>December</i>	8	5	3	0	8
JUMLAH TOTAL	147	133	14	0	147


Jadual 4 : Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan pada 2019
Table 4: Number of complaints received and solved in 2019

MENINGKATKAN TADBIR URUS & INTEGRITI KORPORAT
SOLIDIFYING CORPORATE GOVERNANCE & INTEGRITY

BAHAGIAN/ UNIT DIVISION/ UNIT	JUMLAH ADUAN (KES) NO. OF COMPLAINTS (CASES)	JUMLAH ADUAN (%) NO. OF COMPLAINTS (%)
Bahagian Komersial <i>Commercial Division</i>	44	33.1
Bahagian Khidmat Pengurusan <i>Service Management Division</i>	14	10.5
Bahagian Pembangunan <i>Development Division</i>	3	2.3
Unit Pengurusan Infrastruktur <i>Infrastructure Management Unit</i>	46	34.6
Unit Perancangan Pembangunan Tanah <i>Land Development Planning Unit</i>	4	3.0
Hal Ehwal Korporat <i>Corporate Affairs</i>	8	6.0
Unit Pengurusan Tanah <i>Land Management Unit</i>	14	10.5
JUMLAH TOTAL	133	100 %


Jadual 5 : Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan mengikut bahagian dan unit pada 2019
Table 5 : Number of complaints received and solved based on division and unit in 2019

JUMLAH ADUAN YANG DITERIMA MENGIKUT BAHAGIAN DAN UNIT PADA 2019
NO. OF COMPLAINTS RECEIVED BASED ON DIVISION AND UNIT IN 2019



Carta 2 : Peratusan aduan yang diterima mengikut bahagian dan unit pada 2019
Chart 2 : Complaints received by percentage according to division and unit in 2019

SALURAN ADUAN COMPLAINTS' CHANNELS



Carta 14 : Saluran aduan di RAC
Chart 14 : Complaints' channels at RAC

RAC menyediakan pelbagai saluran bagi memudahkan orang ramai menyalurkan aduan mereka. Pada tahun semasa, borang maklum balas di dalam laman web rasmi RAC atau e-mel pegawai penyelar aduan merupakan saluran yang menjadi pilihan utama orang ramai dengan 68.70 peratus aduan diterima melaluinya. Penyaluran aduan menerusi kaedah ini menunjukkan orang ramai memilih mod komunikasi yang lebih mudah dan senang diakses. Saluran-saluran lain seperti surat/faksimili, telefon, Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) dan media sosial mencatatkan jumlah penerimaan aduan yang sedikit. Ringkasan sumber penerimaan aduan boleh dirujuk dalam Jadual 6.

Various channels are made available by the RAC for the public to file their complaints. During the current year, feedback forms on RAC's official website or emails of complaints handling officers were the popular choice with 68.70 per cent complaints received. This shows that members of the public prefer a simple and easily accessible communication platform. However, only a small percentage of complaints were channelled through mails/facsimile/telephone, Public Complaints Management System (SISPAA) and the social media. A summary of sources of complaints received by the RAC is shown in Table 6.

SUMBER SOURCES	JUMLAH ADUAN NO. OF COMPLAINTS	JUMLAH ADUAN (%) NO. OF COMPLAINTS (%)
Borang Maklum Balas Laman Web / E-mel <i>Feedback Form Via Website/ Email</i>	101	68.70
Surat /Faksimili <i>Letter /Facsimile</i>	7	4.76
Telefon <i>Telephone</i>	5	3.40
Agensi-agensi lain <i>Other Agencies</i>	5	3.40
Biro Pengaduan Awam / SISPAA <i>Public Complaints Bureau/ SISPAA</i>	13	8.84
Media Sosial <i>Social Media</i>	16	10.88

Jadual 6: Sumber penerimaan aduan bagi Januari hingga Disember 2019
Table 6: Sources of complaints received from January to December 2019



SEKSYEN 4 :
PENGURUSAN HARTANAH
SECARA HOLISTIK
SECTION 4 :
HOLISTIC PROPERTY
MANAGEMENT



PENGURUSAN HARTANAH SECARA HOLISTIK *HOLISTIC PROPERTY MANAGEMENT*

Penjanaan pendapatan memainkan peranan penting bagi membolehkan operasi RAC dilaksanakan dengan lancar. Pendapatan RAC yang utama adalah daripada hasil sewaan dan pajakan aset-aset milik RAC. Jenis sewaan yang sering diberikan adalah sewaan tapak kepada individu bagi tujuan persendirian, sewaan tapak bagi pengurusan tempat letak kereta, sewaan bangunan, gudang, yad, kuarters, ruang niaga di dalam stesen-stesen kereta api (seperti kiosk, *push carts* dan *vending machine*), pajakan tanah jangka panjang, pengiklanan luar, pembinaan menara pemancar telekomunikasi dan tumpang lalu bagi projek-projek yang dijalankan di dalam tanah hak milik dan rizab kereta api, yang diletakhakkan kepada RAC.

RAC terus mengorak langkah dalam memastikan aktiviti sewaan, pajakan, pengiklanan dan tumpang lalu terus menjadi penyumbang utama kepada hasil pendapatan Perbadanan ini memandangkan RAC tidak lagi menerima peruntukan belanja mengurus daripada Kerajaan sejak 2015. Sumber pendapatan yang diperolehi akan digunakan dalam mentadbir urus aset-aset kereta api merangkumi kerja-kerja naik taraf dan penyelenggaraan kemudahan dan fasiliti kereta api, kerja-kerja pembersihan dan lain-lain yang berkaitan fungsi RAC sebagai pengurus aset.

Demografi majoriti penyewa RAC terdiri daripada golongan B40 yang merangkumi 70 peratus manakala sebanyak 20 peratus lagi adalah kalangan M40 dan baki 10 peratus terdiri daripada golongan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dengan bilangan keseluruhan penyewa dan pemajak sedia ada ialah sebanyak 3,263 pada 2019 berbanding 2,461 pada 2018, yang menyaksikan peningkatan jumlah penyewa sebanyak 33 peratus.

Bagi membolehkan pengurusan *core business* RAC dibuat dengan lebih mudah, selamat dan efisien, RAC memperkenalkan *Railway Assets Intelligence System* (RAILS) secara rasminya mulai 1 Ogos 2017. Inisiatif ini merupakan pendekatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) untuk membolehkan permohonan, semakan status, pemantauan, penyelenggaraan aset dan pembayaran sewaan dibuat secara dalam talian.

Income generation plays a vital role in ensuring seamless implementation of strategies and strengthening RAC's operational efficiencies. RAC's income is primarily derived from rental and leasing of its assets. The types of rental usually offered to clients are site rental to individuals for private purposes, car park management, rental of building, warehouse, yard, quarters and commercial space at railway stations (such as kiosk, push cart and vending machine). Others include long term land lease, outdoor advertising, construction of a telecommunication tower and wayleave activities for projects undertaken on titled and reserve railway land vested in the Corporation.

RAC continues to take a leap forward in ensuring rental, leasing, advertising and wayleave activities remain as the key contributors to its revenue given that the Corporation no longer receives operating expenditure allocation from the Government since 2015. This source of income will be used for the organisation's governance, which includes upgrading and maintenance of railway facilities, cleaning works as well as other activities related to RAC's functions as asset manager.

The majority of RAC tenants are from the B40 income group, accounting for 70 per cent, while 20 per cent are from M40 with the balance of 10 per cent comprising Small and Medium Enterprises (SMEs). Overall, the number of tenants saw a 33 per cent increase to 3,263 in 2019 from 2,461 in 2018.

To enable RAC's core business to be managed more easily, safely and efficiently, RAC officially introduced the Railway Assets Intelligence System (RAILS) on 1 August 2017. This Information and Communications Technology (ICT)-based initiative allows applications for asset rental, checking of status, rental payments, asset monitoring and maintenance, to be made online.

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

PENYEWAAN & PAJAKAN TANAH KERETA API

a) TERMA DAN SYARAT

RAC menawarkan dua (2) jenis sewaan kepada pelanggan iaitu Penyewaan Jangka Masa Pendek dan Penyewaan Jangka Masa Panjang (atau disebut sebagai Pajakan). Berikut adalah perbezaan terma dan syarat bagi aktiviti sewaan dan pajakan:

RENTAL & LEASE OF RAILWAY LAND

a) TERMS AND CONDITIONS

Two (2) types of rental are offered to clients by RAC, namely Short Term Rental and Long Term Rental (Leases). Below is a table showing the differences in terms and conditions for rental and lease:

PERKARA DETAILS	SEWAAN RENTAL	PAJAKAN LEASE
PEMOHON APPLICANT	Individu / Syarikat / Pertubuhan/ Sekolah/ Rumah Ibadat <i>Individual / Company / Organisation/ School/ House of Worship</i>	
TEMPOH SEWAAN/ PAJAKAN DURATION OF RENTAL/LEASE	Maksimum lima (5) tahun <i>Maximum of five (5) years</i>	Enam (6) tahun hingga maksimum 30 tahun <i>From six (6) to a maximum of 30 years</i>
TUJUAN PURPOSE	Aktiviti komersial dan bukan komersial termasuk pertanian <i>Commercial and non-commercial activities including agriculture</i>	Pembangunan dan aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan kereta api <i>Railway-related development and commercial activities</i>
PROSES KELULUSAN APPROVAL PROCESS	Mesyuarat Penyewaan dan Pajakan Tanah-Tanah RAC <i>RAC Land Rental and Lease Meeting</i>	i. Mesyuarat Penyewaan Dan Pajakan Tanah-Tanah RAC ii. Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC iii. Mesyuarat Jemaah Menteri <i>i. RAC Land Rental and Lease Meeting</i> <i>ii. RAC Board of Directors' Meeting</i> <i>iii. Cabinet Ministers' Meeting</i>
STRUKTUR STRUCTURE	Sementara atau separa kekal <i>Temporary or Semi-Permanent</i>	Kekal <i>Permanent</i>
LOKASI PILIHAN PREFERRED LOCATION	i. Sepanjang jajaran kereta api tertakluk pada jarak keselamatan melebihi 40 kaki dari landasan ii. Bangunan (gudang/ kiosk / kuarters) <i>i. Along railway alignment but subject to safety distance of 40 feet from the tracks</i> <i>ii. Building (warehouse/kiosk/quarters)</i>	Tanah-tanah poket atau tanah surplus yang berpotensi bagi pembangunan berskala besar <i>Pocket land or surplus land with potential for large-scale development</i>
LANJUTAN TEMPOH EXTENSION APPLICATION	Enam (6) bulan sebelum tamat <i>Six (6) months before contract expires</i>	Satu (1) tahun sebelum tamat <i>One (1) year before contract expires</i>

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

PERKARA DETAILS	SEWAAN RENTAL	PAJAKAN LEASE
NOTIS PENAMATAN TERMINATION NOTICE	30 hari sebelum tamat <i>30 days before contract expires</i>	Enam (6) bulan sebelum tamat <i>Six months before contract expires</i>
KADAR SEWA RATES	Bayaran secara pukal, sewa bulanan atau sewa tahunan berdasarkan nilai pajakan yang ditentukan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) <i>Lumpsum, monthly or annual rental payment based on value assessed by Valuation and Property Services Department (JPPH)</i>	
KELULUSAN APPROVAL	Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan <i>Rental and Lease Committee Meeting</i>	

Jadual 7 : Perbezaan terma dan syarat bagi sewaan dan pajakan
Table 7 : Differences in terms and conditions for rental and lease

Semua permohonan sewaan bagi tujuan komersial tertakluk kepada ulasan teknikal daripada KTMB bagi tapak yang berada di dalam kawasan operasi termasuk kiosk persendirian. Bagaimanapun, pengecualian ini tidak tertakluk kepada kiosk sedia ada di dalam bangunan stesen.

Namun, berdasarkan ketetapan yang diputuskan melalui Dasar Penyewaan/Pajakan Tanah Kereta Api/ Ruang Stesen/ Kuarters dan Gudang Milik RAC, Perbadanan ini boleh menolak mana-mana permohonan penyewaan di sepanjang landasan kereta api yang terletak dalam jarak keselamatan iaitu kurang 40 kaki tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajakan Tanah-tanah RAC.

Walaupun tanah-tanah rizab kereta api ditetapkan sebagai zon pengangkutan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), kebanyakan aktiviti sewaan yang diluluskan RAC adalah bagi tujuan komersial. Oleh itu, ulasan daripada PBT perlu diperoleh sebelum sesuatu permohonan penyewaan dipertimbangkan bagi memudahkan penyewa mendapatkan kebenaran merancang untuk membina struktur (separa kekal) dan memohon bekalan utiliti seperti air dan elektrik ke tapak sewaan. Ulasan daripada agensi-agensi lain seperti Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Veterinar juga diperlukan, sekiranya berkaitan.

b) PENAMATAN SEWA / PAJAKAN

Sesuatu permohonan sewa boleh ditamatkan serta merta sekiranya:

- Tunggakan maksimum dua (2) bulan;
- Melanggar syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian sewaan; dan
- Melanggar undang-undang dan peraturan perundangan semasa negara

All rental applications for commercial purposes in railway operational areas, including private kiosks, are subject to technical review from KTMB, with exemption given to existing kiosks located inside station buildings.

However, RAC's policy on rental/lease of its railway land, station, quarters and warehouse states that the Corporation may directly reject any rental application on sites located within the safety distance of 40 feet without going through the RAC Land Rental and Lease Committee Meeting.

Although the railway reserve land has been categorised as a transportation zone by the Local Authorities, most of the approved rental activities are for commercial purposes. Therefore, a review from the relevant Local Authority needs to be obtained before a rental application can be considered for the applicants to get the planning approval to build a structure (semi permanent) and to apply for utility supply to the rental site. Reviews from other agencies such as the Department of Environment and the Department of Veterinary will be required if it is relevant.

b) TERMINATION OF TENANCY

Each rental contract can be terminated immediately if:

- *Maximum rental arrears of two (2) months;*
- *Violation of terms and conditions stated in the rental agreement; and*
- *Violation of the country's regulations and laws in force.*

c) KATEGORI SEWAAN / PAJAKAN YANG TIDAK DIBENARKAN

RAC berhak menolak permohonan sewaan yang bertujuan seperti berikut tanpa perlu dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Penyewaan dan Pajak Tanah Perbadanan ini.

c) UNALLOWED PURPOSE OF RENTAL

RAC has the right to reject rental applications made for the following purposes without having to refer to the RAC Land Rental and Lease Committee.



Rajah 15: Penyewaan/pajakan yang tidak dibenarkan
Diagram 15: Unallowed purpose of rental

d) AKTIVITI SEWAAN

Sepanjang 2019, RAC menerima 1,018 permohonan sewaan bagi pelbagai tujuan sama ada di atas tanah hak milik/ rizab kereta api, ruang niaga di stesen/ kiosk sedia ada serta bangunan pejabat/kuarters/ gudang/ yad di seluruh negara.

d) RENTAL ACTIVITIES

In 2019, RAC received 1,018 rental applications for various purposes on titled/reserve railway land, commercial space at existing station/kiosk as well as office building/quarters/warehouse/yard nationwide.


AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

Pada tahun semasa juga, RAC melonggarkan syarat sewaan tapak kepada kediaman di Kelantan dan Pahang berdasarkan keputusan Mesyuarat Lembaga Pengarah Ke-81 Bilangan 5 Tahun 2017 yang bersidang pada 22 November 2017 berkaitan Cadangan Penyelesaian Isu Setinggan Di Atas Tanah Hak Milik RAC di Negeri Pahang dan Kelantan.

Berdasarkan mesyuarat tersebut, penduduk setinggan yang terlibat/ sedia ada dibenarkan untuk menyewa tanah-tanah RAC untuk tujuan kediaman bukan kekal dan tanah tersebut tidak boleh dipindah milik kepada penghuni. Penduduk juga perlu akur untuk berpindah keluar sekiranya tanah tersebut diperlukan oleh RAC atau Kerajaan bagi tujuan kereta api.

Tindakan ini diambil setelah banciaan yang dilaksanakan mendapati terdapat lebih daripada 2,890 unit rumah setinggan didirikan di atas tanah milik RAC di kedua-dua negeri itu tanpa kelulusan. Penduduk tersebut merupakan penyewa yang diluluskan semasa pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan telah menduduki kawasan berkenaan melebihi 20 tahun. Tindakan untuk mengeluarkan mereka dari tanah kereta api bukanlah sesuatu yang mudah kerana RAC terpaksa berhadapan dengan isu politik, perkauman dan kewangan. RAC juga terpaksa menanggung bebanan cukai tanah tahunan yang tinggi iaitu sebanyak RM498,027.00 setahun tanpa mendapat sebarang hasil daripada tanah-tanah tersebut.

Bagi memudahkan pengurusan dan penyelarasan aktiviti sewaan, negeri-negeri dibahagikan mengikut zon iaitu:



Rajah 16 : Zon kawasan bagi aktiviti sewaan dan pajakan
Diagram 16 : Zoning for rental and leasing activities

During the current year, RAC relaxed its rental conditions on residential sites in Kelantan and Pahang based on the decisions made at the 81st Board of Directors Meeting No. 5 Year 2018 on 22 November 2017 related to the Proposal to Solve the Squatters' Issue on RAC's Titled Land in Pahang and Kelantan.

Based on the meeting, the existing squatters involved were allowed to rent RAC land for non-permanent residential purposes and that the land were not transferable to the tenant. The residents should also comply with the terms by evacuating from their homes when required by RAC or Government for railway activities.

A census undertaken found that more than 2,890 squatter units were erected on RAC titled land in these two states without approval. These tenants, who had been occupying these areas for more than 20 years, were given approval under Keretapi Tanah Melayu (KTM)'s administration.

Evicting the squatters from the railway land was no easy task as RAC had to encounter political, racial and financial issues. At the same time, the Corporation had to incur a heavy burden of high land tax rates of RM498,027.00 yearly without garnering any income from the land.

To facilitate the management and supervision of rental activities, states were divided according to their zones below:

Sepanjang 2019, Kelantan mencatatkan rekod permohonan sewaan paling tinggi iaitu sebanyak 687 permohonan merangkumi 160 bagi aktiviti komersial, 453 bagi program pemutihan setinggan kediaman manakala 74 bagi setinggan komersial di daerah Tanah Merah, Manek Urai, Kuala Krai, Dabong dan lain-lain kawasan di sekitarnya. Selangor pula mencatatkan sebanyak 136 permohonan diikuti oleh Perak sebanyak 54 manakala Negeri Sembilan dan Kedah dengan masing-masing mencatatkan 32 dan 30 permohonan. Negeri-negeri lain seperti Kuala Lumpur mencatatkan jumlah permohonan sewaan sebanyak 20 diikuti oleh Pahang (16), Johor (15), Perlis (13), Pulau Pinang (12) dan Melaka (3). Ringkasan jumlah dan status permohonan sewaan pada 2019 adalah seperti dalam jadual berikut :


Throughout 2019, Kelantan recorded the highest number of applications for rental. Of 687 applications received, 160 were for commercial activities, 453 for legalisation of squatter homes while another 74 for squatters in commercial areas in the districts of Tanah Merah, Manek Urai, Kuala Krai, Dabong and other surrounding areas. Selangor received 136 applications followed by Perak (54) while Negeri Sembilan and Kedah recorded 32 and 30 applications respectively. Other states such as Kuala Lumpur recorded 20 applications followed by Pahang (16), Johor (15), Perlis (13), Penang (12) and Melaka (3). Following is the number and status of rental applications in 2019:

NEGERI STATE	ZON ZONE	PERMOHONAN APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	PROSES IN PROCESS
Perlis		13	9	1	3
Pulau Pinang	Utara North	12	7	4	1
Kedah		30	15	9	6
Perak		54	32	14	8
Selangor	Tengah Central	136	95	36	5
Kuala Lumpur		20	12	-	8
Negeri Sembilan	Selatan South	32	29	1	2
Melaka		3	2	-	1
Johor		15	7	-	8
Pahang	Timur East	16	12	-	4
Kelantan		687	813	9	65
JUMLAH TOTAL		1018	813	74	171
				1,018	

Jadual 8 : Jumlah dan status permohonan mengikut negeri pada 2019

Table 8 : Number and status of applications based on states in 2019

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES



Carta 3: Peratusan permohonan sewaan mengikut negeri pada 2019
Chart 3: Percentage of rental applications based on states in 2019

Berdasarkan jadual dan carta yang ditunjukkan, RAC telah mengemukakan tawaran sewaan kepada 813 individu / syarikat yang berminat menjalankan aktiviti sewaan di atas tanah hak milik / rizab kereta api. Jumlah tersebut merangkumi 178 tawaran yang merupakan lanjutan tempoh sewaan manakala 635 tawaran merupakan permohonan penyewaan baharu. Selain permohonan yang diterima secara terus kepada RAC melalui borang sewaan/pajakan, permohonan baharu ini turut merangkumi permohonan yang diterima daripada aktiviti pemutihan setingan kediaman yang dilaksanakan di seluruh negara dan pemutihan komersial di sekitar Kelantan.

Sebanyak 131 permohonan lagi masih dalam proses manakala 74 permohonan ditolak berdasarkan justifikasi berikut:

- i. Tidak mendapat sokongan daripada jabatan teknikal, KTMB atas faktor keselamatan operasi kerana jarak tapak yang terlalu hampir dengan landasan;
- ii. Pemohonan yang tidak disokong oleh PBT - tidak selaras dengan pengezonan yang ditetapkan seperti berhampiran dengan zon kediaman;
- iii. Permohonan bertindih dengan tapak yang ditawarkan untuk penyewaan kepada pihak lain; dan
- iv. Tujuan penyewaan yang tidak dibenarkan seperti kediaman/rumah ibadat dan tanaman kekal.

Based on the table and chart above, RAC had submitted rental offers to 813 individuals/companies interested in carrying out rental activities on railway titled/reserve land. Of the total, 178 were offers for extension of rental period while 635 offers were new rental applications. In addition to direct applications to RAC through rental/lease forms, the new applications were those received from programmes to legalise squatter areas conducted nationwide and the legalisation of squatters' commercial areas in Kelantan.

A total of 131 applications were being processed while 74 were rejected due to the following factors:

- i. Not supported by KTMB's technical department due to safety reasons as the proposed site is too close to the tracks;*
- ii. Application not supported by the local authority - as it does not comply with the stipulated zoning system, such as being too close to the residential zone;*
- iii. Overlapping applications on sites which have already been offered for rental to other parties; and*
- iv. Unallowed purpose of rental such as for residence/house of worship and permanent crop cultivation.*

TAHUN YEAR	JUMLAH PERMOHONAN SEWA TOTAL RENTAL APPLICATIONS
2017	332
2018	345
2019	1,018



Jadual 9 : Jumlah permohonan sewa yang diproses pada 2019

Table 9 : Number of rental applications processed in 2019

Jadual di atas menunjukkan perbandingan jumlah keseluruhan statistik jumlah permohonan sewaan yang diterima oleh RAC dari 2017 hingga 2019. Secara amnya, permohonan sewaan yang diterima RAC meningkat setiap tahun. Pada 2019, RAC mencatatkan peningkatan yang sangat memberangsangkan dengan jumlah permohonan sewaan diterima adalah sebanyak 1,018 berbanding 345 pada 2018.

Peningkatan jumlah permohonan sewaan sebanyak 95 peratus ini susulan aktiviti pemutihan setingan kediaman yang dilaksanakan di seluruh negara, yang menyaksikan 453 permohonan diterima termasuk 74 permohonan daripada aktiviti pemutihan komersial yang dibuat di sekitar Kelantan.

Melalui aktiviti pemutihan ini, orang ramai dapat mengetahui dengan lebih jelas status pendudukan mereka di tanah kereta api, dan seterusnya memahami bahawa RAC memberi peluang kepada mereka untuk menduduki tanah RAC secara sah melalui aktiviti perniagaan.

Melalui Pelan Perniagaan RAC 2019-2021, Perbadanan ini sedang dalam proses mengenal pasti penyewa-penyewa yang berprofil tinggi seperti McDonald's, Tealive, Kenny Rogers dan Family Mart untuk mengadakan kerjasama strategik di atas tanah atau aset milik RAC. Penyertaan mereka sebagai penyewa RAC bakal memberikan imej yang baik dan positif kepada aset-aset RAC selain mewujudkan persekitaran yang *lively* di kawasan stesen-stesen kereta api.

Pada 2019, sebanyak tiga (3) notis *Request For Proposal* (RFP) diiklankan iaitu:

- i. *Commercial Revitalization Of Kuala Lumpur Railway Station;*
- ii. Tempat Letak Kereta Bertingkat dan Ruang Niaga Park And Ride Klang di atas sebahagian Lot 2 Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor Bagi Tujuan Pengurusan dan Operasi Tempat Letak Kereta Berbayar; dan
- iii. Tapak bagi Mendirikan Struktur Mendirikan Struktur Menara Telekomunikasi di atas Tanah Milik Perbadanan Aset Keretapi

The table above shows a comparison in the overall number of rental applications received by RAC from 2017 to 2019. In general, the number of rental applications received by RAC increased yearly. In 2019, rental applications received rose to 1,018 compared to 345 in 2018.

The increase was attributed to a nationwide programme to legalise squatter areas, which saw 453 applications received including 74 for the legalisation of squatter commercial activities in Kelantan.

Through this legalisation initiative, members of the public will be informed of their occupational status on RAC railway land and subsequently have a better understanding of RAC's move to allow them to legally occupy RAC land through business activities.

Through the RAC Business Plan 2019-2021, the Corporation is in the process of identifying high profile tenants such as McDonald's, Tealive, Kenny Rogers and Family Mart for strategic collaboration in their core business on land or assets owned by RAC. Their participation as RAC tenants is expected to provide a good and positive image for RAC's assets in addition to creating a vibrant environment at the railway stations.

In 2019, three (3) Request for Proposal (RFP) notices were advertised, namely:

- i. *Commercial Revitalisation Of Kuala Lumpur Railway Station;*
- ii. *Elevated Car Park Facility and Commercial Space at Park And Ride Klang on part of Lot 2 Mukim Klang, Klang District, Selangor for Management and Operation of Paid Car Park Facility; and*
- iii. *Site for building Telecommunication Tower Structure on RAC-owned land*

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES



Sewaan bangunan tempat letak kereta bertingkat di tanah rizab kereta api di atas sebahagian Lot 2 Mukim Klang, Daerah Klang, Selangor.

Rental of building for elevated car park on railway reserve land on part of Lot 2 Mukim Klang, Klang District.



Sewaan tanah hak milik RAC di atas sebahagian Lot 252, Bukit Mertajam, Pulau Pinang bagi tujuan kedai makan.

Rental of RAC titled land on part of Lot 252, Bukit Mertajam, Penang for a food outlet.



Sewaan ruang pejabat milik RAC di So-25-01, Bangunan Strata Office, KL Eco City, Bangsar, Kuala Lumpur oleh Syarikat Sparksoft Sdn Bhd.

Rental of RAC-owned office space at So-25-01, Strata Office Building, KL Eco City, Bangsar, Kuala Lumpur by Sparksoft Sdn Bhd.



Sewaan bangunan pejabat di Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park 43000 Kajang, Selangor.

Rental of Office Building at Jalan TKS 1, Kajang Sentral Business Park 43000 Kajang Selangor.



Sewaan kiosk milik RAC di Stesen Keretapi Bank Negara, Mukim Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan oleh My News Retail Sdn Bhd bagi tujuan kedai serbaneka.

Rental of RAC-owned kiosk at Bank Negara Railway Station by My News Retail Sdn Bhd for a convenience store.



Sewaan kiosk milik RAC di Stesen Keretapi Abdullah Hukum, Kuala Lumpur, oleh My News Retail Sdn Bhd bagi tujuan kedai serbaneka.

Rental of RAC-owned kiosk at Abdullah Hukum Railway Station, Kuala Lumpur, My News Retail Sdn Bhd for a convenience store.

Gambar 3: Sebahagian aset-aset RAC yang berjaya dikomersialkan melalui aktiviti sewaan pada 2019
Picture 3: Among RAC's assets which had been commercialised through rental activities in 2019

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

e) AKTIVITI PAJAKAN

Pada 2019, RAC menerima sebanyak empat (4) permohonan pajakan tanah yang melibatkan tanah rizab kereta api. Jumlah ini merupakan permohonan paling banyak yang diterima oleh RAC bagi kategori penyewaan ini. Jika dibandingkan dengan 2018, tiada permohonan diterima dan secara kumulatifnya dari 2015 hingga 2018, hanya tujuh (7) permohonan pajakan yang diterima.

Memandangkan proses kelulusan bagi pajakan tanah kereta api mengambil masa yang lama disebabkan prosedur yang rumit, RAC mengambil inisiatif iaitu dengan mengenakan sewaan tanah bagi tempoh tiga (3) tahun dengan pembaharuan tempoh penyewaan dibuat enam (6) bulan sebelum tamat penyewaan.

Ringkasan jumlah dan status permohonan pajakan yang diterima pada tahun semasa adalah seperti jadual berikut :

PEMOHON APPLICANTS	LOKASI LOCATION	TUJUAN PURPOSE	TEMPOH PAJAKAN LEASE DURATION	STATUS STATUS
Sekolah Kebangsaan Tamil Thamboosamy Pillai <i>Sekolah Kebangsaan Tamil Thamboosamy Pillai</i>	Lot 92, Seksyen 84, Bandar Kuala Lumpur <i>Lot 92, Section 84, Kuala Lumpur City</i>	Sekolah Kebangsaan <i>National School</i>	30 Tahun <i>30 Years</i>	Tidak Diluluskan <i>Not Approved</i>
Majlis Ugama Islam Pahang <i>Pahang Islamic Religious Council</i>	Jerantut, Pahang <i>Jerantut, Pahang</i>	Taman Tema Air <i>Water Theme Park</i>	30 Tahun <i>30 Years</i>	Penilaian JPPH <i>JPPH Valuation</i>
HM Puncak <i>HM Puncak</i>	Jalan Tuanku Antah, Seremban <i>Jalan Tuanku Antah, Seremban</i>	Stesen Minyak <i>Petrol Station</i>	30 Tahun <i>30 Years</i>	Penilaian JPPH <i>JPPH Valuation</i>
Hj. Yusuf Bin Saad <i>Hj. Yusuf Bin Saad</i>	Jalan Sungai Ujong, Seremban <i>Jalan Sungai Ujong, Seremban</i>	Stesen Minyak <i>Petrol Station</i>	30 Tahun <i>30 Years</i>	Penilaian JPPH <i>JPPH Valuation</i>

Jadual 10: Senarai empat (4) permohonan pajakan tanah yang diterima pada 2019

Table 10: : List of four (4) applications for land lease received in 2019

Jadual di atas menunjukkan tiga (3) permohonan masih dalam tindakan penilaian kadar oleh JPPH manakala satu (1) permohonan tidak diluluskan. Permohonan yang ditolak iaitu Sekolah Kebangsaan Tamil Thamboosamy Pillai telah ditawarkan penyewaan pada kadar nominal secara bulanan.

e) LEASE ACTIVITIES

In 2019, RAC received four (4) applications for land lease involving railway reserve land. The figure is the highest received by RAC for this type of rental activity. In comparison, no application was received in 2018 and cumulatively, only seven (7) lease applications were received from 2015 to 2018.

Given the long process of approval for railway land lease due to complex procedures, RAC took the initiative by imposing a lease of three (3) years and six (6) months renewal before the term ends.

A summary of the number and status of lease applications received during the current year is shown in the table below:

The table above shows three (3) applications are still in the process of having its rates assessed by JPPH while one (1) application was not approved. However, the rejected application, that is Sekolah Kebangsaan Tamil Thamboosamy Pillai, had been offered a monthly rental at a nominal sum.

Pada tahun semasa, satu (1) permohonan berjaya dimuktamadkan iaitu pajakan oleh Majujaya Hebat Sdn Bhd ke atas Hotel Grand Majestic yang terletak bersebelahan dengan Stesen Keretapi Ipoh. Pajakan yang dibuat adalah bagi tujuan pengubahsuaian, pembinaan bangunan tambahan dan pengurusan semula Hotel Grand Majestic untuk tempoh 30 tahun (dengan pilihan sambungan 10 tahun).

During the current year, one (1) application was successfully finalised namely leasing by Maju Jaya Hebat Sdn Bhd of Grand Majestic Hotel located adjacent to Ipoh Railway Station. The leasing activity was for renovation, construction of extension building and management reorganisation of Grand Majestic Hotel for a period of 30 years (with optional 10-year extension).

PEMOHON APPLICANTS	LOKASI LOCATION	TUJUAN PURPOSE	TEMPOH PAJAKAN LEASE DURATION	STATUS STATUS
Majujaya Hebat Sdn Bhd <i>Majujaya Hebat Sdn Bhd</i>	Hotel Grand Majestic (Stesen Keretapi Ipoh) <i>Grand Majestic Hotel (Ipoh Railway Station)</i>	Pengubahsuaian, pembinaan bangunan tambahan dan pengurusan semula Hotel Grand Majestic. <i>Renovation, construction of extension building and management reorganisation of Grand Majestic Hotel</i>	30 tahun (dengan pilihan sambungan 10 tahun) <i>30 years (optional 10 year extension)</i>	Penyediaan Perjanjian Pajakan <i>Preparing Lease Agreement</i>

Jadual 11: Permohonan pajakan tanah yang berjaya dimuktamadkan pada 2019

Table 11: Successful land lease applications which were finalised in 2019

PENGIKLANAN LUAR

Melalui rancangan Pelan Perniagaan RAC 2019-2021, pengiklanan luar merupakan antara aspek komersial yang akan diperkasakan. Permohonan papan iklan luar dibuat melalui Borang PAK (H-03) bersama-sama dengan dokumen-dokumen lain sebagaimana yang disenaraikan. Tempoh maksimum bagi mendirikan struktur iklan adalah selama tiga (3) tahun.


Menurut Outdoor Advertising Association Malaysia (OAAM), yang mewakili 65 peratus daripada syarikat pengiklanan luar di Malaysia, papan iklan luar didefinisikan sebagai paparan yang mengiklankan barangan, aktiviti atau perkhidmatan yang tidak semestinya dijual di mana pengiklanan dibuat. Jenis struktur paparan iklan yang boleh dipasang di atas tanah atau merentasi tanah kereta api milik RAC adalah seperti berikut:

OUTDOOR ADVERTISING

Under the RAC Business Plan 2019-2021, outdoor advertising has been identified as among the commercial activities to be strengthened. Applications for billboards are made through Form PAK (H-03) and that applicants must submit other documents as listed. The maximum period for the display is for three (3) years.

According to the Outdoor Advertising Association of Malaysia (OAAM), which represented 65 per cent of outdoor advertisers in Malaysia, billboard is defined as a large outdoor board that advertises goods, activities or services that are not necessarily for sale where the advertising is made. The types of billboards that can be erected on or across railway land belonging to RAC are as follows:

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES



Free-standing billboard Free-standing billboard

- Unipole
1 paparan, 2 paparan atau 3 paparan
- Twinpole
2 paparan
- Minipole
3 paparan
- Unipole
Single, double or triple display
- Twinpole
Double display
- Minipole
triple display



Jejambat Bridge

- Paparan iklan ini dipasang pada jejambat kereta api yang merentasi jalan raya
- Advertisement put up on railway bridge



Iklan Elektronik Electronic Advertisement

- Kaedah ini melibatkan paparan digital yang berfungsi sebagai skrin televisyen.
- This type of advertisement involves digital display functioning as a television screen



Iklan Di Premis/ Bangunan Advertisement on Premises/Building

- Pemasangan papan iklan di bangunan
- Bahan yang biasanya digunakan adalah kanvas atau softboard.
- Installation of advertisement on building
- Material used is usually canvas or softboard

Rajah 17: Jenis-jenis pengiklanan luar
Diagram 17: Types of outdoor advertising

a) KADAR BAYARAN

Bagi setiap permohonan untuk mendirikan paparan iklan, RAC mengenakan bayaran seperti berikut:

a) CHARGES FOR BILLBOARD

Each application to put up a billboard on railway land will be charged with the fees below:

PENGIKLANAN ADVERTISING			
<p>Bayaran Sewa Rental Fee</p> <p>(mengikut nilai JPPH) <i>(based on JPPH valuation)</i></p>	<p>Deposit Deposit</p> <p>(mengikut jumlah sewa yang dikenakan) <i>(based on rental fees charged)</i></p>	<p>Insurans Tanggungjawab Awam Public Liability Insurance</p> <p>(had tuntutan maksimum RM1,000,000.00) <i>(maximum limit of RM1,000,000.00)</i></p>	<p>Yuran Proses Processing Fee</p> <p>(RM500.00) <i>(RM500.00)</i></p>

Rajah 18: Bayaran yang dikenakan bagi tujuan pengiklanan
Diagram 18: Fees charged for advertising purposes

i. Yuran Proses

Yuran proses yang perlu dijelaskan semasa mengemukakan borang permohonan adalah sebanyak RM500.00 bagi setiap permohonan bagi setiap lokasi. Bayaran ini tidak akan dikembalikan.

ii. Bayaran Kadar Sewa

Secara asasnya, bayaran kadar sewa yang dikenakan untuk paparan iklan adalah mengikut penilaian daripada JPPH. Jenis paparan iklan dan lokasi turut memainkan peranan penting dalam penentuan kadar sewa tersebut. Berikut adalah syarat-syarat yang perlu dipatuhi:

- a) Bayaran kadar sewa yang dikenakan adalah secara tahunan.
- b) Bayaran perlu dijelaskan oleh pemohon selepas mendapat surat kelulusan daripada RAC.
- c) Bayaran hendaklah dibuat dalam tempoh dua (2) bulan selepas surat kelulusan dikeluarkan.
- d) Bagi penyewaan yang tempohnya melebihi satu tahun, pemohon perlu membayar kadar sewaan untuk tahun berikutnya dua (2) bulan sebelum berakhirnya tempoh tahun semasa.

iii. Deposit Bayaran Sewa

Pemohon yang berjaya hendaklah mengemukakan deposit bayaran sewa mengikut kadar sewaan yang dikenakan sebagai jaminan terhadap perkara-perkara berikut:

- a) Penyewa gagal memenuhi atau melanggar syarat-syarat kelulusan.
- b) Penyewa gagal menurunkan struktur papan iklan setelah tamat tempoh.
- c) Penyewa gagal menyelenggara struktur paparan iklan tersebut.

iv. Insurans Tanggungan Awam

- a) Pihak pengiklan hendaklah mengambil Insurans Tanggungan Awam bagi melindungi pihak Kerajaan / RAC / PBT dan KTMB daripada sebarang tuntutan oleh pihak ketiga akibat daripada pembinaan struktur iklan tersebut.
- b) Perlindungan ini terpakai sepanjang tempoh paparan iklan tersebut dipasang bermula daripada peringkat pembinaan, pengiklanan dan pelupusan struktur tersebut.
- c) Had tuntutan maksimum ialah RM1,000,000.00 bagi setiap papan iklan yang didirikan.

i. Processing Fee

The processing fee to be paid by the applicant after submitting the form is RM500 for each application for every location. The payment is non-returnable.

ii. Rental Fees

In principle, the rental fees charged for advertisement are based on JPPH's assessment. However, the type of billboards and location play an important role in determining the rental rates. The following are the conditions that must be complied with:

- a) Rental rates are charged annually.*
- b) Payment must be settled by the applicant upon obtaining approval from RAC.*
- c) Payment must be made within two (2) months after the approval letter has been issued.*
- d) For rental exceeding one year, the applicant must pay the fees for the next two (2) months before the end of the current year.*

iii. Rental Deposit

Successful applicants must provide their rental deposit based on the rates charged as security for matters below:

- a) The tenant fails to comply with or breaks the rules of the tenancy agreement.*
- b) The tenant fails to remove the billboard structure upon expiry date.*
- c) The tenant fails to maintain the billboard structure.*

iv. Public Liability Insurance

- a) The advertiser should provide a Public Liability Insurance to protect the Government / RAC / Local Authority and KTMB from any claims from a third party arising from the billboard being put up for display.*
- b) The coverage is applicable from the time the advertisement is on display to the time the structure is removed.*
- c) The claims are limited to a maximum of RM1,000,000.00 for each advertising structure.*

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

AKTIVITI PENGIKLANAN LUAR

Pada masa kini, RAC memberi fokus kepada pengiklanan luar bagi membantu RAC meningkatkan hasil pendapatan. Pada masa sama, RAC berusaha menguruskan cabang perniagaan ini di dalam stesen selaras dengan fungsi sebenar RAC. Pengiklanan luar merupakan antara cabang komersial yang dilaksanakan oleh RAC melalui aktiviti libat urus secara aktif di atas tanah hak milik/ rizab kereta api.

Ringkasan jumlah dan status permohonan pengiklanan luar dari 2017 hingga 2019 adalah seperti di jadual dan graf berikut:


OUTDOOR ADVERTISING ACTIVITIES

At present, RAC focuses on outdoor advertising to boost its revenue. At the same time, RAC manages this type of business within the station in line with its core function. This is one of the commercial activities undertaken by RAC through active public engagement on RAC's titled/reserve railway land.

A summary of the number and status of applications for outdoor advertising from 2017 to 2019 is shown in the table and graph below:

TAHUN YEAR	JUMLAH PERMOHONAN TOTAL APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	TANGGUH REVIEW
2017	43	18	15	10
2018	24	11	5	8
2019	10	3	2	5

Jadual 12: Jumlah dan status permohonan untuk pengiklanan luar dari 2017 hingga 2019
Table 12: Number and status of billboard applications from 2017 to 2019



Graf 2: Perbandingan jumlah dan status permohonan untuk pengiklanan luar dari 2017 - 2019

Graph 2: Number and status of applications for outdoor advertising by comparison from 2017 - 2019

Sepanjang 2019, RAC menerima sebanyak 10 permohonan pengiklanan luar yang terdiri daripada pelbagai syarikat termasuk Mount Outdoor Sdn Bhd, Monster Outdoor Sdn Bhd dan Shapers Malaysia Sdn Bhd. Kebanyakan permohonan tapak sewaan adalah di sekitar kawasan Kuala Lumpur dan Selangor kerana lokasi berkenaan merupakan kawasan yang berpotensi tinggi bagi perniagaan pengiklanan luar.

Throughout 2019, RAC received 10 applications for outdoor advertising from various companies including Mount Outdoor Sdn Bhd, Monster Outdoor Sdn Bhd and Shapers Malaysia Sdn Bhd. Majority of applications are for rental sites in Kuala Lumpur and Selangor because of the potential income to be derived from outdoor advertising.

Jika dibandingkan dengan tahun sebelumnya, jumlah permohonan pada 2019 menunjukkan penurunan sebanyak 42 peratus dengan permohonan yang diterima pada 2018 adalah sebanyak 24 permohonan. Penurunan ini disebabkan oleh permintaan pengiklanan yang semakin berkurangan dan persaingan semakin besar antara syarikat pengiklanan.

Daripada jumlah permohonan tersebut, sebanyak tiga (3) permohonan diluluskan bagi lokasi di sekitar kawasan Kuala Lumpur, Negeri Sembilan dan Selangor. Sebanyak dua (2) permohonan tidak dapat dipertimbangkan oleh RAC manakala lima (5) permohonan masih dalam peringkat ulasan KTMB memandangkan lokasi cadangan berada di dalam kawasan operasi kereta api.

In 2019, there was a 42 per cent reduction in the number of applications received as against 24 applications in 2018. The shortfall was attributed to the slackening demand and stiff competition among advertising companies.

Of the total applications received, three (3) were approved for locations in Kuala Lumpur, Negeri Sembilan and Selangor. Two (2) applications could not be given consideration by RAC while five (5) applications were pending review by KTMB as the proposed location was located within the railway operational areas.



Papan iklan jenis *overhead bridge* yang diluluskan oleh RAC berhampiran Jalan Lapangan Terbang Subang di KM 7.3, Daerah Petaling, Selangor. Papan iklan tersebut di bawah milik Syarikat Monster Outdoor Sdn Bhd.

Overhead bridge billboard advertisement approved by RAC near Jalan Subang Airport at KM7.3, Petaling District, Selangor. The advertisement is owned by Monster Outdoor Sdn Bhd.



Papan iklan jenis *free-standing* yang diluluskan di atas sebahagian Lot 1265, Jalan Bahasa Kapur, Mukim Port Dickson, Daerah Port Dickson, Negeri Sembilan. Papan iklan tersebut milik Syarikat Spectrum Outdoor Sdn Bhd.

Free-standing advertisement approved on part of Lot 1265, Jalan Bahasa Kapur, Mukim Port Dickson, Port Dickson District, Negeri Sembilan. The advertisement is owned by Spectrum Outdoor Sdn Bhd.



Papan iklan jenis parapet yang diluluskan di atas sebahagian Lot/Plot E(1) Jambatan Kereta Api di Lebuhraya Kuala Lumpur – Seremban, berhampiran Tol Smart, Kuala Lumpur. Papan iklan tersebut milik Syarikat Monster Outdoor Sdn. Bhd.

Parapet type of advertisement approved on part of Lot/Plot E(1) Railway Bridge at Kuala Lumpur-Seremban Expressway, Seremban, near Smart Toll, Kuala Lumpur. The billboard is owned by Monster Outdoor Sdn. Bhd.

Gambar 4: Sebahagian daripada aset-aset RAC yang berjaya dikomersialkan melalui aktiviti pengiklanan luar pada 2019

Picture 4: Some of RAC's commercialised assets through outdoor advertising activities in 2019

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

TUMPANG LALU

RAC juga menguruskan permohonan tumpang lalu di atas tanah sama ada berstatus hak milik atau rizab kereta api. Tumpang lalu adalah kebenaran yang diberikan oleh RAC kepada agensi Kerajaan/swasta/syarikat/individu seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perkhidmatan Pembetulan (JPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan lain-lain untuk menggunakan tanah hak milik atau rizab kereta api sama ada secara merentasi atau sebarang penggunaan di atas tanah tersebut sebagai contoh bagi pembinaan/pelebaran jalan raya/lebuhraya, pembinaan jambatan, menanam atau merentang kabel utiliti dan sebagainya

Setiap kebenaran tumpang lalu akan dikenakan bayaran *one-off* sebagai ganti rugi ke atas kehilangan hak RAC untuk menduduki tanah yang terlibat. Selain itu, bayaran perbelanjaan tahunan juga dikenakan kepada pemohon. Kadar kedua-dua bayaran ini adalah berdasarkan kepada lokasi dan keluasan tanah. Prinsip penilaian tumpang lalu adalah berdasarkan kepada konsep kegunaan bersama (*co-existence*) tanah-tanah kereta api secara berterusan tanpa apa-apa gangguan (kecuali semasa pembinaan). Oleh itu, dalam mengenakan sewaan atau penetapan nilai, ia tidak boleh dikenakan berdasarkan kepada penilaian penuh. Prinsip kegunaan bersama di mana masing-masing dapat menikmati penggunaan tanah berkenaan secara berterusan dan tapak tersebut tidak akan digunakan lagi bagi tujuan lain.

Seperti proses sewaan, setiap permohonan tumpang lalu akan dipanjangkan kepada pihak operator iaitu pihak KTMB bagi mendapatkan ulasan teknikal. Pada masa kini, keperluan berkenaan wujud memandangkan kebanyakan kawasan yang dipohon melibatkan kawasan operasi dan KTMB mempunyai kakitangan yang mempunyai pengalaman dan kepakaran berkaitan kerja-kerja yang melibatkan landasan kereta api.

Sepanjang 2019, RAC hanya menerima sebanyak 50 permohonan tumpang lalu daripada pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Gas Malaysia Berhad (GMB), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL), Linde Malaysia Sdn Bhd, dan lain-lain yang melibatkan tanah hak milik atau tanah rizab kereta api. Ringkasan jumlah dan status permohonan tumpang lalu bagi tempoh 2017 hingga 2019 adalah seperti di jadual dan graf berikut:

WAYLEAVE

RAC also manages applications for wayleave on either titled or reserve railway land. Approval for wayleave applications is given by RAC to Government Agencies/private sector/companies/ individuals such as Public Works Department (JKR), Department of Irrigation and Drainage (JPS), Sewerage Services Department (JPP), Tenaga Nasional Berhad (TNB), etc for use of titled or reserve railway land whether across or on railway tracks such as construction/widening of highway/expressway, building of bridge, laying of utility cables, etc.


Every wayleave application received by RAC will be charged one-off as compensation for the loss of RAC's rights to occupy the land. Besides that, an annual operating fee is also imposed on the applicant. Both fees are based on location and land size. The wayleave valuation principle is based on the concept of co-existence of land use on a continuous basis and without any interference (except during construction). As such, in imposing rental fees or determining rental values, consideration should not be based on full valuation. The principle of co-existence whereby each party will be able to benefit from the use of the land on a continuous basis and the site, will not be used for other purposes.

As in rental processing, each wayleave application will be referred to KTMB as the train operator for technical review. At present, the requirement is applicable given that most applications are related to operational areas and KTMB has experienced staff with the expertise related to works involving railway tracks.

Throughout 2019, RAC received 50 wayleave applications from Public Works Department (JKR), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Gas Malaysia Berhad (GMB), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS), Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL), Linde Malaysia Sdn Bhd and others involved in titled or reserve railway land. A summary of the number and status of wayleave applications from 2017 to 2019 is shown in the table and graph below:

TAHUN YEAR	PERMOHONAN APPLICATIONS	LULUS APPROVED	TOLAK REJECTED	ULASAN / TIDAK LENGKAP REVIEW / INCOMPLETE
2017	67	20	4	43
2018	54	7	1	46
2019	50	11	1	38

Jadual 13: Jumlah dan status permohonan tumpang lalu dari 2017 hingga 2019
Table 13: Number and status of wayleave applications from 2017 to 2019



Graf 3: Perbandingan jumlah dan status permohonan untuk tumpang lalu dari 2017 – 2019
Graph 3: Number and status of wayleave applications by comparison from 2017 – 2019

Berdasarkan jadual berkenaan, jumlah permohonan tumpang lalu pada 2019 menunjukkan penurunan sebanyak empat (4) permohonan menjadikan sebanyak 50 permohonan diterima untuk diproses berbanding pada tahun sebelumnya iaitu 54 permohonan. Berdasarkan jumlah permohonan yang diterima, sebanyak 11 permohonan tumpang lalu bagi pelbagai tujuan diluluskan, satu (1) permohonan ditolak manakala 38 permohonan masih dalam proses ulasan teknikal daripada pihak KTMB. Bayaran tumpang lalu telah diselaraskan semula kepada 20 peratus daripada jadual bayaran tumpang lalu untuk menampung operasi dan perbelanjaan yang ditanggung oleh RAC.

Based on the table, the number of wayleave applications in 2019 shows a drop by four (4) applications, bringing the total applications received to 50 for processing compared to 54 applications received in the previous year. From the wayleave applications received, 11 were approved for various purposes, one (1) rejected while 38 were in the process of technical review from KTMB. Wayleave rates were adjusted to 20 per cent from the wayleave fee schedule to cover for RAC's operation and expenditure.

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES



Tumpang lalu bagi kerja-kerja merentang kabel elektrik 500KV di atas landasan kereta api di KM498.500, sebahagian Lot 1211, Mukim Taboh Naning, Melaka oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Wayleave for stretching of 500KV electricity cables at KM498.500 railway tracks on part of Lot 1211, Mukim Taboh Naning, Melaka by Tenaga Nasional Berhad (TNB).



Tumpang lalu bagi kerja-kerja membina jambatan Lebuhraya Duke Fasa 3 melintasi atas landasan kereta api di KM393.51 oleh Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn. Bhd.

Wayleave for construction of rail bridge across Duke Expressway (Phase 3) at KM393.51 by Lebuhraya Duke Fasa 3 Sdn. Bhd.



Tumpang lalu bagi kerja-kerja menanam paip gas melintasi bawah landasan kereta api di KM28.85 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim oleh Linde Malaysia Sdn. Bhd.

Wayleave for laying of gas pipes across railway tracks at KM28.85 in Pasir Gudang, Johor Darul Takzim by Linde Malaysia Sdn. Bhd.

Gambar 5: Sebahagian daripada aset-aset RAC yang dikomersialkan melalui aktiviti tumpang lalu pada 2019

Picture 5: Some of RAC's commercialised assets through wayleave activities in 2019

HASIL AKTIVITI KOMERSIAL

Berikut adalah sumber pendapatan RAC daripada aktiviti komersial iaitu:

REVENUE FROM COMMERCIAL ACTIVITIES

The sources of revenue from RAC's commercial activities are as follows:



Rajah 18 : Sumber hasil RAC daripada aktiviti komersial
Diagram 18 : RAC's sources of revenue from commercial activities

Hasil pendapatan RAC daripada aktiviti komersial pada 2019 menunjukkan peningkatan mendadak sebanyak 97 peratus melalui aktiviti sewaan dan pajakan tanah, tumpang lalu serta pengiklanan luar dengan hasil pendapatan sebanyak RM43.807 juta. Pendapatan daripada aktiviti ini dikenali sebagai Hasil Langsung atau Hasil Operasi. Peningkatan hasil ini diperolehi daripada usaha dan tindakan proaktif RAC bagi memastikan semua aset Perbadanan ini berpotensi tinggi dikenakan sewaan dengan nilai semasa.

Selain itu, RAC juga menyelesaikan beberapa isu pendudukan tanpa kebenaran RAC yang mana secara tidak langsung turut menyumbang kepada peningkatan hasil pendapatan yang tinggi seperti isu bayaran oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB), lanjutan tempoh sewaan bagi penyewa yang tamat tempoh, pemutihan setinggan dan lain-lain.

RAC revenue from commercial activities in 2019 surged 94 per cent to RM43.807 million through land rental and lease activities, wayleave as well as outdoor advertising. Income generated from commercial activities is also known as direct revenue or operating revenue. The higher revenue was attributed to RAC's proactive measures in ensuring every asset unlocks its full potential.

In addition, RAC has also solved several cases of unlawful occupancy which contributed to revenue growth for the Corporation such as the payment issue by Tenaga Nasional Berhad (TNB), rental extension for tenants whose term of occupancy has expired, legalisation of squatter areas, etc.

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

Berikut adalah jadual perbandingan hasil sewaan tanah, tumpang lalu dan pengiklanan luar dengan peratus kenaikan dan penurunan pada 2018 dan 2019 seperti berikut:


Below is a table on revenue from land lease, wayleave and billboards with the percentage of increase and decrease by comparison in 2018 and 2019:

HASIL SEWAAN RENTAL REVENUE	(RM) 2019	(RM) 2018	PERATUS KENAIKAN / (PENURUNAN) PERCENTAGE INCREASE / (DECREASE)
Sewaan / Pajak Tanah Hak Milik <i>Rental/Lease of Titled Land</i>	3,151,417	3,091,209	2 %
Sewaan / Pajak Tanah Rizab <i>Rental/Lease of Reserve Land</i>	18,095,067	13,438,169	35 %
Tumpang Lalu <i>Wayleave</i>	22,404,020	5,760,422	278 %
Pengiklanan Luar <i>Outdoor Advertising</i>	156,810	0	-
JUMLAH TOTAL	43,807,312	22,289,800	97 %

*Nota : Aktiviti pengiklanan luar tidak dibuat oleh RAC pada 2018.
Note : Billboard activities were not conducted by RAC in 2018.*

Jadual 14: Perbandingan hasil sewaan tanah, tumpang lalu dan pengiklanan luar dengan paparan peratus kenaikan dan penurunan pada 2018 dan 2019

Table 14: Revenue from land rental, wayleave and outdoor advertising with percentage of increase and decrease by comparison in 2018 and 2019.



Graf 4: Perbandingan hasil sewaan/ pajakan di atas tanah hak milik, tanah rizab kereta api, tumpang lalu dan pengiklanan luar

Graph 4: Revenue from rental/lease on titled land, railway reserve land, wayleave and outdoor advertising by comparison

Berdasarkan jadual 15 dan graf 4, jumlah hasil RAC yang menunjukkan peningkatan ketara adalah melalui aktiviti tumpang lalu, yang pada tahun semasa mencatatkan peningkatan yang memberansangkan sebanyak RM22.404 juta berbanding RM5.760 juta pada 2018. Peningkatan ini didorong oleh penyelesaian isu bayaran tumpang lalu oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan tawaran tumpang lalu kepada beberapa jabatan dan agensi Kerajaan termasuk Jabatan Kerja Raya, Duke Fasa 3, Gading Kencana Sdn Bhd, Gas Malaysia Berhad (GMB), Zec Solar Sdn Bhd, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dan Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL).

Sepanjang 2019, peningkatan hasil juga ditunjukkan oleh sektor sewaan dan pajakan bagi tanah kereta api berstatus rizab iaitu sebanyak 35 peratus menjadikan jumlah hasil yang diterima pada 2019 adalah RM18.095 juta berbanding RM13.438 juta pada tahun sebelumnya. Bagi tanah berstatus hak milik, hanya sedikit peningkatan yang ditunjukkan iaitu sekitar dua (2) peratus.

Kenaikan peratusan hasil sewaan dan pajakan ini adalah disebabkan beberapa tindakan yang diambil, antaranya, :

- i. Penyelesaian bagi proses lanjutan tempoh sewaan ke atas penyewa yang telah tamat tempoh tetapi masih menduduki tapak.
- ii. Memastikan ruang niaga di semua stesen kereta api termasuk kiosk sedia ada, ruang pejabat, kuarters-kuarters yang kosong dikenakan sewaan dengan mengikut nilai kadar semasa.
- iii. Melantik operator bagi pengurusan tempat letak kereta bertingkat dan tempat letak kereta terbuka.
- iv. Menawarkan sewaan tanah bagi tujuan kediaman kepada setinggan di Kelantan secara berperingkat selaras dengan keputusan Lembaga Pengarah RAC Ke-81 Bilangan 5 Tahun 2017 untuk tujuan kediaman bukan kekal dan RAC berhak merobohkannya pada bila-bila masa sekiranya terdapat keperluan Kerajaan.

Based on table 15 and graph 4, the impressive growth in RAC's total revenue to RM22.404 million in the current year was attributable to contributions from wayleave activities compared to RM5.760 million in 2018. The higher revenue was boosted by settlement of wayleave payment issue by Tenaga Nasional Berhad (TNB) and wayleave offer to several Government departments and agencies including Public Works Department, Duke Phase 3, Gading Kencana Sdn Bhd, Gas Malaysia Berhad (GMB), Zec Solar Sdn Bhd, Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB), Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) and Dewan Bandar Raya Kuala Lumpur (DBKL).

Throughout 2019, revenue from rental and lease activities on reserve railway land was also encouraging, with a 35 per cent increase to RM18.095 million in 2019 from RM13.438 million in the previous year. For titled land, the increase was marginal at two (2) per cent.

The higher revenue from rental and lease activities was attributed to several measures undertaken, among others:

- i. Lease extension flexibility for tenants who had ended their term of lease or are still occupying their sites.*
- ii. Ensuring commercial spaces at railway stations including existing kiosk, office space, vacant quarters were charged at current rates.*
- iii. Appointing an operator for managing elevated and open car parks.*
- iv. Offering periodic rental of land for residential purposes to squatters in Kelantan in accordance with RAC Board of Directors' 81st Meeting No. 5 Year 2017. The meeting agreed to allow affected residents to rent RAC land for non-permanent residential purposes and RAC has the right to demolish the units whenever required by the Government.*

AKTIVITI KOMERSIAL UTAMA RAC RAC'S KEY COMMERCIAL ACTIVITIES

Bagi pengiklanan luar pula, RAC hanya menerima hasil sebanyak RM156,809.60 bagi tahun semasa memandangkan perniagaan ini masih baru diterokai oleh RAC sebagai sumber pendapatannya. RAC juga dalam proses untuk mengeluarkan Request For Proposal (RFP) bagi aktiviti perniagaan iklan di dalam dan kawasan sekitar stesen termasuk pengiklanan luar iaitu di atas tanah hak milik atau rizab kereta api.


Pada 2019, RAC berjaya mengurangkan jumlah tunggakan bayaran sewaan/ pajakan bagi tanah hak milik dan rizab kereta api sebanyak 4.28 peratus daripada jumlah tunggakan pada 2018 yang berjumlah RM22.371 juta. Pengurangan ini menjadikan jumlah tunggakan yang ditanggung oleh RAC pada tahun semasa berjumlah RM21.452 juta. Dalam hal ini, fokus RAC adalah dengan melipatgandakan tindakan pungutan sewa bagi memastikan tunggakan bayaran tidak melebihi 90 hari, dengan antaranya melalui penyerahan notis tuntutan, penghantaran peringatan secara e-mel dan membuat panggilan telefon serta mengadakan perbincangan dengan penyewa dalam menyelesaikan isu tunggakan. Bagi penyewa / pemajak yang gagal menjelaskan bayaran melebihi 90 hari, tindakan undang-undang dan litigasi akan diambil.

Menyedari penyewa/ pemajak RAC terdiri daripada pelbagai lapisan masyarakat dan demografi, Perbadanan ini turut menambah baik kaedah bayaran sewa dengan memperkenalkan inisiatif baharu seperti kaedah bayaran secara dalam talian seperti melalui JomPAY dan Direct Debit bagi memudahkan penyewa RAC di seluruh Malaysia membuat bayaran sewa. Langkah ini dilihat akan membantu RAC menambah baik proses terimaan dan pemantauan kutipan sewa pada masa akan datang.

For outdoor advertising, RAC received only RM156,809.60 in revenue during the current year given that the business was a new source of income for the Corporation. RAC was also in the process of issuing Requests for Proposals (RFPs) for advertising business activities in the vicinity of railway stations including billboards on titled and reserve railway land.

In 2019, RAC managed to reduce the total rental/ lease arrears for titled and reserve railway land by 4.28 percent to RM21.452 million from RM22.371 million in total arrears incurred by the Corporation in 2018. Towards this end, RAC focused on intensifying rental collection efforts to ensure the arrears did not exceed 90 days, among others via issuing notice of claims, reminders through e-mails and phone calls as well as discussions with tenants on resolving the arrears' issue. Tenants/ lessees who exceeded 90 days were subject to legal action and litigation.

Realising that the tenants/lessees comprised various demographic groups, the Corporation also introduced a new initiative such as online payment through JomPAY and Direct Debit to facilitate rental payment for RAC tenants throughout Malaysia. The move was expected to improve RAC's receipts and monitoring of rental collection in the future.



Rajah 19 : Jumlah pengurangan tunggakan oleh penyewa RAC
Graph 19 : Reduction in total arrears by RAC tenants

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Selain pengurusan tanah-tanah kereta api yang melibatkan penjana hasil dan pembangunan projek perkeretapian, RAC perlu mentadbir dan menguruskan tanah-tanah kereta api yang seluas 12,638 hektar selaras dengan Seksyen 92 dan 93, Akta Keretapi 1991 (Akta 463) iaitu meletakkan semua tanah-tanah kereta api yang dahulunya milik Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu (KTM) dan Pesuruhjaya tanah Persekutuan (PTP) kepada Perbadanan ini. Rajah berikut menunjukkan aspek yang terlibat dalam pengurusan tanah kereta api.

In addition to managing railway land which involves revenue generation and development of railway projects, RAC is entrusted with the responsibility of administering and managing 12,638 hectares of railway land in the country in accordance with Section 92 and 93 of the Railways Act 1991 (Act 463), that is the vesting of all railway land previously owned by Keretapi Tanah Melayu (KTM) Administration and Federal Land Commissioner (PTP) to the Corporation. The diagram below shows the various aspects of railway land management:



Rajah 20: Pengurusan tanah kereta api
Diagram 20: Management of railway land

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

PENTADBIRAN TANAH KERETA API

Pentadbiran tanah kereta api melibatkan proses peletakhakkan kepada RAC bagi tanah-tanah kereta api berstatus hak milik dan pewartaan bagi tanah-tanah kereta api di bawah kategori rizab. Proses meletakkan hak bagi tanah hak milik dibuat melalui peletakhakkan statutori melalui Borang 30A Seksyen 415[1][a)], KTN 1965 manakala bagi tanah rizab melalui permohonan pewartaan berdasarkan peruntukan di bawah Seksyen 62, KTN 1965.

Pelaksanaan tersebut tertakluk kepada peruntukan undang-undang berikut:



Rajah 21: Perundangan yang digunakan dalam mentadbir tanah kereta api

Diagram 21: Laws for administration of railway land

Urus tadbir tanah kereta api perlu dilaksanakan bagi mengelak RAC berdepan dengan pertikaian berkaitan status tanah dengan pihak ketiga pada masa akan datang. Selain itu, ia bagi memudahkan urusan penyewaan/pajakan, tumpang lalu, cadangan pembangunan, tujuan perekodan di dalam RAILS bagi membantu dan memudahkan urusan menyediakan maklumat tanah agar potensi aset ini dapat dikenal pasti sekali gus menjana hasil. Selain itu, pentadbiran tanah kereta api juga melibatkan pembayaran Cukai Tanah (tanah hak milik), Cukai Membantu Kadar dan Cukai Taksiran bagi struktur/bangunan stesen yang berada di dalam tanah kereta api milik RAC.

a) STATISTIK TANAH HAK MILIK DAN RIZAB PADA 2019

Tanah hak milik RAC merupakan tanah kereta api yang mempunyai geran dan didaftarkan atas nama RAC. Jumlah lot tanah berstatus hak milik mengikut negeri adalah seperti berikut:

RAILWAY LAND ADMINISTRATION

Railway land administration involves the process of vesting in the RAC the titled railway land and the gazetting of railway land which are under the reserve category. The process of vesting the titled land is carried out under statutory vesting through Form 30A Section 415[1][a)], KTN 1965 while for reserve land through gazetting application based on the provision of Section 62, KTN 1965.


The management of land administration affairs is subject to provisions under these laws:

Administration of railway land is important to prevent RAC from having to face disputes relating to land status with a third party in the future. It also serves to facilitate matters pertaining to land rental/lease, wayleave, proposed development, to record information in RAILS and to provide access to information related to land aimed at unlocking the revenue potential of the asset. In addition, railway land administration also involves Land Tax payment (titled land), Contribution in Aid Rates and Tax Assessment for railway station structure/building located on RAC-owned land.

a) STATISTICS ON RAC'S TITLED AND RESERVE LAND IN 2019

RAC titled land is railway land as stated in the land titles registered under the Corporation's name. The total number of RAC's titled land according to states in 2019 are as follows:

JUMLAH LOT TANAH BERSTATUS HAK MILIK MENGIKUT NEGERI NUMBER OF RAILWAY TITLED LAND LOTS ACCORDING TO STATES



Graf 5 : Jumlah lot tanah kereta api berstatus hak milik mengikut negeri pada 2019
Graph 5 : Number of railway titled land lots according to states in 2019


Sehingga 31 Disember 2019, jumlah keseluruhan tanah hak milik RAC adalah sebanyak 339 lot. Jumlah ini termasuk 28 lot tanah di Pulau Pinang yang masih dalam permohonan peletakhakkan melalui tindakan Mahkamah dan Pejabat Tanah dan Galian Negeri Pulau Pinang (PTGPP) sebelum diserahkan hak kepada RAC.

Sebahagian besar tanah kereta api yang diwartakan adalah tanah berstatus rizab iaitu tanah yang digunakan bagi tujuan pengoperasian kereta api termasuk jajaran kereta api dengan jumlah sebanyak 1,101 lot. Jumlah jajaran yang terlibat adalah sepanjang 1,650 kilometer bermula dari Padang Besar, Perlis di Utara hingga ke Johor Bahru (Selatan) dan ke Tumpat, Kelantan (Pantai Timur). Butiran tanah rizab kereta api mengikut negeri adalah seperti berikut:

As at 31 December 2019, RAC owned a total of 339 titled land lots. This includes 28 land lots in Penang which were still in the process of application of vesting rights through a Court Order and the Penang Land and Mines Office (PTGPP) before being vested to RAC.

Majority of the railway land gazetted are reserve land used for railway operational purposes totalling 1,101 lots. The gazetting exercise stretching across 1,650 kilometres of land started from Padang Besar, Perlis in the North to Johor Bahru (South) and to Tumpat, Kelantan (East Coast). Details on railway reserve land according to states are as follows:

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



Graf 6 : Jumlah lot tanah rizab kereta api yang diwartakan mengikut negeri pada 2019
Graph 6 : Number of railway reserve land gazetted according to states in 2019

Daripada keseluruhan 1,101 lot tanah rizab kereta api, hanya 209 lot sahaja yang telah diwartakan dan baki sebanyak 892 lot masih belum dibuat pewartaan sehingga 31 Disember 2019. Pada masa ini, RAC dan Kementerian Pengangkutan dalam proses menyediakan pelan pewartaan bagi mewartakan tanah-tanah rizab kereta api dari Stesen Keretapi Gemas, Negeri Sembilan ke Ipoh, Perak (Fasa 1) bermula Mac 2019 dan dari Stesen Ipoh ke Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis (Fasa 2) bermula Disember 2019.

Selain itu, semakan dan carian sentiasa dilakukan dari semasa ke semasa melalui Jabatan Peguam Negara (JPN), Arkib Negara, Percetakan Nasional, Perpustakaan Negara, Perpustakaan Universiti dan Pejabat Tanah Daerah (PTD) serta sumber-sumber lain untuk mendapatkan salinan warta tanah-tanah rizab kereta api yang masih tiada dalam simpanan RAC.

b) PERMOHONAN PENGESAHAN STATUS TANAH / TANAH BERSEBELAHAN

RAC turut menerima permohonan ulasan terhadap cadangan pembangunan bagi tanah-tanah bersebelahan dengan tanah kereta api daripada pihak PBT atau pemilik projek pembangunan

Of a total of 1,101 railway reserve land lots, only 209 lots had been gazetted and the balance of 892 lots had not been gazetted as at 31 December 2019. At present, RAC and the Ministry of Transport are in the process of preparing a gazetting plan to gazette railway reserve land from Gemas Railway Station, Negeri Sembilan to Ipoh, Perak (Phase 1) beginning March 2019 and from Ipoh Station to Padang Besar Railway Station, Perlis (Phase 2) starting December 2019.

In addition, reviews and searches are undertaken periodically through the Attorney General's Department, National Archives, Percetakan Nasional, National Library, University Library, Land District Office as well as other sources to obtain copies of railway land gazettes which are not kept by RAC.

b) APPLICATION FOR REVIEWS OF LAND/ ADJACENT LAND


RAC also received applications for reviews on development proposals for land adjacent to railway land from the local authority (PBT) or owner of the development project. This was in accordance with Section 21 (6) of the Town and Country Planning Act 1976 whereby RAC, as the owner of the

tersebut. Tindakan ini adalah selaras dengan Seksyen 21 (6), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 dengan RAC selaku pemunya tanah berjiran mempunyai hak untuk mengemukakan bantahan terhadap permohonan pembangunan yang hendak dilaksanakan. Berikut adalah jumlah permohonan yang diterima pada 2019:

adjacent land, has the right to submit a protest against the proposed development. The number of applications received in 2019 is as follows:

AGENSI AGENCY	ZON ZONE	PIHAK BERKUASA TEMPATAN LOCAL AUTHORITY	JKPTG / PTG & PEJABAT TANAH / DAERAH JKPTG / PTG & LAND OFFICE/DISTRICT	LAIN-LAIN OTHERS
Utara <i>North</i>		9	15	22
Selatan <i>South</i>		0	6	7
Timur <i>East</i>		0	6	3
Tengah <i>Central</i>		8	3	9
JUMLAH TOTAL		17	30	41

Jadual 15: Jumlah permohonan pengesahan status tanah / tanah bersebelahan pada 2019
Table 15: Applications for verification of status of land / adjacent land in 2019



Graf 7 : Jumlah permohonan pengesahan status tanah / tanah bersebelahan pada 2019
Graph 7 : Applications for verification of status of land / adjacent land in 2019

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



Gambar 6: Lawatan Kerja Menteri Pengangkutan YB. Tuan Loke Siew Fook ke tanah keretapi di Port Dickson, Negeri Sembilan

Picture 6: Working Visit by Transport Minister YB. Tuan Loke Siew Fook to railway land in Port Dickson, Negeri Sembilan.

c) PENGURUSAN CUKAI

Selaku pemilik aset dan tanah kereta api, pengurusan cukai membabitkan pembayaran Cukai Tanah (tanah hak milik) dan Cukai Taksiran Cukai Membantu Kadar bagi struktur/bangunan termasuk stesen kereta api perlulah dilunaskan.

Pada 2019, RAC membuat pembayaran cukai tanah berjumlah RM4.516 juta bagi 311 lot tanah berstatus hak milik. RAC turut menanggung kos bagi membayar Cukai Taksiran atau Cukai Membantu Kadar yang dikenakan ke atas harta-harta teknikal kereta api seperti stesen, depot, gudang, stor, yad dan lain-lain struktur/bangunan yang terdapat di tanah kereta api milik RAC.

Berikutan aset-aset tersebut terutamanya stesen, depot dan yad kereta api digunakan bagi kegunaan awam dan tidak bermatlamatkan keuntungan, terdapat keperluan bagi Perbadanan ini memohon pengecualian terutamanya melibatkan Cukai Taksiran atau Cukai Membantu Kadar. Sehubungan itu, permohonan pengecualian Cukai

c) TAX MANAGEMENT

As owner of railway land and assets, tax management involving payment of Land Tax (titled land) and Tax Assessment on Deduction for Contribution in Aid of Rates for structures/buildings including railway stations, have to be settled.

In 2019, RAC paid out land tax totalling RM4.516 million for 311 lots of titled land. RAC also incurred costs for payment of Tax Assessment on Deduction for Contribution in Aid of Rates imposed on railway technical properties such as stations, depots, warehouses, stores, yards and others as well as other structures/buildings found on RAC-owned land.

Given that these assets especially railway stations, depots and yards were for general public use and were not profit-motivated, there was a provision for the Corporation to apply for exemption especially those related to Tax Assessment on Deduction for Contribution in Aid of Rates. In this regard,

Taksiran atau Cukai Membantu Kadar kepada semua 33 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah dibuat oleh RAC. Bagi menyelesaikan isu ini, RAC mengadakan mesyuarat pada 19 September 2019 bersama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), PBT dan Kementerian Pengangkutan untuk menyelaraskan semula kadar Cukai Taksiran atau Cukai Membantu Kadar yang dikenakan ke atas harta-harta teknikal kereta api. Perkara ini masih dalam penelitian pihak Kementerian Pengangkutan dan KPKT.

Namun, pada 2019, RAC telah membayar Cukai Taksiran atau Cukai Membantu Kadar sebanyak RM468,977.89 daripada jumlah RM1.625 juta setahun bagi mendapatkan kelulusan bagi Kebenaran Merancang.

application for exemption of Tax Assessment on Deduction for Contribution in Aid of Rates to all 33 Local Authorities (PBT) had been made by RAC. To solve this issue, RAC held a meeting on 19 September 2019 together with the Ministry of Housing and Local Government, PBT and Ministry of Transport to readjust the Tax Assessment on Deduction for Contribution in Aid of Rates rates imposed on railway technical properties. The matter is still being reviewed by Ministry of Transport and KPKT.

However in 2019, RAC paid RM468,977.89 out of a total annual payment of RM1.625 million as a requirement for obtaining a Planning Approval.



Gambar 7: Mesyuarat Bersama KPKT, Kementerian Pengangkutan dan PBT bagi membincangkan perkara berkaitan Cukai Taksiran/Cukai Membantu Kadar.

Picture 7: Joint Meeting between KPKT, Ministry of Transport and PBT to discuss matters related to Tax Assessment/on Deduction for Contribution in Aid of Rates .

d) PENILAIAN SEMULA ASET KERETA API

Selaku pemilik aset-aset kereta api yang dibiayai oleh Kerajaan, RAC menggunakan kepakaran Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta Malaysia (JPPH) dalam membuat penilaian ke atas semua aset-aset yang dimiliki sejak Perbadanan ini ditubuhkan. Dapatan daripada penilaian tersebut digunakan oleh RAC sebagai garis panduan bagi tujuan pengurusan aset secara komersial dan pembangunan hartanah kereta api. Langkah ini bagi memastikan aset yang diurusniagakan adalah pada kadar semasa dan memberi keuntungan kepada Perbadanan ini.

d) REVALUATION OF RAILWAY ASSETS

As owner of railway assets financed by the Government, RAC leverages on the expertise of the Valuation and Property Services Department of Malaysia (JPPH) to undertake valuation of all assets owned by the Corporation since its inception. RAC uses the department's valuation as guidelines for purposes of managing assets on a commercial basis and railway property development. This is to ensure assets transacted are based on current rates and yield returns for the Corporation.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Kali terakhir penilaian bagi hartanah RAC (pada nilai kos) dilaksanakan ialah pada 2005. Pada ketika itu, penilaian yang dibuat hanya melibatkan tanah dan bangunan sahaja termasuk stesen kereta api dengan nilai berjumlah RM17 bilion.

Berdasarkan situasi semasa dengan peranan dan fungsi RAC yang semakin berkembang dan penambahan aset-aset kereta api lanjutan daripada pelaksanaan beberapa projek mega seperti Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Ipoh-Padang Besar, pembinaan beberapa stesen dan depot yang baharu serta penjajaran semula landasan, maka sudah sampai masanya RAC mengetahui nilai semua hartanah kereta api yang dimiliki.

Objektif utama penilaian dibuat adalah bagi membolehkan Perbadanan ini menyediakan data pengurusan aset yang lengkap dan terkini bagi seluruh jajaran pengoperasian kereta api milik RAC.

Sehubungan itu, satu Perjanjian Persefahaman (MoU) di antara RAC dan JPPH telah ditandatangani pada 10 Disember 2019. Kerja-kerja penilaian ini bermula di Perlis pada pertengahan Disember 2019 dan dijangka siap sepenuhnya pada Jun 2020. Penilaian semula aset-aset kereta api melibatkan tanah kereta api, bangunan stesen, depot, gudang, kuarters dan lain-lain aset tersebut adalah bertujuan untuk mendapatkan nilai aset semasa sehingga tahun semasa.

Valuation on RAC's property (at cost value) was last undertaken in 2005. The exercise covered only land and buildings including railway stations, with total value of RM17 billion.

RAC's role and functions have undergone a profound transformation in recent years. In addition, rail assets under its stable have also grown significantly, boosted by the implementation of several mega projects such as the Ipoh-Padang Besar Electrified Double Tracking Railway Project, construction of several new stations and depots as well as upgrading of tracks. The time has come for all rail assets owned by the Corporation to undergo revaluation based on the current market.

The primary objective of this revaluation exercise is to enable the Corporation to provide a comprehensive and updated management data on the entire stretch of railway operationalised areas owned by RAC.

Towards this end, a Memorandum of Understanding (MoU) between RAC and JPPH was inked on 10 December 2019. Valuation work started in Perlis in mid-December 2019 and was expected to be fully completed in June 2020. The revaluation of railway assets involving railway land, building stations, depots, warehouses, quarters and other assets were aimed at determining the current worth of its assets.

Gambar 8: Majlis Pelantikan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Malaysia selaku Penilai Aset-aset Milik Perbadanan Aset Keretapi pada 10 Disember 2019

Picture 8: Ceremony to mark the Appointment of the Department of Valuation and Property Services as Valuer of RAC assets on 10 December 2019





Gambar 9: Kerja-kerja Penilaian Ke Atas Aset-aset Milik RAC di Perlis

Picture 9: Valuation works on RAC-owned assets in Perlis

e) KERJA-KERJA UKUR

Kerja-kerja pengukuran tanah kereta api dibuat bagi membolehkan maklumat terperinci mengenai sesebuah lot tanah termasuk persempadanan, data geospasial dan *data extraction* dapat dijana bagi keperluan penerbitan peta jajaran kereta api. Kerja-kerja pengukuran ini juga dilaksanakan bagi membolehkan semua maklumat pengukuran disimpan di dalam Pangkalan Data Ukur, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) selain menyediakan Pelan Pra-Perhitungan (*Pre-Comp Plan*) bagi keperluan pewartaan tanah rizab kereta api di bawah Seksyen 62, Kanun Tanah Negara.

Bagi pelaksanaan kerja tersebut, terma rujukan dan spesifikasi teknikal berkaitan perolehan kerja-kerja ukur dibuat berdasarkan peraturan ukur yang dikuat kuasa. Penyediaan anggaran kos bagi lantikan kerja-kerja ukur dibuat dengan merujuk kepada Fee Ukur Kejuruteraan, Fee Jadual 13 Ukur Hak Milik dan lain-lain fee yang berkaitan.

e) SURVEYING WORKS

Surveying works on railway land were undertaken to obtain a detailed information on land lots including land alienation, geospasial data and data extraction for publishing a map on railway operational areas. Survey works were also undertaken to allow all survey information to be kept in the Survey Database of the Survey and Mapping Department Malaysia (JUPEM) in addition to preparing a Pre Comp Plan on reserve land for implementing gazetting of railway land under Section 62 of the National Land Code.

To carry out the work, the terms of reference and technical specifications related to the procurement of survey works were made based on the survey regulations enforced. The preparation of estimated costs for undertaking survey works refer to the Engineering Survey Fee, Schedule 13 Fee for Survey of Titled Land and other related fees.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK (PLBE) GEMAS KE PADANG BESAR : PROJEK UKUR HALUS JAJARAN GEMAS KE PADANG BESAR

Projek Ukur Halus bagi jajaran Gemas ke Padang Besar yang terlibat dalam Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas Ke Padang Besar telah dilaksanakan oleh RAC mulai 2018 melalui peruntukan yang disalurkan oleh Kementerian Pengangkutan (MOT) secara berfasa. Tujuan projek ini dibuat adalah bagi mewartakan semua tanah-tanah rizab kereta api yang dalam projek tersebut. Sebanyak tujuh (7) negeri yang terlibat iaitu Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Projek yang dimulakan pada 2018 mempunyai tiga (3) skop utama iaitu :

- i) Ukuran baki lot dan hak milik sambungan;
- ii) Pemetaan udara menggunakan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV); dan
- iii) Penyediaan Pelan Pra-Perhitungan bagi tujuan pewartaan.

i) UKURAN BAKI LOT DAN HAK MILIK SAMBUNGAN

Bagi kerja ukuran baki lot dan hak milik sambungan, kerja-kerja ini dilaksanakan oleh JUPEM dengan kerjasama Jabatan Ketua Pengarah dan Galian (JKPTG). Jadual di bawah merupakan ringkasan kerja Ukuran Baki Lot dan Hak Milik Sambungan bagi Jajaran PLBE Gemas – Padang Besar.

GEMAS-PADANG BESAR ELECTRIFIED DOUBLE TRACKING PROJECT (PLBE): FINAL SURVEY ON GEMAS-PADANG BESAR STRETCH

A Final Survey on a stretch from Gemas to Padang Besar which was involved in the Electrified Double Tracking Project had been implemented starting 2018 through allocation channelled in stages by the Ministry of Transport (MOT). The project aims to gazette all railway reserve land involved in the project. Seven (7) states were involved namely Melaka, Negeri Sembilan, Selangor, Perak, Penang, Kedah and Perlis. The project which kicked off in 2018 covers three (3) main scopes namely:

- i) Survey of remaining lots and land extension;*
- ii) Aerial mapping using Unmanned Aerial Vehicle (UAV); and*
- iii) Preparation of a Pre-Comp Plan for gazetting purposes.*

i) SURVEY ON REMAINING LOTS AND LAND EXTENSION

Surveying works on the remaining lots and land extension were carried out by JUPEM in collaboration with the Director General of the Federal Lands and Mines (JKPTG) Department. The table below is a summary of the Survey Works on the Remaining Lots and Land Extension for the PLBE Gemas – Padang Besar Stretch.

NEGERI STATE	BIL. LOT TERLIBAT NO. OF LOTS INVOLVED	PELAN AKUI DILULUSKAN PA APPROVED	DALAM TINDAKAN JUPEM UNDER JUPEM'S ACTION	DALAM TINDAKAN JTB UNDER JTB'S ACTION	DALAM TINDAKAN JKPTG UNDER JKPTG'S ACTION	PENGAMBILAN KESELURUHAN TOTAL ACQUISITION	SEMAKAN MOT MOT'S REVIEW
	a+b+c+d+e+f	a	b	c	d	e	f
Perlis	471	471	0	0	0	0	0
Pulau Pinang	577	429	0	0	30	118	0
Kedah	502	502	0	0	0	0	0
Perak	1476	1452	0	17	6	0	1
Selangor	301	58	0	243	0	0	0
Melaka	290	290	0	0	0	0	0
Negeri Sembilan	478	351	0	0	8	119	0
Jumlah Total	4095	3553	0	260	44	237	
Peratusan Percentage (%)	100.00	86.76	0.00	6.35	1.07	5.79	

Jadual 17: Bagi kerja ukuran baki lot dan hak milik sambungan, kerja-kerja ini dilaksanakan oleh JUPEM dengan kerjasama JKPTG.

Table 17: Survey works on remaining lots and land extension were conducted by JUPEM in collaboration with JKPTG


PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

ii. PEMETAAN UDARA MENGGUNAKAN UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)

Pelan bagi Pemetaan Udara UAV Fasa 1: Jajaran PLBE. (Stesen Keretapi Gemas-Stesen Keretapi Ipoh)

ii. AERIAL MAPPING USING UNMANNED AERIAL VEHICLE (UAV)

Plan for Aerial Mapping using Unmanned Aerial Vehicle (UAV) of Phase 1: PLBE Stretch. (Gemas-Ipoh Railway Station).



Pemetaan udara menggunakan UAV merupakan inisiatif yang dibuat oleh RAC bertujuan untuk menggunakan gambar udara sebagai rujukan bagi penyediaan Pelan Pra-Perhitungan.

Penggunaan UAV akan mengaplikasikan konsep ukuran dan pemetaan yang tepat dan jitu. Gambar-gambar yang diambil daripada UAV ini akan diproses dan seterusnya menjadi peta orthophoto yang akan digunakan sebagai pelan ukur terbina. Pelan tersebut digunakan sebagai rujukan sewaktu penyediaan Pelan Pra-Perhitungan bagi tujuan pewartaan.

Fasa pertama bagi kerja-kerja pemetaan udara ini bermula dari Stesen Keretapi Gemas, Negeri Sembilan ke Stesen Keretapi Ipoh, Perak bagi tujuan pewartaan jajaran Gemas ke Ipoh. Kerja-kerja tersebut siap sepenuhnya pada Disember 2019. Seterusnya adalah projek Fasa kedua bagi kerja penyediaan pemetaan menggunakan UAV dari Stesen Keretapi Ipoh ke Stesen Keretapi Padang Besar, Perlis. Projek tersebut masih dalam pelaksanaan dan dijangka siap sepenuhnya pada Disember 2020.

Aerial mapping using UAVs or drones is an initiative of RAC for collecting accurate data and delivering sharp images. These images are specifically designed to produce orthophoto maps for as-built survey plan. The plan will be used as reference for preparing the Pre-Comp Plan for gazetting purposes.

Phase one for aerial mapping works starts from Gemas Railway Station, Negeri Sembilan to Ipoh Railway Station, Perak for gazetting of the stretch from Gemas to Ipoh. These works were fully completed in December 2019. Subsequently, phase two involves preparation for mapping works using UAV from Ipoh Railway Station to Padang Besar Railway Station, Perlis. The project is still in the implementation stage and is expected to be fully completed by December 2020.

Aktiviti UAV Fasa 1 Jajaran PLBE (Stesen Keretapi Gemas- Stesen Keretapi Ipoh)
UAV Activities under Phase 1 of PLBE Stretch (Gemas Railway Station-Ipoh Railway Station)



Gambar 10: Kerja-kerja mengambil gambar menggunakan drone
Picture 10: Capturing photos using drones

Gambar 11: Mencari Ground Centre Point (GCP) yang disediakan oleh JUPEM

Picture 11: Searching for a Ground Centre Point (GCP) prepared by JUPEM



Gambar 12: Petugas membawa GCP tambahan untuk mendapatkan ketepatan data

Picture 12: A RAC staff carrying additional GCP to ensure data accuracy

Gambar 13: Petugas bersedia untuk menerbangkan drone di lokasi yang ditetapkan

Picture 13: A RAC staff preparing to fly a drone at a determined location



Gambar 14: Petugas menunggu cerapan data yang sedang dibuat oleh drone sehingga selesai.

Picture 14: A RAC staff waiting for a drone analysis to be completed



Gambar 15: Kakitangan RAC diberi kursus untuk menerbangkan drone

Picture 15: A RAC staff undergoing a course to fly the drone



Gambar 16: Kakitangan RAC menggunakan alat ukur untuk mendapatkan koordinat

Picture 16: A RAC staff using a survey device to view the coordinates of the location

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

iii. PENYEDIAAN PELAN PRA HITUNGAN BAGI TUJUAN PEWARTAAN

Bagi penyediaan Pelan Pra-Perhitungan, RAC akan melantik Juru Ukur Tanah Berlesen (JTB) bagi melaksanakan kerja-kerja tersebut. Seterusnya pelan berkenaan akan dihantar kepada JKPTG Negeri bagi tujuan penyediaan laporan status tanah dan permohonan kelulusan pewartaan di bawah Seksyen 62 Kanun Tanah Negara (KTN) daripada kerajaan negeri terlibat. Pelantikan JTB dijangka dibuat pada 2020 selepas kerja-kerja ukuran baki lot dan hak milik sambungan dan pemetaan udara menggunakan UAV selesai.

- **Projek Ukur Halus Jajaran Klang Valley Double Track (KVDT)**

Pada 2017, RAC melalui peruntukan wang hasil sebanyak RM8.098 juta melaksanakan Projek Ukur Halus bagi mewartakan tanah-tanah rizab kereta api yang berada di dalam jajaran di Klang Valley Double Track (KVDT). Jajaran yang terlibat adalah seperti berikut:

- **Stesen Keretapi Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Klang, Selangor**
- **Stesen Keretapi Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Seremban, Negeri Sembilan**
- **Stesen Keretapi Kuala Lumpur ke Stesen Keretapi Rawang, Selangor.**

RAC telah melantik JTB bagi melaksanakan kerja-kerja pengukuran sempadan dan topografi, penyediaan pelan ukur terbina, penyediaan Pelan Pra-Perhitungan dan ukuran akhir di tapak. JTB yang dilantik telah selesai melaksanakan kerja-kerja tersebut pada Disember 2018.

Pada tahun ini, RAC dengan dibantu oleh pihak Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Selangor, Wilayah Persekutuan dan Negeri Sembilan dalam fasa penyediaan laporan tanah dengan menggunakan pelan ukur terbina dan Pelan Pra-Perhitungan yang telah disediakan. Selain itu, lawatan tapak turut dibuat oleh kedua-dua pihak bagi mendapatkan gambaran terperinci mengenai laporan yang disediakan. Kerja-kerja pewartaan tanah-tanah rizab kereta api yang berada di dalam jajaran KVDT dijangka selesai pada penghujung tahun 2021.

iii. PREPARATION OF PRE-COMP PLAN FOR GAZETTING PURPOSES

In preparing a Pre-Comp Plan, RAC will appoint a Licensed Land Surveyor (JTB) to carry out the works. Subsequently, the plan will be sent to the State JKPTG for preparation of the land status report and application for gazetting approval under Section 62 of the National Land Code from the relevant state government. The JTB's appointment is expected to take place in 2020 upon completion of survey works on the remaining lots and land extension as well as aerial mapping.

- **Final Mapping Survey On Klang Valley Double Track (KVDT) Stretch**

In 2017, RAC through revenue proceeds totalling RM8.098 million implemented the Final Mapping Survey for gazetting of railway reserve land within the Klang Valley Double Track (KVDT) stretches. The stretches involved are as follows:

- **Kuala Lumpur Railway Station to Klang Railway Station, Selangor**
- **Kuala Lumpur Railway Station to Seremban Railway Station, Negeri Sembilan**
- **Kuala Lumpur Railway Station to Rawang Railway Station, Selangor.**

RAC has engaged a JTB to conduct border surveying and topographic works, preparation of as-built plan, a Pre-Comp Plan and final on-site survey. The appointed land surveyor has completed the works in December 2018.

This year, RAC with assistance from the Director General of Federal Lands and Mines Department (JKPTG) Selangor, Federal Territory and Negeri Sembilan are preparing a land report using the as-built survey plan and Pre-Comp, which have been made available.

In addition, a site visit was also organised by both parties to get a more detailed picture of the reports given. Gazetting works on railway reserve land within the KVDT stretch are expected to be completed at the end of 2021.

PEMANTAUAN KOORDINASI & PENGUATKUASAAN

Aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan dilakukan ke atas tanah-tanah kereta api bagi mencegah sebarang bentuk pencerobohan, kependudukan tidak sah dan aktiviti-aktiviti lain di atas tanah kereta api yang boleh mengganggu operasi kereta api. Gangguan terhadap kawasan operasi kereta api bukan sahaja membahayakan nyawa penceroboh, malah yang menjadi kebimbangan adalah keselamatan penumpang tren, kerosakan aset dan seterusnya gangguan kepada operasi kereta api.

a) TINDAKAN PENGUATKUASAAN

Tindakan penguatkuasaan ke atas penceroboh tanah kereta api dibuat selepas notis secara pentadbiran dikeluarkan oleh RAC. Notis pentadbiran mengikut had masa ini dikeluarkan untuk tempoh tujuh (7) hari atau empat belas (14) hari atau dua puluh satu (21) hari atau tiga puluh (30) hari atau atau sembilan puluh (90) hari mengikut keperluan dan budi bicara. Sekiranya pemilik enggan/ cuai/ ingkar untuk mengosongkan tapak, pihak RAC akan mengemukakan permohonan notis di bawah Seksyen 425 Kanun Tanah Negara (KTN) - (Pindaan September 2016) daripada Pentadbir Tanah Daerah atau Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) Persekutuan untuk melaksanakan kerja-kerja perobohan dan pengusiran. Di bawah seksyen yang sama, penceroboh boleh dikenakan tindakan undang-undang iaitu sekiranya disabitkan kesalahan boleh **didenda tidak melebihi RM500,000.00 atau penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau kedua-duanya sekali.**

Di samping itu, penetapan Dasar Penguatkuasaan Tanah dan Rumah Ibadat yang diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC pada Februari 2012 membolehkan tindakan dibuat segera untuk menghalang pembinaan kediaman baharu, rumah ibadat baharu, tanaman kekal dan aktiviti ternakan yang berada di dalam kawasan operasi kereta api. Bagi melaksanakan aktiviti ini, RAC telah bekerjasama dengan pelbagai agensi kerajaan dan swasta seperti Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), Jabatan Ketua Pengarah dan Galian (JKPTG) Persekutuan, Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Air Negara (SPAN), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Syarikat Air Negeri dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

MONITORING COORDINATION & ENFORCEMENT

Enforcement and monitoring activities are conducted on railway land to safeguard against encroachment, unlawful occupation and other activities on railway land that could disrupt railway operations. Besides posing dangers to the intruders, any interference at railway operational areas are feared to affect the safety of train passengers as well as disrupt railway operations.

a) ENFORCEMENT ACTION

*Enforcement action against railway land intruders is usually taken after an administration notice is issued by RAC. The administration notice for a certain period will be issued for seven (7) days or fourteen (14) or twenty-one (21) or thirty (30) or ninety (90) days where applicable and according to the case. If the owner (intruder) fails to abide by the notice to vacate the land, RAC will submit a notice of application under Section 425 of the National Land Code (Amendment Act September 2016) from the District Land Administrator or the Director General of Federal Land and Mines Department (JKPTG) for demolition and eviction purposes. Under the same section, it is an offence to illegally occupy Government land and failing to comply could result **in a fine of not more than RM500,000.00 or a jail sentence not exceeding five (5) years or both, if convicted.***

In addition, the adoption of the Policy on Enforcement on Land and Houses of Worship which was approved at the RAC Board of Directors Meeting on 1 February 2012 allows actions to be taken to prevent the construction of new residences, houses of worship, permanent crop cultivation and livestock breeding activities in the railway operation areas.

To coordinate enforcement efforts, RAC collaborated with various government agencies and the private sector such as the District Land Office (PDT), Director General of Federal Land and Mines Department (JKPTG), State Secretary (SUK), Local Authorities (PBT), Royal Malaysian Police (PDRM), Suruhanjaya Air Negara (SPAN), Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), Syarikat Air Negeri and Tenaga Nasional Berhad (TNB).

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Berikut adalah gerak kerja penguatkuasaan yang dilaksanakan pada 2019.

i. Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas Ke Johor Bahru (PLBEG-JB).

RAC dipertanggungjawabkan untuk membantu Kementerian Pengangkutan mengeluarkan semua setingan dan halangan yang berada di atas tapak projek selaras dengan Klausa 1.8 *Statement of Needs* (SON) bagi PLBE Gemas ke Johor Bahru. Aktiviti mengeluarkan setingan bermula sejak 2010 memandangkan proses ini perlu dilaksanakan mengikut lunas undang-undang dan secara berhemah. Sehingga akhir 2019, sebanyak 99 peratus baki setingan dan halangan yang berada di atas tanah rizab kereta api iaitu kira-kira sebanyak 1,300 unit telah dikeluarkan.

Following are the enforcement activities undertaken throughout 2019:

i. Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project (PLBEG-JB)

RAC was entrusted to assist the Ministry of Transport to evict all squatters and remove obstructions at the project site in line with Clause 1.8 Statement of Needs (SON) for the PLBE Gemas to Johor Bahru project. The eviction of squatters started since 2010 given that the process should be in accordance with the law and had to be executed in a fair and reasonable manner. As at end-2019, 99 percent or 1,300 units of the remaining squatters and obstructions on railway reserve land had been removed.



Rajah 22: Lokasi jajaran dan stesen-stesen kereta api melibatkan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas ke Johor Bahru

Diagram 22 Location of railway stretch and stations involved in the Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project (PLBE)



Gambar 17: Tindakan penguatkuasaan bagi tujuan Projek Landasan Berkembar Elektrik (PLBE) Gemas – Johor Bahru

Picture 17: Enforcement action to make way for Gemas-Johor Bahru Electrified Double Tracking Project

ii. Tindakan Penguatkuasaan Ke Atas Pendudukan Secara Tidak Sah Di Atas Tanah Rizab Kereta Api di Perlis

Tindakan penguatkuasaan dijalankan bagi perobohan struktur rumah dan bengkel di Perlis. Perobohan ini dilaksanakan berikutan aduan yang diterima bahawa kawasan tersebut dijadikan tempat pengumpulan daun ketum yang diseludup dari Thailand untuk dipasarkan di Malaysia. Sehubungan itu, pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Agensi Kawalan Sempadan Malaysia (AKSEM) meminta RAC merobohkan struktur berkenaan bagi menghindarkan kawasan itu menjadi tempat pengedaran daun ketum. Selain PDRM dan AKSEM, tindakan penguatkuasaan ini turut disertai Pejabat Tanah dan Galian Perlis, Majlis Perbandaran Kandar, Syarikat Air Perlis (SAP) dan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

ii. Enforcement Action Against Unlawful Occupancy on Railway Reserve Land in Perlis

Enforcement action was conducted to demolish housing structures and workshops in Perlis. The demolition was undertaken following complaints that these areas were used as hubs for smuggling ketum leaves from Thailand to be marketed in Malaysia. In this regard, the Royal Malaysia Police (PDRM) and the Malaysian Border Security Agency (AKSEM) had asked RAC to demolish the structures to curb such activities from thriving in these areas. In addition, the Penang Land Mines Office, Kangar Municipal Council, Syarikat Air Perlis (SAP) and Tenaga Nasional Berhad (TNB) were also involved in the crackdown operations.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



Gambar 18: Tindakan penguatkuasaan merobohkan struktur bangunan dibina secara tidak sah dan menjalankan aktiviti menyalahi undang-undang.

Picture 18: Enforcement in progress to demolish housing structures which were illegally built and were operating unlawful activities.

iii. Projek Pembinaan Depot Kereta Api Diesel di Padang Tengku

Projek ini melibatkan pembinaan lima (5) stesen baharu bagi menggantikan stesen sedia ada di Pahang iaitu Stesen Keretapi Kemayan, Stesen Keretapi Triang, Stesen Keretapi Mentakab, Stesen Keretapi Padang Tengku dan Stesen Keretapi Kuala Lipis. Projek ini bermula pada 17 April 2017 dan dijangka siap pada Disember 2020. Dalam melaksanakan projek ini, sebanyak 43 unit setinggan kediaman dan komersial dikenal pasti terlibat dengan lokasi pembinaan projek tersebut. Sebanyak 11 unit setinggan berpindah secara sukarela pada 25 Ogos 2017 manakala bakinya akan berpindah secara berperingkat sehingga tarikh akhir notis pada 17 Ogos 2019.

Kerja-kerja perobohan setinggan dimulakan pada 12 hingga 13 September 2019 dengan Mesyuarat Koordinasi Penguatkuasaan di pejabat tapak projek di Kuala Lipis, Pahang. Tindakan penguatkuasaan ini dilakukan dengan kerjasama pihak Pejabat Daerah dan Tanah Lipis, PDRM cawangan Padang Tengku, Majlis Daerah Lipis, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Syarikat Air Pahang, Tenaga Nasional Berhad dan pihak kontraktor yang dilantik oleh Kementerian Pengangkutan.

iii. Construction of Diesel Train Depot at Padang Tengku

The project involves the construction of five (5) new stations to replace the existing ones in Pahang namely Kemayan Railway Station, Triang Railway Station, Mentakab Railway Station, Padang Tengku Railway Station and Kuala Lipis Railway Station. The project kicked off on 17 April 2017 and was expected to be completed by December 2020. In executing the project, 43 squatter dwellings and commercial units were identified as obstructions to the project. A total of 11 squatters moved out voluntarily on 25 August 2017 while the rest were expected to leave in stages until the expiry notice on 17 August 2019.

Demolition of squatter units started on 12 to 13 September 2019 with an Enforcement Coordination Meeting at the project site office in Kuala Lipis, Pahang. The operation was conducted with cooperation from the Lipis District and Land Office, Royal Malaysian Police Padang Tengku branch, Lipis District Council, Keretapi Tanah Melayu Berhad, Syarikat Air Pahang, Tenaga Nasional Berhad and the contractor appointed by the Ministry of Transport.



Gambar 19: Tindakan penguatkuasaan terhadap setinggan kediaman di kawasan tapak projek Pembinaan Depot Lokomotif Padang Tengku, Pahang.

Picture 19: Enforcement action against squatters occupying the project site for the Construction of a Locomotive Depot in Padang Tengku, Pahang.

iv. Pemutihan Setinggan Dari Tumpat dan Rantau Panjang hingga ke Tanah Merah, Kelantan


Mesuarat *Senior Leadership Team* (SLT) pada 8 Februari 2019 bersetuju supaya sebuah *task force* ditubuhkan bagi penyerahan notis secara pentadbiran kepada semua pendudukan secara tidak sah di atas tanah-tanah RAC di seluruh Semenanjung Malaysia. *Task force* ini memulakan operasi pada 8 Julai 2018 dan dijangka selesai pada hujung 2020. Penyampaian notis ini bertujuan memudahkan RAC untuk memulakan tindakan penguatkuasaan mengeluarkan setinggan-setinggan tersebut sekiranya tanah/tapak berkenaan terlibat dalam cadangan projek berkaitan kereta api dan projek pembangunan pada masa akan datang. Lanjutan daripada keputusan Mesyuarat Lembaga RAC Ke-81 yang bersidang pada 22 November 2017 yang telah meluluskan sewaan tapak kepada setinggan kediaman di Kelantan dan Pahang, RAC mengadakan ikatan perjanjian dengan penyewa-penyewa tersebut dengan terma-terma dengan pihak setinggan tidak berhak menuntut pampasan, ganti rugi dan *ex-gratia* dan sebagainya sekiranya diarah untuk mengosongkan tapak.

iv. Legalisation of Squatters from Tumpat and Rantau Panjang to Tanah Merah, Kelantan

The Senior Leadership Team (SLT) Meeting on 8 February 2019 agreed that a task force should be set up to issue the administration notice to all unlawful occupiers on RAC land throughout Peninsular Malaysia. The Task Force began its operation on 8 July 2018 and was expected to be completed by the end of 2020. The notice also served to facilitate RAC's enforcement efforts involving land/sites which were affected by proposed railway and development projects in future. Following decisions at RAC's 81st Board Meeting on 22 November 2017 which approved site rental for squatter residential units in Kelantan and Pahang, RAC entered into agreements with the occupiers whereby under the terms, the squatters were not entitled to a claim for compensation, indemnity and ex-gratia, etc if they were ordered to vacate the site.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

JUMLAH SETINGGAN DIBANCI MELALUI PROGRAM *TASK FORCE* PEMUTIHAN SETINGGAN BERMULA DARI JAJARAN RANTAU PANJANG KE TANAH MERAH, KELANTAN PADA 2019 NO. OF SQUATTERS BASED ON A CENSUS CONDUCTED BY A *TASK FORCE* ON SQUATTERS' LEGALISATION STARTING FROM RANTAU PANJANG STRETCH TO TANAH MERAH, KELANTAN IN 2019



Graf 8 :Jumlah setinggan dibanCI melalui Program *Task Force* Pemutihan Setinggan bermula dari jajaran Rantau Panjang ke Tanah Merah, Kelantan pada 2019

Graph 8 :Number of squatters based on a census through a Task Force Programme on legalisation of squatters starting with Rantau Panjang stretch to Tanah Merah, Kelantan in 2019

Graf di atas menunjukkan jumlah setinggan yang terlibat dengan Serahan Notis dan Pemutihan Setinggan bagi enam (6) minggu pertama bermula pada 8 Julai 2019 hingga 30 Ogos 2019 di Kelantan iaitu bermula di Jajaran Tumpat, Rantau Panjang, Pasir Mas dan Tanah Merah.

Hasil gerak kerja tersebut, setinggan bagi kategori komersial mencatatkan bilangan tertinggi iaitu sebanyak 411 unit manakala 200 unit merupakan setinggan bagi kategori kediaman.

Bagi kategori kediaman, isu yang paling utama ialah tingkat pendapatan yang tidak seimbang, tidak mempunyai tanah sendiri serta menjadikan keutamaan pengangkutan kereta api untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain sebagai faktor mereka memilih tanah kereta api untuk dijadikan lokasi kediaman. Dengan penyampaian notis ini, penduduk dapat diberi penerangan mengenai kesalahan kerana menduduki tanah kereta api secara tidak sah sekali gus menghentikan aktiviti pembinaan kediaman baharu.

The graph above shows the number of squatters affected by the Issuance of Notice and Squatters' Legalisation for the first six (6) weeks beginning 8 July 2019 to 30 August 2019 in Kelantan that is, from Tumpat, Rantau Panjang, Pasir Mas and Tanah Merah stretch.

From the operation, the commercial category recorded the highest number of 411 units while 200 units were those in the residential category.

For the residential category, among the main issues of concern were income inequality, with the settlers having no land of their own. They also depended heavily on trains as their primary mode of transportation, which was why they chose railway land as their dwelling locality. With the notice, the dwellers would be informed of the offences they had committed by unlawfully occupying the land, hence putting an end to further construction of new settlements.



Gambar 20: Program Task Force Pemutihan Setinggan di Pantai Timur.

Picture 20: Task Force Programme on Legalisation of Squatters in the East Coast.

b) AKTIVITI PEMANTAUAN TANAH RIZAB DAN HAK MILIK

Selain penguatkuasaan, aktiviti pemantauan tanah-tanah kereta api turut dilakukan secara berkala dan *ad-hoc* untuk memastikan tanah-tanah kereta api tidak dicerobohi dan diduduki secara tidak sah. Selain itu, langkah ini juga bagi menyelesaikan pelbagai isu aduan berkaitan pencerobohan, pembuangan sisa pepejal oleh pihak yang tidak bertanggungjawab di atas tanah kereta api, mengekang kemasukan setinggan baharu di tanah kereta api milik RAC dan sebagainya. Bagi tujuan pemantauan secara berkala, tanah-tanah kereta api dibahagikan kepada empat (4) zon iaitu Zon Tengah (Kuala Lumpur, Selangor), Zon Pantai Timur (Kelantan, Pahang) Zon Utara (Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis) dan Zon Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor).

Sepanjang 2019, sebanyak 68 aktiviti pemantauan dilakukan dengan kekerapan paling tinggi adalah di Zon Tengah dengan kawasan ini merupakan tanah kereta api yang aktif. Aktiviti pemantauan ini turut dibantu oleh KTMB dan agensi berkaitan yang lain. Jadual 18 menunjukkan kekerapan aktiviti pemantauan pada 2019.

b) MONITORING OF RESERVE AND TITLED LAND


Besides enforcement, monitoring activities on railway land were carried out periodically and on an ad-hoc basis to curb illegal encroachment and unlawful occupancy on railway land. Besides that, these efforts were aimed at solving various issues related to encroachment, disposal of solid waste by irresponsible parties on railway land, to curb the entry of new squatters to RAC-owned railway land, etc. For periodical monitoring, railway land is divided into four (4) zones namely Central Zone (Kuala Lumpur, Selangor), East Coast Zone (Kelantan, Pahang), North Zone (Perak, Penang, Kedah and Perlis) and South Zone (Negeri Sembilan, Melaka and Johor).

Throughout 2019, a total of 68 monitoring activities was conducted, with the highest frequency undertaken in the Central Zone given the hive of activity focused on railway land in the area. Table 18 shows the frequency of monitoring activities in 2019.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

ZON ZONE	KEKERAPAN FREQUENCY	NEGERI STATE
Zon Tengah <i>Central Zone</i>	20	Kuala Lumpur dan Selangor <i>Kuala Lumpur and Selangor</i>
Zon Timur <i>East Zone</i>	16	Kelantan, Pahang <i>Kelantan, Pahang</i>
Zon Utara <i>North Zone</i>	16	Perak, Pulau Pinang, Kedah dan Perlis <i>Perak, Penang, Kedah and Perlis</i>
Zon Selatan <i>South Zone</i>	16	Negeri Sembilan, Melaka dan Johor <i>Negeri Sembilan, Melaka and Johor</i>
JUMLAH TOTAL	68	

Jadual 17 : Kekerapan aktiviti pemantauan mengikut zon pada 2019
Table 17 : Frequency of monitoring activities according to their zones in 2019



Graf 9 : Jumlah kekerapan pemantauan yang dilakukan mengikut zon pada 2019
Graph 9 : Frequency of monitoring activities based on their zones in 2019

c) BANCIAN SETINGGAN

Data setinggan dalam rekod RAC sentiasa dikemas kini dari semasa ke semasa melalui *Railway Asset Intelligent System (RAILS)* bagi tujuan pemantauan dan rekod. Unit Penguatkuasaan akan menyemak kependudukan setinggan sedia ada ketika aktiviti pemantauan dijalankan bagi merekod sebarang penambahan setinggan baharu yang berada di tanah RAC serta mengeluarkan data bagi setinggan yang telah dikosongkan/dirobohkan/tindakan penguatkuasaan atau bertukar status sebagai penyewa.

Maklumat daripada bancian setinggan ini akan digunakan sebagai asas oleh pihak Kementerian Pengangkutan, RAC, Kerajaan Negeri serta jabatan/agensi lain bagi merancang tindakan yang

c) SQUATTERS' CENSUS

Squatters' data are updated regularly and periodically through the Railway Asset Intelligent System (RAILS) for monitoring and record purposes. The Enforcement Unit will review the latest statistics on the squatters' population during the monitoring exercise to record any increase in illegal occupiers on RAC land. At the same time, the unit will be able to issue data on illegal dwellings which have been vacated/demolished/under enforcement action or changed their status to tenant.

Information collated from the census will be used as the basis for the Ministry of Transport, RAC, the State Government as well as other relevant departments/agencies to plan further action

boleh diambil bagi mengatasi isu kependudukan setinggan di atas tanah kereta api. Perancangan ini termasuklah cadangan menempatkan setinggan di Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Projek Perumahan Satu Malaysia (PR1MA), Perumahan Rakyat dan sebagainya. Tindakan ini bagi memastikan Dasar Setinggan Sifar dan Dasar Penguatkuasaan Tanah Kereta Api bagi kependudukan secara tidak sah dapat dilaksanakan dengan berkesan. Selain itu, pihak RAC akan memastikan pihak operator (iaitu KTMB) dapat menjalankan operasi kereta api dengan selamat dan efisien. Jadual 18 di bawah menunjukkan bilangan setinggan di setiap negeri dan keseluruhan pada 2019.

against squatters' illegal occupation on railway land. Such planning included relocating squatters to the Housing Programme for the Hardcore Poor (PPRT), 1Malaysia People's Housing Programme (PR1MA), Perumahan Rakyat (People's Housing), etc. This is to ensure the Policy on Enforcement on Illegal Occupation of Railway can be effectively carried out. Besides that, RAC will ensure the operator (KTMB) will be able to run the railway operation safely and efficiently. The table 18 below shows the total number of squatters in every state and overall total in 2019:


BIL NO.	NEGERI STATE	BILANGAN SETINGGAN (Unit) NO. OF SQUATTERS (Unit)	LOKASI LOCATION	MAKLUMAT TAMBAHAN ADDITIONAL INFORMATION
1.	Kelantan	3,631	Jajaran Gua Musang ke Tumpat (termasuk Pasir Mas – Rantau Panjang) <i>Gua Musang to Tumpat stretch (including Pasir Mas – Rantau Panjang)</i>	Mesyuarat Lembaga RAC Ke – 81 yang bersidang pada 22 November 2017 telah meluluskan sewaan tapak kepada setinggan kediaman <i>RAC's 81st Board Meeting on 22 November 2017 approved rental sites for residential squatters</i>
2.	Pahang	948	Jajaran Kemayan ke Mentara Baru <i>Kemayan to Mentara Baru stretch</i>	
3.	Johor	530	Taman Sinaran Kempas (PTD40050)	Tidak termasuk setinggan terlibat PLBEG-JB (1,300unit) yang telah dikeluarkan. <i>Excluding squatters affected by the PLBEG-JB (1,300 units) which had been evicted</i>
4.	Negeri Sembilan	485	Jajaran Seremban ke Port Dickson <i>Seremban to Port Dickson stretch</i>	
5.	Selangor	411	Jajaran Lama Kuang ke Bestari Jaya <i>Kuang to Bestari Jaya old stretch</i>	
6.	Perak	160	Jajaran lama Teluk Intan <i>Teluk Intan old stretch</i>	
		50	Lot 75887	Tanah surplus (Falim, Perak) <i>Surplus land (Falim, Perak)</i>

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

BIL NO.	NEGERI STATE	BILANGAN SETINGGAN (Unit) NO. OF SQUATTERS (Unit)	LOKASI LOCATION	MAKLUMAT TAMBAHAN ADDITIONAL INFORMATION
7.	Kedah	96	Lot 3, Alor Setar	Tanah hak milik <i>Titled land</i>
8.	Pulau Pinang Penang	292	Lot 65, 67 & 286	Tanah hak milik (Seberang Prai) <i>Titled land (Seberang Prai)</i>
		26	Lot 547 (Bukit Tengah)	Tanah hak milik (Bukit Tengah) <i>Titled land (Bukit Tengah)</i>
9.	Kuala Lumpur	183	PLOT A2	Kawasan Segambut ke Kepong <i>Segambut - Kepong area</i>
10.	Perlis	1	Lot 1 (Kuarters KTMB Padang Besar)	
			Lot 1 <i>(KTMB Quarters Padang Besar)</i>	
JUMLAH TOTAL		6,813		

Jadual 18 : Bilangan setinggan mengikut negeri pada 2019.
Table 18 : Total number of squatters in every state in 2019.

JUMLAH SETINGGAN MENGIKUT NEGERI PADA 2019 NO. OF SQUATTERS ACCORDING TO STATES IN 2019



Graf 10 : Bilangan setinggan di setiap negeri dan keseluruhan pada 2019.
Graph 10 : Number of squatters in every state and overall total in 2019.

PENGURUSAN ASET KERETA API


Sebagai pemilik aset, RAC bertanggungjawab dalam memastikan aset tersebut dipantau, diselenggara dan dibaik pulih supaya ia sentiasa dalam keadaan baik dan selamat digunakan. Pada masa ini, kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan baik pulih aset yang terlibat dengan operasi kereta api adalah di bawah tanggungjawab KTMB manakala kawasan luar daripada operasi, tugas itu dilakukan oleh RAC.

Kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan pelupusan dilaksanakan untuk:

MANAGEMENT OF RAILWAY ASSETS

As an asset and infrastructure owner, RAC is responsible for ensuring that all railway assets are monitored, well-managed and maintained so that they are always in good working order and safe to use. At present, monitoring, managing and maintenance of operational railway assets and infrastructure are under KTMB's purview while RAC handles non-operational areas.

Monitoring, maintenance and disposal works are undertaken for the purposes below:



Rajah 23: Tujuan kerja-kerja pemantauan, penyelenggaraan dan pelupusan aset kereta api dilaksanakan
Diagram 23: Objectives of monitoring, maintenance and disposal works


Selain itu, aset kereta api yang rosak dan tidak ekonomi untuk dibaik pulih akan menjalani proses pelupusan oleh RAC mengikut Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan (Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2012).

Apart from that, damaged railway assets and infrastructure which are no longer economical for repair, will go through RAC's disposal process in accordance with the Government Immovable Asset Management Procedure (General Order No. 2 Year 2012).

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Senarai aset kereta api yang dipantau dan dilupuskan pada tahun semasa adalah seperti berikut:

Railway infrastructure and assets monitored and disposed of during the current year are as follows:



Rajah 24: Senarai aset dan infrastruktur kereta api yang dibuat pemantauan prestasi dan dilupuskan
Graph 24: Railway assets and infrastructure monitored for performance evaluation and disposal

a) PEMANTAUAN DAN PENYELENGGARAAN ASET

Kerja-kerja pemantauan dan penyelenggaraan aset kereta api dilaksanakan bagi meningkatkan jangka hayat aset, mengoptimumkan nilai aset, memberi manfaat kepada pengguna rel serta meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan Kerajaan khususnya RAC.

Aktiviti pemantauan dan penyelenggaraan aset-aset kereta api yang dibuat termasuk stesen dan perhentian, parkir bertingkat, pembersihan sempadan tanah kereta api termasuk pemotongan pokok tinggi yang membahayakan keselamatan penumpang dan pembersihan longkang sempadan. Kerja-kerja tersebut dilaksanakan secara berkala telah memberi kesan secara langsung kepada penduduk setempat dan penumpang selain memastikan aset-aset ini berada dalam keadaan baik bagi mengurangkan kos penyelenggaraan yang tinggi untuk jangka masa panjang.

a) MONITORING AND MAINTENANCE OF ASSETS

Monitoring and maintenance of railway assets are conducted to extend asset life, optimise asset value and to provide benefits for railway users as well as to improve the quality of service delivery of the Government, particularly RAC.

The monitoring and maintenance activities cover railway assets such as stations and terminals, elevated parking facility, clearing of railway land at the border, including felling of tall trees which could pose danger to passengers as well as cleaning of drains at the border. Besides directly benefitting the local people and passengers, these works, which are carried out periodically, would also ensure optimum efficiency for these assets, hence reducing the long-term maintenance costs.



Gambar 21: Pemantauan aset secara berkala yang turut mendapat bantuan pihak KTMB dan pihak-pihak lain yang berkaitan


Picture 21: Periodical monitoring of assets jointly undertaken with KTMB and other relevant parties

Pada 2019, sebanyak 101 aduan melibatkan penyelenggaraan dan pembersihan diterima. Memandangkan aduan yang diterima melibatkan kepentingan dan keselamatan orang awam, pelantikan kontraktor pembersihan secara zon iaitu bagi kawasan Utara, Tengah dan Selatan dibuat bagi memastikan kerja-kerja pembersihan dapat dilakukan dengan cepat dan berjadual. Sebanyak 85 kes atau 85.1 peratus berjaya diselesaikan manakala 15 kes atau 14.9 peratus masih dalam tindakan dengan dua (2) daripadanya berkaitan status pemilikan tanah.

In 2019, 101 cases related to complaints over maintenance and cleaning were received. Given that the complaints were matters of interest and safety to members of the public, a cleaning contractor was engaged for each zone namely North, Central and South zones to ensure the cleaning works were carried out periodically and quickly. This served to resolve the issue of complaints related to the matter. A total of 85 cases were solved with 85.1 per cent success rate, another 15 cases or 14.9 per cent were being processed while another two (2) were related to land ownership status.

Selain isu aduan, pemantauan secara berkala turut dijalankan bagi aset yang terlibat dalam operasi kereta api seperti stesen, kuarters dan depot.

Besides complaints, periodical monitoring was also conducted on assets involved in railway operation such as stations, quarters and depots.



Graf 11 : Jumlah aduan yang diterima dan diselesaikan oleh Unit Pengurusan Fasilitas pada 2019
Graph 11 : Number of complaints received and solved under Facility Management Unit in 2019

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT



Gambar 22: Kerja-kerja penyelenggaraan aset RAC yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik
Picture 22: RAC asset maintenance works conducted by the appointed contractor

b) KEROSAKAN ASET KERETA API LUAR JANGKA

Tahun 2019 menyaksikan beberapa aset kereta api mengalami kejadian bencana luar jangka yang memerlukan tindakan segera. Antara bencana luar jangka terbesar yang direkodkan ialah:

- i. Kebakaran kuarters kakitangan kereta api yang dihuni pekerja KTMB (Rumah Panjang Sri Pahang) di Lengkuik Abdullah di Bangsar pada 28 Januari 2019;
- ii. Insiden ribut dan angin kencang yang merosakkan bahagian bumbung dan sebahagian struktur Stesen Keretapi Arau di Perlis dan Stesen Keretapi Gurun, Kedah pada Ogos 2019; dan
- iii. Kejadian banjir kilat di Stesen Keretapi Sungai Gadut di Negeri Sembilan pada 17 Oktober 2019.

b) UNEXPECTED DAMAGES TO RAILWAY ASSETS

In 2019, several railway assets were impacted by unexpected disasters which demanded immediate action. Among the disasters are:

- i. Fire at railway quarters occupied by KTMB staff (Rumah Panjang Sri Pahang) at Lengkuik Abdullah in Bangsar on 28 January 2019;*
- ii. Storm and strong winds partially damaged the structure at Arau Railway Station in Perlis and Gurun Railway Station in Kedah in August 2019; and*
- iii. Flash floods at Sungai Gadut Railway Station in Negeri Sembilan on 17 October 2019.*

Dalam kejadian kebakaran kuarters kakitangan KTMB di Lengkuh Abdullah di Bangsar, sebanyak sembilan (9) buah rumah panjang musnah manakala sebuah rumah lagi rosak teruk. Insiden itu juga menyebabkan dua (2) keluarga dan 20 kakitangan KTMB yang bujang hilang tempat tinggal. Berikutan kejadian itu, semua kakitangan yang terlibat dipindahkan ke kuarters yang masih kosong. RAC telah melaksanakan aktiviti pelupusan ke atas aset tersebut.

In the fire incident at the KTMB staff quarters at Lengkuh Abdullah in Bangsar, nine (9) long houses were destroyed while another house was badly damaged. The fire also left two (2) families and 20 KTMB single staff homeless. Subsequently, all effected staff were relocated to vacant quarters. RAC had also conducted activities to dispose of these assets.



Gambar 23: Kuarters kakitangan kereta api yang dihuni pekerja KTMB (Rumah Panjang Sri Pahang) terbakar di Lengkuh Abdullah, Bangsar

Picture 23: Fire at the railway staff quarters occupied by KTMB staff (Rumah Panjang Sri Pahang) at Lengkuh Abdullah, Bangsar



Gambar 24: Keadaan Stesen Keretapi Gurun di Kedah yang terjejas akibat kejadian ribut dan angin kencang pada Ogos 2019

Picture 24: Aftermath of a storm and strong winds which hit Gurun Railway Station in Kedah in August 2019

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Bagi insiden yang berlaku di Stesen Keretapi Arau dan Stesen Keretapi Gurun, kerosakan tersebut telah dibaik pulih oleh pihak KTMB selaku operator. Kejadian banjir kilat yang melanda Stesen Keretapi Sungai Gadut di Negeri Sembilan menyebabkan kerosakan eskalator serta beberapa kemudahan lain di dalam stesen. Insiden itu yang berpunca daripada limpahan Sungai Simin, turut menyebabkan sejumlah 118 kenderaan iaitu 89 kereta, 28 motosikal dan 1 lori ditenggelami air sedalam tiga (3) kaki. Kerja-kerja pembersihan kawasan stesen dan sekitarnya telah dibuat dengan kerjasama Jabatan Bomba dan Penyelamat kawasan Senawang dan Seremban.

As for damages to the Railway Stations in Arau and Gurun, repairs had been undertaken by KTMB as the train operator. The flash floods which hit the Sunai Gadut Railway Station in Negeri Sembilan caused damages to the escalator as well as several other facilities in the station. The incident was caused by the overflow from Simin River which also saw 118 vehicles, comprising 89 cars, 28 motorcycles and 1 lorry submerged under three (3) feet of water. Cleaning works at the station and surrounding areas had been carried out with the cooperation of the Fire and Rescue Department from Senawang and Seremban.



Gambar 25: Kejadian banjir kilat di Stesen Keretapi Sungai Gadut, Negeri Sembilan pada Oktober 2019
Picture 25: Flash floods at Sungai Gadut Railway Station, Negeri Sembilan in October 2019

c) PELUPUSAN ASET KERETA API

Sekiranya laporan pemantauan aset menyatakan sesebuah aset itu tidak ekonomi untuk diselenggara atau menelan belanja yang lebih tinggi daripada pewujudan aset baharu, maka aset tersebut akan dilupuskan mengikut tatacara Kerajaan.

Kerja-kerja pelupusan aset yang dilaksanakan di Perbadanan ini adalah mengikut kaedah perolehan Kerajaan sedia ada iaitu melalui proses tender terbuka/ sebut harga dan jualan secara runcit kepada syarikat-syarikat yang memohon kepada RAC. Keutamaan kerja-kerja pelupusan aset adalah berdasarkan aset yang dikelaskan sebagai Gred C dan D serta tiada lagi kegunaan semula

c) DISPOSAL OF RAILWAY ASSETS

As soon as an asset monitoring report is issued, damaged railway assets which are no longer economical for repair or are likely to incur high maintenance costs compared to new ones, will go through a disposal process in accordance with the Government procedures.

Asset disposal works undertaken by the Corporation are based on existing procurement procedures of the Government namely through the open tender process/ quotation and retail sales to companies which applied to RAC. Priority is given to assets classified under Grade C and D which can no longer be reused for railway operational maintenance. The entire disposal process is

bagi tujuan penyelenggaraan operasi kereta api. Semua proses pelupusan itu dilaksanakan oleh kontraktor atau syarikat berjaya dan dipantau sendiri oleh wakil RAC di tapak. Bagi aset yang dikelaskan sebagai Gred B, ia akan disimpan di dalam yad atau depot bagi tujuan kegunaan semula operasi kereta api.

Pada 2019, kerja-kerja pelupusan lima buah tangki minyak milik bekas penyewa RAC di Port Dickson, Negeri Sembilan telah dilaksanakan. Kerja-kerja pelupusan aset tersebut dilaksanakan melalui kaedah sebut harga kepada kontraktor yang berjaya iaitu Syarikat Ace International (M) Sdn. Bhd. Tempoh pelaksanaan pelupusan tangki minyak ini sepatutnya bermula pada 2018 tetapi mengalami kelewatan berikutan kebenaran daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan lain-lain pihak yang terlibat perlu diperolehi sebelum kerja-kerja pelupusan boleh dilaksanakan.

Selain itu, RAC juga mengeluarkan tender terbuka yang melibatkan pelupusan rel lusuh dan terpakai (Gred C) jenis BS80A dan UIC54kg, penggalas kayu serta kelengkapan rel di Yad Mentakab di Pahang, Yad Lafarge Rawang di Selangor, Yad Pinang Tunggal di Pulau Pinang, Yad Taiping dan Yad Tanjung Rambutan, Perak. Namun sehingga 31 Disember 2019, ketiga-tiga petender yang berjaya disenarai pendek dan ditawarkan penjualan mata benda terpakai telah gagal melengkapkan penerimaan tawaran tender tersebut.

carried out by the successful contractor and is personally monitored by a RAC representative at the site. Grade B assets are kept in the yard or depot to be used for railway operation.

In 2019, works disposal of five oil tankers owned by the former RAC tenant in Port Dickson, Negeri Sembilan had been carried out. Disposal of these assets were executed through quotation by the successful contractor, Ace International (M) Sdn Bhd. Disposal works which were scheduled to start in 2018 were however delayed as approvals from the Fire and Rescue Department, Department of Environment and other relevant authorities were required before the commencement date.

In addition, RAC had also issued an open tender involving the disposal of scrap and used inventory (Grade C) type BS80A and UIC54kg, wooden rail sleepers as well as rail tracks at Mentakab Yard in Pahang, Lafarge Rawang Yard in Selangor, Pinang Tunggal Yard in Penang, Taiping Yard and Tanjung Rambutan in Perak. However as at 31 December 2019, all three shortlisted bidders failed to complete their tender offer acceptance forms.

PENGURUSAN TANAH KERETA API RAILWAY LAND MANAGEMENT

Jadual di bawah adalah rumusan kepada status pelupusan yang dilaksanakan RAC pada 2019

The table is a summary of the status of disposal works undertaken by RAC in 2019:

KAEDAH PELUPUSAN DISPOSAL PROCEDURE	JAJARAN/ KAWASAN STRETCH/ AREA	KONTRAKTOR/ PEMOHON CONTRACTOR/ APPLICANT	JENIS ASET ASSET TYPE	NILAI VALUE (RM)
JUALAN RUNCIT <i>RETAIL SALES</i>		Pelbagai <i>Various</i>	Rel (Gred C) <i>Rail (Grade C)</i>	41,226.56
			Penggalas Kayu (Gred D) <i>Rail Wooden Sleepers (Grade D)</i>	
JUMLAH KESELURUHAN <i>OVERALL TOTAL</i>				41,226.56

*Nilai mata benda terpakai yang dilupuskan sehingga 31 Disember 2019

**Used inventory disposed of as at 31 December 2019*

Jadual 20 : Jumlah hasil yang diterima daripada kerja-kerja pelupusan aset kereta api
Table 20 : Total revenue received from railway asset disposal works

SEKSYEN 5 :
MELONJAKKAN
PEMBANGUNAN TANAH
KERETA API & PENINGKATAN
KEMUDAHAN REL

SECTION 5 :
BOOSTING DEVELOPMENT
OF RAILWAY ASSETS AND
IMPROVING RAIL SECTOR
INFRASTRUCTURE



MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN REL *BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE*

Sejarah kereta api di Tanah Melayu bermula apabila landasan pertama dibina dari Taiping ke Port Weld pada 1885. Selepas itu, beberapa laluan kereta api bebas dan tidak bersambung yang lain muncul di sekitar Tanah Melayu termasuk laluan Klang-Kuala Lumpur, laluan Keretapi Sungai Ujong (Seremban-Port Dickson), laluan Teluk Anson-Tapah Road dan laluan Kuala Lumpur-Rawang. Rentetan sejarah ini membuktikan bahawa pengangkutan rel menjadi tulang belakang kepada perkhidmatan pengangkutan awam di Malaysia, dan kini menjadi pilihan utama penduduk terutama di kawasan Greater Kuala Lumpur/Lembah Klang.

Pengangkutan rel juga menyokong kepada Pembangunan Berasaskan Transit (TOD) yang merangkumi pelbagai sektor seperti komersial, pendidikan, perniagaan dan kediaman. Pembangunan kawasan secara TOD di Malaysia mula diterokai dengan pengoperasian KL Sentral pada 2001. Sejak itu, konsep ini berkembang pesat termasuk di Cyberjaya City Centre, PJ Sentral, Bangsar South di Kerinchi, Kuala Lumpur Maju di Sungai Besi dan Tropicana Garden di Kota Damansara. Kesemua TOD ini dihubungkan dengan pengangkutan berasaskan rel sama ada MRT, LRT atau stesen-stesen keretapi serta jaringan lebuhraya yang baik. Konsep pembangunan TOD dapat dilihat di Kuala Lumpur serta di Pulau Pinang melalui Penang Sentral. Bagi mendukung hasrat Kerajaan memperkasakan sektor pengangkutan awam negara, RAC sentiasa komited dalam melaksanakan pembangunan projek-projek berkaitan rel serta meningkatkan kemudahan dan infrastruktur sedia ada di stesen-stesen kereta api.

Pelaksanaan pembangunan secara TOD yang dilaksanakan RAC adalah selaras dengan hasrat Kementerian Pengangkutan yang mahukan projek pembangunan yang dilaksanakan pada masa ini mempunyai jaringan pelbagai pengangkutan dan saling berhubung kait. Hasrat ini sejajar dengan satu daripada lima teras Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 iaitu untuk mengoptimumkan, membina dan menyelenggara infrastruktur, perkhidmatan dan rangkaian pengangkutan bagi memaksimumkan kecekapan. Kajian dan perancangan secara holistik bersama-sama dengan pemegang taruh telah dibuat secara

The first railway tracks linking Taiping to Port Weld in 1885 went down into the annals by heralding the dawn of a new era in the history of modern transportation in the country. This was soon followed by several private lines which were not linked in surrounding areas in Malaya including Klang-Kuala Lumpur, Keretapi Sungai Ujong (Seremban-Port Dickson), Teluk Anson-Tapah Road and Kuala Lumpur-Rawang railway lines. These beginnings prove that the railway has served as the backbone to the nation's public transportation services and is now the people's choice especially those residing in Greater Kuala Lumpur/Klang Valley.

The railway industry also embraces the Transit Oriented Development (TOD) concept which encompasses commercial, education, business and residential sectors. Development of areas based on the TOD in Malaysia first took off with the launch of Kuala Lumpur Sentral (KL Sentral) in 2001. Since then, the TOD concept, which encourages development near transportation hubs, has been gaining popularity in the Malaysian property market, with more integrated projects located near transit stations, such as Cyberjaya City Centre, PJ Sentral, Bangsar South in Kerinchi, Kuala Lumpur Maju in Sungai Besi and Tropicana Garden in Kota Damansara. All these projects are linked to rail-based transportation either MRT, LRT or railway stations and the well-connected expressway. TODs are making their presence felt among city dwellers especially in Kuala Lumpur, with the concept spreading north, as evidenced by the development of Penang Sentral. In embracing the Government's aspiration towards empowering the nation's public transportation sector, RAC is always committed to implementing rail-related development projects as well as upgrading facilities and infrastructure at railway stations.

RAC's development initiatives are based on the TOD concept in line with the Ministry of Transport's aspiration that current development projects provide linkages to the public transit system offering various modes of transportation. This aspiration is in line with one of the five thrusts of the National Transport Policy 2019-2030 that is to optimise, build and maintain the use of transport infrastructure, services and networks to maximise efficiency. Careful study and holistic planning have

selari dengan dasar-dasar semasa agar aspek-aspek teknikal, daya maju cadangan projek pembangunan dan aliran kewangan yang kukuh dalam pelaksanaan sesuatu projek pembangunan. Pertimbangan yang diambil kira meliputi perancangan zon kegunaan tanah, impak kepada industri perkeretapian, masyarakat dan alam sekitar.

PROJEK PEMBANGUNAN TANAH KERETA API

Pembangunan tanah-tanah kereta api milik RAC bermula pada 2009 dengan projek pertama yang dilaksanakan ialah projek pembinaan Stesen Keretapi Kajang 2. Pada ketika itu, perancangan projek pembangunan kereta api diproses berdasarkan cadangan permohonan yang diterima daripada syarikat-syarikat yang berminat dalam memajukan tanah-tanah kereta api. Dalam membangunkan tanah-tanah kereta api, beberapa aspek diambil kira dan antara yang menjadi keutamaan ialah pulangan kepada RAC selain daripada Penyata Keperluan (*Needs Statement*).


Buat masa ini, bagi kebanyakan projek pembangunan yang dilaksanakan oleh RAC adalah berkosepkan TOD selaras dengan hasrat Kerajaan yang mahukan projek-projek pembangunan mempunyai ketersambungan dengan kemudahan pengangkutan awam. Berikut adalah jenis-jenis pulangan yang boleh dipertimbangkan oleh RAC dalam melaksanakan projek usaha sama dengan pihak swasta sebelum perancangan sesuatu projek dapat dimuktamadkan.

been undertaken jointly with the stakeholders to be in line with current policies, whereby a development project should be technically feasible, economically viable and financially strong. Other matters given consideration included planning of land zones as well as its impact on the railway industry, the local community and the environment.

RAILWAY LAND DEVELOPMENT PROJECTS

Development of RAC railway land started in 2009 with the implementation of the first project, Kajang 2. During that time, planning of railway development projects was based on proposals received from private companies which were interested in developing railway land. In developing railway land, several aspects are considered and among the main criteria are returns to RAC as well as a Needs Statement.

At present, most development projects undertaken by RAC are based on TOD in line with the Government's aspiration that current development projects offer accessibility to the public transport system. The following are the types of returns that could be considered by RAC for joint venture projects with the private sector before any project plan is finalised.



Rajah 25: Jenis pulangan yang dinikmati RAC hasil usaha sama dengan pihak swasta
Diagram 25: Types of returns enjoyed by RAC based on its joint ventures with the private sector

MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN REL

BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE

a) PROJEK USAHA SAMA DENGAN SWASTA

Pada 2019, sebanyak 10 permohonan cadangan pembangunan diterima oleh RAC. Berikut adalah jumlah permohonan pembangunan tanah yang diterima dari 2017 hingga 2019.

TAHUN YEAR	JUMLAH CADANGAN PROJEK PEMBANGUNAN YANG DITERIMA (RUNDINGAN) NUMBER OF PROPOSED DEVELOPMENT PROJECTS RECEIVED (IN NEGOTIATION)
2019	10
2018	8
2017	9

Jadual 20: Jumlah permohonan pembangunan di atas tanah kereta api dari 2017 hingga 2019
Table 20: Number of applications for development projects on railway land from 2017 to 2019

Kertas cadangan pembangunan yang diterima akan dibawa ke peringkat Jawatankuasa Kerja Pembangunan RAC dan Lembaga Pengarah RAC untuk dinilai daripada segi pulangan yang bakal diterima Perbadanan ini selain kesesuaian projek yang akan dibangunkan sebelum dibawa pula untuk pertimbangan dan kelulusan YB Menteri dan Jemaah Menteri.

Pada 2019, satu (1) projek pembangunan dan dua (2) Perjanjian Persefahaman (MOU) ditandatangani oleh RAC iaitu:

- i. Projek pembangunan tanah Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur oleh LTS Skyline Sdn. Bhd
- ii. Perjanjian Persefahaman :
 - a. Usaha Sama Pembangunan Tanah Rizab Kereta Api di Selangor
 - b. Usaha Sama Pembangunan Tanah Rizab Kereta Api di Perak

Projek pembangunan yang dimuktamadkan adalah di atas tanah di Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur oleh LTS Skyline Sdn. Bhd, dengan ia bakal memberi pulangan tunai berjumlah RM182.60 juta kepada RAC. Lot berkeluasan 2.99 ekar (1.21 hektar) itu merupakan projek pembangunan bercampur berkonsepkan TOD yang terletak bersebelahan dengan Stesen LRT Pudu. Lot itu terletak di lokasi yang strategik dan berpotensi untuk dibangunkan berikutan kedudukannya bersebelahan dengan Stesen LRT Pudu, selain dihubungkan terus dengan dua jalan utama iaitu Jalan San Peng dan Jalan Sungai Besi. Ketersediaan jaringan pengangkutan yang baik ini adalah amat sesuai bagi cadangan pembangunan di kawasan tersebut. Pelaksanaan projek ini kelak dijangka dapat mengubah landskap di kawasan Pudu dan meningkatkan kepadatan penduduk di kawasan Kuala Lumpur dengan kemudahan pengangkutan awam yang disediakan. Projek pembangunan ini secara langsung juga dapat meningkatkan ridership bagi Stesen LRT Pudu sedia ada.

a) JOINT VENTURES WITH PRIVATE SECTOR

In 2019, 10 applications for proposed development were received by RAC. Below is the total number of applications for land development received from 2017 to 2019.

Any proposal received by RAC will be reviewed by the RAC Development Working Committee and the RAC Board of Directors in terms of expected returns for the Corporation and the feasibility of the project to be developed. It will then be presented to the YB Minister and the Cabinet for consideration and approval.

In 2019, one (1) development project and two (2) Memoranda of Understanding (MoUs) were signed by RAC. They are:

- i. Land development project at Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur by LTS Skyline Sdn. Bhd*
- ii. Memoranda of Understanding (MOUs):*
 - a. Joint Venture Development of Railway Reserve Land in Selangor*
 - b. Joint Venture Development of Railway Reserve Land in Perak*

The finalised development project at Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur by LTS Skyline Sdn Bhd, is expected to generate cash returns of RM182.60 million for RAC. The 2.99-acre (1.21 hectare) mixed development project based on the TOD concept is strategically located adjacent to the Pudu LRT Station with potential for development in addition to its direct access to two main roads namely Jalan San Peng and Jalan Sungai Besi. The availability of a well-connected transportation network augurs well for the proposed development in the area. The project is expected to change the landscape in Pudu area and increase the population in Kuala Lumpur with the availability of public transport facilities. The development project will directly boost the ridership at the existing Pudu LRT Station.

Selain itu, dua (2) Perjanjian Persefahaman ditandatangani RAC dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) dan Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.) pada 2019. Inti pati perjanjian persefahaman ini merangkumi persetujuan usaha sama kedua-dua pihak untuk membangunkan tanah-tanah rizab kereta api di Selangor dan Perak dengan anak syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Usaha sama pembangunan dengan MBI Selangor melibatkan pembangunan tanah-tanah kereta api di sepanjang jajaran kereta api di kawasan Lembah Klang. Usaha sama dengan MB Inc. pula menyaksikan pembangunan bercampur yang merangkumi komponen perumahan mampu milik, hotel, institusi pendidikan, komersial dan kawasan hijau yang dijangka dimuktamadkan pada awal Januari 2020.

Melihat kepada projek pembangunan yang dilaksanakan dari 2012 sehingga 2019, sebanyak lima (5) projek pembangunan tanah kereta api berjaya direalisasikan iaitu projek pembangunan KL Eco City, Kajang 2, Penang Sentral, Brickfields dan Pudu. Sebanyak tiga (3) projek iaitu KL Eco City, Penang Sentral dan Brickfields sudah diproses dan dirunding di peringkat Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) sebelum diluluskan oleh Jemaah Menteri. Bagi Kajang 2 dan Pudu, projek pembangunan itu diluluskan oleh Jemaah Menteri selepas diperhalusi oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah RAC. Kelima-lima projek ini memberi pulangan minimum sebanyak RM467.27 juta kepada RAC dengan merangkumi pembayaran secara one-off atau berperingkat. Ringkasan projek-projek berkenaan adalah seperti berikut:

Besides that, two (2) Memoranda of Agreement (MoA) were inked between RAC and Menteri Besar Selangor (Incorporated) (MBI Selangor) and Menteri Besar Perak Incorporated (MB Inc) in 2019. The terms of the MoA were mutually agreed by both parties to develop railway reserve land in Selangor and Perak with the respective State Government subsidiary. The joint venture development between MBI Selangor involved railway land along the railway stretch in the Klang Valley area. The MBI project in Perak is a mixed development covering the construction of affordable housing units, hotel, educational institution, commercial and green areas which was expected to be finalised in early January 2020.

Based on the development projects undertaken from 2012 to 2019, five (5) railway land development projects were finalised namely Eco City, Kajang 2, Penang Sentral, Brickfields and Pudu. Three (3) projects, KL Eco City, Penang Sentral and Brickfields had been processed and negotiated at the Public-Private Partnership Unit (UKAS) and the Prime Minister's Department's level before obtaining approval from the Cabinet. For Kajang 2 and Pudu, the development projects were approved by the Cabinet after being scrutinised by the RAC Board of Directors Meeting. All five projects generate minimum returns of RM467.27 million for RAC including one-off or gradual payment. A summary of the projects is as follows:

PROJEK PROJECT	NAMA SYARIKAT NAME OF COMPANY	JENIS PULANGAN TYPES OF RETURNS	TARIKH PERJANJIAN DATE OF AGREEMENT	STATUS STATUS
KL Eco City	KL Eco City Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i> dan Tunai <i>In Kind and Cash</i>	5 Mac 2013 5 March 2013	Tempoh Tanggungjawab Kecacatan (DLP) <i>Defects Liability Period (DLP)</i>
Stesen Keretapi Kajang 2	Srijang Kemajuan Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i> dan Tunai <i>In Kind and Cash</i>	12 Oktober 2012 12 October 2012	Dalam pembinaan <i>Under construction</i>

MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN REL**BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE**

PROJEK PROJECT	NAMA SYARIKAT NAME OF COMPANY	JENIS PULANGAN TYPES OF RETURNS	TARIKH PERJANJIAN DATE OF AGREEMENT	STATUS STATUS
Penang Sentral	Penang Sentral Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	11 Mac 2014 <i>11 March 2014</i>	Siap <i>Completed</i>
Menara Sentral RAC	Arah Asas Sdn. Bhd.	<i>In Kind</i> <i>In Kind</i>	7 Mac 2016 <i>7 March 2016</i>	Dalam pembinaan <i>Under construction</i>
Pembangunan Tanah Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur <i>Development of Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur</i>	LTS Skyline Sdn. Bhd.	Tunai <i>Cash</i>	8 November 2019 <i>8 November 2019</i>	Dalam peringkat awal pelaksanaan projek (menyelesaikan urusan tanah dan kelulusan pembangunan) <i>Early stage of project implementation (resolving land matters and development approval)</i>

Jadual 21 : Senarai projek pembangunan di atas tanah kereta api yang telah dan sedang dilaksanakan dari 2012 hingga 2019

Table 21 : List of development projects on railway land which had been completed and were being implemented from 2012 to 2019



STESEN KERETAPI KAJANG 2

KAJANG 2 RAILWAY STATION

Projek:

Pajakan 60 tahun di atas tanah rizab kereta api di Lot 853, Mukim Kajang, Daerah Hulu Langat, Selangor bagi tujuan pembangunan komersial dan kemudahan tempat letak kereta.

Pulangan kepada RAC:

Pembinaan stesen kereta api yang baharu dan pemberian hasil pulangan tunai setiap tahun untuk tempoh 60 tahun

Luas pembangunan : 4,868.13 mp

Kemudahan :

- Stesen kereta api, kiosk, pusat penerangan pelancongan dan sebagainya.
- Stesen ini dijangka siap pada pertengahan 2020.

Status : 78 peratus (Disember 2019)

Project:

60-year lease on railway reserve land at Lot 843, Mukim Kajang, Hulu Langat District, Selangor for purposes of commercial development and car park facility.

Returns to RAC:

Construction of new railway station and generating yearly cash returns for a period of 60 years.

Development size: 4,868.13 mp

Facilities :

- *Railway station, kiosk, tourism information centre, etc.*
- *The station is expected to be completed mid-2020*

Status : 78 percent (December 2019)



Pembinaan Platform 1 & 2
Construction of Platform 1 & 2



Pembinaan bangunan stesen
Construction of station building



Pemasangan Portal Frame
Installation of Portal Frame

Gambar 26 : Keadaan semasa pembinaan di tapak projek
Picture 26 : Construction in progress at the project site

MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN REL

BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE

STESEN KERETA API ABDULLAH HUKUM

ABDULLAH HUKUM RAILWAY STATION



Projek:

Cadangan tambahan dan pengubahsuaian Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada dan cadangan pembangunan sebuah stesen komuter tiga tingkat di atas sebahagian tanah rizab kereta api yang diintegrasikan dengan Stesen LRT Abdullah Hukum sedia ada.

Pulangan kepada RAC :

Stesen kereta api baharu dan ruang pejabat seluas 12,279 kps (diserahkan kepada RAC pada Oktober 2016).

Status : Siap sepenuhnya pada 16 November 2018

Stesen ini kini dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) selama dua (2) tahun yang berakhir pada 16 November 2020

Project:

Proposed extension and renovation of existing Abdullah Hukum LRT Station and proposed development of a three-storey commuter station on part of railway reserve land which had been integrated with the existing Abdullah Hukum LRT Station.

Returns to RAC :

The new railway station and office space measuring 12,279 sq.ft. (delivered to RAC in October 2016).

Status : Fully completed on 16 November 2018

The station is currently under Defects Liability Period (DLP) for two (2) years till the year ending 16 November 2020.



Pintu masuk ke stesen
Entrance to the station



Jejantas ke pusat beli-belah
The Garden & Mid Valley
The bridge to The Garden & Mid Valley Mall



Kawasan Platform
Platform Area

Gambar 27 : Stesen Keretapi Abdullah Hukum yang siap dibina
Picture 27 : Construction of Abdullah Hukum railway station completed



MENARA SENTRAL RAC

MENARA SENTRAL RAC

Projek:

Cadangan penswastaaan pembangunan tanah milik Perbadanan Aset Keretapi di PT26, Seksyen 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur

Pulangan kepada RAC:

Menara pejabat di Brickfields merangkumi ruang pejabat kira-kira 158,091 kaki persegi dan ruang komersial tidak kurang 8,000 kaki persegi serta kemudahan-kemudahan lain.

Status : 14.66 peratus (Disember 2019)

Kelulusan Pelan Bangunan (BP) diperoleh pada 28 Januari 2019.

Kelulusan Kebenaran Mendirikan Bangunan (KMB) diperoleh pada 18 Julai 2019.

Kerja-kerja pembinaan bermula pada 26 Ogos 2019.

Mulai 19 Februari 2019, projek ini dikenali dengan nama Menara Sentral RAC

Project:

Proposed privatisation of Railway Assets Corporation-owned land development on PT26, Section 55, Jalan Tun Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur.

Returns to RAC:

Office tower in Brickfields comprises an office space measuring about 158,091 sq.ft. and commercial space of not less than 8,000 sq. ft. as well as other amenities.

Status : 14.66 percent completed (December 2019)

Building Plan (BP) approval received on 28 January 2019

Approval for Building Development Permit (KMB) obtained on 18 July 2019.

Construction work commenced on 26 August 2019.

Starting from 19 February 2019, the project is known as Menara Sentral RAC



Kawasan binaan
Construction area



Pembinaan raft foundation
Construction of raft foundation



Taklimat Keselamatan
Safety briefing

Gambar 28 : Keadaan semasa pembinaan di tapak projek
Picture 28 : Construction in progress at the project site

MELONJAKKAN PEMBANGUNAN TANAH KERETA API & PENINGKATAN KEMUDAHAN REL

BOOSTING DEVELOPMENT OF RAILWAY ASSETS AND IMPROVING RAIL SECTOR INFRASTRUCTURE

Berikut adalah senarai projek atau lokasi yang dikenal pasti bagi tujuan pembangunan tanah-tanah kereta api:

The following is a list of projects or locations identified for purposes of railway land development:

LOKASI / PROJEK PROJECT / LOCATION	LUAS (EKAR) SIZE (ACRE)	SYARIKAT USAHA SAMA JOINT VENTURE COMPANY	STATUS STATUS
Perjanjian Persefahaman ditandatangani RAC dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor) <i>Memorandum of Understanding between RAC and Menteri Besar Selangor (Incorporated) (MBI Selangor)</i>	30.78	MBI Selangor <i>MBI Selangor</i>	MOU (Ditandatangani pada 11 April 2019) <i>MOU (Signed on 11 April 2019)</i>
Perjanjian Persefahaman ditandatangani RAC dengan Perbadanan Menteri Besar Perak (MB.Inc) <i>Memorandum of Understanding between RAC and Menteri Besar Perak Incorporated (MB.Inc)</i>	67.7	MBInc. Perak <i>MB Inc. Perak</i>	MOU (Ditandatangani pada 5 Julai 2019) <i>MOU (Signed on 5 July 2019)</i>
Batu 3, Selangor <i>Batu 3, Selangor</i>	13.795		
Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur <i>Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur</i>	7.35		Dalam rundingan <i>In negotiation</i>
Ampang, Selangor <i>Ampang, Selangor</i>	1.78		
Kempas, Johor <i>Kempas, Johor</i>	214.38		

Jadual 22 : Senarai projek atau lokasi yang dikenal pasti bagi tujuan pembangunan tanah-tanah kereta api


Table 22 : List of projects or locations identified for purposes of railway land development

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

Melalui peruntukan wang hasil RAC dan Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan (melalui Kementerian Pengangkutan) di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11), beberapa inisiatif projek pembangunan dilaksanakan seperti ringkasan gambar rajah di bawah :

Through RAC's internally generated funds and Federal Government Grant Allocation (through the Ministry of Transport) under the 11th Malaysia Plan (11MP), several initiatives were implemented as shown in the brief diagram below:



Rajah 26: Senarai dan jumlah peruntukan bagi projek pembangunan infrastruktur dan kemudahan kereta api

Diagram 26: List and total allocation for infrastructure development projects and railway facilities

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES


1. PERUNTUKAN WANG HASIL RAC

i. PROJEK KEMUDAHAN RAKYAT DAN ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

1. RAC'S INTERNALLY GENERATED FUNDS

i. FACILITATING MOBILITY FOR THE PEOPLE AND DISABLED PERSONS (OKU)

PROJEK KEMUDAHAN RAKYAT DAN OKU FACILITATING MOBILITY FOR THE PEOPLE AND OKU



Rajah 27 : Senarai projek kemudahan rakyat termasuk Orang Kelainan Upaya (OKU)
Diagram 27 : List of projects to facilitate mobility for the people and Disabled Persons (OKU)

JEJANTAS PEJALAN KAKI MELINTASI LANDASAN KERETA API DI KAJANG

RAILWAY BRIDGE CROSSING AT KAJANG RAILWAY STATION



Tarikh Mula : 15 Februari 2019
Tarikh Jangka Siap : 19 Mac 2020
Status Projek : 54% siap
Commencement Date : 15 February 2019
Expected Date of Completion : 19 March 2020
Project Status : 54% completed

JEJANTAS PEJALAN KAKI MELINTASI LANDASAN KERETA API DI STESEN JLN. TEMPLER

RAILWAY BRIDGE CROSSING AT JLN. TEMPLER RAILWAY STATION



Tarikh Mula : 15 Februari 2019
Tarikh Jangka Siap : 15 Februari 2020
Status Projek : 53% siap
Commencement Date : 15 February 2019
Expected Date of Completion : 15 February 2020
Project Status : 53% completed

KEMUDAHAN OKU DI STESEN KERETAPI TANJUNG MALIM

OKU FACILITIES AT TANJUNG MALIM RAILWAY STATION



Tarikh Mula : 15 Ogos 2019
Tarikh Jangka Siap : 3 Jun 2020
Status Projek : 28% siap
Commencement Date : 15 August 2019
Expected Date of Completion : 3 June 2020
Project Status : 28% completed

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

- Sebanyak RM12.9 juta diperuntukkan bagi pembinaan kemudahan dan peningkatan infrastruktur di stesen-stesen kereta api bertujuan untuk memberi kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Inisiatif yang dilaksanakan pada 2019 merangkumi dua (2) projek pembinaan jejantas pejalan kaki yang melintasi landasan kereta api di Kajang dan Stesen Komuter Templer, Selangor dan satu (1) projek kemudahan OKU di Stesen Keretapi Tanjung Malim, Perak.
 - Inisiatif ini akan memberi impak baik kepada rakyat terutamanya golongan OKU dalam usaha Kerajaan untuk menggalakkan golongan berkenaan berkongsi dan memanfaatkan kemudahan bersama.
- *A total of RM12.9 million was allocated for the construction and upgrading of infrastructure at railway stations aimed at facilitating mobility and providing comfort and ease for the people. The initiative which was implemented in 2019 consists of two (2) projects for the construction of pedestrian crossing at Kajang railway station and Templer Komuter Station, Selangor and one (1) OKU mobility project at Tanjung Malim Railway Station, Perak.*
 - *The initiative will have a positive impact for the people especially the OKU in a bid by the Government to encourage the latter to jointly share the public facilities for their mutual benefit.*

2. GERAN PERUNTUKAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

RAC turut menerima Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Pengangkutan Malaysia berjumlah RM42.2 juta secara keseluruhan bagi merancang dan melaksanakan beberapa inisiatif sepanjang 2019 iaitu:

2. FEDERAL GOVERNMENT GRANT ALLOCATION

RAC also receives Federal Government Grant Allocation under the Ministry of Transport (MOT) Development Expenditure Allocation with an overall total of RM42.2 million for planning and implementation of several initiatives throughout 2019 as below:

Projek sambungan Park & Ride Klang Park & Ride Klang extension project



Kos : **RM30.6** juta
Cost : **RM30.6** million

Projek sambungan Parkway Drop Zone Stesen Keretapi Batu 3 Parkway Drop Zone Batu 3 Station extension project







Kos : **RM11.6** juta
Cost : **RM11.6** million

Rajah 28: Jumlah Geran Peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang diterima RAC pada 2019

Diagram 28: Total Federal Government Grant Allocation under the Ministry of Transport Development Expenditure Allocation received by RAC in 2019

PARK & RIDE

Inisiatif Ke Arah Menggalakkan Penggunaan Pengangkutan Awam
Initiative to Encourage Use of Public Transport

			
STESEN STATION	FASILITI FACILITY	PARKIR CAR PARK	KADAR RATES
<p>Memperbaiki kemudahan awam di stesen komuter / kereta api</p> <p>Kemudahan ini telah dibina di 17 buah stesen komuter iaitu di Seremban, Serdang, Kepong, Batang Benar, Salak Selatan, Petaling, Padang Jawa, Shah Alam, UKM, Nilai, Klang, Rawang, Batu 3, Pudu, Kajang, Bangi dan Seri Setia</p> <p>Improving public amenities at commuter/railway stations</p>	<p>Kemudahan parkir yang dilengkapi dengan laluan pejalan kaki, kamera litar tertutup, lif, lampu jalan dan kemudahan untuk OKU</p> <p>Parking facility with pedestrian walkway, closed circuit television cameras, lift, street lights and other facilities for OKU</p>	<p>Sebanyak 5,028 petak parkir telah disediakan di kesemua 17 buah stesen kereta api / komuter</p> <p>A total of 5,028 parking spaces have been made available at all 17 railway/commuter stations</p>	<ul style="list-style-type: none"> • 15 minit pertama : Percuma • 3 jam : RM2.00 • Tambahan jam : RM1.00 • Kadar maksimum : RM4.00 sehari • Motosikal : RM1.00 • Orang Kelainan Upaya: Percuma • First 15 minutes: Free • First 3 hours: RM2.00 • Additional hour: RM1.00 • Maximum rate: RM4.00 / day • Motorcycle: RM1.00 • OKU: FREE

Rajah 29: Infografik mengenai Park & Ride
Diagram 29: Infographics on Park & Ride

Park & Ride merupakan satu daripada inisiatif yang digariskan di bawah *National Key Result Area* (NKRA) peringkat Kementerian Pengangkutan bagi memperbaiki kemudahan awam di stesen-stesen komuter. Melalui konsep ini, kawasan tempat letak kereta yang selesa dibina bagi membolehkan penumpang-penumpang kereta api meletakkan kenderaan mereka di dalam kawasan parkir yang selamat. Selain tempat letak kereta, kemudahan lain turut disediakan seperti tandas, lampu jalan, *walkway* dan kamera litar tertutup (CCTV).

PARK & RIDE KLANG

Cadangan pembinaan tempat letak kereta di stesen ini merangkumi;

- a) Bangunan tempat letak kereta secara bertingkat dengan sejumlah 592 petak parkir;
- b) Kawasan parkir motosikal berbumbung (lokasi

Park & Ride is an initiative outlined under the National Key Result Areas (NKRA) for the Ministry of Transport to improve public amenities at commuter/railway stations. Through the Park & Ride concept, more comfortable parking lots were built to enable passengers to park their vehicles at a safe place. Apart from car park, other facilities were also provided such as toilets, street lights, pedestrian walkways and closed circuit television cameras (CCTV).

PARK & RIDE KLANG

The proposed construction of car park at this station consists of the following:

- a) *A four-storey car park building with 592 parking lots;*
- b) *Enclosed motorcycle parking area (adjacent to Klang Railway Station) with 68 parking lots.*

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

- bersebelahan bangunan Stesen Keretapi Klang) dengan sejumlah 68 petak;
- c) Laluan pejalan kaki berbambung dengan jarak 400 meter panjang yang menghubungkan bangunan *Park & Ride* Klang, kawasan tempat letak motosikal berbambung dan Stesen Keretapi Klang;
 - d) Kawasan *Drop By Zone* bagi perkhidmatan bas, teksi, e-Hailing dan kenderaan awam lain. Pembinaan surau, tandas (lelaki, wanita & OKU) di dalam kawasan *paid area* (kawasan platform) untuk kemudahan pengguna komuter;
 - e) Menaik taraf prasarana di Jalan Raya Timur (jalan di hadapan bangunan *Park & Ride* Klang) – dengan skop kerja penurapan baru. Jalan ini juga dikenali sebagai jalan protokol bagi laluan kenderaan rasmi DYMM Sultan Selangor; dan
 - f) Bangunan *Park & Ride* Klang juga dilengkapi dengan CCTV, *panic button*, tandas (lelaki, wanita & OKU), bilik operasi dan sistem pengudaraan
- c) Enclosed 400-metre long pedestrian walkway connected to Park & Ride Klang building, covered motorcycle parking area and Klang Railway Station;*
 - d) Passengers' drop by zone for buses, taxis, e-Hailing and other private vehicles. Construction of surau, toilets (men, women & OKU) in paid areas (platform area) for railway users;*
 - e) Infrastructure upgrade at Jalan Raya Timur (road in front of Park & Ride Klang building) – new road resurfacing project. The road is also known as a protocol route for official vehicles of the DYMM Sultan Selangor; and*
 - f) The Park & Ride Klang building will be equipped with CCTV, panic button, toilets (men & women, OKU), operation room and ventilation system.*





PARK & RIDE KLANG

PARK & RIDE KLANG

KOS : RM30.6 juta

COST : RM30.6 million

Kemudahan kepada rakyat:

Menyediakan satu kemudahan parkir berkonsepkan *Park & Ride* kepada pengguna perkhidmatan komuter di Stesen Keretapi Klang yang bekerja di kawasan Lembah Klang.

Facility for the people:

Provides a parking facility based on the Park & Ride concept to commuter service users at Klang Railway Station who work in the Klang Valley area.

Luas pembangunan : 16,000mp.

Development size : 6,000mp.

Status :

Siap sepenuhnya pada 31 Oktober 2019 dan beroperasi pada 1 November 2019

Status :

Fully completed on 31 October 2019 and operational on 1 November 2019



*Park & Ride & kawasan sekitar
Park & Ride & surrounding areas*



*Laluan keluar dan masuk
Park & Ride
Park & Ride exit and entrance*



*Parkway Drop Zone
Parkway Drop Zone*

Gambar 29 : *Park & Ride* Klang yang telah siap dibina
Picture 29: *Construction of Park & Ride* Klang completed

PROJEK PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN KERETA API

INFRASTRUCTURE DEVELOPMENT PROJECTS AND RAILWAY FACILITIES

PARKWAY DROP ZONE

Parkway Drop Zone (PDZ) merupakan integrasi perkhidmatan di antara bas dan rel untuk pengguna kereta api, dengan turut menyediakan kemudahan asas lain agar keselesaan dan keselamatan pengguna, kenderaan dan pengangkutan awam terjamin.

Pembinaan kemudahan ini meliputi penyediaan ruang yang selesa di kawasan lobi dan kemudahan menurunkan penumpang untuk teksi, bas dan kenderaan awam yang lain. Kemudahan ini disediakan bagi membolehkan penumpang perkhidmatan rel diturunkan di tempat yang selamat serta mengelak gangguan lalu lintas, yang sering berlaku di hadapan stesen kereta api.

PARKWAY DROP ZONE

Parkway Drop Zone (PDZ) is an integrated bus and rail service providing other basic amenities for the convenience and safety of passengers as well as for private vehicles and the public transport.

The development of this facility includes comfortable waiting area (lobby) and the drop by zone for taxis, buses and other public transport. This is to allow railway users to be dropped off in a safe area and avoid the rampant traffic disruptions in front of the railway station.

PARKWAY DROP ZONE

Inisiatif Ke Arah Menggalakkan Penggunaan Pengangkutan Awam
Initiative to Encourage Use of Public Transport



Rajah 30 : Infografik mengenai Parkway Drop Zone
Diagram 30 : Infographics on Parkway Drop Zone



PARKWAY DROP ZONE STESEN KERETAPI BATU 3

PARKWAY DROP ZONE BATU 3 RAILWAY STATION

KOS : RM11.6 juta

COST : RM11.6 million

Skop projek adalah seperti berikut:

Facility for the people:

- Membina kemudahan zon penurunan penumpang baharu untuk pengangkutan awam (bas, teksi, dan kenderaan awam) termasuk kemudahan untuk OKU;
- Membina laluan pejalan kaki berbumbung; dan
- Membina 15 unit kuarters Kelas H di Klang.

- To construct new drop zone for public transportation (buses, taxis and private vehicles) including facilities for OKU;
- To build enclosed pedestrian walkway; and
- To construct 15 units of Class H quarters in Klang.

Luas pembangunan : 10,000mp.

Development size : 10,000mp.

Status :

Status :

Siap sepenuhnya pada 28 Februari 2019 dan beroperasi pada 1 Mac 2019

Fully completed on 28 February 2019 and operational on 1 March 2019



Kawasan parkir di Stesen Keretapi Batu 3
Parking area at Batu 3 Railway Station



Drop Zone di hadapan stesen
Drop Zone in front of the station



15 unit kuarters
15 units of quarters

Gambar 30 : Parkway Drop Zone Batu 3 dan kuarters ganti yang siap dibina
Picture 30 : Parkway Drop Zone Batu 3 and quarters under construction to replace existing ones





NILAI

SEKSYEN 6 :
MEMPERKASA FUNGSI RAC &
TINDAKAN PERUNDANGAN

SECTION 6 :
EMPOWERING RAC'S
FUNCTIONS & LEGAL ACTION



▲ Masuk

MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN

EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

Selaras dengan *core business* yang dijalankan oleh RAC melibatkan penggunaan secara komersial aset-aset kereta api yang dibiayai Kerajaan, adalah penting bagi sebarang persetujuan bagi penggunaan aset-aset ini diikat dengan perjanjian yang sah untuk melindungi kepentingan Perbadanan ini selaku pemunya aset. Berikut adalah tindakan perundangan yang diambil sepanjang 2019:

a) TINDAKAN PERUNDANGAN

i. Peletakhakkan Tanah Di Pulau Pinang Melalui Perintah Mahkamah

Berikut adalah ringkasan status tindakan peletakhakkan bagi jumlah keseluruhan 20 lot tanah kereta api di Pulau Pinang melalui perintah mahkamah:

In line with RAC's core business which utilises railway assets on a commercial basis funded by the Government, it is imperative that any approval for these assets must be legally binding to protect the interests of the Corporation as asset owner. The following are legal actions undertaken throughout 2019:

a) LEGAL ACTION

i. Court Order For The Vesting of Land Rights In Penang

The following is a summary of the status of legal actions for the vesting of land rights totalling 20 lots of railway land in Penang through the court order:

HAK MILIK TELAH DIDAFTARKAN | REGISTERED OWNERSHIP

- Lot 272 Seksyen 5 Bandar Bukit Mertajam, Daerah Seberang Perai Tengah, Negeri Pulau Pinang

DIREKODKAN DALAM DAFTAR SEMENTARA | RECORDED IN INTERIM REGISTER

- Lot 207, Mukim 6, Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
- Lot 512, Mukim Kepala Batas, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Lot 3599 (Lot lama: 275), Mukim 3, Seberang Perai Utara, Pulau Pinang
- Lot 78-3, Mukim 9, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 366, Mukim 10, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 582, Bandar Bukit Mertajam, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 1239 (Lot lama: 80), Bandar Prai, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 743, bandar Bukit Mertajam/Seksyen 6, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 1139, Mukim 20, Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang

MASIH DALAM TINDAKAN MAHKAMAH | PENDING COURT ACTION

- Lot 1046, Mukim 15 / Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang
- Lot 266, Bandar Bukit Mertajam / Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 137, Bandar Bukit Mertajam / Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 70, Bandar Prai / Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 1089, Mukim 20, Seberang Perai tengah, Pulau Pinang
- Lot 1309, Mukim 20, Seberang Perai tengah, Pulau Pinang
- Lot 1336, Mukim 20, Seberang Perai tengah, Pulau Pinang
- Lot 425, Mukim 14 / Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 255, Mukim 13 / Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang
- Lot 252, Mukim 2 / Seberang Perai Utara, Pulau Pinang

Jadual 23 : Status tindakan peletakhakkan bagi sejumlah 20 lot tanah kereta api di Pulau Pinang melalui perintah mahkamah

Table 23 : Status of vesting of rights action for 20 railway land lots in Penang through the court order

ii. Bantahan Pengambilan Tanah Milik RAC Untuk Projek Pembinaan Persimpangan Bertingkat Oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Di Atas Lintasan Kereta Api Di Kelantan

Perbicaraan kes rujukan tanah ini bermula pada April 2019 di Mahkamah Tinggi Kota Bharu, Kelantan. Sesi perbicaraan kes ini masih berjalan dan belum diputuskan oleh pihak mahkamah.

iii. Tuntutan Tunggakan Sewa/Pajakan RAC

Sebanyak 21 tindakan perundangan diterima pada 2019 bagi tujuan pengeluaran *Letter of Demand* (LOD). Daripada jumlah itu, lapan (8) LOD dikeluarkan ke atas individu, syarikat termasuk agensi kerajaan sepanjang 2019. Tuntutan ini melibatkan tunggakan sewa/pajakan yang keseluruhannya berjumlah RM5 juta. Baki 13 permohonan LOD akan dikeluarkan pada 2020.

Selain itu pada tahun yang sama juga sebanyak empat (4) writ saman dan penyata tuntutan difailkan ke atas individu/syarikat yang gagal mengemukakan sebarang maklum balas ke atas tuntutan RAC melalui LOD pada 2019 dan tahun-tahun sebelumnya.

Bagi penyelesaian kes tunggakan pula, sebanyak 17 tuntutan tunggakan selesai di peringkat tindakan perundangan termasuk satu (1) daripadanya adalah tuntutan yang tidak dapat diteruskan kerana telah melebihi batasan tempoh dan had masa di bawah Akta Had Masa 1953.

Penyelesaian tunggakan tersebut, antaranya, adalah melalui kaedah penjelasan penuh dan bayaran berjadual oleh penghutang dan juga Penghakiman Ingkar yang direkodkan oleh pihak mahkamah. Graf 12 merangkumkan bilangan kes yang diselesaikan di peringkat tindakan undang-undang.

ii. Protest Against Acquisition of RAC Land For Construction of Elevated T-Junction Over Railway Track Land in Kelantan by Public Works Department

Legal proceedings on the referred land case were first heard at the High Court Malaya, Kota Bharu in April 2019. Hearing is still ongoing and has yet to be decided by the court.

ii. Claims On RAC Rental/Lease Arrears

A total of 21 legal actions were received in 2019 for the issuance of Letters of Demand (LODs). Of the total, eight (8) LODs were issued against individuals, companies as well as government agencies throughout 2019. The claims involved rental/lease arrears with an overall total of RM5 million. The remaining 13 applications for LODs will be issued in 2020.


During the same year, four (4) writs of summons and statement of claims were filed against individuals as well as companies that failed to provide any feedback towards RAC claims through the LOD in 2019 and the previous years.

For cases related to arrears, seventeen (17) claims on arrears were resolved through legal action including one (1) of them which could not be pursued on grounds that it had exceeded the time barred under the Limitation Act 1953.

Settlement of these arrears, among others, were through full settlement and scheduled payment by the debtor and a Default Judgement ordered by the court. Diagram 12 shows the number of cases resolved through the legal process.

MEMPERKASA FUNGSI RAC & TINDAKAN PERUNDANGAN EMPOWERING RAC'S FUNCTIONS & LEGAL ACTION

JUMLAH PENYELESAIAN KES TUNGGAKAN MENGIKUT KAEDAH TUNTUTAN NUMBER OF CASES BASED ON CLAIMS ON ARREARS



Graf 12 : Jumlah penyelesaian kes tunggakan mengikut kaedah tuntutan

Diagram 12 : Number of cases involving arrears solved based on claims process procedure

Di samping itu, terdapat dua (2) kes tuntutan tunggakan yang dijadualkan bagi sesi perbicaraan di peringkat mahkamah pada 2019 iaitu:

- i. Perbadanan Aset Keretapi v. Iktikad Raya Sdn. Bhd; dan
Guaman No: BA-B52NCvC-312-10/2018
- ii. Perbadanan Aset Keretapi v. KTMB Car Park Sdn. Bhd.
Guaman No: WA-22NCvC-17-01/2019

iv. Ganti Rugi Kes Kemalangan Melibatkan Kenderaan Milik RAC Diguna Pakai Pihak KTMB

Perbicaraan penuh kes ini diadakan pada 20 Februari 2019 di Mahkamah Majistret Taiping, Perak. Pada sesi perbicaraan penuh tersebut, pihak-pihak merekodkan Penghakiman Persetujuan antara Plaintiff-Plaintiff (dua individu) dan Pihak Ketiga (KTMB). Tuntutan Plaintiff-Plaintiff terhadap RAC dalam kes ini ditarik balik tanpa kos.

In addition, two (2) cases involving claims on arrears which were scheduled for court hearing in 2019 are:

- i. Perbadanan Aset Keretapi v. Iktikad Raya Sdn. Bhd; and
Guaman No: BA-B52NCvC-312-10/2018
- ii. Perbadanan Aset Keretapi v. KTMB Car Park Sdn. Bhd.
Guaman No: WA-22NCvC-17-01/2019

iv. Compensation Claims of an Accident Case Involving A RAC-owned Vehicle Used by KTMB

Full proceedings on the case were heard on 20 February 2019 at the Taiping Magistrate's Court, Perak. During the hearing, a Consent Judgement was issued by the judge based on an agreement between the Plaintiffs (two individuals) and the Third Party (KTMB). The Plaintiffs' claims against RAC were withdrawn without cost.

b) Perjanjian-Perjanjian Lain

Sepanjang 2019, pelbagai jenis dokumen perundangan dimuktamadkan oleh RAC bersama pihak-pihak bagi tujuan merekodkan persetujuan, persefahaman serta memelihara hak dan kepentingan RAC di bawah Akta Keretapi 1991. Dokumen yang dimuktamadkan, antaranya, melibatkan aktiviti komersial seperti perjanjian sewaan dan pajakan, memorandum persefahaman dan lain-lain. Jadual di bawah menunjukkan dokumen perundangan yang dimuktamadkan sepanjang tahun semasa.

b) Other Agreements

Throughout 2019, various legal documents were finalised by RAC together with other parties for purposes of recording consent, understanding as well as to protect the rights and interests of RAC under the Railways Act 1991. The finalised documents, among others, involved commercial activities such as rental and lease agreement, memorandum of understanding, etc. The table below shows the legal documents which had been finalised during the current year.

DOKUMEN PERUNDANGAN LEGAL DOCUMENTS	PIHAK - PIHAK PARTIES	TARIKH DOKUMEN DIMUKTAMADKAN DATE OF FINALISED DOCUMENTS
Memorandum Persefahaman Bagi Kerjasama Strategik Pembangunan Aset-aset Kereta Api Berorientasikan Transit di Perak <i>Memorandum of Understanding for Strategic Cooperation on the Development of the Railway Assets Based on Transit Oriented Development in Perak</i>	RAC dan MBI Perak <i>RAC and MBI Perak</i>	5 Julai 2019 <i>5 July 2019</i>
Memorandum Persefahaman Bagi Tujuan Kolaborasi Pembangunan Berasaskan Transit Oriented Development di Selangor <i>Memorandum of Understanding for Collaboration in Developing Strategic Railway Assets Based on Transit Oriented Development in Selangor</i>	RAC dan MBI Selangor <i>RAC and MBI Selangor</i>	11 April 2019 <i>11 April 2019</i>
Perjanjian Jual Beli bagi Pembangunan Lot 523 Mukim 11 & Lot 525 Mukim 7, Daerah Seberang Prai Tengah, Pulau Pinang <i>Sale and Purchase Agreement for the Development of Lot 523 Mukim 11 & Lot 525 Mukim 7, Seberang Prai Tengah District, Penang</i>	RAC dan Kobay Project Venture Sdn Bhd <i>RAC and Kobay Project Venture Sdn Bhd</i>	16 Mei 2019 <i>16 May 2019</i>
Perjanjian Jual Beli bagi Pembangunan Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur <i>Sale and Purchase Agreement for Development of Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur</i>	RAC dan LTS Skyline Sdn Bhd <i>RAC and LTS Skyline Sdn Bhd</i>	8 November 2019 <i>8 November 2019</i>
Perjanjian Sewa (Tanah, Ruang Bangunan, Tumpang Lalu & Menara Telco) <i>Rental Agreement (Land, Building Space, Wayleave & Telco Tower)</i>	RAC dan 120 penyewa <i>RAC and 120 tenants</i>	Januari – Disember 2019 <i>January – December 2019</i>
Perjanjian Pemungut Sewa <i>Rental Collectors' Agreement</i>	RAC dan lima (5) pemungut sewa yang dilantik <i>RAC and five (5) appointed rental collectors</i>	April – Julai 2019 <i>April – July 2019</i>

Jadual 24 : Senarai dokumen perundangan yang dimuktamadkan pada 2019
Table 24 : List of legal documents which had been finalised in 2019



**SEKSYEN 7 :
MODAL INSAN,
PEMBUDAYAAN ICT DAN
PERKONGSIAN ILMU**

***SECTION 7 :
HUMAN CAPITAL,
INCULCATING ICT CULTURE
AND KNOWLEDGE SHARING***



MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU


HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

Sebagai badan berkanun yang berpegang teguh kepada dasar-dasar Kerajaan dan pada masa sama menyediakan perkhidmatan kepada rakyat, RAC komited ke arah pengukuhan dan pemantapan tadbir urus termasuk memastikan pembentukan modal insan yang berkualiti dan kemajuan teknologi ICT dapat diadaptasi. Tindakan ini selaras dengan fokus bahawa perkhidmatan awam tidak lagi hanya sekadar mengadaptasi perubahan, malah perlu selangkah ke hadapan sebagai pemacu, pemikir dan pelaksana perubahan yang menjurus kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Bagi memastikan usaha memantapkan tadbir urus yang baik dapat dilaksanakan, lima (5) unit berikut berganding bahu bagi memastikan pengurusan sumber manusia, pentadbiran, kewangan, perolehan dan pengurusan maklumat di RAC sentiasa menyokong *core business* yang dilaksanakan:

As a statutory body which embraces Government policies whilst providing services to the people, RAC is committed towards reinvigorating and solidifying governance including moulding of quality human capital and ensuring its workforce are adaptable to changes in information and communications technology (ICT). This is in line with the focus that the civil service is no longer just adapting to change, but also needs to take a leap forward as a driver, thinker and implementer of change for the well-being of the people and the nation.

To ensure that good governance practices are implemented, five (5) units below - human resource management, administration, finance, procurement and information management at RAC - are working closely as a team in embracing the Corporation's core business.



Rajah 31: Unit-unit di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan
Diagram 31: Units under Management Services Division

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Dengan peranan RAC yang semakin berkembang, pengukuhan terhadap struktur organisasi RAC merupakan antara elemen utama yang perlu diberi perhatian bagi memastikan RAC dapat melunaskan fungsi dan tanggungjawab yang diamanahkan.

HUMAN RESOURCE MANAGEMENT

With the evolving role of the RAC, a cohesive and efficient organisational structure is one of the key elements to be given attention to ensure that the Corporation is able to discharge its mandate effectively.

Dalam hal ini, RAC giat merancang pembangunan organisasi yang bermula daripada penubuhannya. Rajah di bawah menunjukkan perkembangan pembangunan sumber manusia di RAC dari 1992 hingga 2019:

In this respect, RAC has been actively planning for organisational development since its inception. The diagram below traces the human resource development at RAC from 1992 to 2019:

1992	1994	2002	2008	2017	2018	2019
Empat (4) Perjawatan Tetap <i>Four (4) Permanent Posts</i>	12 Perjawatan Tetap (Tambah 8 Perjawatan Tetap) 12 Permanent Posts (8 Additional Permanent Posts)	13 Perjawatan Tetap (Tambah 1 Perjawatan Tetap) 13 Permanent Posts (1 Additional Permanent Post)	38 Perjawatan Tetap (Tambah 25 Perjawatan Tetap) 38 Permanent Posts (25 Additional Permanent Posts)	38 Perjawatan Tetap 50 Perjawatan Contract of Service (CoS) (Tambah 50 jawatan CoS) 38 Permanent Posts 50 Contract of Service (CoS) Posts (50 Additional CoS Posts)	38 Perjawatan Tetap 51 Perjawatan Contract of Service (CoS) (Tambah 50 jawatan CoS) 38 Permanent Posts 51 Contract of Service (CoS) Posts (50 Additional CoS Posts)	38 Perjawatan Tetap 57 Perjawatan Contract of Service (CoS) (Tambah 50 jawatan CoS) 38 Permanent Posts 57 Contract of Service (CoS) Posts (50 Additional CoS Posts)

Rajah 32: Pertambahan kakitangan organisasi di RAC

Diagram 32: Rise in the number of staff at RAC

Sehingga 31 Disember 2019, kedudukan perjawatan dan pengisian RAC mengikut kumpulan pegawai adalah seperti berikut:

As at 31 December 2019, the status of RAC's personnel according to groups are as follows:

BIL NO.	KUMPULAN GROUP	PERJAWATAN POSTS		PENGISIAN FILLED	
		TETAP PERMANENT	CoS CoS	TETAP PERMANENT	CoS CoS
1	Pengurusan Tertinggi <i>Top Management</i>	1	-	1	-
2	Pengurusan dan Profesional <i>Management and Professional</i>	14	21	13	18
3	Pelaksana <i>Implementer</i>	23	36	23	36
JUMLAH TOTAL		38	57	37	54

Jadual 25: Pengisian jawatan mengikut kumpulan pegawai

Table 25: Filling of posts according to groups

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

Hasil daripada Gerak Kerja Pelan Pengukuhan Perjawatan Perbadanan ini mulai 2014, RAC memperoleh kelulusan JPA pada 2017 untuk menambah 50 jawatan berasaskan *Contract of Service* (CoS) dan pertambahan satu jawatan pada 2018. Pada 2019, pertambahan seramai enam (6) orang pegawai bertaraf CoS telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah RAC yang menjadikan keseluruhan pegawai CoS di RAC adalah seramai 57 orang. Pertambahan jawatan CoS dilihat mampu menjadi pemangkin RAC untuk terus kekal berdaya maju seiring dengan usaha kearah transformasi pengurusan aset kereta api negara menjelang 2020.

a) PEMBANGUNAN MODAL INSAN DAN LATIHAN

Modal insan yang berdaya tahan dan kompetitif adalah prasyarat penting bagi menggerakkan agenda transformasi Kerajaan dengan berkesan demi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Justeru, pembangunan modal insan RAC diberi lebih perhatian bagi melahirkan lebih ramai pegawai dan kakitangan RAC yang mempunyai sikap dan pemikiran progresif berteraskan kecemerlangan.


Sepanjang 2019, sebanyak 80 program pembangunan kompetensi dalaman dan luaran dilaksanakan.

As a result of the Corporation's Employment Development Blueprint implemented since 2014, RAC has obtained the PSD's approval for an additional 50 posts on Contract of Service (CoS) basis in 2017 and an additional one (1) post in 2018. In 2019, an additional six (6) CoS officers was approved by RAC Board of Directors, bringing the total CoS officers at RAC to 57. The increase in the number of CoS posts is poised to serve as the catalyst for RAC to remain competitive in tandem with efforts toward transforming the national railway asset management by 2020.

a) HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT AND TRAINING

A resilient and competitive human capital is an essential prerequisite towards ensuring effective and seamless implementation of the Government's transformation agenda. Accelerating human capital development will be critical for enabling Malaysia's successful transition to a high-income and developed nation. Hence, greater attention is given to RAC's human capital development in order to produce more officers and staff with a progressive mindset geared towards excellence.

In 2019, a total of 80 internal and external competency development programmes were implemented.



Rajah 33: Program Pembangunan Kompetensi RAC
Diagram 33: RAC Competency Development Programmes

Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) juga komited bagi memastikan setiap pegawai diberikan latihan dalam bidang-bidang tugas masing-masing agar kompetensi dan kemahiran bagi menjalankan tugas dapat dipertingkatkan. Selain itu, aspek pembangunan kompetensi teras bagi setiap pegawai juga diberi penekanan bagi tujuan peningkatan kerjaya pegawai. Dalam hal ini, program-program latihan diklusterkan kepada empat (4) kategori iaitu:

The Management Services Division is also committed to ensuring that every employee is given training in their respective areas of work so that their skills and competency can be enhanced. Besides, the aspect of core competency development for each personnel is also being emphasised for the purpose of career development. In this regard, training programmes have been clustered into four (4) categories, namely:




Rajah 34: Kluster program latihan
Diagram 34: Training Cluster Programme

Komposisi peratusan pegawai RAC yang dilatih berdasarkan empat kompetensi pada 2019 adalah seperti berikut:

Percentage of RAC personnel trained based on 4 competency categories in 2019 as follows:

**PERATUSAN PEGAWAI DILATIH BERDASARKAN KOMPETENSI
PERCENTAGE OF TRAINED PERSONNEL BASED ON COMPETENCY**



Carta 4: Peratusan pegawai yang dilatih berdasarkan kompetensi
Chart 4: Percentage of trained personnel based on competency

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING



Gambar 31: Sekitar sesi latihan dan kursus yang diadakan secara dalaman untuk kakitangan RAC
Picture 31: Training and courses conducted in-house for RAC staff



Gambar 32: Sekitar sesi latihan dan kursus yang diadakan secara dalaman untuk kakitangan RAC
Picture 32: Training and courses conducted in-house for RAC staff

PENGURUSAN ORGANISASI

Dalam memantapkan tadbir urus organisasi, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) juga bertindak selaku pemudah cara bagi menyelesaikan isu-isu dalaman organisasi. Beberapa mesyuarat diselenggarakan oleh BKP untuk menjadi platform perbincangan bagi mencari kaedah penyelesaian serta percambahan idea.

ORGANISATIONAL MANAGEMENT

In reinforcing corporate governance, the Management Services Division also acts as a facilitator for addressing internal organisational issues. Several meetings had been coordinated by the BKP as a platform for resolving issues and generating ideas.



Gambar 33 : Mesyuarat Pengurusan yang dilaksanakan secara mingguan di RAC
Picture 33 : Management meetings held weekly at RAC



Rajah 35: Mesyuarat yang diselenggarakan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan
Diagram 35: Meetings coordinated by the Management Services Division

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

a) PERPINDAHAN PEJABAT PERBADANAN ASET KERETAPI (RAC) KE PEJABAT BAHARU DI IOI CITY TOWER 2, PUTRAJAYA

RAC percaya bahawa jalinan kerjasama berpasukan dalam kalangan kakitangan di Perbadanan ini merupakan penggerak utama bagi merealisasikan Pelan Perniagaan 2019-2021, sekali gus mendokong visi dan misi yang ditetapkan.

Dalam hal ini, reka bentuk dan lokasi pejabat memainkan peranan yang penting bagi memastikan tiadanya halangan komunikasi dan risiko pembentukan budaya silo dalam kalangan kakitangan. Selain itu, sebagai sebuah entiti yang menjana keuntungan, RAC memerlukan imej korporat yang teguh dan unggul demi memberi keyakinan kepada pemegang taruh, pelabur dan rakan niaga.

Sejajar dengan itu, RAC optimis dengan perpindahan ke pejabat baharu yang terletak di kawasan yang strategik dan berdekatan dengan pusat pentadbiran Kerajaan Putrajaya/ Cyberjaya. Dengan perpindahan ini, RAC mampu untuk:

- i. Menjadi pemangkin kepada kerjasama erat kakitangan bagi memastikan semua kakitangan bekerja ke arah merealisasikan Pelan Perniagaan 2019-2021;
- ii. Mempertingkatkan komunikasi antara kakitangan serta bahagian/ unit melalui reka bentuk pejabat berkonsep terbuka;
- iii. Meningkatkan motivasi kakitangan melalui reka bentuk pejabat yang moden serta lokasi yang mempunyai kemudahan yang lengkap;
- iv. Memudahkan pelanggan untuk hadir berurusan dengan RAC memandangkan lokasinya strategik;
- v. Berdekatan dengan pemegang taruh RAC seperti Kementerian Pengangkutan Malaysia, Kementerian Kewangan Malaysia dan Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan bagi memudahkan sebarang urusan kerja; dan
- vi. Memberikan imej yang lebih baik kepada organisasi serta membantu meningkatkan jenama RAC.

Selaras dengan keputusan yang dipersetujui oleh Anggota Perbadanan pada 20 November 2019, lokasi ibu pejabat RAC dipindahkan dari Blok B dan C, Kajang Business Sentral Park, Kajang Selangor ke pejabat baharu yang terletak di Tingkat 16 dan 15, IOI City Tower 2, Putrajaya.

a) RAILWAY ASSETS CORPORATION (RAC) MOVES TO NEW OFFICE AT IOI CITY TOWER 2, PUTRAJAYA

RAC believes that the culture of esprit de corps among the staff is the key driver towards realising the vision and mission that have been laid out under the Corporation's Business Plan 2019-2021.

In this regard, the design and location of the office play a vital role in promoting free flow of communication and breaking down the culture of silos at the workplace. In addition, as a profit generating entity, it is imperative for RAC to have a strong corporate image that reflects its industry leadership position so as to gain the confidence of key stakeholders, investors and business partners.

Towards this end, RAC is optimistic that its decision to relocate to the new office that is strategically located close to the Government's administrative centre Putrajaya/Cyberjaya, can have many positive benefits. Among others, RAC will be able to:

- i. Serve as catalyst for improved collaboration at the workplace to ensure all employees work towards realising the goals outlined under the Business Plan 2019-2021;*
- ii. Facilitate communication among co-workers as well as divisions/units through the open-office design that is intended to encourage face-to-face interaction;*
- iii. Boost employee motivation through a modern workspace coupled with the fact that it is situated in a convenient location which comes with full amenities;*
- iv. Address the needs of RAC customers and ensuring they have a good experience;*
- v. Close proximity to RAC stakeholders such as the Ministry of Transport Malaysia, the Ministry of Finance Malaysia and the Director General of Federal Lands and Mines Department for office purposes; and*
- vi. Enhance organisational image and branding of RAC.*

The decision to relocate RAC's headquarters from Block B and C, Kajang Sentral Business Park, Kajang, Selangor to its new office on the 16th and 15th floor, IOI City Tower 2, Putrajaya was agreed upon by Members of the Corporation on 20 November 2019.

Selain kemudahan pejabat, pejabat baharu mempunyai kelengkapan ICT termasuk kamera litar tertutup, bilik server, kemudahan rangkaian dan digital di bilik mesyuarat serta ruang persidangan. Turut diberi perhatian adalah pemasangan kamera litar tertutup di beberapa kawasan tumpuan. Dalam hal ini, Unit Pengurusan Maklumat bertungkus lumus bagi memastikan migrasi server, rangkaian, kemudahan internet dan aplikasi dapat dilakukan dalam tempoh downtime selama dua (2) hari. Proses migrasi ini melibatkan usaha sama dengan beberapa agensi seperti Government Integrated Telecommunication Network (GITN), Telekom Malaysia™ dan MAMPU bagi memastikan rangkaian kepada capaian sistem dalaman Kerajaan dapat dilaksanakan dengan sempurna.

The new office is equipped with closed circuit television camera, server room, digital communication network facilities in the meeting room as well as conference hall/venue. Other features include installation of CCTV at several focused areas. In this regard, the Information Management Unit had been working tirelessly to ensure server migration as well as internet and other digital applications were successfully implemented with a two-day downtime. The migration process was a joint effort with several agencies such as the Government Integrated Telecommunication Network (GITN), Telekom Malaysia and the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) to ensure seamless implementation of the Government's Digital Transformation initiative.



Gambar 34 : Pejabat baharu RAC yang terletak di Aras 16 dan 15, IOI City Menara 2, Lebuhraya IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya Sepang, Selangor.

Picture 34 : RAC's new office located at Levels 16 and 15, IOI City Menara 2, Lebuhraya IRC, IOI Resort City, 62502 Putrajaya Sepang, Selangor.

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

PEMBUDAYAAN ICT

Rancangan Malaysia Ke-11 (RM11) menetapkan sasaran pencapaian kedudukan Malaysia bagi *Online Service Index* (OSI) berada di tangga ke-15 pada 2020. Bagi menyahut seruan itu, RAC mula memperkasakan perkhidmatan dalamannya secara digital pada 2019 dengan menggunakan kepakaran tenaga kerja sedia ada. Berikut adalah senarai perkhidmatan yang dinaik taraf daripada kaedah manual kepada digital:

INCULCATING ICT CULTURE

The 11th Malaysia Plan (11MP) has targeted for Malaysia to be ranked 15th in the Online Service Index (OSI) by 2020. Towards this end, RAC has embarked on digitalisation of its services by leveraging on its own expertise in 2019. The list of services which have been upgraded from manual to digital platform is as follows:


SISTEM e-TEMPAHAN e-TEMPAHAN SYSTEM



Sistem e-Tempahan dibangunkan pada November 2019 untuk memudahkan kakitangan membuat tempahan bilik mesyuarat, peralatan ICT dan kenderaan jabatan secara dalam talian. Melalui sistem ini, kakitangan RAC boleh membuat semakan permohonan mereka dan mendapatkan pemakluman/status permohonan melalui sistem berbanding secara manual yang dilakukan sebelum ini. Proses ini boleh dilakukan secara dalam talian melalui pelayar web komputer dan telefon pintar bagi memudahkan akses kepada kakitangan.

The e-Tempahan system was developed in November 2019 to allow RAC staff to book a meeting room, ICT equipment or department transport directly through the website. This means that RAC staff can check the status and receive notification on their application online, unlike the traditional practice of booking manually. The process can be managed online through a web browser or smartphone to provide easy access for the staff.

PORTAL INFOCENTRE RAC RAC INFOCENTRE PORTAL



Portal ini dibangunkan secara dalaman menggunakan perisian CMS Wordpress. Portal ini berfungsi sebagai wadah untuk menghebahkan maklumat dan informasi aktiviti semasa, *knowledge base* dan perkara-perkara lain kepada kakitangan RAC. Fungsi portal dilengkapi dengan *web responsive* yang akan menyesuaikan paparan portal secara automatik mengikut saiz skrin peranti yang digunakan oleh pengguna untuk memudahkan mereka melihat dan membaca kandungan portal.

This portal was developed in-house using the CMS Wordpress software. It serves as a platform for disseminating information on current activities, a knowledge base and other matters to RAC employees. It is equipped with a web responsive application that will automatically adjust for different screen sizes, making it easier for users to access content from the portal.

CLOUD STORAGE CLOUD STORAGE



Cloud Storage dibangunkan menggunakan perisian Nextcloud secara percuma di bawah lesen sumber terbuka AGPLv3+. Sistem ini dipasang ke dalam server RAC yang bertempat di Pusat Data MAMPU, Putrajaya dengan capaian secara pelayar web dan *mobile apps*.

Kakitangan RAC menggunakan sistem ini untuk menyimpan dokumen digital yang boleh dicapai semula secara dalam talian bagi memudahkan akses kepada dokumen, tidak kira di mana sahaja, apabila ia diperlukan. Penggunaan

sistem ini dapat mengelak kakitangan RAC memuat naik dokumen Kerajaan/ rasmi menggunakan kemudahan *storage* luar seperti Google Drive, Dropbox, Onedrive dan seumpamanya

Cloud Storage was developed using the Nextcloud, a free and open-source software that is licensed AGPLv3+. The system was installed at the RAC server at MAMPU Data Centre, Putrajaya, which is accessible through the web browser and mobile apps.

RAC employees utilise the system for storing digital documents which can be retrieved online to allow for easy access of documents, wherever and whenever needed. The system enables RAC staff to upload government/official documents using external storage applications such as Google Drive, Dropbox, Onedrive, etc.

PROJECT DASHBOARD DASHBOARD PROJECT




Sistem ini dibangunkan bagi memudahkan pemilik projek untuk mengemas kini status dan kemajuan projek masing-masing secara dalam talian. Melalui kaedah ini, kerja kemas kini mudah dilakukan kerana ia boleh diakses menggunakan kemudahan internet. Projek Dashboard menggunakan pendekatan paparan graf dan jadual

secara dinamik yang memaparkan maklumat dan pencapaian kemajuan projek yang dikemas kini dari semasa ke semasa. Sistem ini juga disesuaikan dengan kegunaan pihak pengurusan tertinggi RAC (Ahli Lembaga Pengarah) dengan mereka boleh mendapatkan maklumat terkini mengenai projek-projek yang sedang dilaksanakan RAC melalui capaian dalam talian yang mudah dan tepat kerana ia dijana secara automatik oleh sistem.

This system was developed to enable project owners to update the status and progress of their respective projects online. The task of updating the information is made easier via internet. The Dashboard project is a type of graphical and dynamic user-based scheduling interface that allows progress reports of projects to be constantly updated. The system is tailor-made for easy access by RAC's top management (Board of Directors) on the latest information of projects which had been implemented by RAC via the internet as the system is automatically generated.

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

PORTAL KEHADIRAN ATTENDANCE PORTAL



RAC dengan kerjasama Syarikat Linkdood Technologies Sdn Bhd melakukan percubaan ke atas pembangunan Portal Kehadiran untuk kakitangan RAC dengan menggunakan teknologi aplikasi robotik. Melalui portal ini, kakitangan RAC boleh mengemas kini kehadiran mereka dan mendapatkan laporan kehadiran dengan cara menghantar pesanan ringkas kepada server.

Hasil daripada aktiviti ini telah memberikan pengalaman baharu kepada RAC berhubung teknologi terkini yang dapat memudahkan interaksi antara manusia dengan mesin seiring pendekatan evolusi IR 4.0, *Internet of Things* (IoT) dan pendigitalan perkhidmatan.

RAC in collaboration with Linkdood Technologies Sdn Bhd conducted a trial run to develop the Attendance Portal for RAC employees using robotics application. Through the portal, RAC staff can update their attendance and obtain their attendance reports by sending a SMS to the server.

The event to test out the latest robotic technology was a new experience for RAC as the interface between humans and computers facilitated the interaction, in line with the IR 4.0 evolution approach, Internet of Things (IoT) and digitalisation of services.

LAWATAN KERJA KE MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA


WORKING VISIT TO SUBANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL



Gambar 35: Lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Subang Jaya
Picture 35: Working visit to Subang Jaya Municipal Council

Pada 23 April 2019, satu lawatan kerja ke Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dibuat bagi melihat dan mempelajari operasi Sistem Key Performance Index (KPI) yang diguna pakai di MPSJ. Warga RAC didedahkan dengan kelebihan fungsi dan sistem yang digunakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan itu dalam memantau pencapaian KPI untuk setiap kakitangannya. Pendedahan ini sangat membantu RAC, yang kini dalam perancangan untuk membangunkan sistem seumpama itu secara dalaman bagi membolehkan pengukuran pencapaian kakitangan RAC dibuat dengan lebih tepat dan sistematik, sekali gus menambah baik perkhidmatan di RAC.

LAWATAN KE PUSAT PEMULIHAN BENCANA KERAJAAN MALAYSIA



Gambar 36 : Lawatan ke Pusat Pemulihan Bencana Kerajaan Malaysia
Picture 36 : Visit to the Malaysian Government's Disaster Relief Centre

Pada 30 April 2019, RAC berpeluang untuk melawat ke Pusat Pemulihan Bencana Kerajaan Malaysia (DRC) yang dikendalikan oleh Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) di Bandar Enstek, Sepang. Lawatan ini bertujuan untuk melihat secara lebih dekat kemudahan yang disediakan oleh MAMPU di pusat tersebut. RAC merancang untuk mewujudkan DRC sendiri pada tahun depan bagi memenuhi kehendak keselamatan ICT di RAC. Dengan adanya pusat seperti ini, kesinambungan perkhidmatan dan maklumat di RAC sentiasa tersedia sekiranya berlaku sebarang bencana tidak diingini.

KUNJUNGAN HORMAT DAN PROGRAM DALAMAN

Pada 2019, beberapa sesi kunjungan hormat diadakan untuk mempromosi dan memperkenalkan peranan RAC kepada pemegang taruh. Sesi kunjungan hormat yang diadakan memberi peluang kepada pengurusan RAC dan rakan sejawat untuk saling mengenali dengan lebih dekat tentang fungsi agensi masing-masing di samping mencari peluang kerjasama strategik yang boleh dijayakan. Pada sesi ini juga, kedua-dua pihak membincangkan pelbagai isu berkaitan termasuk mengetahui perjalanan operasi masing-masing.

On 23 April 2019, a working visit to Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) was held to gain insights into the Key Performance Index (KPI) System which had been operational at MPSJ. RAC personnel were given exposure on the benefits of the system used by the local authority to monitor and track the KPI of every staff. The exposure augured well for RAC which was currently planning to develop a similar system. The system to be developed in-house allows RAC to measure the KPI of every RAC staff in a more accurate and systematic way, hence improving the Corporation's services.

WORKING VISIT TO SUBANG JAYA MUNICIPAL COUNCIL

On 30 April 2019, RAC had the opportunity to visit the Malaysian Government's Disaster Relief Centre (DRC) managed by the Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU) at Bandar Enstek, Sepang. The visit allowed RAC to take a closer look at the facilities provided by MAMPU at the centre. RAC was planning to set up its own DRC next year to ensure the ICT safety was in place at RAC. By having the centre, the services and information at RAC will remain uninterrupted in the event of any untoward disaster.

COURTESY VISIT AND IN-HOUSE PROGRAMME

In 2019, several courtesy visits were held to promote and introduce RAC's role to the stakeholders. The sessions allowed RAC management to build rapport with its partners and have a better understanding on the functions of the respective agencies in addition to exploring avenues for strategic cooperation. At these sessions, both parties discussed various related issues including having insightful information on the operations of their respective organisations.

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING



8 Januari 2019
Bangunan Perdana Putra, Putrajaya

8 January 2019
Perdana Putra Building, Putrajaya



Kunjungan hormat Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ke atas Ketua Setiausaha Negara

Courtesy call by Railway Assets Corporation (RAC) General Manager on the Chief Secretary to the Government



24 Januari 2019
Ibu Pejabat Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM)

24 January 2019
Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM)
Head Office



Kunjungan hormat Pengurus Besar Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia

Courtesy visit by Railway Assets Corporation (RAC) General Manager to Department of Survey and Mapping Malaysia (JUPEM)

Selain itu, bagi memperkukuhkan jenama dan strategi publisiti kepada pemegang taruh, beberapa program diadakan termasuk Program Ihya Ramadan Perbadanan Aset Keretapi Bersama Anak-Anak Yatim dan Sambutan Aidilfitri RAC 2019. Penganjuran program seperti ini memberi peluang kepada pengurusan RAC untuk menghargai dan mengiktiraf sumbangan rakan strategik, pemegang taruh dan pihak-pihak berkepentingan. Penganjuran program ini juga membuktikan bahawa RAC turut prihatin kepada keperluan golongan tertentu yang perlu disantuni.

To showcase its brand and publicity strategy to the stakeholders, several programmes were held including Railway Assets Corporation Ihya Ramadan Programme with Orphans and RAC 2019 Aidilfitri Celebration. Such programmes provided the opportunity for RAC management to appreciate and recognise the contributions of strategic partners, stakeholders and shareholders. The events also showed that RAC was supportive of people with special needs.



25 Januari 2019
Pejabat RAC di Kajang Sentral Business Park

*25 January 2019
RAC Office at Kajang Sentral Business Park*



Lawatan kerja dan kunjungan hormat Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) ke Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Working visit and courtesy visit by Institute of Road Safety Research (MIROS) to Railway Assets Corporation (RAC)



12 September 2019
Pejabat RAC di Kajang Sentral Business Park

*12 September 2019
RAC Office at Kajang Sentral Business Park*



Lawatan kerja dan kunjungan hormat Majlis Perbandaran Gua Musang ke Perbadanan Aset Keretapi (RAC)

Working visit and courtesy visit by Gua Musang Municipal Council to Railway Assets Corporation (RAC)



Program Ihya Ramadan Perbadanan Aset Keretapi bersama Anak-Anak Yatim
8 Mei 2019
Kementerian Pengangkutan, Putrajaya

*Railway Assets Corporation (RAC) hosts Ihya Ramadan Programme with Orphans
8 May 2019
Ministry of Transport, Putrajaya*



Sambutan Aidilfitri RAC 2019
1 Julai 2019
Tingkat 16, IOI City Tower 2,

*RAC Aidilfitri Celebration 2019
1 July 2019
16th Floor, IOI City Tower 2,*

MODAL INSAN, PEMBUDAYAAN ICT DAN PERKONGSIAN ILMU HUMAN CAPITAL, INCULCATING ICT CULTURE AND KNOWLEDGE SHARING

ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG

Pada 2019, seramai tujuh (7) kakitangan RAC iaitu tiga (3) bagi jawatan tetap dan empat (4) bagi jawatan kontrak menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

KAKITANGAN TETAP

- i. Ane Salfarizan binti Mispani;
Pegawai Penerangan Gred S44
- ii. Saiful Azwir bin Ali Akbar;
Penolong Akauntan Gred W29
- iii. Mohamad Nazri bin Samsi;
Pembantu Operasi Gred N11

KAKITANGAN KONTRAK

- i. Mohd Shahir bin Elias;
Pegawai Tadbir Gred N41
- ii. Rozie binti Rosli;
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
- iii. Hafizah binti Abd Rahim;
Penolong Pegawai Tadbir Gred N29
- iv. Muhammad Hanafi bin Zakaria;
Penolong Juruukur Bahan Gred JA29

EXCELLENT SERVICE AWARD

In 2019, a total of seven (7) RAC personnel namely three (3) permanent and four (4) contract staff – received the Excellent Service Award (APC).

PERMANENT STAFF

- i. Ane Salfarizan binti Mispani;
Information Officer S44
- ii. Saiful Azwir bin Ali Akbar;
Assistant Accountant W29
- iii. Mohamad Nazri bin Samsi;
Operations Assistant N11

CONTRACT STAFF

- i. Mohd Shahir bin Elias;
Administrative Officer N41
- ii. Rozie binti Rosli;
Assistant Administrative Officer N29
- iii. Hafizah binti Abd Rahim;
Assistant Administrative Officer N29
- iv. Muhammad Hanafi bin Zakaria;
Assistant Quantity Surveyor JA29



Gambar 37: Senarai penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang RAC 2019
Picture 37: List of RAC's Excellent Service Award recipients in 2019

TOWN HALL @ RAC

Town hall didefinisikan sebagai mesyuarat tidak formal, pertemuan dan acara awam di mana hadirin boleh memberikan idea, menyuarakan pandangan dan bertanyakan soalan terhadap sesuatu perkara yang dibincangkan. Ia memberikan ruang kepada seramai mungkin hadirin untuk mengambil bahagian dan bersuara.

Usaha RAC melaksanakan sesi *town hall* ini merupakan inisiatif yang baik bagi membolehkan pihak pengurusan menyampaikan maklumat atau keputusan yang dibuat oleh Kerajaan dan pihak pengurusan kepada warga kerjanya. Sesi pertama *Town Hall @ RAC* diadakan pada 11 Januari 2019 dengan penganjurannya diadakan secara giliran oleh setiap bahagian di RAC. Sesi ini memberi peluang kepada warga RAC untuk berkongsi pandangan atau pendapat mengenai sesuatu perkara atau isu dengan pihak pengurusan melalui platform yang lebih santai dan terbuka. Sepanjang 2019, sebanyak lapan (8) sesi *town hall* diadakan.

TOWN HALL @ RAC

Town hall is defined as an informal meeting, gathering and public event whereby the audience can share their ideas and thoughts as well as discuss emerging issues. It also provides ample opportunity to as many people as possible to speak and voice concerns.

RAC's town hall is a good initiative for the management to provide information on decisions made by the Government, the Ministry of Transport as well as the Corporation to its employees. The first Town Hall@RAC was held on 11 January 2019. This session provided a platform for RAC staff to share their thoughts on matters or issues with the management in a relaxed and open environment. Throughout 2019, eight (8) town hall sessions were held:



Picture 38: Sesi *Townhall* bersama Pengurus Besar RAC
Picture 38: A *Town Hall* session with RAC General Manager



**SEKSYEN 8 :
PENGUKUHAN IMEJ DAN
JENAMA RAC**
**SECTION 8 :
RE-IMAGING AND BRANDING
OF RAC**



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC

MAJLIS RASMI

Sepanjang 2019, RAC menganjurkan sebanyak lapan (8) majlis rasmi termasuk beberapa majlis yang melibatkan penganjuran bersama dengan agensi swasta dan negeri. Penganjuran majlis rasmi ini merupakan sebahagian daripada usaha Perbadanan ini untuk memperkukuhkan dan mempromosikan perniagaan teras dan jenama RAC kepada pihak-pihak berkepentingan.

Berikut adalah maklumat berkaitan majlis tersebut:

OFFICIAL EVENTS

Throughout 2019, RAC organised eight (8) official events including several programmes in collaboration with private agencies and states. These events are part of the Corporation's efforts to strengthen and promote its core business and RAC brand to its stakeholders.

The official events are as follows:



**Majlis Pecah Tanah Projek Pembangunan
Penswastaan Lot PT 26, Seksyen 55, Jalan Tun
Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur**

Dirasmikan oleh :
YB Tuan Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan

***Ground Breaking for Privatisation of Land on
Lot PT 26, Section 55, Jalan Tun Sambanthan,
Brickfields, Kuala Lumpur.***

Officiated by :
YB Tuan Loke Siew Fook
Minister of Transport

19 Februari 2019 (Selasa)
Lokasi : Lot PT 26, Seksyen 55, Jalan Tun
Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur
Masa : 11.00 pagi

*19 February 2019 (Tuesday)
Location : Lot PT 26, Section 55, Jalan Tun
Sambanthan, Brickfields, Kuala Lumpur
Time : 11.00 am*



Majlis Perasmian Dan Penyerahan Kuarters Milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) Kepada Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Dirasmikan oleh :
YB Dato' Hj Kamarudin Bin Jaffar
Timbalan Menteri Pengangkutan

Official Handing Over of Railway Assets Corporation (RAC) Quarters to Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)

Officiated by :
YB Dato' Hj Kamarudin Bin Jaffar
Deputy Minister of Transport

15 Mac 2019 (Jumaat)
Lokasi : Lot 233, Klang
Masa : 10.00 pagi – 12.30 tengah hari

15 March 2019 (Friday)
Location : Lot 233, Klang
Time : 10.00 am – 12.30 pm



Majlis Pelancaran Xtra20

Dirasmikan oleh :
Timbalan Perdana Menteri
YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail

Official Launch of Xtra20

Officiated by :
Deputy Prime Minister
YAB Dato' Seri Dr Wan Azizah binti Wan Ismail

31 Mac 2019 (Ahad)
Lokasi : Stesen Keretapi KL Sentral
Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi

31 March 2019 (Sunday)
Location : KL Sentral Railway Station
Time : 10.00 am – 11.30 am

PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Di Antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) Dengan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) (MBI Selangor)

Dirasmikan oleh :
YB Tuan Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan

Signing of Memorandum of Understanding between Railway Assets Corporation (RAC) and Menteri Besar Selangor Incorporated (MBI Selangor)

*Officiated by :
YB Tuan Loke Siew Fook
Minister of Transport*

11 April 2019 (Khamis)
Lokasi : Hotel Dorsett Grand, Subang
Masa : 10.00 pagi

*11 April 2019 (Thursday)
Location : Dorsett Grand Hotel, Subang
Time : 10.00 am*



Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman Kerjasama Strategik Pembangunan Aset Kereta Api Di Perak

Disaksikan oleh :
YB Tuan Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan &
YAB Dato Seri Ahmad Faizal Bin Dato'Azumu
Menteri Besar Perak

Signing of Memorandum of Understanding for Strategic Cooperation on the Development of Railway Assets in Perak

*Witnessed by : YB Tuan Loke Siew Fook
Minister of Transport &
YAB Dato Seri Ahmad Faizal Bin Dato'Azumu
Menteri Besar Perak*



5 Julai 2019 (Jumaat)
Lokasi : Dewan Serbaguna, Aras 2,
Kementerian Pengangkutan, Putrajaya
Masa : 2.45 petang

*5 July 2019 (Friday)
Location : Multipurpose Hall, Level 2,
Ministry of Transport, Putrajaya
Time : 2.45 pm*



Majlis Pelancaran ETS2 Dan Pelan Pembangunan Stesen Keretapi Ipoh di Ipoh, Perak.

Dirasmikan oleh :
Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin
Shah

Official Launch of ETS2 and Development Plan of Ipoh Railway Station in Ipoh, Perak.

Officiated by :
Sultan Perak Darul Ridzuan
Sultan Nazrin Shah Ibni Sultan Azlan Muhibbuddin
Shah

10 Oktober 2019 (Khamis)
Lokasi : Stesen Keretapi Ipoh, Perak
Masa : 10.00 pagi

10 October 2019 (Thursday)
Location : Ipoh Railway Station, Perak
Time : 10.00 am



Majlis Menandatangani Perjanjian Bagi Pembangunan Tanah Lot 151, Seksyen 54, Kuala Lumpur Di Antara Perbadanan Aset Keretapi Dengan LTS Skyline Sdn Bhd

Dirasmikan oleh :
YB Tuan Loke Siew Fook
Menteri Pengangkutan

Signing of Agreement for Land Development on Lot 151, Section 54, Kuala Lumpur Between Railway Assets Corporation and LTS Skyline Sdn Bhd

Officiated by :
YB Tuan Loke Siew Fook
Minister of Transport

8 November 2019 (Jumaat)
Lokasi : Hotel The St Regis, Kuala Lumpur
Masa : 2.45 petang

8 November 2019 (Friday)
Location : The St Regis Hotel, Kuala Lumpur
Time : 2.45 pm



PENGUKUHAN IMEJ DAN JENAMA RAC RE-IMAGING AND BRANDING OF RAC



Majlis Menandatangani Pelantikan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) selaku Penilai Aset-Aset Milik RAC .

Disempurnakan oleh:
En Azhar Ahmad
Pengurus Besar RAC &
Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim
Ketua Pengarah
Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta
(JPPH) Malaysia

10 Disember 2019 (Selasa)
Lokasi : Bilik Mesyuarat Limau Kasturi
Perbadanan Aset Keretapi
Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI
Putrajaya Sepang,
Masa : 8.30 pagi

10 December 2019 (Tuesday)
Location : Limau Kasturi Meeting Room, Railway
Assets Corporation, 16th Floor, IOI City Tower 2,
Lebuhr IRC, IOI Putrajaya Sepang,
Time : 8.30 am

Signing Ceremony for the Appointment of Valuation and Property Services Department (JPPH) as Valuer for RAC's Owned assets

Signatories:
En Azhar Ahmad
RAC General Manager &
Sr Haji Mohd Khairudin bin Abd Halim
Director General
Valuation and Property Services Department
(JPPH) of Malaysia

RAC @ MEDIA

RAC @ MEDIA

i. SIARAN MEDIA

Pada 2019, sebanyak enam (6) siaran media dikeluarkan RAC iaitu:

i. MEDIA RELEASE

In 2019, six (6) media releases were issued by RAC namely:

TARIKH DATE	TAJUK TOPIC
19 Februari 2019 <i>19 February 2019</i>	Menteri Pengangkutan Sempurnakan Majlis Pecah Tanah Pembinaan Menara Sentral RAC <i>Minister of Transport Officialises at the Ground Breaking Ceremony for the Construction of Menara Sentral RAC</i>
11 April 2019 <i>11 April 2019</i>	MBI Selangor dan Perbadanan Aset Keretapi Jalin Kerjasama Strategik Bagi Membangunkan Aset Kereta Api di Selangor <i>MBI Selangor and Railway Assets Corporation (RAC) Enter Into Strategic Collaboration To Develop Railway Assets in Selangor</i>
8 Mei 2019 <i>8 May 2019</i>	Perbadanan Aset Keretapi Meraikan Golongan Kurang Bernasib Baik Sempena Ramadan <i>Railway Assets Corporation Fetes the Less Privileged in Conjunction with Ramadan</i>
5 Julai 2019 <i>5 July 2019</i>	Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MOU) Kerjasama Strategik Pembangunan Aset Kereta Api di Perak di antara Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.) <i>Signing of Memorandum of Understanding (MoU) for Strategic Cooperation on the Development of Railway Assets in Perak between Railway Assets Corporation (RAC) and Menteri Besar Perak Incorporated (MB Inc.)</i>
10 Oktober 2019 <i>10 October 2019</i>	Majlis Pelancaran ETS2 dan Pembangunan Bersepadu Stesen Keretapi Ipoh <i>Official Launch of ETS2 and Ipoh Train Station Integrated Development Project</i>
8 November 2019 <i>8 November 2019</i>	Perbadanan Aset Keretapi (RAC) dan LTS Skyline Sdn Bhd Tandatangani Perjanjian Bagi Pelaksanaan Projek Pembangunan Berorientasikan Transit <i>Railway Assets Corporation (RAC) and LTS Skyline Sdn Bhd Sign Agreement for Transit Oriented Development Project</i>

Jadual 26 : Senarai siaran media yang dikeluarkan RAC pada 2019

Table 26 : List of media releases issued by RAC in 2019

ii. LIPUTAN AKHBAR

ii. PRESS COVERAGE



News / BUSINESS 19

PLAN TO BUILD AFFORDABLE HOMES IN SELANGOR

State government, RAC to focus on transit-oriented developments

RAILWAY LAND

MBI bina rumah mampu milik

KUALA LUMPUR: Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.

Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.



RAC rancang bina rumah mampu milik di atas tanah...

Kuala Lumpur

RAC rancang bangun projek perumahan mampu milik

Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.



Kerjasama MB Inc, RAC Beri Limpahan Pembangunan Di Ipoh

RAC, MBI bina rumah mampu milik

KUALA LUMPUR: Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.

Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.

RAC rancang bina rumah atas tanah kereta api

KUALA LUMPUR: Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.

Perkerajaan Selangor dan RAC berikhtisar mengenai projek pembangunan rumah mampu milik di lokasi-lokasi transit bersempadan dengan stesen Keretapi Tanah Kelantan (KTK) dan stesen Keretapi Tanah Melayu (KTM) di Ipoh.

10 Nation

Perak eyes prime area near Ipoh station

PUTRAJAYA: A joint venture will be set up between the Perak government and the Railway Assets Corporation (RAC) to develop land surrounding the Ipoh railway station.

The land, totalling 193.7 acres, is located in a prime area within the Ipoh city centre and has been earmarked for commercial and residential development.

Transport Minister Anthony Loke said its vision was to maximise the value of its railway assets.

"If we have assets such as land but they are not developed, then the assets are almost valueless. The

railway assets, the more income we have to improve our rail services.

"The route from Ipoh to Kuala Lumpur, for example, is often sold out. With additional revenue from RAC, we can increase the train's capacity and have more trips," said Loke during the signing of a memorandum of understanding (MoU) between RAC and Perak Menteri Besar Ix (MBI) here yesterday.

The MoU was signed by Perak MBI chief executive Anuar Zainal Abidin and RAC general manager Azhar Ahmad. Also present was Perak Menteri Besar Damuk Seri



All smiles: Loke (centre) and Ahmad Faizal (Loke's left) witnessing the...

News | PROPERTY

RAC LAND

Plan for more TOD projects in Selangor

MORE transit-oriented developments (TOD) will be planned in Selangor, where RAC will be working with the state government to develop more TOD projects in the state.



particular with affordable housing. The state government is also planning to develop more TOD projects in the state.

Transit-oriented plan for Kempas

RAC has a plan to develop a transit-oriented development (TOD) in Kempas, Johor Bahru. The plan is to develop a residential and commercial area around the Kempas station.



The plan is to develop a residential and commercial area around the Kempas station. The area will be developed in a transit-oriented manner.



Perak Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu said the agreement was a "win-win" solution in increasing the agencies' revenues.



Diskaun 20% tambang komuter

Kad XTRA 20 diperkenalkan bantu ringan beban rakyat. Diskaun 20% tambang komuter akan diperkenalkan pada 15 Mei 2019.

LTS Skyline bina projek bercampur di tanah RAC

Bina apartmen suite, ruang niaga di 1.21 hektar sebelah stesen LRT Pudu. Projek ini akan membangunkan sebuah kawasan perumahan campuran.



TRANSIT-ORIENTED PROJECTS

Areas around Ipoh railway station to be developed

PUTRAJAYA: Railway Assets Corporation (RAC) has entered into a strategic nexus with Perak Menteri Besar Inc (Perak MB Inc) to create a Transit-Oriented Development (TOD) involving assets in the 192.7ha areas surrounding Ipoh's iconic railway station.

Pembangunan transit jadikan tanah RAC lokasi strategik

Putra Jaya: Sebanyak 77.23 hektar tanah milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di sekitar Stesen Keretapi Ipoh, Perak, akan di bangunkan dengan transi...



Kami nak pastikan ia a komponen perniagaan komersial, selain komponen perumahan.



Rundown Seremban train station needs major overhaul



Ipoh train station hotel ripe for redevelopment

Fate of decaying 76-year-old building lies with Railway Assets Corporation.



MEMANFAATKAN MEDIA SOSIAL OPTIMISING SOCIAL MEDIA



Menyedari pentingnya peranan media sosial masa kini dalam menyebarkan luas maklumat kepada orang ramai, Perbadanan ini memperkenalkan laman sosial rasmi RAC iaitu Facebook dan Twitter pada 13 Mac 2013. Laman sosial berkenaan diwujudkan untuk:

Realising the important role of today's social media in disseminating information to the public, the Corporation took the initiative by creating its official social networking site on Facebook and Twitter on 13 March 2013. The objectives of creating the social sites are as follows:



MEDIA SOSIAL SOCIAL MEDIA

01

Menyampaikan maklumat dan informasi terkini mengenai inisiatif, aktiviti dan program terkini yang dijalankan oleh RAC.

Disseminating information and latest news on initiatives, activities and programmes organised by RAC.

02

Menjadikan RAC sebagai agensi Kerajaan yang pantas dalam menyampaikan maklumat semasa.

Branding RAC as a Government agency which is quick in providing current information.

03

Mewujudkan jaringan sosial yang mudah, cepat, mesra dan realistik kepada rakyat.

Creating a social network that is simple, fast, friendly and realistic for the people.


Sepanjang 2019, terdapat peningkatan yang membanggakan dalam bilangan pengikut media sosial RAC berbanding 2018 iaitu sebanyak 29.6 peratus bagi Facebook manakala 12 peratus bagi Twitter.

Throughout 2019, there was an encouraging growth in the number of followers on RAC's social media as against 2018, with Facebook and Twitter recording an increase of 29.6 per cent and 12 per cent respectively.

MEDIA SOSIAL SOCIAL MEDIA	FACEBOOK	TWITTER
2017	1,959	1,005
2018	2,478	1,421
2019	3,521	1,614

Jadual 27 : Jumlah peningkatan bilangan dan peratusan pengikut media sosial RAC
Table 27 : Rise in the number of RAC social media followers

PENINGKATAN JUMLAH PENGIKUT MEDIA SOSIAL RAC PADA 2016 - 2019
RISE IN THE NUMBER OF RAC FOLLOWERS FROM 2017-2019



Graf 13: Jumlah pengikut media sosial RAC dari 2017 hingga 2019
Diagram 13: Number of RAC social media followers from 2017 to 2019

PAMERAN KORPORAT CORPORATE EXHIBITIONS

i. DASAR PENGANGKUTAN NEGARA 2019-2030

Sempena pelancaran Dasar Pengangkutan Negara oleh Kementerian Pengangkutan, pameran berkaitan industri pengangkutan diadakan selama tiga (3) hari bermula dari 16 hingga 17 Oktober 2019 di ruang legar Aras 2, Stesen KL Sentral.

RAC sebagai Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan turut menyertai pameran itu dengan mengetengahkan projek-projek pembangunan tanah kereta api berkonsepkan pembangunan berorientasikan transit.

i. NATIONAL TRANSPORT POLICY 2019-2030

In conjunction with the launch of the National Transport Policy by the Ministry of Transport, an exhibition related to the transportation industry was held from 16 to 17 October 2019 at the lobby, Level 2, KL Sentral Station.

RAC as a Federal Statutory Body under the Ministry of Transport also participated in the exhibition by showcasing railway development projects based on the Transit Oriented Development concept.



Gambar 39 : Sekitar Majlis Pelancaran Dasar Pengangkutan Negara 2019-2030 dan penglibatan RAC sebagai pempamer pada majlis tersebut.

Picture 39 : Photos from the Official Launch of the National Transport Policy 2019-2030 and RAC's participation as exhibitor at the event.

ii. KARNIVAL KERJAYA DAN PENDIDIKAN BAGI SEKTOR PENGANGKUTAN 2019**ii. CAREER & EDUCATION CARNIVAL FOR TRANSPORT SECTOR 2019**

Pada 19-20 Oktober 2019, RAC menyertai Karnival Kerjaya dan Pendidikan Bagi Sektor Pengangkutan 2019 yang diadakan di pusat beli-belah Palm Mall, Jalan Sungai Ujong, Seremban, Negeri Sembilan.

Karnival dua (2) hari itu menyaksikan penyertaan 52 ruai pempamer yang terdiri daripada agensi kerajaan dan swasta seperti syarikat penerbangan Air Asia, Malindo, Prolintas, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM), Institut Maritim Malaysia, Lembaga Pelabuhan Klang dan sebagainya. Sejumlah 4,000 kekosongan jawatan ditawarkan pada karnival itu.

Sebanyak 21 kekosongan jawatan ditawarkan RAC merangkumi jawatan Arkitek, Jurutera (Awam), Jurutera (Mekanikal), Pegawai Undang-Undang, Penolong Jurutera (Elektrikal), Penolong Jurutera (Mekanikal), Penolong Jurutera (Awam), Penolong Pegawai Tadbir dan Pembantu Tadbir selaras dengan fungsi dan peranannya selaku pemilik dan pengurus aset-aset kereta api di negara ini. Sebanyak 216 borang permohonan jawatan kosong telah diterima dan akan diproses untuk sesi saringan dan temu duga.

On 19-20 October 2019, RAC took part in the Career and Education Carnival for Transport Sector 2019 held at the Palm Mall shopping centre, Jalan Sungai Ujong, Seremban, Negeri Sembilan.

The two-day carnival attracted 52 exhibitors comprising government agencies and private sector such as Air Asia, Malindo, Prolintas, Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM), Maritime Institute Malaysia, Klang Port Authority, etc. A total of 4,000 vacant positions were offered at the carnival.

A total of 21 vacant posts at RAC were offered including Architect, Engineer (Civil), Engineer (Mechanical), Legal Officer, Assistant Engineer (Electrical), Assistant Engineer (Mechanical), Assistant Engineer (Civil), Assistant Administrative Officer and Administrative Assistant in line with its functions and role as owner and manager of railway assets in the country. A total of 216 applications were received whereby they will be processed for screening and interview sessions.

PAMERAN KORPORAT CORPORATE EXHIBITIONS



Gambar 40 : Reruai pameran RAC dikunjungi Menteri Pengangkutan YB Loke Siew Fook dan orang ramai yang berminat untuk menyertai #teamRAC semasa Karnival Kerjaya dan Pendidikan Bagi Sektor Pengangkutan 2019

Picture 40 : Minister of Transport YB Loke Siew Fook during a visit to RAC's booth at the Career and Education Carnival for Transport Sector 2019. The booth also drew members of the public who were interested in joining #teamRAC.

iii. PAMERAN SAMBUTAN INTAN 60 TAHUN

Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) meraikan sambutan ulang tahun penubuhannya ke-60 dengan mengadakan Sambutan INTAN 60 Tahun. Majlis itu, yang bertemakan Menerajui Kecemerlangan Pembangunan Insan, disempurnakan perasmianya oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Bakar. Selaras dengan sambutan itu, INTAN menganjurkan pameran yang turut disertai RAC dari 3 hingga 5 September 2019.

iii. INTAN MARKS 60TH ANNIVERSARY IN EXHIBITION

The National Institute of Public Administration (INTAN) marked 60 years of its establishment with 'INTAN 60 Tahun' (INTAN 60 Years) celebration. Themed Menerajui Kecemerlangan Pembangunan Insan (Towards Excellence in Human Development), the event was officially opened by Chief Secretary to the Government Datuk Seri Dr Ismail Bakar. In conjunction with the celebration, INTAN organised an exhibition from 3 to 5 September 2019 which also saw the participation from RAC.



Gambar 41 : Ketua Setiausaha Negara YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Bakar mengunjungi reruai pameran RAC pada Pameran Sambutan INTAN 60 Tahun

Picture 41 : Chief Secretary to the Government YBhg. Datuk Seri Dr Ismail Bakar during a visit to RAC's exhibition booth at an exhibition to mark INTAN's 60th anniversary celebration.

iv. SAMBUTAN HARI JPJ KE-73

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia menganjurkan Sambutan Hari JPJ Ke-73 pada 15 April 2019 bertempat di tapak parkir Kementerian Pengangkutan. Majlis sambutan itu, yang dirasmikan oleh Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook, bertujuan memberi pendedahan serta perkongsian inisiatif sedia ada atau baharu oleh Kementerian, jabatan dan agensi kepada para pelawat yang hadir pada hari berkenaan. RAC selaku Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan turut mengambil bahagian dalam pameran tersebut.

iv. RTD HOLDS EXPO TO CELEBRATE 73RD DAY

The Road Transport Department Malaysia (RTD) organised an expo in conjunction with its 73rd Day Celebration on 15 April 2019 at the car park site of the Ministry of Transport. The event which was officially opened by Minister of Transport, YB Tuan Loke Siew Fook, aimed to provide exposure and insights into existing as well as new initiatives of the Ministry, departments and agencies under the Ministry to visitors. RAC as a Federal Statutory Body under the Transport Ministry also took part in the exhibition.



Gambar 42 : Reruai pameran RAC dikunjungi Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook dan orang ramai yang berminat untuk mengetahui fungsi dan peranan RAC

Picture 42 : RAC's booth saw visits from the Minister of Transport YB Tuan Loke Siew Fook and members of the public who were interested in gaining insightful information on the functions and roles of RAC

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME

i. SUMBANGAN MANGSA KEBAKARAN KUARTES KERETA API DI LENGKUK ABDULLAH

Pada 28 Januari 2019, 10 buah kuarters kakitangan Keretapi KTMB (Rumah Panjang Sri Pahang) di Lengkuik Abdullah, Bangsar musnah dalam kebakaran pada pukul 10.16 pagi. Kejadian itu memusnahkan sembilan (9) buah rumah manakala sebuah rumah lagi rosak teruk yang menyebabkan dua (2) keluarga dan 20 lagi kakitangan KTMB yang masih bujang hilang tempat tinggal.

Atas rasa prihatin terhadap mangsa yang terlibat, Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook yang diiringi Pengurus Besar RAC Encik Azhar Ahmad melawat dan mengagihkan bantuan kewangan kepada mangsa yang terlibat mengikut kaedah berikut.

- i. Keluarga : RM 1,500.00
- ii. Bujang : RM 500.00

Majlis penyerahan sumbangan itu diadakan pada 31 Januari 2019 bertempat di Sekolah Agama Al-Hidayah, Kuarters KTMB Lengkuik Abdullah, Bangsar. Pada majlis sama, Kelab Sosial dan Kebajikan Perbadanan Aset Keretapi turut menyerahkan bantuan barangan dan keperluan kepada semua kakitangan yang menjadi mangsa kebakaran itu.

i. AID FOR RAILWAY QUARTERS FIRE VICTIMS AT LENGKUK ABDULLAH

On 28 January 2019, KTMB Railway Staff Quarters (Rumah Panjang Sri Pahang) at Lengkuik Abdullah, Bangsar were destroyed in a fire that broke out at 10.16 am. Nine (9) houses were engulfed in the blaze while one house was extensively damaged. As a result of the fire, two (2) families and 20 KTMB single staff were left homeless.

In support of those who were displaced from their homes, Minister of Transport YB Loke Siew Fook, accompanied by RAC General Manager Encik Azhar Ahmad, paid a visit and handed over financial assistance to the victims. Contributions are as below:

- i. Family : RM 1,500.00
- ii. Single : RM 500.00

The handing over ceremony was held on 31 January 2019 at Sekolah Agama Al-Hidayah, KTMB Quarters Lengkuik Abdullah, Bangsar. At the event, the Railway Assets Corporation's Social and Welfare Club presented contributions in the form of foodstuff and basic necessities to all staff who were victims of the fire tragedy.



Gambar 43 : Sesi penyerahan sumbangan kepada mangsa kebakaran kuarters KTMB di Lengkuik Abdullah oleh Menteri Pengangkutan YB Tuan Loke Siew Fook dan wakil Kelab Sosial dan Kebajikan Perbadanan Aset Keretapi

Picture 43 : Presentation of contributions to fire victims of KTMB quarters at Lengkuik Abdullah by Minister of Transport YB Tuan Loke Siew Fook and representatives from RAC's Social and Welfare Club

ii. PROGRAM GOTONG ROYONG BERSAMA ADUN RAHANG

RAC turut terlibat dengan beberapa program kemasyarakatan seperti majlis penyampaian sumbangan ihsan dan gotong-royong yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) di beberapa kawasan yang terletak bersebelahan tanah kereta api yang dikawal selia oleh RAC.

ii. GOTONG ROYONG PROGRAMME WITH RAHANG ADUN

RAC is also involved in several community-based programmes such as charitable and gotong-royong events organised by the State Government and the State Assembly Representative (ADUN) at several areas located adjacent to railway land under RAC supervision.



Gambar 44 : Program gotong-royong bersama penduduk Kampung Chedang, Rasah, Negeri Sembilan anjuran ADUN Rahang, YB Puan Mary Josephine Prittam Singh.

Picture 44 : Gotong-royong programme with residents of Kampung Chedang, Rasah, Negeri Sembilan organised by Pahang ADUN, YB Puan Mary Josephine Prittam Singh.

iii. SUMBANGAN KEPADA MANGSA BANJIR KILAT STESEN KERETAPI SUNGAI GADUT

Sejumlah 118 kenderaan merangkumi 89 kereta, 28 motosikal dan 1 lori ditenggelami air sedalam tiga (3) kaki dalam satu kejadian banjir kilat di Stesen Keretapi Sungai Gadut pada 17 Oktober 2019. Tragedi itu, yang berpunca daripada limpahan Sungai Simin yang terletak bersebelahan stesen kereta api berkenaan, turut menyebabkan kerosakan eskalator di dalam kawasan stesen dan kemudahan lain.

Hujan lebat sejak pukul 3.00 petang itu turut mengakibatkan beberapa laluan di Sungai Gadut, Jalan Seremban-Tampin, Kawasan Perindustrian Ringan Senawang dan Stesen Keretapi Sungai Gadut dinaiki air sehingga paras hampir satu meter.

iii. CONTRIBUTIONS TO FLASH FLOOD VICTIMS OF SUNGAI GADUT RAILWAY STATION

A total of 118 vehicles comprising 89 cars, 28 motorcycles and 1 lorry were submerged under three (3) feet of water in a flash flood at Sungai Gadut Railway Station on 17 October 2019. The tragedy, which was caused by an overflow of Sungai Simin brought damage to the escalator in the station and other facilities.

The heavy downpour since 3.00 pm also caused several roads at Sungai Gadut, Jalan Seremban-Tampin, Senawang Light Industrial Area and Railway Station Sungai Gadut to be inundated nearly one metre deep of floodwaters.

PROGRAM TANGGUNGJAWAB SOSIAL SOCIAL RESPONSIBILITY PROGRAMME

Sehubungan itu, Mesyuarat Pasca-Kabinet Kementerian Pengangkutan yang dipengerusikan oleh Menteri Pengangkutan, YB Tuan Loke Siew Fook, memutuskan supaya pampasan diberikan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang terlibat dalam insiden tersebut dengan jumlah berikut:

A post-Cabinet Meeting of the Ministry of Transport chaired by Minister of Transport, YB Tuan Loke Siew Fook, decided that compensations should be given to owners of vehicles who were involved in the incident as below:

JUMLAH KENDERAAN NO. OF VEHICLES	PAMPASAN COMPENSATION	JUMLAH (RM) TOTAL (RM)
89 kereta <i>89 cars</i>	RM600 per kenderaan <i>RM600 per vehicle</i>	53,400.00
28 motosikal <i>28 motorcycles</i>	RM250 per kenderaan <i>RM250 per vehicle</i>	7,000.00
1 lori <i>1 lorry</i>	RM500 per kenderaan <i>RM500 per vehicle</i>	500.00

Jadual 28 : Jumlah pampasan yang diberikan kepada pemilik-pemilik kenderaan yang terlibat dalam kejadian banjir kilat di Stesen Keretapi Sungai Gadut

Table 28 : Total compensation given to vehicle owners affected by the flash floods at Sungai Gadut Railway Station

Jumlah keseluruhan pampasan adalah sebanyak RM60,900.00. Dalam hal ini, mesyuarat memutuskan supaya sumbangan bagi pemberian pampasan ini ditanggung oleh RAC, pihak Kerajaan Negeri dan KTMB.

Overall, the total compensation amounted to RM60,900.00. In this regard, the meeting decided that the compensation should be financed by RAC, State Government and KTMB.



Gambar 45: Majlis penyampaian sumbangan oleh YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun

Picture 45: Presentation of contributions by YAB Menteri Besar Negeri Sembilan Dato' Seri Haji Aminuddin bin Haji Harun

SEKSYEN 9 :
PENGURUSAN KEWANGAN
SECARA EFISIEN
SECTION 9 :
EFFICIENT FINANCIAL
MANAGEMENT



PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

PENGURUSAN KEWANGAN DAN AKAUN

Pengurusan Kewangan dan Akaun merupakan elemen yang penting dalam sesebuah organisasi bagi memastikan sumber kewangan diurus dan dikawal dengan baik serta mematuhi Arahan Perbendaharaan dan Peraturan Kewangan yang dikuatkuasakan.

Penyata Kewangan RAC disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan yang ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS). Piawaian ini bertujuan untuk meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan serta kebolehbandingan penyata kewangan ini dari semasa ke semasa berbanding dengan penyata entiti yang lain.

Sebagai sebuah Badan Berkanun Persekutuan, RAC menggunakan *Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA)* untuk menguruskan sistem perakaunan di Perbadanan ini selaras dengan arahan yang dikeluarkan Kerajaan melalui Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bil 1/2007.

Keseragaman penggunaan SAGA oleh semua Badan Berkanun Persekutuan bertujuan untuk memastikan setiap badan berkanun mematuhi prinsip akauntabiliti dalam membekalkan maklumat mengenai prestasi kewangan secara terperinci dan tepat pada masa yang ditetapkan. Pengurusan kewangan dan akaun RAC dipertanggungjawabkan dan diletakkan di bawah Bahagian Khidmat Pengurusan yang berfungsi sebagai:

- i. Perancang, penyedia, pemohon, pengawal dan penyelaras Belanjawan Mengurus terutama daripada aspek keperluan dan agihan peruntukan, pemantauan dan pengurusan perbelanjaan;
- ii. Perancang, penyedia, pemohon, pengawal dan penyelaras Belanjawan Pembangunan melalui pengesahan kerja oleh Bahagian Pembangunan Hartanah bagi projek-projek pembangunan dan menaik taraf infrastruktur pekeretapian;
- iii. Mengakaunkan hasil sewa tanah rizab, tanah hak milik, bangunan dan gudang milik RAC melalui data-data penyewaan dan kutipan hasil yang diuruskan oleh Bahagian Komersial;

FINANCIAL AND ACCOUNTS MANAGEMENT

Financial and Accounts Management is an integral element in an organisation. It is responsible for maintaining proper management and control of all financial resources as well as ensuring that all financial regulations are being adhered to in accordance with Treasury Instructions and Financial Regulations in force.

The RAC Financial Statement was prepared based on the historical cost convention and in compliance with the Malaysian Public Sector Accounting Standard (MPSAS) framework. The MPSAS, which is based on the International Public Sector Accounting Standard (IPSAS), is aimed at enhancing the relevancy and credibility of the financial statement. In addition, the financial statement should be comparable across different time periods as well as with reports of other entities.

As a Federal Statutory Body, RAC adopts the Standard Accounting System for Government Agencies (SAGA) to manage the Corporation's accounts system in line with the Public Administration Development Circular No. 1/2007.

The standard usage of the SAGA is aimed at ensuring that every statutory body complies with the principles of accountability in providing detailed and timely information on their financial performance. RAC's financial and accounts management has been entrusted to the Services Management Division which is responsible for:

- i. *Planning, preparing, applying, controlling and coordinating the Operating Budget especially in the aspects of requirement and distribution of allocation, monitoring and management of expenditure;*
- ii. *Planning, preparing, applying, controlling and coordinating the Development Budget through the confirmation of work by the Property Development Division for projects related to development and upgrading of railway infrastructure;*
- iii. *Accounting for rental revenue on reserve and titled land, buildings and warehouses owned by RAC through the rental and revenue collection data managed by the Commercial Division;*

- iv. Mengendalikan pengurusan akaun dan penyediaan penyata / laporan kewangan selaras dengan keperluan untuk tujuan kawalan dan pengesahan perbelanjaan; dan
- v. Memberikan khidmat nasihat mengenai Pengurusan Kewangan, Perolehan dan Akaun.

PENUBUHAN KUMPULAN WANG PERBADANAN ASET KERETAPI

Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (Kumpulan Wang PAK) secara rasminya ditubuhkan pada 2011 dengan kelulusan Lembaga Pengarah RAC agar urusan kewangan RAC dikenali dengan satu Kumpulan Wang.

Penubuhan Kumpulan Wang RAC adalah selaras dengan Seksyen 98 (1) Akta Keretapi 1991 "Bagi maksud-maksud Bahagian ini, maka hendaklah ditubuhkan Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi (kemudian daripada ini disebut "Kumpulan Wang").

Mengikut Seksyen 98 (2) Akta Keretapi 1991, Kumpulan Wang terdiri daripada:

- a) "apa-apa jumlah wang yang diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan dari semasa ke semasa bagi maksud-maksud Perbadanan di bawah bahagian ini;
- b) apa-apa jumlah wang yang disediakan dari semasa ke semasa bagi Perbadanan melalui pinjaman; dan
- c) wang yang didapatkan atau berbangkit daripada apa-apa jualan harta atau apa-apa urusan niaga lain yang berhubungan dengan harta atau pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Perbadanan."

Seksyen 98 (3) Akta Keretapi 1991 pula menjelaskan perbelanjaan yang dibenarkan:

"Kumpulan Wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud-maksud membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan dengan sah oleh Perbadanan bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan bahagian ini, dan saran bagi pegawai-pegawai dan perkhidmat-perkhidmat yang dilantik dan diambil bekerja oleh Perbadanan, termasuk elaun persaraan, pencen atau ganjaran".

- iv. *Handling accounts management and preparation of financial statement/report for purposes of controlling and verifying expenditures; and*
- v. *Providing advisory services on Financial, Procurement and Accounts Management.*

ESTABLISHMENT OF RAILWAY ASSETS CORPORATION FUND

The Railway Assets Corporation Fund (RAC Fund) was officially established in 2011 with approval from the RAC Board of Directors to allow the RAC's financial operations to be referred to as a Fund.

The establishment of the RAC Fund is in accordance with Section 98 (1) of the Railways Act 1991 which stated that "For the purposes of this Part, there shall be established a Railway Assets Corporation Fund (hereinafter referred to as 'the Fund')."

According to Section 98 (2) of the Railways Act 1991, the Fund shall consist of:

- a) *"such sums as may be provided by the Federal Government from time to time for the purposes of the Corporation under this Part;*
- b) *such sums as may be made available from time to time to the Corporation by way of loans; and*
- c) *moneys earned or arising from any sale of property or any other transaction relating to property or investments, mortgages, charges or debentures acquired by or vested in the Corporation."*

Section 98 (3) of the Railways Act 1991 clearly stated that "the Fund shall be expended for the purposes of paying any expenditure lawfully incurred by the Corporation for carrying into effect the provisions of this Part and the remuneration of officers and servants appointed and employed by the Corporation, including superannuation allowances, pensions or gratuities."

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN
EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

ANALISIS PRESTASI KEWANGAN


i) SUMBER HASIL RAC

Hasil pendapatan RAC dikategorikan seperti berikut:

FINANCIAL PERFORMANCE ANALYSIS

i) RAC'S SOURCE OF REVENUE


RAC's source of revenue is categorised as below:



Rajah 36 : Kategori hasil RAC
Diagram 36: RAC's revenue categories

Pada 2019, Perbadanan ini mencatatkan penurunan ketara bagi jumlah hasil keseluruhan kepada RM57.25 juta berbanding RM123.17 juta yang direkodkan pada 2018. Berikut adalah graf yang menunjukkan jumlah hasil yang diterima oleh RAC dari 2012 hingga 2019.


In 2019, the Corporation registered a significant drop in overall revenue to RM57.25 million from RM123.17 million in 2018. The diagram below shows the total revenue received by the Corporation from 2012 to 2019:



Graf 14 : Hasil pendapatan keseluruhan RAC bagi tahun 2012 – 2019
Graph 14: RAC's overall revenue for the period 2012 - 2019

Antara faktor sebab utama penurunan hasil ini adalah disebabkan tiada keuntungan atas pelepasan tanah bagi Projek Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) yang dicatatkan pada tahun semasa. Namun begitu pada 2019, RAC telah memeterai perjanjian bagi pembangunan beberapa tanah berpotensi termasuk Lot 151 Pudu dengan anggaran pulangan RM182.6 juta dan pajakan 30 tahun oleh Majuyaya Hebat Sdn Bhd bagi pengubahsuaian dan pengoperasian semula Hotel Grand Majestic di Stesen Keretapi Ipoh yang bakal menyumbang kepada kestabilan sumber kewangan RAC pada masa akan datang. Seterusnya graf di bawah menunjukkan jumlah hasil mengikut kategori pada 2019.

One of the factors contributing to the revenue decline was that no profit was generated from the disposal of land for Transit Oriented Development (TOD) projects during the current year. However in 2019, RAC signed an agreement for the development of several potential land including Lot 151 Pudu with expected returns of RM182.6 million and a 30-year lease agreement with Majuyaya Hebat Sdn Bhd for the refurbishment and reoperation of Grand Majestic Hotel at Ipoh Railway Station which was expected to contribute to RAC's future financial stability. The diagram below shows RAC's revenue by category in 2019:



Graf 15 : Jumlah hasil yang diperolehi bagi setiap kategori hasil dan sub kategori hasil pada 2019

Graph 15: Total revenue received for each category and sub category in 2019

a) Sewaan Tanah dan Tumpang Lalu

Selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 89 (1) Akta Keretapi 1991, peranan RAC sebagai pemilik kepada aset-aset kereta api telah diperkukuhkan dengan meletakkan pengurusan sewaan tanah, bangunan termasuk kios (di dalam kawasan stesen), tempat letak kereta dan tumpang lalu di bawah tanggungjawab RAC sepenuhnya. Bagi memastikan penjanaan hasil yang berterusan untuk RAC, tanah-tanah yang terletak di lokasi strategik dan bangunan yang dalam keadaan kondusif akan disewakan kepada badan korporat, syarikat-syarikat atau individu-individu yang berminat, bergantung kepada kekosongan dan kesesuaian lokasi.

a) Land Rental and Wayleave

In accordance with the provisions of Section 89 (1) of the Railways Act 1991, RAC's role as railway assets owner is reinforced when it was entrusted with full responsibility for the rental of railway land, buildings including kios (inside train stations), car parks and wayleave services.

In a bid to generate continuous revenue for RAC, strategically sited land and conductively located buildings will be rented out to interested corporate bodies, companies or individuals, depending on site availability and suitability.

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

Hasil sewaan, yang dikenali juga sebagai hasil langsung, merupakan pendapatan sewaan atau pajakan ke atas tanah kereta api sama ada berstatus hak milik dan rizab. Selain sewaan tanah, hasil sewaan juga diperolehi daripada aset-aset yang berada di atas tanah milik RAC seperti bangunan, kuarters, premis perniagaan dan sebagainya. Selain itu, aktiviti tumpang lalu juga merupakan sebahagian daripada sumber hasil kepada RAC. Hasil sewaan dan tumpang lalu yang direkodkan oleh RAC adalah sewaan atau tumpang lalu yang perjanjiannya telah dimeterai oleh RAC dengan para penyewa. Pengiklanan pula merupakan sumber hasil sewaan yang kini menjadi fokus RAC dalam usaha Perbadanan ini mempelbagaikan sumber pendapatannya.

Berikut adalah jadual perbandingan hasil sewaan tanah (berstatus hak milik dan rizab), tumpang lalu dan pengiklanan pada 2019 dan 2018 mengikut peratus kenaikan dan penurunan.

Hasil Sewaan / Hasil Tumpang Lalu <i>Rental / Wayleave/Advertising Revenue</i>	(RM) Tahun 2019 <i>Year 2019</i>	(RM) Tahun 2018 <i>Year 2018</i>	Peratus kenaikan/ (penurunan) <i>Percentage increase/ (decrease)</i>
Tanah Hak Milik <i>Titled Land</i>	3,151,417	3,091,209	2%
Tanah Rizab <i>Reserve Land</i>	18,095,067	13,438,169	35%
Tumpang Lalu <i>Wayleave</i>	22,404,020	5,760,422	289%
Pengiklanan <i>Advertising</i>	156,810	0	-
JUMLAH TOTAL	43,807,312	22,289,800	97%


Jadual 29 : Perbandingan hasil sewaan tanah, tumpang lalu dan pengiklanan pada 2019 dan 2018 dan peratusan kenaikan dan penurunan.

Table 29: Revenue from rental of land, wayleave and advertising in 2019 and 2018 by comparison based on percentage increase and decrease.

Rental revenue, which is also known as direct revenue, is income derived from rental or leasing of railway land either titled or reserve land. It is also generated from assets on land owned by RAC such as buildings, workers' quarters, business premises, etc. In addition, wayleave activities also contributed to RAC's revenue. Revenue recorded and collected by RAC from rental and wayleave is based on the respective agreements inked between the Corporation and the tenants. RAC is now focusing on rental of advertising space for revenue generation in line with efforts to diversify its income streams.

The table below shows revenue received from rental of land (titled and reserve), wayleave and advertising in 2019 and 2018 by comparison based on percentage increase and decrease.

PERBANDINGAN JUMLAH HASIL LANGSUNG YANG DITERIMA RAC PADA 2012-2019
DIRECT REVENUE RECEIVED BY RAC BY COMPARISON IN 2012-2019



(Nota : Tiada perbandingan dibuat ke atas pengiklanan disebabkan tiada pendapatan diperolehi pada 2018)
 (Note: No comparison is given for advertising as no income was received in 2018.)

Graf 16 : Perbandingan hasil yang disumbang oleh sewaan tanah hak milik, rizab dan tumpang lalu dari 2012 hingga 2019

Graph 16: Revenue generated from rental of titled land, reserve land and wayleave from 2012 to 2019

Mengikut jadual dan graf di atas, hasil daripada aktiviti tumpang lalu menunjukkan prestasi yang memberangsangkan pada 2019 apabila jumlah hasil yang dicatatkan meningkat kepada RM22.40 juta dengan peratus peningkatan sebanyak 289 peratus berbanding RM5.76 juta yang dicatatkan pada 2018. Peningkatan ini didorong oleh pemeteraian tawaran perjanjian dengan beberapa syarikat berkaitan kerajaan dan swasta termasuk Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Aset Air Berhad, Sewerage Services Department, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), CELCOM, SGP Industry Building System Sdn Bhd, Amona-Murni Lapisan JV dan Central Spectrum (M) Sdn Bhd. Graf 16 juga menunjukkan penjanaan hasil melalui aktiviti tumpang lalu mencatatkan peningkatan setiap tahun mulai 2012.

Bagi hasil penyewaan tanah pada 2019, hasil sewaan tanah berstatus hak milik dan tanah rizab masing-masing menunjukkan peningkatan 2 peratus dan 35 peratus berbanding pada 2018. Sementara itu, tiada perbandingan peratusan dapat dibuat ke atas pengiklanan disebabkan tiada pendapatan daripada sumber itu dicatatkan pada 2018.

Based on the table and diagram below, total revenue from wayleave activities surged 289 percent to RM22.40 million in 2019 from RM5.76 million in 2018. The impressive performance was boosted by the signing of an offer agreement with several government linked companies and the private sector including Tenaga Nasional Berhad (TNB), Pengurusan Aset Air Berhad, Sewerage Services Department, Kuala Lumpur City Hall (DBKL), CELCOM, SGP Industry Building System Sdn Bhd, Amona-Murni Lapisan JV and Central Spectrum (M) Sdn Bhd. Revenue generated from wayleave activities saw yearly increases since 2012.

As for land rental revenue in 2019, both titled and reserve land registered revenue increases of 2 percent and 35 percent respectively from 2018. Meanwhile, no comparison by percentage is given for advertising as no income was received in 2018.

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

b) Pendapatan lain

Komponen utama bagi pendapatan lain bagi RAC adalah hasil daripada faedah tunai dan kesetaraan tunai Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi iaitu berdasarkan baki akaun semasa dan simpanan tetap. Pelaburan yang dilaksanakan oleh RAC adalah dalam bentuk simpanan tetap yang tidak berisiko dengan jaminan pulangan tetap. Selain itu, pendapatan lain turut disumbangkan oleh komponen terimaan seperti hasil jualan bahan-bahan lusuh seperti besi rel dan kayu-kayu landasan yang diperoleh daripada aktiviti pembongkaran landasan lama dan aktiviti perobohan kuarters, jualan borang tender, sebut harga dan jualan salinan pelan.

Selain itu, RAC turut melaksanakan simpanan deposit tetap bagi dana sedia ada dengan pulangan keuntungan berdasarkan faedah pada kadar 3.90 peratus hingga 4.50 peratus. Kedudukan dana ini adalah berdasarkan keperluan aliran tunai pada satu-satu tempoh masa. Faktor kestabilan ekonomi mempengaruhi pihak institusi kewangan untuk menawarkan pulangan bagi menjamin simpanan prinsipal pendeposit. RAC memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan hasil utama RAC dan tidak bergantung sepenuhnya kepada lain-lain pendapatan terutamanya faedah simpanan tetap sebagai pendapatan utama.

c) Pelunasan Geran

Pelunasan geran merupakan Geran Kerajaan Persekutuan yang direkodkan oleh RAC bagi projek-projek pembangunan kereta api yang dipermodalkan atau dikategorikan sebagai perbelanjaan penyelenggaraan infrastruktur. Pelunasan geran dilaksanakan selaras dengan piawaian yang digariskan dalam MPSAS 23, perenggan 117 di mana pelunasan geran bagi aset tetap dilunaskan mengikut hayat aset manakala bagi penyelenggaraan infrastruktur, ia dilunaskan apabila kerja-kerja penyelenggaraan dikira sebagai belanja.

Pada 2019, RAC merekodkan pelunasan geran berjumlah RM193.921 juta termasuk depot Kempas Baru di Johor, pembekalan 16 unit *New Turnout* dan pembekalan *Auto Fare Collection System* bagi perkhidmatan komuter KTMB, pembayaran balik geran Projek Skypark, pembinaan Stesen Keretapi Bahau, pelaksanaan Projek *Park and Ride* Klang dan pelaksanaan Projek *Park Drop Zone* Batu Tiga.

b) Other income

The main components of RAC's other income are from cash or cash equivalents and dividends from the remaining balance of RAC Fund's current accounts and fixed deposits. The Corporation invested in non-risk fixed deposits with guaranteed fixed returns. Other income includes receipts from the sale of scrap materials such as metal and wooden sleepers generated from the disposal of used rail infrastructure, demolition of quarters, sales of tender forms, quotation and sales of copies of plan.

Apart from that, RAC's fixed deposit placements offer returns of between 3.90 percent and 4.50 percent. The fund is based on cash flow needs at a given period of time. Economic stability also influences financial institutions to offer returns with guarantees on the principal amount for its depositors. RAC remains focused on improving its main revenue and is not fully dependent on other sources especially on dividends from its fixed deposits as the key source of generating income.

c) Amortisation of Grant

Amortisation of grant is Federal Government Grants recorded by RAC for railway development projects that have been capitalised or categorised as infrastructure maintenance expenditure. The amortisation of the grant is implemented in accordance with the standards outlined in MPSAS 23 paragraph 117 wherein the grant for fixed assets is amortised over the life of the assets while the grant for infrastructure maintenance is amortised when maintenance works are calculated as expenses.


In 2019, RAC recorded a total of RM193.921 million in the amortisation of grants which included Kempas Baru depot in Johor, supply of 16 New Turnout units, supply of Auto Fare Collection System for KTMB commuter service, repayment of grant for Skypark Project, construction of Bahau Railway Station, implementation of Park and Ride Klang project and implementation of Park Drop Zone Batu Tiga project.

ii) PERBELANJAAN

Perbelanjaan di RAC dikategorikan seperti berikut:

ii) EXPENDITURE

RAC's expenditure is categorised as below:




Rajah 37 : Kategori perbelanjaan di RAC
Diagram 37: Categories of expenses at RAC

a) Perbelanjaan Pentadbiran

a) Administrative Expenditure

JUMLAH PERBELANJAAN PENTADBIRAN DARI 2012-2019
OPERATING EXPENDITURE FROM 2012-2019



Graf 17 : Jumlah perbelanjaan di RAC dari 2012 hingga 2019
Graph 17: RAC's total expenditure from 2012 to 2019

Mulai 2015, RAC tidak lagi menerima peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan bagi menjalankan operasi di Perbadanan ini dan RAC menggunakan sepenuh peruntukan daripada Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung perbelanjaan pentadbiran dan pengurusan serta perbelanjaan pembangunan. Pada tahun semasa, sejumlah RM63.744 juta diperuntukkan bagi menampung perbelanjaan mengurus dan pembangunan RAC. Daripada jumlah tersebut, Perbadanan ini membelanjakan secara keseluruhan 87 peratus daripada peruntukan yang disediakan dengan nilai sebanyak RM55.579 juta.

Since 2015, RAC no longer receives allocation from the Federal Government and has fully utilised the Railway Assets Corporation Fund to cover its administrative, operating and development expenditures. During the current year, a total of RM63.744 million was allocated for RAC's operating and development expenditures. Of the total, the Corporation spent an overall 87 percent of the allocation provided for totalling RM55.579 million.

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT



Menyedari hakikat bahawa kesemua perbelanjaan di RAC adalah menggunakan sumber peruntukan sendiri, sebahagian besar peruntukan yang dibelanjakan di bawah tajuk ini adalah untuk pembayaran emolumen, elaun tetap serta perkhidmatan dan bekalan untuk kegunaan RAC.



Cognisant of the fact that all RAC's expenditures were utilised from its own funds, the Corporation ensured that the bulk of its spending was channelled towards payments of emoluments, fixed allowances as well as for services and supplies for RAC's use.

Perbelanjaan keseluruhan pada 2019 meningkat sebanyak 57 peratus berbanding pada 2018. Kenaikan ini berpunca daripada tanggungan 20 peratus oleh RAC bagi diskaun perkhidmatan Komuter yang disalurkan kepada KTMB. Ini adalah selaras dengan keputusan Mesyuarat Tindakan Kos Sara Hidup Negara pada 20 Februari 2019 yang bersetuju dengan inisiatif itu bagi meringankan kos sara hidup pengguna. Pelaksanaan diskaun 20 peratus tambang perkhidmatan KTM Komuter itu bermula pada 1 April 2019.

Overall expenditure in 2019 increased 57 percent from 2018. The higher expenditure was attributable to the 20 percent discount on fares for KTM Komuter service which took effect on 1 April 2019. The discount was expected to reduce Keretapi Tanah Melayu Bhd (KTMB)'s revenue with the difference to be borne by RAC. This was in line with the decision made at the National Cost of Living Action Council meeting on 20 February 2019 which agreed with the initiative to ease the commuter users' cost of living.

Selain itu, RAC juga memulangkan semula semua peruntukan Projek Skypark yang berada dalam simpanan RAC berjumlah RM142.750 juta dengan melaksanakan beberapa siri pembayaran bagi projek berkaitan pengangkutan iaitu bayaran kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Projek ISBSF, Program Insentif Pas Perjalanan Tanpa Had (My50/ My100) dan Automated Enforcement System (AES) / Automated Awareness Safety. RAC juga membelanjakan sejumlah RM27.167 juta bagi menampung baki keperluan dengan menggunakan peruntukan dalaman hasil daripada faedah simpanan tetap yang dijana sepanjang tempoh 2013 hingga 2018.

During the year, RAC returned the entire allocation for the Skypark Project totalling RM142.750 million from the Corporation's coffers by executing a series of payments for transportation related projects including payments to the Land Public Transport Commission (SPAD), ISBSF Project, the Unlimited Travel Pass Incentive (My50/ My100) Programme and Automated Enforcement System (AES) / Automated Awareness Safety. RAC also spent a total of RM27.167 million for other expenses by utilising revenue earned from its fixed deposits during the period 2013 to 2018.

Selain itu, perbelanjaan pentadbiran di RAC turut melibatkan perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan projek seperti pembinaan kuarters di Klang, kos penyelenggaraan bagi Park Way Drop Zone Batu Tiga, Projek Jejantas KVDT Kajang dan Jalan Templer.

In addition, RAC's administrative expenditure also covered services related to project management such as construction of quarters in Klang, maintenance costs for PDZ Batu Tiga and KVDT Overhead Bridge projects in Kajang and Jalan Templer.

b) Perbelanjaan Pengurusan Aset


Seperti mana perbelanjaan pentadbiran, Perbadanan ini turut menggunakan peruntukan daripada Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi bagi menampung sepenuhnya semua perbelanjaan berkaitan pengurusan aset. Perbelanjaan di bawah tajuk ini merangkumi perbelanjaan bagi tujuan pembayaran cukai tanah, cukai taksiran, bayaran bagi penilaian aset serta perbelanjaan penyelenggaraan dan pengurusan

b) Asset Management Expenditure

Just like the administrative expenditure, the Corporation also utilises the allocation from the Railway Assets Corporation Fund to fully cover all expenses related to asset management. The expenditure under this topic is for purposes of payment of land tax, assessment tax, evaluation fee as well as the costs for maintenance and management of other assets such as land clearing and minor maintenance work. These are being carried out in line with RAC's aspiration

aset yang lain seperti pembersihan kawasan dan penyelenggaraan kecil. Ia dilaksanakan selaras dengan usaha dan hasrat RAC bagi memastikan bahawa aset (terutamanya tanah) diselenggara dengan baik dan efektif bagi mengelak pencerobohan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab. Selain itu, perbelanjaan pengurusan aset adalah termasuk perbelanjaan bagi peruntukan hutang ragu. Peruntukan rosot nilai penghutang adalah selaras dengan MPSAS 26 bagi penghutang sewaan yang dikenal pasti pada kadar empat (4) peratus pada baki akhir penghutang pada 31 Disember setiap tahun. Merujuk kepada graf 18 pada 2019, jumlah perbelanjaan pengurusan aset di RAC mencatat penurunan sebanyak 14.9 peratus dengan jumlah belanja sebanyak RM7.49 juta berbanding RM8.80 juta pada 2018. Pembayaran pada 2019 merangkumi cukai yang berjumlah RM5.017 juta dan penyelenggaraan tanah kereta api berjumlah RM1.281 juta.

in ensuring that its assets (especially land) are well and effectively maintained to avoid intrusion by irresponsible parties. In addition, the asset management expenditure provided for doubtful debt expenses. The provision for diminution in value of doubtful debt is in accordance with MPSAS 26 of the identifiable rental receivables and at the rate of four (4) percent of the final balance of RAC's debtors on 31 December of each year. Referring to Graph 18, RAC's total asset management expenditure recorded a 14.9 percent reduction in 2019, bringing the total expenses to RM7.49 million compared to RM8.80 million in 2018. Expenses in 2019 were for tax payment totalling RM5.017 million and maintenance of railway land totalling RM1.281 million.



Graf 18.: Jumlah perbelanjaan pengurusan aset di RAC dari 2012 hingga 2019
Graph 18: Total asset management expenditure at RAC from 2012 to 2019

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

ANALISIS KEDUDUKAN KEWANGAN


i. ASET DAN LIABILITI SEMASA RAC

Berdasarkan Penyata Kewangan RAC yang berakhir 31 Disember 2019, aset semasa RAC adalah melebihi liabiliti semasa dengan jumlah perbezaan sebanyak RM15.328 bilion dan nisbah semasa bagi aset dan liabiliti adalah 1.17 nisbah 1. Jumlah ini menunjukkan kemampuan kewangan RAC untuk kekal relevan dan terus melestarikan industri rel di negara ini.

FINANCIAL POSITION ANALYSIS

i. RAC'S CURRENT ASSETS AND LIABILITIES

According to RAC's Financial Statement year ended 31 December 2019, RAC's current assets exceeded its current liabilities with a total difference of RM15.328 billion and the current ratio of assets and liabilities is 1.17 to 1. This amount reflects RAC's solid financial position and its ability to remain relevant and ensuring the sustainability of the nation's railway industry.



Graf 19.: Nisbah aset semasa dan liabiliti RAC dari 2012 hingga 2019
Graph 19: RAC's ratio of current assets and liabilities from 2012 to 2019

ii. ASET BUKAN SEMASA RAC

RAC merupakan *caretaker* dan pemilik bagi semua aset kereta api seperti mana yang dinyatakan dalam Akta Keretapi 1991, Seksyen 89. Pada 2019, sejumlah RM178.348 juta pertambahan aset direkodkan dengan sejumlah RM133.462 juta adalah permodalan aset tetap bagi projek pembangunan KTMB, yang antaranya:

- i. Depot Penyelenggaraan Stor Kereta di Kempas Baru, Johor;
- ii. *On Track Machinery* dan *Trolley At East Coast Line*;
- iii. 16 Set New Turnout; dan
- iv. *Automatic Fare Collection (AFC) System for KTMB Commuter System*

Permodalan aset RAC pada 2019 adalah berjumlah RM44.885 juta meliputi kuarters di Klang, projek *Parkway Drop Zone* di Klang, Batu Tiga dan Dato'

ii. RAC'S NON-CURRENT ASSETS

RAC is the *caretaker* and owner of all railway assets as stated in Section 89 of the Railways Act 1991. In 2019, a total of RM178.348 million worth of asset additions was recorded and RM133.462 million for capitalisation of fixed assets for KTMB development projects which include:

- i. *Maintenance of rolling stock maintenance depot at Kempas Baru, Johor;*
- ii. *On Track Machinery and Trolley At East Coast Line;*
- iii. *16 New Turnout Sets; and*
- iv. *Automatic Fare Collection (Afc) System For KTMB Commuter System*

RAC's asset capitalisation in 2019 is worth RM44.885 million involving quaters in Klang, *Parkway Drop Zone Klang, Batu Tiga and Dato Harun* projects as well as installation of railway

Harun serta pemasangan pagar KVDT Klang. RAC juga melaksanakan pembelian dua (2) unit push cart sebagai *pilot project* bagi tujuan penyewaan di ruang legar stesen.

Kerja-kerja yang dalam pelaksanaan terdiri daripada dua (2) projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC serta yang dilaksanakan oleh KTMB dan dibiayai oleh Kerajaan. Pertambahan sejumlah RM2.092 bilion direkodkan bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh KTMB manakala RM10.318 juta bagi projek pembangunan yang dilaksanakan oleh RAC.

gates at Klang Valley Double Tracking (KVDT) project area in Klang. RAC also purchased two (2) push carts as a pilot project for rental purposes at the railway stations' lobby.

Current work in progress consists of two (2) development projects, one of which is implemented and funded by RAC while the other is implemented by KTMB and funded by the Government. An additional RM2.092 billion is recorded for development projects undertaken by KTMB and RM10.318 million for development projects undertaken by RAC.



Graf 20: Jumlah aset bukan semasa yang dimiliki RAC dari 2012 hingga 2019
Graph 20: Non current assets owned by RAC from 2012 to 2019

PEMBAYARAN BALIK HUTANG

Pinjaman Kerajaan Persekutuan (secara terus), Pinjaman Yang Dipinjamkan Semula dan Pinjaman Komersial diambil alih oleh RAC daripada pentadbiran KTM pada tarikh yang sama KTMB diwujudkan iaitu pada Julai 1991. Selain mewarisi kesemua aset-aset kereta api setelah pembubaran pentadbiran KTM, Perbadanan ini juga mengambil alih kesemua liabiliti dan hutang-hutang ketika itu yang dianggarkan berjumlah RM1.763 bilion.

REPAYMENT OF DEBTS

Federal Government Direct Loans, Relending Loans and Commercial Loans have been taken over by RAC from KTM administration the same day KTMB was established in July 1991. Apart from inheriting all of the railway assets after the dissolution of the KTM administration, the Corporation also assumed all liabilities and debts, which were then estimated at RM1.763 billion.

PENGURUSAN KEWANGAN SECARA EFISIEN EFFICIENT FINANCIAL MANAGEMENT

Pada 31 Disember 2007, RAC selesai membayar sebahagian daripada liabiliti berkenaan. Seterusnya, Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) meluluskan permohonan untuk menghapus kira pinjaman Kerajaan Persekutuan bagi Pinjaman Disusun Semula berjumlah RM651.057 juta. Sehubungan itu, tanggungan hutang RAC secara keseluruhannya pada 2019 adalah berjumlah RM424.345 juta. RAC juga membuat pembayaran berjumlah RM2.3 juta daripada dana Kumpulan Wang Perbadanan Aset Keretapi dan jumlah baki semasa ini adalah berdasarkan jadual seperti berikut:

On 31 December 2007, RAC settled payment for part of the liabilities. Subsequently, the Ministry of Finance (MOF) approved the write-off application for Federal Government loans for a Restructured Loan of RM651.057 million. To this end, RAC's total debt in 2019 amounted to RM424.345 million. RAC also made payments totalling RM2.3 million from the Railway Assets Corporation Fund with the current balance shown in the table below:

JENIS HUTANG TYPES OF DEBT	JUMLAH DIAMBIL ALIH (1992) AMOUNT TAKEN OVER (1992) (RM)	BAKI PADA 31/12/2019 BALANCE AS AT 31/12/2019 (RM'000)
Kerajaan <i>Government</i>	1,179,786,127	0
Komersial <i>Commercial</i>	30,101,631	0
UK Malaysia Aid <i>UK Malaysia Aid</i>	58,498,000	46,583
Pinjaman Yang Dipinjamkan Semula <i>Relending Loan</i>	554,021,881	377,762
JUMLAH TOTAL	1,763,909,639	424,345

Jadual 30 : Baki hutang Pinjaman Kerajaan pada 2019
Table 30: Balance of Unpaid Government Loans in 2019

Secara dasarnya, berdasarkan jadual di atas, hutang yang telah diambil alih daripada Pentadbiran KTM dibahagikan kepada tiga (3) jenis iaitu :-

i. Pinjaman Komersial

Pada asalnya, RAC mengambil alih empat (4) jenis hutang komersial daripada Pentadbiran KTM, yang telah dibayar sepenuhnya pada 2006, terdiri daripada:

- Bank Dunia berjumlah RM6,977,680 (telah habis diayar pada 1996);
- UMBC berjumlah RM2,500,000 (telah habis dibayar pada 1997);
- Kredit Pembekal Ganz Mavang bernilai RM5,439,501 (telah habis dibayar pada 2001); dan
- RHB Bank (dahulunya Kwong Yik Bank) berjumlah RM15.184,450 (telah habis dibayar pada 2006).

Basically (based on the table above), loans which had been taken over by RAC from the KTM Administration can be divided into three (3) types:-

i. Commercial Loans

Originally, RAC took over four (4) types of commercial loans from KTM Administration which had been fully settled in 2006 namely from:

- a) World Bank for a total of RM6,977,680 (fully settled in 1996);*
- b) UMBC for a total of RM2,500,000 (fully settled in 1997);*
- c) Ganz Mavang Supply Credit for a total of RM5,439,501 (fully settled in 2001); and*
- d) RHB Bank (formerly Kwong Yik Bank) for a total of RM15,184,450 (fully settled in 2006).*

ii. Pinjaman Kerajaan Persekutuan Secara Terus

Pinjaman ini adalah pinjaman yang diterima secara terus daripada Kerajaan Persekutuan kepada Pentadbiran KTM. Pada asalnya, RAC mengambil alih 76 pinjaman Kerajaan Persekutuan secara terus berjumlah RM1,249,830,478.71. Pada 1996, Perbendaharaan menyusun semula 75 daripada 76 pinjaman ini (kecuali UK Malaysia Aid) kepada satu pinjaman yang baharu di mana jumlah pokok 75 pinjaman sebanyak RM1,221,827,567.15 menjadi satu pinjaman baharu berjumlah RM1,508,116,279.54 dengan kadar faedah 0 peratus. Pinjaman ini perlu dibayar balik dalam tempoh 19 tahun dengan peruntukan disediakan oleh Kerajaan.

iii. Pinjaman Dari Luar Yang Dipinjamkan Semula Oleh Kerajaan Persekutuan

Mengikut perjanjian ini, Pentadbiran KTM perlu membayar bayar balik apa sahaja yang dibayar oleh Kerajaan kepada pemberi pinjaman termasuk faedah, kawat dan tukaran mata wang asing. Pinjaman ini merupakan pinjaman yang diperolehi Kerajaan dari luar negara khusus untuk sesuatu projek dan ia dipinjamkan semula kepada Pentadbiran KTM dengan cara *back to back*. Pada masa ini, terdapat tujuh (7) pinjaman jenis ini yang dikenal pasti iaitu:

- a) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Jepun
- b) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Jepun
- c) Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Jepun
- d) Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Jepun
- e) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 juta, Republik Jerman (RS7266026) - Selesai pembayaran pada 2006.
- f) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 juta, Republik Jerman (RS7665029) - Selesai pembayaran pada 2006.
- g) Ssang Yong, Korea - Selesai pembayaran pada 2003.

ii. Direct Loans from the Federal Government

The loans were received directly from the Federal Government by the KTM Administration. Initially, the RAC took over 76 direct loans from the Federal Government amounting to RM1,249,830,478.71. In 1996, the Treasury restructured 75 out of the 76 loans (except UK Malaysia Aid) to a new loan where the total amount of the 75 loans worth RM1,221,827,567.15 became a new amount of RM1,508,116,279.54 with 0 percent interest rate. The new loan must be settled within a period of 19 years using the allocation from the Government.

iii. Relending Loan (External Loans Reallocated by Federal Government)

According to this agreement, the KTM Administration has to reimburse any amount paid by the Government to the lenders, including interests, telegraphic and foreign exchange. These loans, obtained by the Government from foreign sources, were meant for specific projects and reallocated to the KTM Administration on "back to back" basis. At present, seven (7) of such loans have been identified, namely:

- a) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 1, Japan
- b) Overseas Economic Corporation Fund-MVIII - 3, Japan
- c) Overseas Economic Corporation Fund-MX - 4, Japan
- d) Overseas Economic Corporation Fund-MX1 - 2, Japan
- e) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 6 million, German Republic (RS7266026) - Fully settled in 2006.
- f) Kreditanstalt Fur Wiederaufban - 4 million, German Republic (RS7665029) - Fully settled in 2006.
- g) Ssang Yong, Korea - Fully settled in 2003.



**SEKSYEN 10 :
LAPORAN KETUA AUDIT
NEGARA MENGENAI PENYATA
KEWANGAN PERBADANAN
ASET KERETAPI BAGI TAHUN
BERAKHIR
31 DISEMBER 2019**

***SECTION 10 : AUDITOR-
GENERAL'S REPORT ON RAC'S
FINANCIAL STATEMENT
FOR THE YEAR ENDED 31
DECEMBER 2019***





**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 26, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Perbadanan Aset Keretapi pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keretapi 1991 (Akta 463).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Perbadanan Aset Keretapi dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Anggota Perbadanan Aset Keretapi bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Anggota Perbadanan Terhadap Penyata Kewangan

Anggota Perbadanan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawai Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Keretapi 1991 (Akta 463). Anggota Perbadanan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi, Anggota Perbadanan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Perbadanan Aset Keretapi untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Menenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas

kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Perbadanan Aset Keretapi.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Anggota Perbadanan.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Anggota Perbadanan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Perbadanan Aset Keretapi sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Perbadanan Aset Keretapi memberi gambaran yang saksama.


Saya telah berkomunikasi dengan Anggota Perbadanan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan, termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

- a. Saya ingin menarik perhatian terhadap perkara berikut:
 - i. Perbadanan Aset Keretapi perlu memastikan rekod/daftar Kerja Dalam Pelaksanaan bersesuaian, dikemas kini serta komunikasi dengan Agensi Pelaksana dan Agensi Pembayar perlu dilaksanakan bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.
 - ii. Perbadanan Aset Keretapi perlu memastikan penyelenggaraan dan pengemaskinian rekod mengenai Hartanah, Loji dan Peralatan dilaksanakan terutamanya aset tanah. Rekod senarai tanah milikan bebas, tanah rizab serta tanah pajakan perlu diselenggara dengan tepat dan kemas kini selari dengan

rekod kewangan bagi memastikan pelaporan Hartanah, Loji dan Peralatan adalah tepat dan betul.

- iii. Perbadanan Aset Keretapi hendaklah memastikan penyelenggaraan dan pengemaskinian rekod penghutang dilaksanakan terutamanya peruntukan rosot nilai. Rekod penghutang perlu diselenggara dengan tepat dan kemas kini selari dengan rekod kewangan bagi memastikan penyediaan penyata kewangan adalah tepat dan betul.
- b. Sijil ini dibuat untuk Anggota Perbadanan berdasarkan Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(SWAIBATUL ASLAMAH BINTI HAJI HUSAIN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA



PUTRAJAYA

30 NOVEMBER 2020


PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG ANGGOTA PERBADANAN
PERBADANAN ASET KERETAPI

Kami, DATUK ISHAM BIN ISHAK dan BAILILLEH BIN GHAZALI yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Anggota Perbadanan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Perbadanan, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PERBADANAN ASET KERETAPI pada 31 DISEMBER 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota Perbadanan,

Bagi pihak Anggota Perbadanan,



NAMA : DATUK ISHAM BIN ISHAK

GELARAN : PENERUSI

TARIKH : 23 Nov 2020

TEMPAT : KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA
ARAS 9, NO. 26, JALAN TUN HUSSEIN
PRESINT 4
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62100 PUTRAJAYA



NAMA : BAILILLEH BIN GHAZALI

GELARAN : AHLI

TARIKH : 20 Nov 2020

TEMPAT : KEMENTERIAN HAL EHWAL
EKONOMI
BAHAGIAN KESELAMATAN &
KETENTERAMAN AWAM
KOMPLEKS JABATAN PERDANA
MENTERI
BLOK B5 & B6,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN
PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
PERBADANAN ASET KERETAPI**

Saya, ADAM BIN ABU HANIPAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan PERBADANAN ASET KERETAPI dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Aset Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **KUALA LUMPUR**)
pada **2 0 NOV 2020**)



Di hadapan saya,



Lot 1.14, Tingkat Bawah,
Bangunan Medan Mara,
50350 Jalan Raja Laut
Kuala Lumpur.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Dilubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2019**

	<u>Nota</u>	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
ASET			
Aset Semasa			
Akaun Belum Terima	7	91,941	101,497
Tunai Dan Kesetaraan Tunai	8	454,791	558,460
Jumlah Aset Semasa		546,732	659,957
Aset Bukan Semasa			
Hartanah, Loji Dan Peralatan	9	17,020,307	17,199,081
Aset Tidak Ketara	10	669	2,032
Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan	11	21,317,923	19,473,881
Jumlah Aset Bukan Semasa		38,338,899	36,674,994
Jumlah Aset		38,885,631	37,334,951
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Akaun Belum Bayar	12	46,526	22,376
Pinjaman	13	407,028	408,818
Tanggungan Cukai Pendapatan		13,242	13,242
Jumlah Liabiliti Semasa		466,796	444,436
Liabiliti Bukan Semasa			
Pinjaman	13	17,317	16,821
Cukai Tertunda	14	(116,076)	(72,313)
Geran Kerajaan Persekutuan	15	23,189,707	21,470,864
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		23,090,948	21,415,372
Jumlah Liabiliti		23,557,744	21,859,808
Aset Bersih		15,327,887	15,475,143
ASET BERSIH/EKUITI			
Rezab Penilaian Aset		7,964,176	7,964,176
Keuntungan Berkumpul	16	7,363,711	7,510,967
Jumlah Aset Bersih/Ekuiti		15,327,887	15,475,143

Nota-nota di halaman 7 hingga 25 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	<u>Nota</u>	<u>2019</u> RM'000	<u>2018</u> RM'000
Hasil			
Sewa Dari Hartanah	17	43,807	22,290
Pelunasan Geran	18	193,921	589,858
Pelbagai Penerimaan	19	13,448	100,876
Jumlah Hasil		251,176	713,024
Perbelanjaan			
Perbelanjaan Pentadbiran		48,019	11,426
Perbelanjaan Berkaitan Hasil Sewa	20	7,490	8,797
Penyelenggaraan Infrastruktur		14,719	95,445
Peruntukan Susutnilai		358,828	304,966
Penjejasan Aset		-	73,048
Kerugian atas Pelupusan Aset		71	390
Faedah Ke Atas Pinjaman Kerajaan		1,046	1,125
Jumlah Perbelanjaan		430,173	495,197
(Kurangan) / Lebihan sebelum cukai		(178,997)	217,827
Cukai	21	43,750	153,813
(Kurangan) / Lebihan bersih tahun semasa		(135,247)	371,640

Nota-nota di halaman 7 hingga 25 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETA
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

**PENYATA PERUBAHAN DALAM EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Rezasb Penilaian Aset RM'000	Keuntungan Terkumpul RM'000	Jumlah RM'000
2018			
Pada 1 Januari 2018			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,987,913	7,120,229	15,108,142
	7,987,913	7,120,229	15,108,142
Pelarasan rezab bagi pelupusan aset	(23,737)	-	(23,737)
Pelarasan tahun semasa	-	19,098	19,098
Lebihan bersih bagi tahun semasa	-	371,640	371,640
Pada 31 Disember 2018	7,964,176	7,510,967	15,475,143
2019			
Pada 1 Januari 2019			
- Seperti yang dinyatakan dahulu	7,964,176	7,510,967	15,475,143
Pelarasan rezab bagi pelupusan aset	-	-	-
Pelarasan tahun semasa	-	(12,009)	(12,009)
Kerugian bersih bagi tahun semasa	-	(135,247)	(135,247)
Pada 31 Disember 2019	7,964,176	7,363,711	15,327,887

2019

Pelarasan bagi penjualan barang lusuh pada tahun 2018 yang telah ditamatkan kontrak, pelarasan sewa dan lain-lain pelarasan perbelanjaan infrastruktur dan pelunasan geran kerajaan persekutuan berdasarkan MPSAS 23.

2018

Pelarasan bagi pelarasan rezab penilaian aset bagi pelupusan aset, pelarasan manfaat pekerja tahun 2018 berdasarkan 'discounted present value', pelarasan sewa dan deposit, dan lain-lain pelarasan perbelanjaan termasuk susut nilai aset yang dipermodalkan.

Nota-nota di halaman 7 hingga 25 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	<u>Nota</u>	2019 RM'000	2018 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Penerimaan Tunai Daripada Kerajaan		1,706,834	2,016,286
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Belanja Pentadbiran		(62,674)	(107,161)
Sewa Diterima		43,807	22,290
Belanja Berkaitan Sewa		(7,001)	(7,875)
Pelbagai Penerimaan		209,073	660,015
Deposit Diterima (Liabiliti)		20,422	(2,229)
Faedah Diterima		(850)	20,126
Bayaran Deposit (Aset)		9,942	3,167
Bayaran Cukai		(503)	(2,663)
<i>Penghasilan Tunai Bersih Daripada Aktiviti Operasi</i>		1,919,050	2,601,956
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Aset		(178,692)	(484,840)
Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan		(1,844,041)	(2,089,694)
<i>Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pelaburan</i>		(2,022,733)	(2,574,534)
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan		41	72
Bayaran Balik Pinjaman dan Tanggungan		(27)	2,841
<i>Tunai Bersih Daripada Aktiviti Pembiayaan</i>		14	2,913
(Penurunan)/Kenaikan Bersih Tunai Dan Kesetaraan Tunai		(103,669)	30,335
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		558,460	528,125
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	8	454,791	558,460

Nota-nota di halaman 7 hingga 25 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet [^] RM
	Asal RM	Akhir RM		
PERUNTUKAN				
Gaji dan Upahan	1,807,833	1,807,833	1,473,105	334,728
Elaun-Elaun Tetap	874,892	874,892	708,802	166,090
Sumbangan Badan Berkanun Untuk Kakitangan	301,820	301,820	274,773	27,047
Elaun Lebih Masa Kakitangan	56,640	56,640	38,915	19,725
Faedah-Faedah Kewangan Yang Lain	133,880	133,880	173,771	(39,891)
Imbuhan Tahunan	165,851	165,851	608,034	(442,183)
Peruntukan Manfaat Kakitangan	0	0	0	0
Jumlah Emolumen	3,340,916	3,340,916	3,275,400	65,516
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	999,300	1,016,244	490,971	525,272
Pengangkutan Barang-Barang	-	80,909	81,735	(826)
Perhubungan dan Utiliti	396,780	452,127	391,496	60,631
Sewaan	572,013	769,339	651,776	117,563
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	125,800	125,800	62,709	63,091
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	247,749	247,749	221,673	26,076
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	1,822,339	1,920,063	288,387	1,631,676
Perkhidmatan Iktisas dan Hospitaliti	6,364,663	7,890,156	6,933,709	956,448
Jumlah Perkhidmatan dan Bekalan	10,528,644	12,502,387	9,122,456	3,379,931
Harta Modal	0	0	0	0
Pemberian Dalam Negeri	120,000	35,515,285	35,444,785	70,500
Manfaat Kakitangan/Ganjaran	126,011	126,011	93,447	32,564
Ganjaran Cuti Rehat Kakitangan	96,058	96,058	40,561	55,497
Jumlah Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	342,069	35,737,354	35,578,793	158,561
Bayaran-Bayaran Lain	8,354,551	12,138,805	7,602,654	4,536,151
JUMLAH	22,566,180	63,719,462	55,579,303	8,140,159

[^] Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar

Nota-nota di halaman 7 hingga 25 merupakan sebahagian daripada akaun ini.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****1. MAKLUMAT UMUM****1.1 Kegiatan Utama**

Kegiatan utama Perbadanan Aset Keretapi (RAC) ini adalah untuk mengurus, mentadbir dan menyelenggara semua aset, liabiliti dan hak Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu yang telah dipindahmilik kepada RAC melalui Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan juga membangunkan infrastruktur keretapi. Tiada sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama ini di sepanjang tahun.

1.2 Kelulusan Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Anggota Perbadanan pada 24 Jun 2020. Penyata kewangan ini dikemukakan pada 30 Jun 2020 selaras dengan kelulusan penangguhan penghantaran penyata kewangan oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 27 April 2020 kerana Perintah Kawalan Pergerakan pada 18 Mac 2020 bagi mengekang penularan COVID-19. Penyata kewangan ini telah diangkat semula dan diluluskan pada 18 November 2020.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING**2.1 Asas Perakaunan**

Penyata kewangan RAC telah disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah dan mematuhi Piawaian Laporan Perakaunan ditetapkan oleh Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) yang berasaskan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS). Piawaian ini bertujuan untuk meningkatkan kerelevanan dan kebolehpercayaan penyata kewangan serta kebolehbandingan penyata kewangan ini dari semasa ke semasa dengan penyata entiti lain.

Tahun 2018 merupakan tahun pertama pemakaian piawaian perakaunan berasaskan MPSAS, oleh yang demikian MPSAS 33 - *First Time Adoption of Accrual Basis Malaysia Public Sector Accounting Standard* adalah terpakai. Sebelum ini, penyata kewangan telah disediakan menggunakan piawaian Pelaporan Entiti Persendirian (PERS).

Penyediaan penyata kewangan ini mengkehendaki para pengarah membuat anggaran-anggaran perakaunan kritikal dan andaian-andaian yang memberi kesan terhadap jumlah aset dan liabiliti yang dilaporkan, pendedahan terhadap semua aset dan liabiliti luar jangka pada tarikh penyata kewangan serta jumlah hasil dan perbelanjaan yang dilaporkan dalam tahun tersebut. Para pengarah juga dikehendaki untuk menggunakan penilaian mereka dalam proses melaksanakan polisi-polisi perakaunan RAC. Keputusan sebenar mungkin berbeza kerana andaian-andaian dan penilaian-penilaian yang dibuat adalah berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan para pengarah tentang isu-isu semasa.

Pada 31 Disember 2019, aset telah melebihi liabiliti RAC sebanyak RM15.328bilion. Kemampuan RAC beroperasi secara berterusan adalah berdasarkan kemampuan kewangan RAC bagi menampung operasi semasa dan bantuan kewangan daripada pihak Kerajaan Persekutuan terutama bagi penyelesaian pinjaman kerajaan persekutuan.

Pada tahun 2019 pihak RAC tidak menerima Geran Operasi daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan RAC menggunakan sumber dalaman untuk menampung keseluruhan kos operasi. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) telah meluluskan hapuskira sebahagian daripada pinjaman kerajaan persekutuan dan pihak RAC dalam rangka perbincangan dengan pihak MOF bagi penyelesaian pinjaman jangka panjang yang masih berbaki. Pihak RAC juga menerima Geran Pembangunan bagi pembangunan projek di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), RAC juga membiayai beberapa projek pembangunan menggunakan sumber dalaman yang terhad.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)****2.2 Perubahan Polisi Perakaunan**

Piawaian berikut akan berkuatkuasa bagi penyata kewangan tahunan yang bermula pada atau selepas 1 Januari 2018. RAC memilih untuk menerima pakai awal piawaian ini bermula pada tahun 2019 dan bagi tempoh kewangan berakhir 31 Disember 2019.

- MPSAS 1, Persembahan Penyata Kewangan
- MPSAS 2, Penyata Aliran Tunai
- MPSAS 3, Polisi Perakaunan, Perubahan Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
- MPSAS 4, Kesan Perubahan dalam Kadar Tukaran Asing
- MPSAS 5, Kos Pinjaman
- MPSAS 9, Hasil daripada Transaksi Pertukaran
- MPSAS 11, Kontrak Pembinaan
- MPSAS 12, Inventori
- MPSAS 13, Pajakan
- MPSAS 14, Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
- MPSAS 16, Pelaburan Hartanah
- MPSAS 17, Hartanah, Loji dan Peralatan
- MPSAS 19, Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
- MPSAS 20, Pendedahan Pihak Berkaitan
- MPSAS 21, Rosotnilai Aset Bukan Penjana Tunai
- MPSAS 22, Pendedahan Maklumat Kewangan
- MPSAS 23, Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran
- MPSAS 24, Pendedahan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
- MPSAS 25, Manfaat Kakitangan
- MPSAS 26, Rosotnilai Aset Penjana Tunai
- MPSAS 31, Aset Tidak Ketara

2.3 Tukaran Matawang

Urus niaga dalam matawang asing di sepanjang tempoh telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia berdasarkan kadar pertukaran yang menghampiri kadar berkuatkuasa pada tarikh urus niaga. Aset-aset dan tanggungan matawang asing bersifat kewangan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan telah dinilai kepada Ringgit Malaysia pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh itu. Semua keuntungan atau kerugian pertukaran telah diambil kira dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.4 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Semua tunai dan kesetaraan tunai merupakan wang simpanan RAC di dalam bank sama ada akaun semasa atau simpanan tetap. Berdasarkan MPSAS 2, RAC menetapkan simpanan deposit tetap sebagai kesetaraan tunai pada asas ia mudah ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.5 Nilai Aset Terjejas

Pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, RAC mengkaji semula nilai buku aset apabila terdapat petanda yang menunjukkan nilai aset terjejas. Kejejasan ini dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun pemulihan semula aset. Amaun pemulihan semula aset adalah nilai lebih tinggi antara nilai bersih yang direalisasikan dan nilai penggunaannya yang ditetapkan mengikut kaedah aliran tunai terdiskaun masa hadapan. Nilai aset terjejas akan dilaksanakan apabila RAC dapat mengenalpasti dengan jelas aset yang tidak ekonomi dan perlu dirosot nilai.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)**

Kerugian di atas nilai aset terjejas akan dicajkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan. Penambahan semula nilai berikutnya di dalam jumlah pemulihan semula aset akan diambil kira dengan pelarasan balik jumlah rugi kejejasan aset terdahulu dan hanya diambil kira sehingga nilai buku bersih aset yang telah ditetapkan dimana seolah-olah tiada rugi atas nilai aset terjejas yang telah dikenalpasti. Pelarasan semula kerugian nilai aset terjejas atas penilaian aset dikreditkan terus ke Penyata Prestasi Kewangan.

2.6 Instrumen-instrumen Kewangan

Instrumen-instrumen kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila RAC telah menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen. Instrumen-instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti atau ekuiti selaras dengan pengaturan kontrak. Faedah dan laba serta kerugian berkaitan dengan instrumen kewangan dikelaskan sebagai liabiliti, dilaporkan sebagai perbelanjaan atau pendapatan. Instrumen-instrumen kewangan diseimbangkan apabila RAC mempunyai hak boleh dikuatkuasakan secara sah untuk mengimbangkan dan berhasrat untuk menyelesaikan sama ada atas dasar bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

(i) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai termasuk di bank dan deposit yang mempunyai risiko tidak ketara dalam perubahan nilai, bersih daripada overdraf bank belum jelas.

(ii) Penghutang

Penghutang dinyatakan pada nilai boleh direalisasikan. Hutang lapuk dihapus kira apabila dikenal pasti. Anggaran peruntukan rosot nilai penghutang dibuat pada nilai hutang bagi penghutang yang telah menerima 'Letter of Demand (LOD)' dan pada kadar 4% bagi baki hutang yang melebihi RM500,000.00 dalam tempoh tahun kewangan. Kadar faedah 4% adalah berdasarkan nilai faedah pinjaman yang dikenakan oleh kerajaan atas baki tunggakan pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

(iii) Pemiutang

Pemiutang dinyatakan pada kos yang merupakan nilai saksama balasan untuk dibayar pada masa hadapan bagi barangan dan perkhidmatan diterima.

2.7 Kerja-Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja-kerja dalam pelaksanaan merupakan projek-projek infrastruktur keretapi dan projek pembangunan yang dilaksanakan dan dibiayai oleh RAC serta projek pembangunan yang kosnya dibiayai oleh Kerajaan yang masih belum siap sepenuhnya semasa penyata ini disediakan. Ianya diakaunkan sebagai kerja-kerja dalam pelaksanaan apabila kontraktor projek yang berkaitan membuat tuntutan pembayaran kemajuan.

Kerja-kerja dalam pelaksanaan sama ada akan dipermodalkan ke aset tetap mengikut jenis-jenis aset yang berkenaan atau diakaunkan sebagai belanja penyelenggaraan infrastruktur melalui penyerahan *Certificate of Practical Completion (CPC)* atau *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.

2.8 Permodalan Aset Tetap

Aset Tetap terdiri daripada harta, tanah dan loji dan kerja-kerja dalam pelaksanaan yang mana pengiktirafan aset adalah berasaskan MPSAS 17-Hartanah, Loji dan Peralatan, dan dipermodalkan apabila aset-aset berkenaan siap sepenuhnya mengikut kontrak yang dibuat kecuali dalam kes-kes yang tertentu. Bagi aset-aset yang dibeli, hanya aset kos seunit RM3,000.00 atau lebih akan dianggap sebagai aset tetap. Aset-aset yang dinilai kurang RM3,000.00 akan dianggap sebagai belanja dan direkodkan di bawah inventori peralatan pejabat.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (samb.)****2.9 Penyelenggaraan Infrastruktur**

Penyelenggaraan infrastruktur adalah kerja-kerja penyelenggaraan besar infrastruktur keretapi sedia ada termasuk pengukuhan dan penambahbaikan infrastruktur tersebut. Dalam keadaan biasa, kos penyelenggaraan yang dibiayai oleh Kerajaan akan dimasukkan ke dalam kerja-kerja pelaksanaan. Ianya akan dikira sebagai belanja apabila sesuatu projek penyelenggaraan itu selesai.

2.10 Pinjaman Jangka Pendek

Pinjaman Jangka Pendek merupakan jumlah tunggakan Pinjaman Jangka Panjang dan Bahagian Pinjaman Jangka Panjang yang perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan. Jumlah Pinjaman Jangka Panjang ditolak jumlah ini menjadikan baki Pinjaman Jangka Panjang kelihatan rendah.

2.11 Geran Dan Pelunasan Geran

Geran Operasi yang diterima untuk operasi RAC daripada urus niaga bukan pertukaran diambil kira sebagai hasil. Geran Kerajaan diterima untuk pembiayaan aset dan penyelenggaraan infrastruktur daripada urus niaga bukan pertukaran diiktiraf sebagai liabiliti dan dikira sebagai pendapatan tertunda. Apabila pembiayaan dan penyelenggaraan selesai geran kerajaan diiktiraf sebagai aset atau perbelanjaan infrastruktur, pelunasan geran hendaklah dilaksanakan dengan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu. RAC merujuk kepada peruntukan MPSAS 23-*Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran*, para 44, 45 dan 50.

3. LIABILITI KONTIGENSI

- 3.1 Pinjaman EDB Singapura yang diambil alih oleh RAC telah luput cara pembayarannya. Pada masa itu, pinjaman masih berbaki SGD4,046,022.00. Cara pembayaran pinjaman tersebut adalah bagi setiap satu tan barangan yang dibawa melalui jajaran Jurong bayaran SGD1 dibayar kepada EDB. Jajaran Jurong sudah tidak digunakan lagi dan RAC tiada bukti bagi menyokong tuntutan (jika ada).

4. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI

- 4.1 Sebelum tahun 2005, Aset Tetap telah dinyatakan pada kos ditolak susut nilai terkumpul. Pada tahun 2005, RAC telah menilai semula aset-aset tetap RAC dengan menetapkan nilai pada masa itu dan baki usia guna aset-aset berkenaan pengiraan susut nilai tahunan. RAC menggunakan nilai-nilai baru ini bermula tahun 2006.
- 4.2 Aset tidak ketara yang diperolehi direkodkan mengikut kos perolehan pada awal pengiktirafan. Pada tahun kewangan berikutnya, aset tidak ketara direkodkan pada kos tolak pelunasan terkumpul dan rosot nilai terkumpul. Perisian komputer dilunaskan secara garis lurus berdasarkan usia guna selama 3 tahun.
- 4.3 Susut nilai tidak di peruntukkan bagi semua jenis tanah milik bebas dan tanah rizab. Bagi kesemua aset yang lain, susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus dengan memansuhkan kos atau nilai setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Susut nilai aset dikira dari bulan ianya diperolehi atau dipermodalkan pada 15hb atau sebelumnya.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. ASET-ASET DAN SUSUT NILAI (samb.)

4.4 Anggaran hayat kegunaan aset-aset tetap RAC seperti berikut :-

	<u>Jumlah Tahun</u>
Grading dan Terowong	99
Jambatan dan Pembedung	99
Landasan	60
Yad Atur	60
Semboyan dan Komunikasi	33
Bangunan & Parkir	50
Sistem Elektrifikasi	25
Loji & Jentera	25
Kenderaan Keretapi	20-25
Pagar	15-25
Kenderaan Jalan Raya	10
Sistem Tiket	10
Ubahsuai pejabat	10
Komputer	3
Perisian komputer	3
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	5
Peralatan Latihan	5
Inventori	-

- 4.5 Selepas proses penilaian semula aset-aset RAC, aset-aset yang masih ada nilai, disusutnilaikan berdasarkan nilai baru dan anggaran usia guna baru yang diberikan oleh jurunilai yang menilai aset-aset RAC.
- 4.6 Aset-aset yang diperolehi selepas penilaian semula direkodkan mengikut kos perolehan dan disusutnilaikan secara garis lurus berdasarkan usia guna seperti yang dinyatakan dalam nota 4.4.
- 4.7 Pada masa ini, aset-aset infrastruktur keretapi milik RAC di gunakan oleh satu pelanggan sahaja. Sekiranya syarikat tersebut ditutup dan aset-aset infrastruktur ini dijual, kemungkinan besar RAC tidak mendapat pulangan menyamai dengan nilai buku bersih (kecuali tanah dan bangunan), sebaliknya RAC akan mendapat nilai harga barang lusuah sahaja.
- 4.8 Oleh kerana aset-aset infrastruktur keretapi selalu di selenggara (*major* atau *minor*), penjelesaian aset adalah rendah dan mencukupi dengan susut nilai tahunan yang dikenakan ke atas aset-aset tersebut.
- 4.9 Berdasarkan daftar aset RAC, lebih daripada 56% aset RAC (antaranya landasan dan yad, kenderaan keretapi, terowong, jambatan dan infrastruktur keretapi) adalah "*non-cash generating property plant and equipment*" yang digunakan sepenuhnya oleh pihak KTMB dengan tiada pulangan secara langsung dalam bentuk tunai kepada RAC. Keadaan ini menyukarkan RAC untuk mendapatkan situasi kebolegunaan aset melainkan RAC mendapat maklumat lengkap berkenaan "*indication that a non-cash generating asset may be impaired based on external and internal factors*".

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019****5. PENGIKTIRAFAN HASIL****5.1 Hasil daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran**

Urus niaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama dapat diukur dengan munasabah. Urus niaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset akan diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, RAC akan mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Geran Kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran mengurus diambil kira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan dan penyelidikan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan mengikut nilai kos diiktiraf sebagai projek yang telah siap, aset yang dibeli atau belanja.

5.2 Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran

Hasil daripada urus niaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

5.2.1 Hasil keuntungan daripada simpanan tetap diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset tersebut ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

5.2.2 Hasil sewa dari hartanah merupakan pendapatan sewaan dan pajakan ke atas tanah-tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rezab keretapi. Hasil sewa dari hartanah yang dikutip oleh RAC melalui pengeluaran invoice bulanan berdasarkan prinsip perakaunan terakru.

5.2.3 Lain-lain hasil diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan itu telah diberikan.

6. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN**6.1 Manfaat Jangka Pendek**

6.1.1 Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambil kira apabila perkhidmatan diberikan oleh pekerja di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

6.2 Pelan Sumbangan Terancang

6.2.1 Seperti di peruntukan oleh undang-undang, RAC di Malaysia membuat sumbangan kepada skim pencen dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

6. FAEDAH KEPADA AHLI LEMBAGA DAN KAKITANGAN (samb.)

6.2.2 Ahli Lembaga Pengarah tidak dibayar pencen oleh RAC. Manakala bagi kakitangan yang memilih opsyen pencen, RAC mencarum ke dalam Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) setiap bulan, manakala bayaran pencen kakitangan dibuat oleh kumpulan wang tersebut apabila mereka bersara kelak.

6.3 Manfaat Jangka Panjang

6.3.1 Pengumpulan jangka panjang ganjaran ketidakhadiran seperti cuti tahunan berbayar akan diambil kira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh pekerja yang mana telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan.

6.3.2 Jenis manfaat pekerja jangka panjang yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR) untuk pekerja yang telah mencapai umur 40 tahun bagi wanita dan 45 tahun bagi lelaki dengan andaian bahawa pada umur tersebut pekerja yang berkaitan mempunyai hak untuk membuat persaraan pilihan berbanding umur bersara wajib iaitu ketika mencapai umur 60 tahun.

6.4 RAC juga mengiktiraf bayaran pampasan bagi pegawai kontrak yang akan tamat pada satu atau dua tahun berikutnya sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan.

6.5 RAC tidak membuat bayaran kepada ahli Lembaga Pengarah dan kakitangan RAC kecuali apa-apa yang layak kepada mereka berdasarkan lantikan dan arahan-arahan Kerajaan.

6.6 RAC tidak pernah membuat apa-apa kontrak bagi mana-mana pihak kakitangan atau ahli Lembaga Pengarah. RAC juga tidak pernah dalam keadaan yang mengetahui memasuki mana-mana kontrak atau perjanjian bagi menguntungkan mana-mana ahli Lembaga Pengarah atau kakitangan RAC.

7. AKAUN BELUM TERIMA

	2019 RM'000	2018 RM'000
Deposit Dan Prabayar	61,900	61,050
Faedah Akan Diterima	9,986	7,922
Pinjaman Kakitangan	138	175
Penghutang Pelbagai	1,668	2,158
Penghutang Sewaan	21,452	22,371
Penghutang Jualan HBK	-	12,302
Penghutang Pendahuluan Diri	-	4
	95,144	105,982
Tolak: Peruntukan Rosot Nilai Penghutang	(3,203)	(4,485)
	91,941	101,497

8. TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

	2019 RM'000	2018 RM'000
Baki Tunai Di Bank	44,391	149,860
Simpanan Tetap	410,400	408,600
	454,791	558,460

Nota

MPSAS 2 – Termasuk dalam tunai dan kesetaraan tunai adalah simpanan tetap untuk tempoh 3 bulan hingga 18 bulan yang mempunyai kecairan yang tinggi dan sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2019 Kos	Pada 1.1.2019		Permodalan RM'000	Tambah/ Pelupusan RM'000	Pada 31.12.2019	
	RM'000	RM'000			RM'000	RM'000
Tanah – Freehold	725,337					725,337
Tanah - Lease Hold	296,553					296,553
Tanah – Reserve	7,352,028					7,352,028
Grading	443,930					443,930
Terowong	105,111					105,111
Landasan & Yad	6,006,382	2,792				6,009,174
Jambatan	547,705					547,705
Pembetulan	215,430					215,430
Pagar	19,183			59		19,241
Semboyan & Komunikasi	129,970					129,970
Bangunan & Parkir	685,397	47,170		341		732,908
Loji & Jentera	566,714	24,963		-		591,677
Sistem Tiket	9,918	103,423		(95)		113,341
Kenderaan Jalanraya	2,856					2,761
Kenderaan Keretapi	3,043,936					3,043,936
Computer	3,531					3,531
Kelengkapan Pejabat	1,018					1,018
Sistem Elektrifikasi	145,019					145,019
Perabot dan Lengkapan dari besi	11					11
Perabot dan Lengkapan dari kayu	-			15		15
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	94					94
Ubahsuai Pejabat	3,261					3,261
Inventori	15,392					15,392
	20,318,776	178,348	319			20,497,443

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

2019	Pada 1.1.2019	Semasa	Pelarasan/ Penlelasan	Pada 31.12.2019
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Peletasan terkumpul				
(sambungan)				
Grading	140,238	4,483	-	144,721
Terowong	64,193	1,062	-	65,255
Landasan & Yad	900,580	99,272	-	999,852
Jambatan	274,204	5,528	-	279,732
Pembetung	122,833	2,131	-	124,964
Pagar	4,747	1,282	-	6,029
Semboyan & Komunikasi	62,965	3,938	-	66,903
Bangunan & Parkir	258,620	26,828	-	285,448
Loji & Jentera	74,842	22,512	-	97,354
Sistem Tiket	9,918	31,027	-	40,945
Kenderaan Jalanraya	1,061	261	(24)	1,298
Kenderaan Keretapi	996,209	152,083	-	1,148,292
Komputer	2,205	934	-	3,139
Kelengkapan Pejabat	945	26	-	971
Sistem Elektrifikasi	130,984	5,801	-	136,785
Perabot dan Lengkapan dari besi	11	-	-	11
Perabot dan Lengkapan dari kayu	-	1	-	1
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	86	2	-	88
Ubahsual Pejabat	2,006	294	-	2,300
Penjajasan nilai keretapi	73,048	-	-	73,048
	3,119,695	357,465	(24)	3,477,136

Diubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 453)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

	2018		Pada		Permodalan	Tambahhan/ Pelupusan		Pada	
	Kos		1.1.2018	31.12.2018		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Tanah – Freehold			733,975		-			725,337	
Tanah - Lease Hold			296,553		-	(8,638)		296,553	
Tanah – Reserve			7,368,458		-	(16,430)		7,352,028	
Grading			443,930		-	-		443,930	
Terowong			105,111		-	-		105,111	
Landasan & Yad			6,006,392		-	-		6,006,392	
Jambatan			547,705		-	-		547,705	
Pembetung			215,430		-	-		215,430	
Pagar			19,183		-	-		19,183	
Semboyan & Komunikasi			129,970		-	-		129,970	
Bangunan & Parkir			600,090	41,810		43,497		685,397	
Loji & Jentera			138,529	428,185		-		566,714	
Sistem Tiket			9,918		-	-		9,918	
Kenderaan Jalanraya			2,605		-	251		2,856	
Kenderaan Keretapi			3,020,049	23,887		-		3,043,936	
Komputer			3,525		-	6		3,531	
Keleengkapan Pejabat			1,018		-	-		1,018	
Sistem Elektrifikasi			145,019		-	-		145,019	
Perabot dan Lengkapan dari besi			11		-	-		11	
Alat Lengkapan Elektronik yang lain			84		-	-		84	
Ubahsuai Pejabat			3,261		-	10		3,261	
Inventori			38,305		-	(22,913)		15,392	
			19,829,111	493,882		(4,217)		20,318,776	

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (AKA 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DESEMBER 2019

**NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DESEMBER 2019**

9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)

2018 Pelunasan terkumpul (sambungan)	Pada 1.1.2018		Semasa		Pada 31.12.2018	
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Grading	135,754	-	4,484	-	140,238	-
Terowong	63,131	-	1,062	-	64,193	-
Landasan & Yad	801,471	-	98,109	-	900,580	-
Jambatan	268,676	-	5,528	-	274,204	-
Pembetung	120,701	-	2,132	-	122,833	-
Pagar	3,468	-	1,279	-	4,747	-
Semboyan & Komunikasi	59,027	-	3,938	-	62,965	-
Bangunan & Parkir	239,073	-	19,547	-	258,620	-
Loji & Jentera	62,314	-	12,528	-	74,842	-
Sistem Tiket	9,918	-	-	-	9,918	-
Kenderaan Jalanraya	783	-	278	-	1,061	-
Kenderaan Keretapi	844,743	-	151,466	73,048	1,069,257	-
Komputer	1,259	-	946	-	2,205	-
Kelengkapan Pejabat	919	-	26	-	945	-
Sistem Elektrifikasi	125,183	-	5,801	-	130,984	-
Perabot dan Lengkapan dari besi	11	-	-	-	11	-
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	84	-	2	-	86	-
Ubahsuai Pejabat	1,712	-	294	-	2,006	-
Inventori	-	-	-	-	-	-
	2,738,227	308,420	308,420	73,048	3,119,695	

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**9. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (samb.)****Nilai buku bersih**

	2019	2018
	RM'000	RM'000
Tanah	8,373,918	8,373,918
Grading	299,209	303,692
Terowong	39,856	40,918
Landasan & Yad	5,009,322	5,105,802
Jambatan	267,973	273,501
Pembetung	90,466	92,597
Pagar	13,212	14,436
Semboyan & Komunikasi	63,067	67,005
Bangunan & Parkir	447,460	426,777
Loji & Jentera	494,323	491,872
Sistem Tiket	72,396	-
Kenderaan Jalanraya	1,463	1,795
Kenderaan Keretapi	1,822,596	1,974,679
Komputer	392	1,326
Kelengkapan Pejabat	47	73
Sistem Elektrifikasi	8,234	14,035
Perabot dan Lengkapan dari besi	-	-
Perabot dan Lengkapan dari kayu	14	-
Alat Lengkapan Elektronik yang lain	6	8
Ubahsuai pejabat	961	1,255
Inventori	15,392	15,392
	17,020,307	17,199,081

10. ASET TIDAK KETARA

	2019	2018
	RM'000	RM'000
Kos		
Pada awal tahun kewangan	5,144	5,144
Tambahan	-	-
Pada akhir tahun kewangan	5,144	5,144
Pelunasan Terkumpul		
Pada awal tahun kewangan	3,112	1,741
Tambahan	1,363	1,371
Pada akhir tahun kewangan	4,475	3,112
	669	2,032

PERBADANAN ASET KERETAPI
Dilubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

11. KERJA-KERJA DALAM PELAKSANAAN

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	19,473,881	17,384,186
Tambahan	2,102,083	2,508,711
Permodalan aset tetap	(167,148)	(345,574)
Pelarasan	(74,873)	(3,265)
Perbelanjaan Infrastruktur	(14,719)	(70,177)
Perbelanjaan Ukur Tanah	(1,301)	-
	21,317,923	19,473,881

12. AKAUN BELUM BAYAR

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Pemiutang/Pemiutang Projek	7,567	3,493
Sewaan Kehadapan	10,124	10,511
Deposit Sewa	4,884	4,075
Deposit Pelaksanaan Tender/Sebut Harga	20,908	1,267
Wang Jaminan Pelaksanaan	2,927	3,015
Peruntukan Manfaat Pekerja	116	15
	46,526	22,376

Nota

Peruntukan manfaat pekerja di selaraskan hanya di peruntukan bagi pegawai tetap lantikan RAC tidak termasuk pegawai pinjaman dan pegawai kontrak. Peruntukkan manfaat pekerja adalah atas penilaian obligasi masa depan mungkin timbul dan dikira pada nilai terdiskaun tahun semasa.

13. PINJAMAN

	Nota	<u>Pokok</u>	<u>Faedah</u>	<u>Jumlah</u>
		RM'000	RM'000	RM'000
<u>2019</u>				
Tertangguh lebih dari 12 bulan				
UK Malaysian Aids	(a)	17,317	-	17,317
Tertangguh kurang 12 bulan				
UK Malaysian Aids		10,719	18,547	29,266
Relending Loan	(b)	267,369	110,393	377,762
		278,088	128,940	407,028
		295,405	128,940	424,345
<u>2018</u>				
Tertangguh lebih dari 12 bulan				
UK Malaysian Aids		16,821	-	16,821
Tertangguh kurang 12 bulan				
UK Malaysian Aids		10,719	20,337	31,056
Relending Loan		267,369	110,393	377,762
		278,088	130,730	408,818
		294,909	130,730	425,639

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**PINJAMAN (samb.)****Nota (a)**

Pinjaman UK Malaysia Aids merupakan pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan pada 2 September 1974 untuk pembelian 25 buah Lokomotif diesel, 150 Bogie Pallet Wagon dan membayar elaun kepada jurutera pelatih. Dalam tahun 2012, pihak Kementerian Kewangan Malaysia telah membuat penjadualan semula pembayaran pokok dan faedah bermula dari tahun 2004 sehingga tahun 2028 dan faedah yang ditangguhkan adalah sebanyak RM15,223,519. Kadar faedah adalah 6.5% setahun dan pembayaran tahunan sebanyak RM2,339,897.

Nota (b)

Pinjaman 'Relending Loan' adalah pinjaman daripada Kerajaan Jepun untuk membiayai pembelian lokomotif. Jumlah Yen(¥) yang diterima adalah sebanyak ¥13,395,261,040. Jumlah tersebut telah selesai dibayar oleh Kerajaan Persekutuan bagi pihak RAC. Amaun di atas adalah jumlah terhutang kepada Kerajaan Persekutuan pada tarikh lembaranimbangan.

14. (ASET)/LIABILITI CUKAI TERTUNDA

	2019 RM'000	2018 RM'000
Pada 1 Januari	(72,313)	83,242
Peruntukan Cukai Tertunda Aset Semasa	(43,763)	(155,555)
Pada 31 Disember	<u>(116,076)</u>	<u>(72,313)</u>

Liabiliti cukai tertunda adalah terhasil daripada perbezaan sementara bagi hartanah, loji dan peralatan.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

15. GERAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

	2019 RM'000	2018 RM'000
Geran – NKRA (RAC)	43,375	203,665
Geran Kerajaan Persekutuan (Lain-lain)	23,146,332	21,267,199
Jumlah Geran Kerajaan Persekutuan	23,189,707	21,470,864
<u>Geran NKRA (RAC)</u>		
Baki pada 1 Januari	203,665	231,436
Tambahan	1,000	-
Pelunasan - Geran Aset	(45,125)	(39)
Pelunasan - Geran Perbelanjaan tahun semasa	(615)	(532)
Bayaran Balik Geran kepada SPAD	-	(27,200)
Bayaran melalui geran projek Skypark	(115,550)	-
Baki pada 31 Disember	43,375	203,665
<u>Geran Kerajaan Persekutuan (Lain-lain)</u>		
Baki pada 1 Januari – Geran Kerajaan Persekutuan – Geran Pelunasan Aset	21,267,199	18,402,408
Tambahan	2,091,765	816,098
Pelarasan – Depoh Penyelenggaraan	-	41,770
Pelunasan – Bogie Ballast Wagon	-	16,720
Pelarasan – Jentera	-	90,083
Pelarasan – Perbelanjaan Infrastruktur	(1,868)	2,355
Pelunasan – Geran Aset	(133,462)	(493,842)
Pelunasan - Perbelanjaan Infrastruktur	(14,719)	(95,445)
Pelarasan – Kerja dalam pelaksanaan	(73,086)	-
Pelarasan – Permodalan Aset	10,503	-
Baki pada 31 Disember	23,146,332	21,267,199

16. KEUNTUNGAN TERKUMPUL

	2019 RM'000	2018 RM'000
Pada 1 Januari	7,510,967	7,120,229
Lebihan bersih bagi tahun semasa	(135,247)	371,640
Pelarasan	(12,009)	19,098
Jumlah	7,363,711	7,510,967

2019 – Pelarasan adalah melibatkan penjualan barang lusuh pada tahun 2018 dan telah ditamatkan kontrak, juga melibatkan pelarasan belanja bagi projek RAC dan projek KTMB, pelarasan rosot nilai penghutang tanah hak milik dan lain-lain pelarasan.

2018 – Pelarasan bagi pelarasan rezab penilaian aset bagi pelupusan aset, pelarasan manfaat pekerja tahun 2017 berdasarkan 'discounted present value', pelarasan sewa dan deposit dan lain-lain pelarasan perbelanjaan termasuk susut nilai aset yang dipermodalkan.

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

17. SEWA DARI HARTANAH

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Hasil Tanah Hak Milik	3,151	3,091
Hasil Tanah Rezab	18,095	13,438
Waylif	22,404	5,761
Billboard	157	-
	43,807	22,290

Sewa dari hartanah merupakan pendapatan sewaan ke atas tanah dan aset-aset di atas tanah hak milik dan tanah rezab keretapi. Hasil sewa adalah dikutip oleh RAC.

18. PELUNASAN GERAN

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Pelunasan Geran Kerajaan Persekutuan	148,181	589,288
Pelunasan Geran Projek Pembangunan RAC	45,740	570
	193,921	589,858

MPSAS 23 - Pelunasan geran dilaksanakan apabila RAC mengiktiraf suatu pertambahan aset bersih dan perbelanjaan infrastruktur bagi geran diterima daripada Kerajaan. Diiktiraf sebagai hasil pada nilai diiktiraf sebagai aset atau perbelanjaan infrastruktur.

19. PELBAGAI PENERIMAAN

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Faedah Atas Simpanan	11,999	16,347
Faedah Pinjaman Kakitangan	6	9
Hasil Jualan / Jualan Barang Lulus	944	18,868
Keuntungan atas pelupusan	-	65,652
LAD Projek	499	-
	13,448	100,876

20. PERBELANJAAN BERKAITAN HASIL SEWA

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Belanja Tanah Milik :-		
Bayaran penilaian	33	36
Bayaran cukai	4,528	3,918
Perbelanjaan rosot nilai penghutang	840	1,406
Pelbagai perbelanjaan	1,164	609
Belanja Tanah Rezab :-		
Bayaran penilaian	25	68
Perbelanjaan rosot nilai penghutang	-	2,180
Pelbagai perbelanjaan	117	15
Lain-Lain Perbelanjaan Berkaitan Sewa	783	565
	7,490	8,797

PERBADANAN ASET KERETAPI
Ditubuhkan dibawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463)
TAHUN KEWANGAN 31 DISEMBER 2019

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

21. PERUNTUKAN CUKAI

Perbelanjaan cukai tahun semasa terdiri daripada:

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
Cukai pendapatan tahun semasa	13	1,742
Cukai tertunda tahun semasa	(43,763)	(155,555)
	<u>(43,750)</u>	<u>(153,813)</u>
Penyesuaian antara perbelanjaan cukai dan keuntungan perakaunan:		
Lebihan/(Kurangan) bersih sebelum cukai	(222,917)	217,827
Kadar cukai pendapatan pada 28% (2018:28%)	(62,417)	60,992
Pelarasan kesan cukai terhadap:-		
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(193,921)	(165,160)
Perbelanjaan tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	143,471	87,971
Lain - lain perubahan sementara	69,117	(137,616)
Perbelanjaan cukai bagi tahun kewangan berakhir	<u>(43,750)</u>	<u>(153,813)</u>

22. MANFAAT PEKERJA

	<u>2019</u>	<u>2018</u>
	RM'000	RM'000
<u>Manfaat Jangka Pendek</u>		
Gaji dan upah	3,590	2,889
Bonus	608	160
Sumbangan keselamatan sosial	59	32
<u>Manfaat Jangka Panjang</u>		
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	199	230
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	382	293
Gantian Cuti Rehat	41	4

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**23. NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR**

Bajet RAC telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh Kewangan dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asal telah diluluskan oleh Kementerian Pengangkutan melalui surat Rujukan MOT.400-4/1/11 Jilid 2 (13) bertarikh 27 Februari 2019.

Bajet dan penyata Kewangan RAC disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata Kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam Penyata Prestasi Kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah sebenar di dalam Penyata Kewangan ini telah dinyatakan semula pada asas tunai berdasarkan kepada dana mengurus. Ia disediakan berdasarkan kepada penyediaan bajet RAC hanya menjerus kepada bajet mengurus sahaja.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

2019	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan dan sebenar	55,579,303	-	-	55,579,303
Perbezaan Asas	1,863,470,650	(2,022,733,386)	13,864	(159,248,872)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	1,919,049,953	(2,022,733,386)	13,864	(103,669,570)

Butiran-butiran bagi perbezaan asas adalah seperti berikut:

2019	Operasi	Pelaburan	Pembiayaan	Jumlah
	RM	RM	RM	RM
Penerimaan Tunai Daripada Kerajaan	1,706,833,954	-	-	1,706,833,954
Pembayaran Tunai Kepada Pekerja Dan Belanja Pentadbiran	(62,674,283)	-	-	(62,674,283)
Sewa Diterima	43,807,312	-	-	43,807,312
Belanja Berkaitan Sewa	(7,000,522)	-	-	(7,000,522)
Pelbagai Penerimaan	209,072,641	-	-	209,072,641
Deposit Diterima (Liabiliti)	20,421,660	-	-	20,421,660
Faedah Diterima	(850,119)	-	-	(850,119)
Bayaran Deposit (Aset)	9,941,982	-	-	9,941,982
Bayaran Cukai	(502,672)	-	-	(502,672)
Pembelian Aset	-	(178,691,656)	-	(178,691,656)
Kerja-kerja Dalam Pelaksanaan	-	(1,844,041,730)	-	(1,844,041,731)
Pemberian Pinjaman Kepada Kakitangan	-	-	40,779	40,779
Bayaran Balik Pinjaman dan Tanggungan	-	-	(26,914)	(26,914)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	1,919,049,953	(2,022,733,386)	13,864	103,669,570

NOTA-NOTA KEPADA AKAUN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

24. KONTINGENSI ASET

Projek Usaha Sama Di Atas Tanah Milik RAC oleh pihak KTMB: Pembangunan Projek Usaha Sama Yang Melanggar Akta Keretapi 1991.

Selepas tarikh Lembaran Imbangan 2010, pihak RAC mendapati wujud kontingensi aset hasil daripada proses pengauditan oleh Jabatan Audit Negara terhadap pengurusan aset dan hartanah RAC. Kontingensi aset ini adalah kerana projek usaha sama di atas tanah milik RAC yang dilaksanakan oleh pihak KTMB dengan pihak swasta bagi membangunkan projek hartanah di atas tanah keretapi antara tahun 1993 hingga 1996. Projek usaha sama tersebut dilaksanakan di atas tanah RAC selepas Akta Keretapi 1991 berkuatkuasa.

KTMB telah didapati membuat penukaran status milikan tanah kepada 5 syarikat usaha sama yang dinyatakan di atas secara milik kekal atau pajakan tanpa pengetahuan RAC. Tindakan ini telah mengakibatkan RAC kehilangan hak ke atas tanah-tanah tersebut yang bernilai RM335.32 juta. Selain daripada itu, RAC juga telah dinafikan hak atas faedah-faedah yang diterima oleh KTMB sama ada dalam bentuk tunai atau bukan tunai berjumlah RM915.99 juta.

Jadual dibawah menunjukkan keluasan dan kos tanah bagi 5 lokasi tanah yang telah dipindah milik selepas Akta Keretapi 1991 serta faedah dalam bentuk tunai dan bukan tunai yang diterima oleh pihak KTMB:

Lokasi tanah RAC	Keluasan tanah (Ekar)	Kos tanah (RM'Juta)	Faedah bukan dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai (RM'Juta)	Faedah dalam bentuk tunai yang telah diterima oleh KTMB (RM'Juta)
Bukit Tunku, Kuala Lumpur	42.5	26.70	-	100.58	77.2
Port Dickson, Negeri Sembilan	10.9	16.10	35.630 (Unit Kondominium)	15.69	0.6
Prai Perdana, Pulau Pinang	54.7	8.90	7.128 (Unit apartment) 5.2 (Unit bangunan pejabat)	11.15	8.45
Sentul Raya, Kuala Lumpur	294.0	105.62	2.4 (Saham) 100.0 (Call Option) 69,210 (Unit kadaman)	34.00	34.00
KL Sentral, Kuala Lumpur	75.3	178.00	13.0 (Saham) 390.0 (Stesen Keretapi) 7.0 (Loan stocks)	125.00	10.00
	477.40	335.32	629.568	286.42	130.25

25. PERISTIWA SELEPAS TARIKH PELAPORAN

Pada 16 Mac 2020, Kerajaan Malaysia telah mengumumkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara untuk mengekang penyebaran pandemik COVID-19 di Malaysia berdasarkan Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 dan Akta Polis 1987.


Sebelum Penyata Kewangan ini dikeluarkan, Pengurusan RAC telah mempertimbangkan kesan pandemik COVID-19 di Malaysia yang akan mempengaruhi kedudukan kewangan, prestasi dan aliran tunai RAC seperti yang berakhir pada tarikh pelaporan di atasnya.

RAC tidak menerima kesan kewangan secara langsung pada tahun 2019 dari pandemik COVID-19 ini dan tidak mempengaruhi nilai saksama aset dan liabiliti, hasil dan belanja termasuk klasifikasi item semasa dan bukan semasa yang direkodkan pada tarikh pelaporan.

Sebarang perubahan kepada jumlah aset dan liabiliti, hasil dan belanja pada tahun 2020 kesan dari COVID-19 akan diambilkira dalam penyediaan Penyata Kewangan tahun 2020.





**Perbadanan Aset Keretapi
(Railway Assets Corporation)**

 Tingkat 16, IOI City Tower 2, Lebuhr IRC, IOI Resort City,
63502 Putrajaya Sepang, Selangor Darul Ehsan

 03-8939 0200  03-8939 9222

 Perbadanan Aset Keretapi/Railway Assets Corporation

 RailwayAssetsMy  info@rac.gov.my

www.rac.gov.my